

KUIM KINI UNIVERSITI PENUH



# SEMINAR KEBANGSAAN SAINS SOSIAL 3.0

**E-PROSIDING**

: 9.00 Pagi – 2.00 Petang | : 14 & 15 September 2021

**“Cakna Kesihatan Mental  
Ke Arah Masyarakat Sejahtera”**

Anjuran : Fakulti Sains Sosial (FSS)

kuimofficial [www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my)

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA  
*Kolej Universiti Islam Melaka*



**KUIM**  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA

*Gerbang Pengajian Psikologi dan Pengurusan Insan*

**Alamat:**

**Kolej Universiti Islam Melaka**  
Batu 28, Kuala Sungai Baru,  
78200 Melaka,  
Malaysia

Tel : 06 - 387 8267 / 8420 / 8443 / 8382  
 Faks : 06 - 387 8411

**Reka bentuk dan konsep :**

Pejabat Pemasaran dan Pengurusan  
Korporat, KUIM

[www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my)

PROSIDING

CAKNA KESIHATAN MENTAL KE ARAH MASYARAKAT  
SEJAHTERA

SEMINAR KEBANGSAAN SAINS SOSIAL 3.0 (SKSS 3.0)

FAKULTI SAINS SOSIAL  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA

PROSIDING

CAKNA KESIHATAN MENTAL KE ARAH MASYARAKAT  
SEJAHTERA

14 – 15 September 2021

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA

## **PENASIHAT**

YBhg Prof. Dato' Dr. Mohamad Nasir bin Haji Saludin.

## **EDITOR**

Pn. Suzyliana binti Mamat

Pn. Norhasima binti Abdullah

Pn. Norli binti Yusuf

## **PENILAI**

Dr. Mohd Afendi Daud

PROSIDING

CAKNA KESIHATAN MENTAL KE ARAH MASYARAKAT  
SEJAHTERA

SEMINAR KEBANGSAAN SAINS SOSIAL 3.0 (SKSS 3.0)

Hak Cipta Kolej Universiti Islam Melaka, 2021

Tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran.

Hak cipta Terpelihara.

ISBN: e ISBN 978-967-2423-17-1  
@2021

Penerbit

Kolej Universiti Islam Melaka

Batu 28, Kuala Sungai Baru

78200 Melaka

+606-3878420 / +606-3878368

## KANDUNGAN

### KATA PENGANTAR

i

### TEMA 1 : PEMBANGUNAN MANUSIA

**KAJIAN PENILAIAN PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI KALANGAN KAKITANGAN SOKONGAN SEKOLAH SEMENANJUNG MALAYSIA.** 1 - 8

*Dr. Shawal Sahid Hamid @ Hussain*

**PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN LUAR BANDAR DI GEMAS, NEGERI SEMBILAN.** 9 -20

*Dr. Shawal Sahid Hamid @ Hussain*

**HUBUNGAN TEKanan KERJA DENGAN KOMITMEN GURU DI DALAM ORGANISASI.** 21 – 26

*Muhd Amir Naim b. Mohd Firdaus & Siti Haziqah binti Shaban*

### TEMA 2 : PSIKOLOGI

**TEKANAN KERJA GURU TERHADAP KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI DI EMPAT BUAH SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN SEKITAR KUALA LANGAT, SELANGOR.** 27 - 36

*NurHanani Kausthar Bahaman & Siti Nazurulaina Hj Aripin*

**GAYA DIDIKAN IBU BAPA DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENGHARGAAN KENDIRI DALAM KALANGAN PELAJAR MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) BATU PAHAT, JOHOR.** 37 - 45

*Khairina Alya Md Ghazali & Norhasima Abdullah*

**HUBUNGAN KETAGIHAN INTERNET DENGAN TINGKAH LAKU AGRESIF DALAM KALANGAN PELAJAR.** 46 - 53

*Nur Hadirah Isahak & Atini Alias*

**HUBUNGAN PERSEPSI DAN PENGETAHUAN MASYARAKAT TENTANG ISU KESIHATAN MENTAL.** 54 – 60

*Aida Aqilah Binti Mansor & Suhaya Binti Deraman*

**HUBUNGAN TAHAP PENGHAYATAN AGAMA DAN KEPUASAN HIDUP DENGAN SOKONGAN SOSIAL DIKALANGAN PENGHUNI PUSAT PEMULIHAN PENAGIHAN NARKOTIK (PUSPEN) BENTA, PAHANG.** 61 – 69

*Erni Najwa Irdayu Marsam & Suzyliana Mamat*

**HUBUNGAN PERSONALITI DENGAN MOTIVASI PEKERJA DALAM SEKTOR PERINDUSTRIAN DI PULAU PINANG.** 70 – 79

*Siti Maisarah Zambri & Siti Nazurulaina Hj.Aripin*

**HUBUNGAN ANTARA PENGHARGAAN KENDIRI DENGAN** 80 – 86

|   |                  |
|---|------------------|
| <b>TINGKAH LAKU BULI DALAM KALANGAN PELAJAR.</b><br><i>Nurdiana Binti Muhammad Ali &amp; Noraini Binti Abdol Raop</i>   |                  |
| <b>KEPUASAN KERJA DALAM ERA PANDEMIK COVID 19.</b><br><i>Nurul Syuhada binti Zolkarnain &amp; Faudziah binti Yusof</i>  | <b>87 – 98</b>   |
| <b>HUBUNGAN GAYA KEIBUBAPAAN DAN PENGHARGAAN KENDIRI DALAM KALANGAN PELAJAR.</b><br><i>Nur Jannah Binti Mohammad Rodzi &amp; Siti Haziqah Binti Shaban</i>  | <b>99 – 106</b>  |
| <b>PSIKOPENDIDIKAN KELOMPOK BAGI PELAJAR BERMASALAH DISIPLIN DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH AGAMA.</b><br><i>Nur Amanina Roslee, Salleh Amat, Johan Mustaqim Roslan, Mohammad Amir Fahmie Sadli &amp; Siti Hawa Binti Bukhari</i> | <b>107 – 118</b> |
| <b>PENGLIBATAN IBU BAPA DAN PERSONALITI PELAJAR.</b><br><i>Siti Salamah Mohamed</i>   | <b>119 – 126</b> |
| <b>PENDEKATAN TAZKIYAH AL-NAFS SEBAGAI SATU KAEDAH TERAPI DALAM MERAWAT MASALAH KESIHATAN MENTAL PASCA PANDEMIK.</b><br><i>Siti Nurhalimah binti Mohamad Hassan &amp; Siti Aishah binti Yahya</i>                             | <b>127 – 136</b> |
| <b>PENGANGGURAN DALAM KALANGAN TENAGA KERJA SEMASA PANDEMIK COVID-19.</b><br><i>Ahmad Fuad Bin Daud &amp; Siti Aishah Binti Yahya</i>   | <b>137 – 148</b> |
| <b>PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PDPR) : CABARAN GURU, MURID DAN IBU BAPA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)</b><br><i>Mohammad Izuddin Bin Ramli &amp; Siti Aishah Binti Yahya</i>                       | <b>149 – 158</b> |

## **KATA PENGANTAR**

Bismillahirrahmanirrahim....

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin-Nya Kolej Universiti Islam Melaka dapat terus memperbaiki dan meningkatkan status kami ke tahap yang sama seperti universiti berprestij lain di Malaysia.

Prosiding yang bertemakan Cakna Kesihatan Mental Ke Arah Masyarakat Sejahtera adalah koleksi kertas kerja yang dibentangkan serta penyumbang artikel dalam Seminar Kebangsaan Sains Sosial 3.0 (SKSS 3.0) oleh Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka.

Seminar Kebangsaan Sains Sosial 3.0 ini adalah seminar yang mengumpulkan isu-isu terkini serta informasi berkaitan dengan kajian yang melibatkan disiplin ilmu berdasarkan subtema Pembangunan Manusia dan Psikologi. Objektif utama seminar ini adalah untuk menyediakan platform kepada pelajar serta ahli akademik bagi bertukar pendapat dan membentangkan idea-idea mereka tentang kepakaran bidang masing-masing.

Sejumlah 17 kertas kerja dari lapangan bidang kajian telah dimuatkan di dalam prosiding ini. Justeru, tinggi harapan sekiranya pandangan dan pendapat bagi kertas-kertas yang dibentangkan dapat meluaskan perspektif orang lain mengenai kepelbagaian isu dan penyelesaian dalam proses pembangunan kajian. Di samping itu, hasil kajian ini juga boleh digunakan dalam semua individu untuk mengembangkan diri dan dapat membawa perubahan dalam agama, keluarga, masyarakat dan negara.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Seminar Kebangsaan Sains Sosial 3.0 adalah menjadi harapan saya bahawa matlamat seminar ini dapat dicapai dan akan memberikan sumbangan yang berharga kepada masyarakat.

YBhg Prof. Dato' Dr. Mohamad Nasir bin Haji Saludin.  
Pengarah Pemasaran dan Pengurusan Korporat ,  
menjalankan tugas Naib Canselor KUIM.



# **KAJIAN PENILAIAN PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI KALANGAN KAKITANGAN SOKONGAN SEKOLAH SEMENANJUNG MALAYSIA**

**Shawal Sahid Hamid @ Hussain**  
Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi  
Universiti Teknologi MARA

## **Abstrak**

Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) merupakan isu penting dalam industri pendidikan khususnya peringkat sekolah menengah. Keperluan penilaian pelaksanaan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah meliputi aspek sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah melibatkan dasar, penilaian, pengorganisasian, perancangan dan tindakan untuk peningkatan. Kaki tangan sokongan memainkan peranan penting dalam melaksanakan pengurusan KKP di sekolah. Kajian ini bertujuan untuk meneliti penilaian KKP di kalangan kaki tangan sokongan di sekolah menggunakan analisis deskriptif peratusan, min dan sisihan piawai. Bagi mencapai tujuan ini, teknik persempelan bertujuan digunakan melibatkan 12 buah sekolah yang terdiri daripada sekolah menengah harian, sekolah berasrama penuh dan kolej vokalsional di Semenanjung Malaysia. Responden kajian melibatkan kakitangan sokongan seramai 117 orang. Hasil kajian mendapati, pelaksanaan KKP di sekolah berada pada tahap memuaskan. Akhirnya, kajian ini dapat memperoleh tahap penilaian dikalangan kaki tangan sokongan di sekolah terhadap pelaksanaan KKP.

Kata kunci: kakitangan sokong, sekolah, keselamatan dan kesihatan pekerjaan

## **Abstract**

Occupational safety and health (OSH) management is an important issue in the education industry. The need to evaluate the implementation of occupational safety and health management in schools. Staff play an important role in implementing OSH in schools. This study was to examine the assessment of OSH among user staff in schools using descriptive analysis of percentage, mean and standard deviation. To achieve the research objective, the sampling technique used was used by 12 secondary schools and vocational colleges in Peninsular Malaysia. Respondents studied the use of the approach by 117 people. As a result of the study, the implementation of OSH in schools is at a satisfactory level. Finally, this study can be conducted.

Keywords: staff, school, occupational safety and health

## **1.0 PENGENALAN**

Tahap KKP yang cemerlang akan meningkatkan kualiti hidup pekerjaan para pekerja dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan indeks Komponen Persekitaran Kerja di bawah Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia sejajar dengan dasar dan pelan transformasi negara dalam mencapai Wawasan 2020 (DOSH 2020). Program Sekolah Selamat telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2002 bagi mewujudkan budaya persekitaran selamat di sekolah secara berterusan dengan sokongan keluarga dan masyarakat setempat (KPM 2004). Pelancaran program sekolah selamat merupakan satu usaha yang proaktif oleh pihak KPM dengan persediaan buku konsep dan manual sekolah selamat kepada semua sekolah di Malaysia.

Pada 22 Julai 2020 seorang guru sekolah berusia 54 tahun dari Sekolah Kebangsaan Batu Gajah di Tanah Merah, Kelantan maut akibat terjatuh dari balkoni tingkat 1 bangunan sekolah berkenaan (Berita Harian,2020). Sejalan dengan itu penerapan OSHA 1994 adalah penting dalam


memastikan sekolah berada dalam keadaan selamat dan sihat serta terhindar daripada isu-isu kemalangan di sekolah. Peranan yang dimainkan oleh kakitangan sokongan dilihat relevan dalam pelaksanaan KKP di sekolah. kakitangan sokongan sekolah merupakan pihak berkepentingan penting dan sentiasa berinteraksi antara warga sekolah (Tyre, & Beaudoin, 2018).

## **2.0 PELAKSANAAN PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) DI SEKOLAH**

Kebanyakan sistem pengurusan KPP yang dibangunkan mempunyai turutan rangkaian elemen yang hampir sama seperti polisi, pengorganisasian, perancangan dan pelaksanaan, penilaian dan semakan. Elemen ini saling berhubung dan mempengaruhi satu sama lain untuk mencapai matlamat keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang ditetapkan. Penglibatan semua pihak terutamanya guru, pelajar dan pekerja di sekolah merupakan kunci utama dalam kejayaan sesuatu matlamat SPKKP (Anuar Ithnin 2015).

SPKKP MS 1722 merupakan garis panduan SPKKP yang dibangunkan berasaskan garis panduan OSHMS/ILO (2001). Sistem ini mengandungi lima elemen utama iaitu polisi, pengorganisasian, perancangan, penilaian dan tindakan untuk peningkatan (Rajah 1)

**Rajah 1 Elemen SPKKP MS 1722 : 2005 Sumber : OSHMS/ILO 2001**



Sumber : OSHMS/ILO 2001

### 3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan teknik kuantitatif dengan menggunakan borang kaji selidik. Edaran borang kaji selidik melibatkan 12 buah sekolah di Semenanjung Malaysia. 12 buah sekolah ini merangkumi 3 kategori jenis sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Kajian ini melibatkan kakitangan sokongan sekolah yang terlibat dalam sampel kajian ini. Kakitangan sekolah merupakan tulang belakang kepada pelaksanaan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di sekolah. Menurut KPM (2006) antara kakitangan sekolah yang terlibat di sekolah adalah:

- i) Kerani
- ii) Pembantu Am
- iii) Pembantu makmal
- iv) Penyelia Asrama
- v) Pengawal keselamatan
- vi) Tukang kebun
- vii) Tukang cuci

Lokasi kajian adalah melibatkan sekolah di 4 zon utama Semenanjung Malaysia iaitu di zon selatan, zon tengah, zon pantai timur dan zon utara. Sekolah yang terpilih merupakan sekolah dalam kategori sekolah bandar dan luar bandar. Sekolah yang terpilih dalam kajian ini ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Rompin (SMKR), Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Reko (SMKJR), Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jana (SMKBJ), Sekolah Menengah Kebangsaan Felcra Bukit Kepong (SMKFBK), Sekolah Tun Fatimah (STF), Sekolah Sultan Alam Shah (SAS), Sekolah Menengah Sains Rembau (SEMESRA), Sekolah Menengah Sains Hulu Selangor (SEMASHUR), Kolej Vokasional Ipoh, Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja Rembau, Kolej Vokasional Sultan Ahmad Shah Kuala Rompin dan Kolej Vokasional Sepang.

Populasi kajian adalah sebanyak 280 orang manakala sampel kajian adalah seramai 117 orang. Teknik persampelan bertujuan telah digunakan dalam kajian ini atas faktor pemilihan kriteria yang telah ditetapkan dari awal proses kajian dijalankan.

### 4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan Jadual 1.1 menunjukkan persepsi kakitangan sokongan terhadap polisi keselamatan di sekolah yang mempunyai nilai min di antara 3.44 dan 4.42. Nilai min tertinggi dicatatkan bagi item „menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat merupakan objektif utama pihak sekolah. manakala min terendah di catatkan bagi item “Polisi menggambarkan komitmen organisasi sekolah” nilai purata min keseluruhan mencatatkan 3.89 dengan sisihan piawai 0.751 iaitu berada pada tahap setuju. Menurut kajian yang dijalankan oleh MIROS (2007) budaya kerja selamat dan sihat harus dipraktikan dalam polisi keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

**Jadual 1.1 Penilaian kakitangan sokongan terhadap polisi keselamatan di sekolah**

| <b>Elemen Polisi Keselamatan</b>  | <b>Min</b>  | <b>Sisihan piawai</b> | <b>Skala min</b> |
|---|-------------|-----------------------|------------------|
| Menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat merupakan objektif utama pihak sekolah.   | 4.42        | 0.673                 | Sangat setuju    |
| Pihak sekolah mengambil berat polisi keselamatan dan kesihatan di sekolah.  | 4.18        | 0.651                 | Setuju           |
| Polisi keselamatan dan kesihatan mudah dan senang difahami  | 3.82        | 0.775                 | Setuju           |
| Polisi keselamatan dan kesihatan pekerjaan ada dipamerkan   | 3.70        | 0.791                 | Sangat setuju    |
| Polisi keselamatan dan kesihatan disemak dan dikemaskini  | 3.82        | 0.795                 | Sangat setuju    |
| Pihak sekolah mematuhi peraturan/akta yang berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan semasa melaksanakan pengurusan keselamatan di sekolah. | 3.90        | 0.724                 | Sangat setuju    |
| Polisi menggambarkan komitmen organisasi sekolah  | 3.44        | 0.850                 | Setuju           |
| <b>Purata</b>   | <b>3.89</b> | <b>0.751</b>          | <b>Setuju</b>    |

Jadual 1.2 menunjukkan penilaian kakitangan sokongan terhadap pengorganisasian. Berdasarkan kajian yang dijalankan didapati nilai min tertinggi dicatatkan bagi item ‘pekerja penyelenggaraan mampu bertindak dengan cepat jika sesuatu kecemasan berlaku di dalam pejabat’ dengan nilai min sebanyak 3.77 dan sisihan piawai 0.747. Manakala nilai min terendah dicatatkan bagi item “pekerja penyelenggaraan menjalankan kerja dengan tatacara kerja selamat” dengan nilai min sebanyak 3.62 dan sisihan piawai 0.796. purata nilai min bagi aspek pengorganisasian pula mencatatkan nilai sebanyak 3.77 dengan sisihan piawai 0.772. Justeru itu, penilaian persepsi kakitangan terhadap aspek pengorganisasian memperolehi nilai purata min sebanyak 3.77 dengan sisihan piawai 0.772 iaitu berada pada tahap ‘setuju’.

**Jadual 1.2 Penilaian kakitangan sokongan terhadap pengorganisasian**

| <b>Pengorganisasian</b>   | <b>Min</b>  | <b>Sisihan piawai</b> | <b>Skala min</b> |
|---|-------------|-----------------------|------------------|
| Sekolah mempunyai kepakaran bagi pengurusan keselamatan dan kesihatan.                                | 3.66        | 0.756                 | Setuju           |
| Pekerja penyelenggaraan mempunyai kepakaran mengesan kerosakan di sekolah dengan cepat.               | 3.74        | 0.792                 | Setuju           |
| Pekerja penyelenggaraan menjalankan kerja dengan tatacara kerja selamat.                              | 3.62        | 0.796                 | Setuju           |
| Pekerja penyelenggaraan mampu bertindak dengan cepat jika sesuatu kecemasan berlaku di dalam pejabat. | 3.77        | 0.747                 | Setuju           |
| <b>Purata min</b>   | <b>3.77</b> | <b>0.772</b>          | <b>Setuju</b>    |

Berdasarkan Jadual 1.3, kebanyakan kakitangan sokongan bersetuju dalam aspek perancangan dan pelaksanaan dengan menghasilkan min di antara 3.38 dan 4.13. item 'sekolah selamat dan sihat' adalah aspek pertama ditekankan dalam perancangan keselamatan di sekolah merupakan item yang memberi nilai min tertinggi iaitu 4.13 dengan sisihan piawai 0.701. Manakala nilai min terendah dicatatkan bagi item 'yakin bahawa peralatan keselamatan kebakaran di sekolah berfungsi dengan baik' dan 'pembersihan persekitaran sekolah dilakukan 3 hari sekali' dengan nilai min sebanyak 3.38 dan sisihan piawai masing-masing sebanyak 0.871 dan 1.040. Secara keseluruhannya, penilaian persepsi kakitangan sokongan terhadap elemen perancangan dan pelaksanaan ini adalah bersetuju dengan mencatatkan nilai min 3.92 dan sisihan piawai 0.831.

**Jadual 1.3 Penilaian kakitangan sokongan terhadap perancangan dan pelaksanaan**

| <b>Perancangan dan pelaksanaan</b>  | <b>Min</b>  | <b>Sisihan piawai</b> | <b>Skala min</b> |
|---|-------------|-----------------------|------------------|
| Sekolah selamat dan sihat adalah aspek pertama ditekankan dalam perancangan keselamatan di sekolah.                       | 4.13        | 0.701                 | Setuju           |
| Penambahbaikan kerosakan di sekolah yang melibatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan diutamakan.                       | 3.99        | 0.836                 | Setuju           |
| Pemeriksaan persekitaran sekolah kerap dijalankan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan semua penghuni dalam sekolah. | 3.85        | 0.722                 | Setuju           |
| Yakin bahawa peralatan keselamatan kebakaran di sekolah berfungsi dengan baik.  | 3.38        | 0.871                 | Setuju           |
| Pembersihan persekitaran sekolah dilakukan 3 hari sekali.   | 3.38        | 1.040                 | Setuju           |
| Sistem perkhidmatan pejabat sering dinaiktaraf untuk keselamatan dan kesihatan semua pekerja di dalam pejabat.            | 3.68        | 0.816                 | Setuju           |
| <b>Purata min</b>   | <b>3.92</b> | <b>0.831</b>          | <b>Setuju</b>    |

Jadual 1.4 menunjukkan penilaian kakitangan sokongan terhadap aspek penilaian. Dapatan kajian mendapati nilai min tertinggi dicatatkan bagi item „Bertindak dengan segera bagi setiap aduan yang melibatkan keselamatan dan kesihatan di sekolah“ dengan nilai min sebanyak 3.85 dan sisihan piawai 0.826 dengan purata responden memberi jawapan setuju. Manakala nilai min terendah dicatatkan bagi item ‘Pihak sekolah sering melakukan pemeriksaan keselamatan di persekitaran sekolah’ dengan nilai min 3.52 dengan nilai sisihan piawai 0.772.

**Jadual 1.4 Penilaian kakitangan sokongan terhadap penilaian**

| <b>Penilaian</b>  | <b>Min</b> | <b>Sisihan Piawai</b> | <b>Skala min</b> |
|---|------------|-----------------------|------------------|
| Bertindak dengan segera bagi setiap aduan yang melibatkan keselamatan dan kesihatan di sekolah. | 3.85       | 0.826                 | Setuju           |
| Pihak sekolah sering melakukan pemeriksaan keselamatan di persekitaran sekolah                  | 3.52       | 0.772                 | Setuju           |
| Menjalani latihan kebakaran di sekolah pada setiap tahun daripada pihak bomba.                  | 3.69       | 0.865                 | Setuju           |
| Pekerja pejabat dilindungi dari sebarang hazard (risiko).                                       | 3.64       | 0.751                 | Setuju           |
| Pemeriksaan alat keselamatan (pemadam api, pengesan asap dan gelong hos) setahun sekali.        | 3.70       | 0.698                 | Setuju           |
| Pihak sekolah menggunakan bahan pencuci/kimia yang sesuai (tidak mengganggu pernafasan).        | 3.78       | 0.767                 | Setuju           |
| Pihak sekolah sentiasa mengikuti piawaian sedia ada di Malaysia                                 | 3.78       | 0.671                 | Setuju           |

dan luar negara berkaitan keselamatan dan kesihatan.

|                   |             |              |               |
|-------------------|-------------|--------------|---------------|
| <b>Purata min</b> | <b>3.71</b> | <b>0.764</b> | <b>Setuju</b> |
|-------------------|-------------|--------------|---------------|

Pihak kakitangan sokongan memainkan peranan selaku penggerak sokongan kepada tindakan penambaan dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah. Jadual 1.5 menunjukkan penilaian kakitangan sokongan terhadap tindakan penambaan KKP di sekolah. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan min tertinggi dicatatkan bagi item „Terdapatnya hirarki kawalan risiko yang dilaksanakan di sekolah” dengan nilai min sebanyak 3.69 dan sisihan piawai 0.853. Secara keseluruhannya responden memberi jawapan setuju dengan purata min sebanyak 3.59 dan sisihan piawai 0.853.

**Jadual 1.5 Penilaian kakitangan sokongan terhadap tindakan penambaan**

| <b>Tindakan penambaan</b>   | <b>Min</b>  | <b>Sisihan piawai</b> | <b>Skala min</b> |
|---|-------------|-----------------------|------------------|
| Pihak pengurusan sekolah menyediakan peruntukan kewangan kepada pengurusan keselamatan dan kesihatan di sekolah berdasarkan jadual berkala. | 3.56        | 0.865                 | Setuju           |
| Pihak sekolah menyediakan peruntukan kewangan bagi penyelenggaraan kecemasan keselamatan dan kesihatan.                                     | 3.54        | 0.856                 | Setuju           |
| Pihak sekolah mengutamakan alat ganti asli walaupun kos yang tinggi melibatkan keselamatan dan kesihatan.                                   | 3.63        | 0.837                 | Setuju           |
| Pihak sekolah akan menyediakan peruntukan tambahan jika perlu bagi penyelenggaraan melibatkan keselamatan dan kesihatan.                    | 3.56        | 0.875                 | Setuju           |
| <b>Purata min</b>   | <b>3.59</b> | <b>0.853</b>          | <b>Setuju</b>    |

## **6.0 CADANGAN**

Berdasarkan kajian yang dijalankan, beberapa cadangan dapat di kemukakan untuk meningkatkan lagi pelaksanaan keselamatan dan kesihatan Pekerjaan (KPP) di kalangan kakitangan di sekolah. Peningkatan kefahaman dan budaya keselamatan perlu diberi perhatian oleh pihak sekolah terhadap kakitangan sokongan dalam meningkatkan tahap KKP di sekolah. Selain itu, pihak sekolah perlu menyediakan latihan KKP kepada kakitangan sekolah dalam meningkatkan kompetensi kakitangan sekolah dalam bidang KKP.

## **7.0 KESIMPULAN**

Hasil kajian mendapati, kakitangan sekolah bersetuju dengan tahap pelaksanaan KPP di sekolah semenanjung Malaysia berada pada tahap yang baik. Elemen Pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang diterapkan di sekolah memberikan suasana selamat dan sihat kepada kakitangan sekolah. Walau bagaimanapun, penambahbaikan dalam pelaksanaan KKP di sekolah harus dipertingkatkan dalam menjamin persekitaran sekolah dalam keadaan selamat dan sihat.

## **RUJUKAN**

- Anuar Ithnin. 2015. Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Berita Harian. 22 Julai 2020. Perkenal program keselamatan, kesihatan di sekolah.
- ILO. 2010. Guidelines on Occupational Safety and Health Management Systems (ILO-OSH 2001). Safe Work. Geneva: ILO.
- Jabatan keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. 2020. Pelan induk keselamatan dan kesihatan 2016-2020. Kementerian Sumber Manusia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2004. Konsep dan Manual Sekolah Selamat. Kementerian Pendidikan Malaysia 2003 Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia: Balakong Selangor.
- Tyre, A., & Beaudoin, K. 2018. Classified staff perceptions of behavior and discipline: Implications for schoolwide positive behavior intervention and supports. *Journal of Positive Behavior Interventions*, 20(18), 101-1.



# **PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN LUAR BANDAR DI GEMAS NEGERI SEMBILAN**

**Shawal Sahid Hamid @ Hussain**  
Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi  
Universiti Teknologi MARA

## **Abstrak**

Keusahawanan sering diiktiraf sebagai pemangkin dalam mengubah dan meningkatkan taraf hidup sesebuah komuniti. Bagi memastikan keberkesanannya, penyertaan komuniti dalam bidang keusahawanan adalah perlu, terutamanya dalam projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, tahap penyertaan komuniti dalam bidang keusahawanan adalah masih rendah. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penyertaan komuniti dalam keusahawanan, agar hala tuju penyertaan komuniti dalam bidang ini dapat dikenal pasti. Selain itu, faktor-faktor pelengkap lain yang menentukan trend ini di kawasan luar bandar juga dibincangkan. Melalui penyertaan aktif dalam kalangan ahli-ahli komuniti, diharapkan keusahawanan luar bandar akan maju ke arah kemakmuran dan kejayaan pembangunan kawasan luar bandar. Berdasarkan kajian kes yang saya kaji, terdapat objektif, elemen, serta cabaran yang diperlukan oleh usahawan. Antara objektif yang saya kaji ialah, mengenal pasti tahap elemen keusahawanan di kalangan komuniti penduduk Gemas, Negeri Sembilan. Selain itu, mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh komuniti terhadap bidang keusahawanan dan juga mengemukakan cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan tahap penglibatan dalam komuniti penduduk Gemas Negeri Sembilan.

## **Abstract**

Entrepreneurship is often recognized as a catalyst in changing and improving the living standards of a community. To ensure its effectiveness, community participation in entrepreneurship is necessary, especially in development projects in rural areas. However, the level of community participation in entrepreneurship is still low. This article aims to identify the factors that influence the level of community participation in entrepreneurship, so that the direction of community participation in this field can be identified. In addition, other complementary factors that determine this trend in rural areas are also discussed. Through active participation among community members, it is hoped that rural entrepreneurship will progress towards prosperity and successful development of rural areas. Based on the case studies I studied, there are objectives, elements, and challenges that entrepreneurs need. Among the objectives that I studied was to identify the level of entrepreneurial elements among the residents of Gemas, Negeri Sembilan. In addition, identify the challenges faced by the community in the field of entrepreneurship and also submit suggestions for improvement to increase the level of involvement in the community of residents of Gemas Negeri Sembilan

## **1.0 PENGENALAN**

Johannisson dan Nilsson (1989) menyatakan bahawa keperluan untuk "keusahawanan masyarakat" wujud, untuk aplikasi sumber sedia ada untuk manfaat pembangunan tempatan. Mereka melihat masyarakat usahawan sebagai fasilitator untuk aktiviti keusahawanan, berbanding dengan ahli perniagaan yang membangunkan kerjasama yang sangat diperlukan dengan ahli komuniti. Usahawan komuniti harus memulakan program perkongsian di kalangan individu atau bahkan dengan komuniti terbabit (Johannisson dan Nilsson (1989).

Manakala Haugh dan Pardy (1999) menekankan rangkaian sebagai unsur utama dan menafikannya peranan yang dimainkan oleh usahawan komuniti sebagai agen penting dalam

persekitaran sosio-ekonomi. Menurut Haugh dan Pardy lagi, usahawan komuniti bukan sahaja memainkan peranan dalam persekitaran keusahawanan tetapi juga berfungsi untuk merangsang ahli komuniti yang lain. Kumpulan komuniti sendiri mempunyai peranan untuk melaksanakan dalam pelaksanaan ekonomi dan generasi sosial untuk komuniti yang terlibat. Mereka juga menjelaskan hakikat bahawa usahawan komuniti berfungsi sebagai individu yang memulakan perkongsian itu juga memberikan komitmen untuk memenuhi matlamat yang ditetapkan oleh komuniti (Haugh dan Pardy (1999).

Menurut Austin et al., (2006) menjelaskan bahawa usahawan komuniti harus memberi corak aktiviti keusahawanan ke arah penerokaan dan eksploitasi peluang sosial melalui penggunaan sumber yang tersedia sebagai elemen utama dalam proses ini. Menurut Austin et al. lagi, keusahawanan ini aktiviti dapat ditangani oleh organisasi yang ada atau membuat organisasi baru untuk tujuan tersebut memotivasi lebih banyak penyertaan secara sukarela, mewujudkan peluang perniagaan dan melibatkan agensi- agensi kerajaan (Austin et al., 2006)

## **2.0 KONSEP KEUSAHAWANAN**

Mengikut Histrich dan Peters (1998), keusahawanan adalah suatu proses dinamik mewujudkan kekayaan yang meningkat. Kekayaan itu dihasilkan oleh individu yang mengambil risiko tinggi dari segi ekuiti, masa dan komitmen kerja atau memberikan nilai untuk sesuatu produk atau perkhidmatan. Ia adalah proses menghasilkan sesuatu yang baharu dan bernilai dengan memberikan masa dan ikhtiar yang diperlukan, menanggung risiko kewangan, psikologi dan sosial dan menerima keuntungan dalam erti kewangan, kepuasan hati dan kebebasan ( Histrich dan Peters 1998 ).

Definisi usahawan berubah menjadi seseorang yang sanggup menanggung risiko untung dan rugi akibat kontrak dengan kerajaan pada harga tetap pada kurun ke- 17. Pada 1725, Richard Cantillon mendefinisikan usahawan sebagai seseorang yang menanggung risiko adalah berbeza dengan seseorang yang membekalkan modal. Jean Baptiste Say (1803) berkata keusahawanan adalah pengasingan keuntungan usahawan dengan keuntungan modal.

Begitu juga dengan Francis Walker (1876), yang mendefinisikan keusahawanan sebagai perbezaan di antara individu yang membekalkan wang dan menerima faedah dengan individu yang menerima keuntungan daripada keupayaan sendiri dalam mengurus. Pada tahun 1934, Joseph Schumpeter menyatakan bahawa usahawan ialah seorang yang memperkenalkan sesuatu yang baru dan membangunkan teknologi yang belum pernah dicuba. Selain daripada itu, David McClelland (1961) juga telah mendefinisikan usahawan sebagai seorang yang bertenaga, penanggung risiko yang sederhana.

### **2.1 EVOLUSI KEUSAHAWANAN DI MALAYSIA**

Keusahawanan di Malaysia bermula seawal zaman Kesultanan Melaka apabila penduduk tempatan berurusan dengan pedagang asing. Apabila British memerintah Tanah Melayu, mereka telah menukarkan struktur sosial dengan menjalankan pemerintahan “Pecah dan Perintah”. Dengan cara ini, kaum Melayu bekerja sebagai pentadbir dan disektor pertanian, kaum Cina berkerja dilombong dan berniaga, manakala kaum India berkerja disektor perladangan. Hasilnya, kaum Cina lebih ke depan dalam soal perniagaan berbanding dengan kaum Melayu dan kaum India (Kuratko & Hodgetts 2004).

Keusahawanan di Malaysia merujuk secara khusus kepada penglibatan bumiputera dalam bidang keusahawanan sebelum, semasa dan selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan bagi meningkatkan penglibatan bumiputera dalam bidang keusahawanan. Terdapat dua matlamat dalam DEB, iaitu membasmi kemiskinan utk meningkatkan pendapatan & peluang pekerjaan tanpa mengira kaum dan juga menyusun semula masyarakat bumiputera utk membetulkan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum (Amal Hayati Ishak, 2012).

Kerajaan memberikan galakan pembangunan keusahawanan dan memberikan pengiktirafan kepada keusahawanan kerana mereka boleh menyumbang kepada pembangunan negara. Tahun 1995, kerajaan menubuhkan Kementerian Pembangunan Keusahawanan sebagai badan yang mengawal dan mempromosi pembangunan keusahawanan di Malaysia. Kini, kementerian tersebut telah ditukar kepada Kementerian Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi ( Rahimi GR, 2010).

Pada tahun 28 Februari 1991, Dasar Pembangunan Negara (DPN) dilancarkan bertujuan untuk meningkatkan penglibatan bumiputera dalam bidang keusahawanan. DPN bertujuan untuk memperkukuhkan pencapaian DEB membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat menambahkan perwujudan guna tenaga dan masyarakat. Perdagangan & Perindustrian Bumiputera (MPPB) memberikan pendidikan dan latihan perniagaan untuk meningkatkan kemahiran. memberi latihan teknikal dan vokasional, komunikasi & Komersial (Cho AH, 2006).

Malaysia yang kini menuju ke arah negara perindustrian menjelang tahun 2020 di mana sektor perniagaan dijangka akan menjadi penting bagi Negara. Ia bukan sahaja merupakan sektor sokongan tetapi lebih ke arah menyediakan asas dan teknologi bagi memastikan kejayaan pembangunan perusahaan yang lebih besar. Kepesatan globalisasi dalam abad ke-21 adalah cabaran utama yang perlu dihadapi oleh semua negara pada masa kini. Malaysia tidak dapat mengelak daripada menghadapi cabaran ekonomi dan budaya yang berpunca dari globalisasi. Pembukaan pasaran China dan India kepada ekonomi global telah mengubah dengan nyatanya persekitaran ekonomi negara maju dan negara membangun (Ab Aziz, 2010).

## **2.2 ELEMEN KEUSAHAWANAN**

Terdapat beberapa elemen yang diperlukan oleh seseorang usahawan yang berjaya. Antaranya ialah mengamalkan sikap keusahawanan, mengamalkan cara berfikir ke arah keusahawanan dalam situasi yang diperlukan, mengamalkan cara-cara pengurusan asas jual beli dengan mudah, menghasilkan produk berdasarkan pengetahuan serta kemahiran, dan mengamalkan nilai moral dan etika yang baik (David Rockefeller 1987).

### **2.2.1 Sikap Keusahawanan**

Seorang usahawan mempunyai sikap yang cemerlang yang menyebabkan mereka berjaya dalam bidang yang diceburi. Sikap cemerlang ini penting kerana ia menjadi asas kekuatan dalaman secara mental, emosi dan fizikal yang kukuh untuk mendorong usahawan menghadapi dan menangani pelbagai cabaran sehingga berjaya. Sikap adalah satu gambaran perasaan seseorang yang terangsang terhadap sesuatu objek yang akan dizahirkan menerusi tingkahlaku yang diambil oleh seseorang individu seperti pemilihan kerjaya dalam bidang keusahawanan (Suhaily Sham 2014).

### **2.2.2 Berfikir Secara Kreatif dan Inovatif**

Seorang usahawan sentiasa berfikiran kreatif dan inovatif kerana mereka perlu mengenal peluang-peluang dalam persekitaran perniagaan mereka supaya boleh terus berjaya atau sekurang-kurangnya bertahan dalam usaha mereka. Pemikiran keusahawanan melibatkan sembilan langkah utama yang ada pada usahawan seperti amalan memerhati persekitaran dengan sengaja dan bertujuan, menganalisis pemerhatian secara kritis dan kreatif, menghasilkan idea dari pemerhatian, memilih idea baik dari banyak idea, menambah baik idea yang dipilih (inovasi), menilai idea secara kritis dalam konteks, melaksanakan idea dalam bentuk produk teknologi abstrak atau konkrit, menyesuaikan idea baru dengan keperluan masyarakat dan persekitaran, meneruskan peningkatan kualiti idea (Suhaila Nadzri 2014).

### **2.2.3 Cara-Cara Pengurusan Jual Beli Dengan Mudah**

Seorang usahawan yang berjaya selain mempunyai sikap dan pemikiran yang cemerlang boleh mengaplikasi konsep pengetahuan dan kemahiran pengurusan perniagaan bukan sahaja dalam

perniagaan mereka tetapi juga dalam situasi kehidupan harian yang relevan. Pedagogi pengetahuan dan kemahiran pengurusan perniagaan melibatkan praktis amalan-amalan tertentu seperti mengurus wang samada dalam perbelanjaan harian atau penabungan, mengurus transaksi jual beli mudah harian dan amalan kepenggunaan yang baik. Contoh: Pengurusan peralatan yang digunakan dalam setiap pembelajaran; pengurusan kewangan (mengelakkan pembaziran), pengurusan masa, pengurusan stok dan sumber (Muhammad Firdaus 2014).

#### **2.2.4 Nilai Moral Usahawan**

Nilai moral keusahawanan adalah ciri baik yang diterima secara universal yang ada dalam diri seorang usahawan. Nilai moral adalah semua nilai baik universal yang disukai atau disenangi semua masyarakat seperti jujur, ikhlas, tolong menolong dan banyak lagi. Nilai moral baik ini mendorong usahawan mengambil tingkah laku yang beretika semasa menjalankan transaksi perniagaan sama ada dengan pelanggan atau syarikat-syarikat lain. Seorang usahawan bertanggungjawab kepada masyarakat kerana peranan mereka sebagai peneraju ekonomi negara. Oleh itu mereka perlu mengamalkan nilai moral dan etika keusahawanan yang baik bagi memastikan keharmonian perjalanan urusan berkaitan perniagaan dari aspek mikro dan ekonomi negara dari aspek makro (Osman (2007).

### **2.3 CABARAN KEUSAHAWANAN**

Kajian ini menerapkan cabaran yang akan dilalui oleh seorang komuniti dalam bidang keusahawanan. Antaranya, golongan komuniti menceburi bidang keusahawanan ini akan melibatkan faktor utama iaitu faktor yang berasaskan kepada diri seseorang komuniti itu sendiri dari aspek latar belakang diri atau keluarga, sikap serta minat dalam bidang keusahawanan dan kemahiran keusahawanan yang dimiliki.

#### **2.3.1 Latar Belakang Keluarga**

Osman (2007) menjelaskan tanggungjawab terhadap keluarga merupakan satu faktor sosiologi yang kritikal dalam mempengaruhi usahawan terutama dalam pembuatan keputusan untuk memulakan sesuatu perniagaan baru. Pembuatan keputusan untuk memulakan perniagaan adalah lebih mudah apabila seseorang itu bujang, berumur 25 tahun, tidak memiliki aset perseorangan dan tidak bergantung terhadap orang lain. Menurut Osman (2007) lagi, dengan keadaan sebegini kebarangkalian adalah tinggi bagi ahli keluarga yang lain untuk mewujudkan gabungan perniagaan, pembukaan cawangan tambahan untuk ibu pejabat dan lain-lain lagi. kebiasaannya, individu yang berasal daripada keluarga yang mempunyai perniagaan akan lebih mempengaruhinya untuk menjadi seorang usahawan

#### **2.3.2 Sikap dan Minat**

Sikap yang positif memainkan peranan dalam mempengaruhi seseorang itu untuk menjadi usahawan dan kebanyakan sikap-sikap positif ini lahir daripada individu itu sendiri. Selain itu, beliau juga menjelaskan belia perlu mempunyai sikap dan keinginan untuk merealisasikan idea sendiri, tidak mahu menjadi pekerja, mendapatkan wang dan tidak bergantung pada orang lain ((Zainal Abidin 2009).

Thuaiyah @ Suaibah et al., (2007) menjelaskan keinginan untuk berdikari merupakan antara sikap yang boleh menjadi faktor yang mendorong seseorang menceburkan diri dalam keusahawanan. Berdikari bermaksud berdiri di atas kaki sendiri. Ini bermakna seseorang itu bebas membuat keputusan dan berusaha sendiri ke arah menentukan masa depan kehidupannya. Dia tidak berasa terkongkong dengan arahan dan peraturan yang ditetapkan oleh orang lain.

#### **2.3.3 Kemahiran Keusahawanan**

Husaini & Anuar (2008), dalam kajiannya mengenai kemahiran keusahawanan pula menjelaskan kemahiran keusahawanan mempunyai empat tahap iaitu kebolehan mengenal pasti peluang perniagaan, kebolehan merangka perancangan perniagaan, kebolehan membina, meneroka dan merebut peluang

perniagaan dan terakhir sekali kebolehan untuk bekerja sendiri.

Menurut Husaini & Anuar (2008) pula, Kemahiran dalam bidang keusahawanan dilihat sebagai satu item yang penting dalam menentukan kejayaan seseorang dalam bidang keusahawanan. Oleh yang demikian, kemahiran yang terdapat dalam diri seseorang komuniti akan dikaji bagi memastikan pengaruhnya dalam menarik minatnya dalam menceburi bidang keusahawanan.

### **3.0 REKA BENTUK KAJIAN**

Reka bentuk kajian merujuk kepada struktur logik sesebuah kajian itu. Ia jelas menunjukkan tentang data yang diperlukan, daripada siapa, dan bagaimana ia akan menjawab persoalan kajian. Reka bentuk kajian asasnya memberi kesan terhadap sejauh mana tuntutan sebab dan akibat yang boleh dibuat mengenai kesan campur tangan. Reka bentuk kajian itu juga melibatkan masalah yang logik dan yang tidak logik (Yin 2009).

#### **3.1 KAEDAH KAJIAN**

Dalam kajian ini, instrumen kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif untuk mendapatkan maklumat yang ingin diperolehi. Ini kerana instrumen soal selidik merupakan pengganti diri penyelidik dan penyumbang di antara penyelidik dan responden (Mohd Sheffie, 1991). Instrumen soal selidik telah dibina dan diubahsuai oleh penyelidik-penyelidik berdasarkan kajian lepas iaitu penglibatan komuniti dalam bidang keusahawanan.

Kajian ini dijalankan kepada komuniti yang melibatkan diri di dalam bidang keusahawanan. Kesimpulan kajian hasil daripada dapatan adalah difokuskan kepada usahawan yang dikaji dan tidak dapat untuk digeneralisasikan kepada semua kumpulan usahawan. Kajian ini memberikan tumpuan kepada masyarakat yang menjalankan perniagaan. Bagaimanapun, sekiranya kajian ini dijalankan kepada populasi usahawan yang menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan lain, ada kemungkinannya untuk ditemui suatu kesimpulan yang boleh diguna pakai bagi membentuk satu kerangka umum mengenai penglibatan komuniti dalam bidang keusahawanan di kawasan Gemas, Negeri Sembilan.

#### **3.2 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN**

Persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini. Ia merupakan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih untuk dijadikan sebagai responden, dan bukan semua populasi berpeluang dijadikan responden. Pengkaji membuat kajian tentang penglibatan komuniti dalam bidang usahawan dan responden boleh dipilih secara rawak antara komuniti dan hasil kajian tidak dapat digeneralisasikan kepada seluruh populasi komuniti (Chua, 2011).

Jumlah responden yang diambil adalah 30 orang di kawasan Taman Damai, Gemas, Negeri Sembilan. Menurut (Creswell, 2005), teknik yang paling sesuai adalah mengikut teknik persampelan bertujuan. Pemilihan responden adalah di kalangan penduduk Taman Damai, Gemas, Negeri Sembilan. Pemilihan kawasan tersebut adalah disebabkan penduduknya yang berbilang kaum, iaitu yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina, dan India. Kawasan tersebut juga mempunyai pelbagai premis perniagaan seperti kedai runcit, kedai makan serta kedai alat tulis.

### **4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Bahagian ini menunjukkan keputusan analisis maklumat latar belakang responden bagi memberi gambaran mengenai profil responden berdasarkan umur, jantina, bangsa, pekerjaan dan juga pendapatan.

**Jadual 1 Latar Belakang Responden**

| Bil | Latar belakang responden | Jawapan          | Kekerapan | Peratus |
|-----|--------------------------|------------------|-----------|---------|
| 1.  | Jantina:                 | Lelaki           | 20        | 66.7%   |
|     |                          | perempuan        | 10        | 33.3%   |
| 2.  | Umur:                    | 18-28            | 5         | 16.7%   |
|     |                          | 29-39            | 11        | 36.7%   |
|     |                          | 40-50            | 10        | 33.3%   |
|     |                          | 51 tahun ke atas | 4         | 13.3%   |
| 3.  | Bangsa:                  | Melayu           | 20        | 66.7%   |
|     |                          | Cina             | 5         | 16.7%   |
|     |                          | India            | 5         | 16.7%   |
| 4.  | Pekerjaan:               | Berniaga         | 30        | 100%    |
|     |                          | RM1000 ke bawah  | 5         | 16.7%   |
| 5.  | Pendapatan:              | RM1000-RM2000    | 10        | 33.3%   |
|     |                          | RM2001-RM3000    | 15        | 50%     |
|     |                          |                  |           |         |

Jadual 1 menunjukkan latar belakang responden mengikut umur mendapati bilangan peniaga berumur 18-28 tahun seramai 5 orang responden (16.7%). Bilangan peniaga berumur 29-39 tahun seramai 11 orang responden (36.7%). Bilangan peniaga berumur 40-50 tahun seramai 10 orang responden (33.3%) dan bilangan peniaga berumur 51 tahun ke atas seramai 4 orang responden (13.3%). Oleh itu, hasil analisis didapati umur terbesar yang ketara sebagai responden kajian ini ialah terdiri daripada peniaga-peniaga yang berumur 29-39 tahun yang seramai 11 orang responden (36.7%). Dari segi jantina, seramai 20 orang peniaga (66.7%) terdiri daripada kalangan orang lelaki. Manakala, seramai 10 orang peniaga (33.3%) terdiri daripada orang perempuan. Keputusan analisis menunjukkan majoriti peniaga terdiri daripada kalangan lelaki iaitu seramai 20 Orang (66.7%).

Dari segi bangsa pula, seramai 20 orang peniaga terdiri daripada bangsa melayu (66.7%). Manakala, seramai 5 orang peniaga terdiri daripada bangsa Cina (16.7%) dan seramai 5 orang peniaga terdiri daripada bangsa India (16.7%). Majoriti menunjukkan peniaga berbangsa Melayu lebih ramai berbanding peniaga berbangsa Cina dan India. Dari segi pekerjaan, majoriti semua responden yang saya dapat di kawasan kajian iaitu Taman Damai, Gemas Negeri Sembilan ialah terdiri daripada peniaga yang seramai 30 orang responden (100%). Dari segi pendapatan pula, seramai 5 orang peniaga yang berpendapatan sebanyak RM1000 ke bawah (16.7%). Manakala, seramai 10 orang peniaga yang berpendapatan sebanyak RM1000-RM2000 (33.3%) dan seramai 15 orang peniaga berpendapatan sebanyak RM2001-RM3000 (50%). Keputusan analisis menunjukkan majoriti pendapatan peniaga adalah sebanyak RM2001-RM3000 (50%).

#### 4.0 ELEMEN KEUSAHAWANAN

**Jadual 2: Elemen usahawan**

| ELEMEN KEUSAHAWANAN   | SANGAT TIDAK SETUJU |    | TIDAK SETUJU |     | AGAK SETUJU |     | SETUJU |     | SANGAT SETUJU |      |
|---|---------------------|----|--------------|-----|-------------|-----|--------|-----|---------------|------|
|   | N                   | %  | N            | %   | N           | %   | N      | %   | N             | %    |
| <b>1. SIKAP KEUSAHAWANAN</b>  |                     |    |              |     |             |     |        |     |               |      |
| i. Pengurusan masa yang cekap adalah penting.                                     | 0                   | 0% | 0            | 0%  | 5           | 16% | 15     | 50% | 10            | 33%  |
| ii. Perlu merangka idea untuk memajukan perniagaan.                               | 0                   | 0% | 0            | 0%  | 16          | 53% | 10     | 33% | 4             | 13%  |
| iii. Rangkaian antara anda dengan usahawan yang lain adalah penting.              | 0                   | 0% | 5            | 16% | 10          | 33% | 8      | 26% | 7             | 23%  |
| iv. Kesedaran tentang kepentingan bekerja sendiri diperlukan adalah penting.      | 0                   | 0% | 0            | 0%  | 17          | 56% | 6      | 20% | 7             | 23%  |
| v. Pengurusan sumber modal yang baik adalah penting.                              | 0                   | 0% | 0            | 0%  | 0           | 0%  | 0      | 0%  | 30            | 100% |
| <b>2. BERFIKIR SECARA KREATIF DAN INOVATIF</b>                                    |                     |    |              |     |             |     |        |     |               |      |
| i. Perancangan perniagaan adalah penting.   | 0                   | 0% |              | 0%  | 10          | 33% | 16     | 53% | 4             | 13%  |
| ii. Laman web pemasaran merupakan kaedah terbaik anda untuk memajukan perniagaan. | 0                   | 0% | 0            | 0%  | 21          | 70% | 4      | 13% | 4             | 13%  |
| iii. Latihan berkomunikasi adalah penting.  | 0                   | 0% | 0            | 0%  | 18          | 60% | 6      | 20% | 6             | 20%  |
| iv. Dengan menghasilkan reka bentuk media sosial dapat menarik minat pelanggan.   | 0                   | 0% | 0            | 0%  | 15          | 50% | 8      | 26% | 7             | 23%  |

Jadual 2 menunjukkan antara elemen-elemen yang diperlukan oleh seorang usahawan. Untuk elemen yang pertama iaitu sikap keusahawanan. Antaranya ialah pengurusan masa yang cekap adalah penting, majoriti seramai 15 orang responden setuju dengan kenyataan tersebut (50%). Seterusnya, perlu merangka idea untuk memajukan perniagaan, majoriti seramai 16 orang responden agak setuju dengan kenyataan tersebut (53%). Selain itu, rangkaian antara anda dengan usahawan yang lain adalah penting, majoriti seramai 10 orang responden agak setuju dengan kenyataan tersebut (33%).

Seterusnya, kesedaran tentang kepentingan bekerja sendiri diperlukan adalah penting, majoriti seramai 17 orang responden agak setuju dengan kenyataan tersebut (56%). Akhirnya, pengurusan sumber modal yang baik adalah penting, majoriti seramai 30 orang responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut (100%). Elemen yang kedua adalah berfikir secara kreatif dan inovatif. Antaranya ialah perancangan perniagaan adalah penting, majoriti seramai 16 orang responden setuju dengan kenyataan tersebut (53%). Seterusnya, laman web pemasaran merupakan kaedah terbaik anda untuk memajukan perniagaan, majoriti seramai 21 orang responden agak setuju dengan kenyataan tersebut (70%). Selain itu, latihan berkomunikasi adalah penting, majoriti seramai 18 orang responden agak setuju dengan kenyataan tersebut (60%). Akhirnya, dengan menghasilkan reka bentuk media sosial dapat menarik minat pelanggan, majoriti seramai 15 orang responden agak setuju dengan kenyataan tersebut (50%).

| ELEMEN KEUSAHAWANAN  | SANGAT TIDAK SETUJU |    | TIDAK SETUJU |    | AGAK SETUJU |     | SETUJU |     | SANGAT SETUJU |      |
|--|---------------------|----|--------------|----|-------------|-----|--------|-----|---------------|------|
|  | N                   | %  | N            | %  | N           | %   | N      | %   | N             | %    |
| <b>3. CARA PENGURUSAN JUAL BELI DENGAN MUDAH</b>                       |                     |    |              |    |             |     |        |     |               |      |
| i. Ilmu pengetahuan dalam urusan jual beli adalah penting.             | 0                   | 0% | 0            | 0% | 10          | 33% | 5      | 16% | 15            | 50%  |
| ii. Usahawan perlu mahir dalam proses pengurusan wang.                 | 0                   | 0% | 0            | 0% | 0           | 0%  | 0      | 0%  | 30            | 100% |
| iii. Pengurusan masa yang cekap adalah penting.                        | 0                   | 0% | 0            | 0% | 5           | 16% | 10     | 33% | 15            | 50%  |
| iv. Usahawan perlu mahir dalam pengurusan stok dan sumber.             | 0                   | 0% | 0            | 0% | 0           | 0%  | 15     | 50% | 15            | 50%  |
| v. Usahawan memerlukan peralatan dalam memulakan perniagaan.           | 0                   | 0% | 0            | 0% | 14          | 46% | 10     | 33% | 6             | 20%  |
| <b>4. NILAI MORAL USAHAWAN</b>   |                     |    |              |    |             |     |        |     |               |      |
| i. Bersikap jujur dan telus dalam perniagaan adalah penting.           | 0                   | 0% | 0            | 0% | 0           | 0%  | 0      | 0%  | 30            | 100% |
| ii. Perlu bersikap terbuka dengan kritikan dalam perniagaan.           | 0                   | 0% | 0            | 0% | 15          | 50% | 5      | 16% | 10            | 33%  |
| iii. Perlu mempunyai impian dan matlamat yang tinggi dalam perniagaan. | 0                   | 0% | 0            | 0% | 4           | 13% | 10     | 33% | 16            | 53%  |



|     |   |    |     |    |     |   |     |    |     |    |     |
|-----|---|----|-----|----|-----|---|-----|----|-----|----|-----|
| iv. | Perlu utamakan kebersihan dalam perniagaan.               | 0  | 0%  | 0  | 0%  | 5 | 16% | 12 | 40% | 17 | 56% |
| v.  | Perlu bekerjasama dengan saingan dalam pasaran yang sama. | 15 | 50% | 10 | 33% | 5 | 16% | 0  | 0%  | 0  | 0%  |

Elemen yang ketiga ialah cara pengurusan jual beli dengan mudah. Antaranya ialah, ilmu pengetahuan dalam urusan jual beli adalah penting, majoriti seramai 15 orang responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut (50%). Seterusnya, usahawan perlu mahir dalam proses pengurusan wang, majoriti seramai 30 orang responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut (100%). Selain itu, pengurusan masa yang cekap adalah penting, majoriti seramai 15 orang responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut (50%). Seterusnya, usahawan perlu mahir dalam pengurusan stok dan sumber, majoriti 15 orang responden setuju (50%), dan 15 orang responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut (50%). Akhirnya, usahawan memerlukan peralatan dalam memulakan perniagaan, majoriti seramai 14 orang responden agak setuju dengan kenyataan tersebut (46%).

Elemen yang terakhir ialah nilai moral usahawan. Antaranya ialah, bersikap jujur dan telus dalam perniagaan adalah penting, majoriti seramai 30 orang responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut (100%). Seterusnya, perlu bersikap terbuka dengan kritikan dalam perniagaan, majoriti seramai 15 orang responden agak setuju dengan kenyataan tersebut (50%). Selain itu, perlu mempunyai impian dan matlamat yang tinggi dalam perniagaan, majoriti seramai 16 orang responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut (53%). Seterusnya, perlu utamakan kebersihan dalam perniagaan, majoriti seramai 17 orang responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut (56%). Akhirnya, perlu bekerjasama dengan saingan dalam pasaran yang sama, majoriti seramai 15 orang responden sangat tidak setuju dengan kenyataan tersebut (50%).

## 5.0 CABARAN KEUSAHAWANAN

**Jadual 3 : Cabaran usahawan**

| CABARAN KEUSAHAWANAN              | SANGAT TIDAK SETUJU                         |   | TIDAK SETUJU |   | AGAK SETUJU |    | SETUJU |    | SANGAT SETUJU |    |     |
|-----------------------------------|---|---|--------------|---|-------------|----|--------|----|---------------|----|-----|
|                                   | N   | % | N            | % | N           | %  | N      | %  | N             | %  |     |
| <b>1. LATAR BELAKANG KELUARGA</b> |   |   |              |   |             |    |        |    |               |    |     |
| i.                                | Keluarga perlu memainkan peranan.           | 0 | 0%           | 0 | 0%          | 0  | 0%     | 15 | 50%           | 15 | 50% |
| ii.                               | keluarga perlu memberi khidmat nasihat.     | 0 | 0%           | 0 | 0%          | 5  | 16%    | 10 | 33%           | 15 | 50% |
| iii.                              | keluarga perlu membantu dari segi kewangan. | 0 | 0%           | 2 | 6%          | 16 | 53%    | 6  | 20%           | 6  | 20% |
| <b>2. SIKAP DAN MINAT</b>         |   |   |              |   |             |    |        |    |               |    |     |

|                                  |  |   |    |   |    |    |     |    |     |    |     |
|----------------------------------|--|---|----|---|----|----|-----|----|-----|----|-----|
| i.                               | Seorang usahawan perlu mempunyai sikap yang bertanggungjawab dalam menjalankan perniagaan. |   | 0% | 0 | 0% | 10 | 33% | 5  | 16% | 15 | 50% |
| ii.                              | Sikap minat dalam perniagaan adalah penting.   | 0 | 0% | 0 | 0% | 7  | 23% | 17 | 56% | 6  | 20% |
| iii.                             | Sikap hormat menghormati antara peniaga dan pelanggan adalah penting.                      | 0 | 0% | 0 | 0% | 4  | 13% | 8  | 26% | 18 | 60% |
| <b>3. KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN</b> |  |   |    |   |    |    |     |    |     |    |     |
| i.                               | Kemahiran perlu ada dalam diri usahawan.   | 0 | 0% | 0 | 0% | 5  | 16% | 7  | 23% | 18 | 60% |
| ii.                              | Ilmu pengetahuan adalah penting untuk seseorang yang bergelar usahawan.                    | 0 | 0% | 0 | 0% | 11 | 36% | 14 | 46% | 15 | 50% |
| iii.                             | Kemahiran boleh membuahkan hasil yang baik dalam memajukan perniagaan.                     | 0 | 0% | 0 | 0% | 14 | 46% | 6  | 20% | 10 | 33% |

Jadual 3 menunjukkan cabaran yang diperlukan oleh seorang usahawan. Cabaran yang pertama ialah latar belakang keluarga. Antaranya ialah keluarga perlu memainkan peranan, majoriti seramai 15 orang responden setuju (50%) dan seramai 15 orang responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut (50%). Seterusnya, keluarga perlu memberi khidmat nasihat, majoriti seramai 15 orang responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut (50%). Akhirnya, keluarga perlu membantu dari segi kewangan, majoriti seramai 16 orang responden agak setuju dengan kenyataan tersebut (53%).

Cabaran yang kedua ialah sikap dan minat. Antaranya ialah seorang usahawan perlu mempunyai sikap yang bertanggungjawab dalam menjalankan perniagaan, majoriti seramai 15 orang responden sangat setuju dengan kenyataan berikut (50%). Selain itu, sikap minat dalam perniagaan adalah penting, majoriti seramai 17 orang responden setuju dengan kenyataan tersebut (56%). Akhirnya, sikap hormat menghormati antara peniaga dan pelanggan adalah penting, majoriti seramai 18 orang responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut (60%).

Cabaran yang terakhir ialah kemahiran keusahawanan. Antaranya ialah kemahiran perlu ada dalam diri usahawan, majoriti seramai 18 orang responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut (60%). Selain itu, ilmu pengetahuan adalah penting untuk seseorang yang bergelar usahawan, majoriti seramai 15 orang responden setuju sangat dengan kenyataan tersebut (50%). Akhirnya, kemahiran boleh membuahkan hasil yang baik dalam memajukan perniagaan, majoriti seramai 14 orang responden agak setuju dengan kenyataan tersebut (46%).

## **6.0 CADANGAN**

Terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang saya perolehi daripada borang soal selidik yang diedarkan di kawasan Taman Damai Gemas Negeri Sembilan. Antaranya ialah program yang boleh menarik minat komuniti dalam bidang keusahawanan, pinjaman yang dapat ditawarkan, kawasan yang strategik untuk dijadikan premis perniagaan, adakah ceramah atau seminar dapat menarik minat komuniti sertai bidang keusahawanan dan adakah dengan bermodalkan kecil dapat membuka premis perniagaan.

Menurut borang soal selidik yang diedarkan antara program yang boleh menarik minat komuniti dalam bidang keusahawanan ialah majoriti memberitahu program skim cepat kaya, kempen keusahawanan dan juga karnival keusahawanan. Program-program tersebut pernah dijalankan tetapi tidak diketengahkan di kawasan yang saya kaji iaitu di Gemas Negeri Sembilan.

Seterusnya, majoriti menjawab pinjaman yang perlu ditawarkan kepada komuniti yang mengikuti bidang keusahawanan ialah amanah rakyat, iaitu adalah untuk menerajui bidang keusahawanan, pendidikan dan pelaburan untuk penguasaan ekuiti Bumiputera. MARA memainkan peranan penting dalam perniagaan kaum Bumiputera sesuai dengan objektif agensi ini iaitu untuk membangunkan usahawan berjaya dan inovatif, melahirkan modal insan global dan berintegriti, menyumbang kepada pemilikan ekuiti dan, memudahkan sistem penyampaian. Dengan ini kita dapat melihat sejauh mana MARA menyokong perniagaan terutamanya bagi kaum Bumiputera.

Selain itu, majoriti komuniti di kawasan Gemas menyatakan kawasan yang sewajarnya dijadikan sebagai premis perniagaan adalah di kawasan sekitar perumahan. Ia dapat memudahkan masyarakat setempat untuk membeli barangan keperluan harian, dan dapat menjimatkan dari segi penggunaan minyak untuk kenderaan seperti kereta dan motor dan majoriti komuniti di kawasan kajian menyatakan dengan memberi ceramah atau seminar atau latihan tentang keusahawanan dapat menarik minat komuniti dalam menyertai bidang komuniti.

## **7.0 KESIMPULAN**

Tahap penyertaan penduduk di kawasan kajian secara amnya adalah merujuk kepada usaha dan inisiatif sendiri untuk terlibat di dalam sesuatu program yang dianjurkan. Mereka tidak dipaksa sebaliknya boleh bekerjasama dan berkongsi idea ke arah menambah baik program-program tersebut. Namun begitu, terdapat golongan minoriti penduduk yang mengharapkan sesuatu insentif jika inginkan mereka untuk sama turut serta dalam program terbabit.

Isu penyertaan penduduk di dalam bidang keusahawanan pula seharusnya dilihat dalam konteks yang lebih luas memandangkan bidang ini mempunyai potensi yang baik untuk di maju dan diperkembangkan lagi pada masa hadapan. Faktor-faktor dan kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti memberi kesan dan pengaruh kepada tahap penyertaan penduduk seperti modal, kursus dan latihan, kronisme, hubungan dengan ahli politik, kurang kefahaman terhadap bidang keusahawanan, masalah komitmen, kurang inisiatif penduduk untuk melibatkan diri serta faktor jantina, taraf perkahwinan, umur dan taraf pendidikan sebaiknya cuba diatasi, diperbaiki dan dibuat penambahbaikan dalam usaha untuk menggalak dan meningkatkan tahap penyertaan penduduk dalam bidang keusahawanan terutamanya di kawasan kajian.

Akhirnya, peranan agensi pembangunan luar bandar terutamanya KEMAS, MARA, KEDA, RISDA dan sebagainya haruslah dikaji semula ke arah meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan setiap agensi-agensi terbabit. Ini penting bagi mengelakkan pertindihan tugas di samping dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada kumpulan sasaran terutamanya penduduk luar bandar. Di samping itu, setiap anggota komuniti terbabit juga haruslah bersikap proaktif dalam menyemai minat dan menimbulkan kesedaran tentang kepentingan untuk melibatkan diri di dalam setiap aktiviti yang diadakan terutamanya dalam bidang keusahawanan.

## RUJUKAN

- Ae. 2012. Penglibatan Komuniti dalam Bidang Keusahawanan. *Malaysia Journal of Society and Space* 8 issue 9, 84-96.
- Auken, H. 2002. A Model Of Community-Based Venture Capital Formation To Fund Early-Stage Technology-Based Firms”, *Journal of Small Business Management, Milwaukee (October)*:, 287-301.
- Austin, J. S.-S. 2006. Social and commercial entrepreneurship : same, different or both? *Entrepreneurship Theory & Practice*, 30 (1), 1-22.
- Haugh, H. &. 1999. Community entrepreneurship in north east Scotland. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*, 5 (4), 163-172.
- Hisrich, R. P. 1998. Women entrepreneurs: a longitudinal study,. *Frontiers of Entrepreneurship Research*,, 187-9.
- J, A. 1991. On the Theory of Finance for Privately Held Firms, . *Journal of Small Business Finance*, 1, , 185-203.
- J, A. 1992. Small Business Uniqueness and the Theory of Financial Management,.,*Journal of Small Business Finance*, 1, 3-13.
- Johannisson, B. N. 1989. Community entrepreneurs: networking for local government. *Entrepreneurship & Regional Development*, 1 (1), 3-19.
- Kuratko, C. &. 2004. Entrepreneurship , (6th ed) Australia: Thomson. *Entrepreneurship journal*.
- Megginson, W. L. 2000. Small Business Management:. *An Entrepreneurs’s Guidebook, McGraw-Hill, Boston*.
- Miles, C. &. 1999. Resource configuration and creative practices of community entrepreneurs. *Journal of Enterprising Communities : People and Places in the Global Economy*, 100-123.
- Mohar, M. 2001. *Entrepreneurship a Contemporary Approach, Harcourt*.
- Mokros, p. &. 2007. Importance of Managerial Skills and Knowledge in Management for Small Entrepreneurship. comeniuous University.
- Oladele. 2013. A contextualisation of entrepreneurship , cases and conseptualisation.*Entrepreneurship Behaviour & Research*, 12 (4)., 192-209.
- Thuaiabah@Suaibah Binti Abu Bakar, A. B. 2007. Penglibatan Kaum Wanita Dalam Aktiviti Keusahawanan di Negeri Johor: Kajian Terhadap Faktor-faktor Kritikal Kejayaan dan Kegagalan Pengendalian Perniagaan. *Vot Penyelidikan* 75087, *Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, UTM* .

# HUBUNGAN TEKANAN KERJA DENGAN KOMITMEN GURU DI DALAM ORGANISASI

**Muhd Amir Naim b. Mohd Firdaus, Siti Haziqah binti Shaban**

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

[amirnaim.kuim@gmail.com](mailto:amirnaim.kuim@gmail.com)

## **Abstrak**

Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengkaji berkenaan dengan hubungan tekanan kerja dengan komitmen guru di dalam organisasi sekolah. Bagi responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada guru-guru sekolah rendah yang disertai seramai 44 orang responden antaranya guru perempuan seramai 35 orang dan selebihnya baki 9 orang adalah guru lelaki. Instrumen yang digunakan dalam menjalankan kajian adalah merupakan penggunaan borang soal selidik yang terbahagi kepada tiga A, B dan C. Soalan pada bahagian A adalah berkenaan demografi responden, manakala soal selidik pada bahagian B pula adalah berkenaan dengan tekanan kerja (*Job Stress Questionnaire*) mengandungi 17 item dan soalan pada bahagian C pula adalah berkenaan dengan komitmen dalam organisasi (*Organizational Commitment Question*) mengandungi 22 item. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan tekanan kerja dengan komitmen guru di dalam organisasi dengan nilai sig adalah lebih besar daripada nilai aras keyakinan ( $.003 < .05$ ). Selain itu hasil dapatan kajian ini juga menunjukkan kaedah pengurusan tekanan kerja adalah berbeza dengan berdasarkan dari segi umur dan tempoh bekerja seseorang guru tersebut. Tekanan kerja yang dihadapi antara guru lelaki dan guru perempuan adalah sama dengan nilai sig adalah lebih besar daripada nilai aras keyakinan ( $.285 > .05$ ). Daripada hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada guru-guru sekolah untuk lebih mempersiapkan diri untuk memikul bebanan serta mengurus tekanan kerja yang dihadapi.

Kata Kunci: Tekanan Kerja, Komitmen, Guru, Organisasi

## **Abstract**

This study was conducted to examine the relationship between work stress and teacher commitment in the school organization. For the respondents involved in this study is composed of primary school teachers who participated as many as 44 respondents including 35 female teachers and the remaining 9 people are male teachers. The instrument used in conducting the study is the use of a questionnaire divided into three A, B and C. The questions in part A are about the demographics of respondents, while the questionnaire in part B is about work stress (*Job Stress Questionnaire*) contains 17 items and questions in section C are related to commitment in the organization (*Organizational Commitment Question*) contains 22 items. The results of the study showed that there was a significant relationship between the relationship between work stress and teacher commitment in the organization with the sig value was greater than the confidence level value ( $.003 < .05$ ). In addition, the results of this study also show that the method of work stress management is different based on the age and duration of work of a teacher. The work stress faced between male and female teachers was equal to the sig value was greater than the confidence level value ( $.285 > .05$ ). From the results of this study can benefit school teachers to be better prepared to bear the burden and manage the work stress faced.

Keywords: Work Stress, Commitment, Teacher, Organization

## **1.0 PENGENALAN**

Guru merupakan individu yang bekerja sebagai seorang pendidik di dalam sesebuah sekolah. Tugas utama guru adalah mengajar serta menyumbangkan ilmu kepada pelajar-pelajarnya. Profesion keguruan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial yang sungguh mencabar (Mohamad Abdillah Royo, Woo Sew Fun, 2007). Justeru, guru-guru sekolah amatlah terdedah kepada tekanan sekaligus menyebabkan komitmen dalam organisasi juga terganggu.

Guru yang menghadapi tekanan berpotensi untuk menyebabkan seseorang guru dalam keadaan tertekan, kemurungan, tidak bersemangat dan kecewa. Guru-guru yang mengalami tekanan dan tidak dapat mengawal dirinya akan meninggalkan kesan antaranya hubungan guru dengan pelajar serta mutu pengajaran dan pembelajaran sekaligus kualiti pendidikan juga terjejas. Selain itu, komitmen daripada guru-guru dalam organisasi akan mula terjejas yang akan mengakibatkan prestasi sekolah akan merosot.

Seluruh institusi pendidikan terutamanya sekolah telah mensasarkan untuk mempunyai guru-guru yang komited dalam sistem mereka terdapat banyak kajian telah menunjukkan bahawa pekerja yang komited lebih cenderung untuk menjadi pekerja yang berprestasi tinggi yang mendapat manfaat organisasi mereka dari segi produktiviti dan keuntungan (Nur Hazirah, 2020). Faktor utama dalam peningkatan kualiti kerja guru sekolah adalah juga dilihat daripada tekanan kerja yang diperolehi. Tekanan kerja jika tidak ditangani dengan betul akan menyebabkan berlaku prestasi kerja dan pengajaran pada tahap yang lemah.

Permasalahan yang berlaku adalah, peranan dan tanggungjawab sebagai seorang guru adalah berat dan mencabar seperti guru-guru ini terpaksa untuk berhadapan dengan kepelbagaian para pelajar, guru-guru perlu berhadapan perubahan-perubahan sistem pendidikan yang berlaku secara tiba-tiba. Selain itu, guru-guru ini juga kurang untuk menerima penghargaan sepanjang berkhidmat. Tambahan juga guru-guru ini juga diberikan tugas lain yang perlu diselesaikan selain daripada mengajar kepada pelajar-pelajar.

Dalam menjalankan kajian ini pengkaji telah menetapkan beberapa hipotesis dengan berdasarkan kajian yang dijalankan. Antara hipotesis yang telah ditetapkan pengkaji adalah untuk melihat jika terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan kerja dengan komitmen guru di dalam organisasi. Seterusnya adalah untuk melihat jika terdapat perbezaan yang signifikan antara tekanan kerja berdasarkan jantina. Selain itu, untuk melihat jika terdapat perbezaan yang signifikan antara tekanan kerja berdasarkan umur dan jika untuk melihat jika terdapat perbezaan yang signifikan antara tekanan kerja berdasarkan tempoh berkhidmat.

## **2.0 SOROTAN LITERATUR**

Seterusnya, kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Said Ambo Tang dan Norhayati Bayong (2018) yang bertajuk Hubungan Antara Beban Tugas Dan Tekanan Kerja Dengan Komitmen Guru Sekolah Rendah. Dapatan daripada kajian yang telah dijalankan adalah menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan kerja dalam kalangan guru lelaki guru perempuan dan juga berdasarkan faktor katagori perkhidmatan guru juga tidak terdapat perbezaan komitmen kerja guru.

Selain itu, kajian lepasan daripada Mazlina (2013) yang bertajuk Hubungan Tekanan Kerja Dengan Komitmen Dan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru Program Pendidikan

Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran Di Empat Buah Sekolah Rendah Daerah Pontian. Dapatan daripada kajian yang telah dijalankan adalah menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan signifikan antara tahap tekanan kerja dengan komitmen dan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran sekolah rendah di daerah Pontian

Kajian yang telah oleh Zuraimy Ali, Azizi Abu Bakar, Mohd Nor Jaafar (2016) yang bertajuk Tekanan Kerja Serta Hubungannya Dengan Komitmen Guru Pendidikan Islam Terhadap Organisasi. Dapatan daripada kajian tersebut mendapati bahawa kesemua dimensi tekanan kerja mempunyai hubungan dengan komitmen organisasi secara positif.

Seterusnya, kajian yang telah dijalankan oleh Zamri Abdul Rahman (1997) dengan kajian beliau iaitu Hubungan Diantara Tekanan Kerja, Kepuasan Kerja Dan Hasrat Hendak Berhenti Kerja Dikalangan Guru-Guru Sekolah Berasrama Penuh Di Kelantan. Berdasarkan dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif antara tekanan kerja dengan kepuasan kerja dan hasrat untuk berhenti.

### 3.0 KAEDAH

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kajian tinjauan yang memerlukan pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada 44 orang guru sekolah rendah di dua buah sekolah rendah iaitu Sekolah Kebangsaan Bukit Hijau dan Sekolah Kebangsaan Seri Banai yang terletak di negeri Kedah.

Instrument bagi kajian ini adalah dengan menggunakan borang soal selidik yang berbentuk *google form* akan disebarkan kepada responden untuk mendapatkan maklumat data yang telah dijawab. Didalam soal selidik tersebut terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B, dan C. soalan pada bahagian A adalah berkenaan demografi seperti jantina, umur dan tempoh berkhidmat. Soalan pada bahagian B pula berkenaan dengan tekanan kerja *Job Stress Questionnaire* (JSQ) mempunyai 17 item dan soalan pada bahagian C berkenaan komitmen organisasi *Organizational Commitment Question* (QCQ) mempunyai 22 item.

Responden yang terlibat adalah terdiri daripada 9 orang guru lelaki (20.5%) dan 35 orang guru perempuan (79.5%) daripada kedua-dua buah sekolah rendah tersebut. bagi pemilihan sampel rawak berlapis berikutan hanya guru sekolah rendah daripada dua buah sekolah tersebut sahaja dipilih.

### 4.0 KEPUTUSAN KAJIAN

Pengkaji akan menerangkan berkenaan hasil dapatan daripada kajian yang telah dijalankan dengan berdasarkan dengan data mental yang telah dikumpulkan daripada responden. Data yang diperolehi daripada soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan perisian program “*Statistical Package For Social Science*” (SPSS).

Jadual 1.1: Korelasi Antara Tekanan Kerja Dengan Komitmen Guru Dalam Organisasi

|              |          |
|--------------|----------|
| Pembolehubah | komitmen |
|--------------|----------|

|               |      |
|---------------|------|
| Tekanan kerja | -436 |
|---------------|------|

Berdasarkan pada jadual 1.1 diatas nilai ( $\text{sig} = .003 < .05$ ) adalah lebih kecil daripada aras keyakinan .05. Dengan ini telah menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan kerja dengan komitmen guru dalam organisasi. Oleh itu, hipotesis yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan kerja dengan komitmen guru dalam organisasi adalah diterima.

Jadual 1.2: Analisis Ujian T Antara Tekanan Kerja Dengan Jantina

| Jantina   | N  | Min    | T    | Sig  | df |
|-----------|----|--------|------|------|----|
| Lelaki    | 9  | 4.0327 | .534 | .285 | 42 |
| Perempuan | 35 | 3.9647 | .418 |      |    |

$P > .05$

Berdasarkan nilai analisis data yang ditunjukkan pada jadual 1.2 menunjukkan bahawa nilai bagi min daripada tekanan kerja antara guru lelaki dan guru perempuan adalah berbeza dimana nilai min bagi guru lelaki adalah 4.0327 manakala nilai min bagi guru perempuan pula adalah 3.9647. daripada hasil analisis ini adalah ( $t(42) = .534, p > 0.05$ ) Ini jelas menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan tekanan kerja dengan jantina Oleh itu, bagi hipotesis yang dinyatakan terdapat perbezaan yang signifikan antara tekanan kerja berdasarkan jantina adalah ditolak.

Jadual 1.3: Analisis Anova Antara Perbezaan Tekanan Kerja Dengan Umur

| Tekanan kerja   | Jkd   | Dk | Min  | F     | Sig  |
|-----------------|-------|----|------|-------|------|
| Antara kumpulan | 1.087 | 4  | .272 | 2.770 | .041 |
| Dalam Kumpulan  | 3.827 | 39 | .098 |       |      |

$P < .05$

Berdasarkan nilai yang ditunjukkan pada jadual 1.3, menunjukkan nilai anova dalam data ini  $f = 2.770$  dan pada nilai signifikan  $p = .041$ . Oleh itu nilai signifikan ini adalah .041 lebih kecil daripada aras keyakinan .05. Maka terdapat perbezaan yang signifikan antara tekanan kerja berdasarkan umur. Dengan ini hipotesis diterima kerana nilai yang terhasil menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan iaitu ( $f(4,39) = 2.770 p > .05$ ).



## **5.0 PERBINCANGAN**

Dengan berdasarkan kajian yang telah dijalankan ini terdapat beberapa cadangan yang boleh diusulkan untuk menyokong berkenaan kajian hubungan tekanan kerja dengan komitmen guru adalah setiap guru diberikan penghargaan selepas guru-guru ini berjaya mengharungi tekanan sepanjang bekerja. Sekiranya segala penat lelah guru-guru ini dalam berbakti kepada sekolah dan di dalam organisasi ini diberi penghargaan maka pada masa akan datang guru-guru ini akan lebih berkomitmen dan mampu meningkatkan prestasi sekolah tersebut.

Selain itu, pengkaji juga berharap agar pihak kerajaan dan pihak sekolah tidak memberi penekanan kepada guru-guru ini antaranya tugas tambahan kepada guru dan berlaku pengubahan silibus pembelajaran secara mengejut membuatkan guru-guru tidak bersedia. Sekiranya pihak kerajaan dan pihak sekolah berjaya mengurangkan penekanan dengan itu tekanan yang dihadapi oleh guru dapat dikurangkan dan mampu sekaligus mampu untuk memberikan komitmen yang baik.

## **6.0 RUMUSAN**

Kesimpulan daripada kajian ini, dapat disimpulkan bahawa bekerja sebagai seorang pendidik adalah satu tanggung jawab yang berat. Tugas dan tanggungjawab menjadi seorang guru pada masa ini adalah begitu mencabar bukan sahaja mengajar murid dalam kelas malahan guru juga merupakan pemangkin dan nadi kepada sekolah. Segala tekanan yang dihadapi oleh guru-guru ini tidak sepatutnya dipandang remeh kerana impak daripada tekanan kerja yang dihadapi para guru boleh mengakibatkan sistem pendidikan boleh terjeles dan pembangunan pelajar khusus dalam penghasilan pemimpin yang akan datang. Tidak dinafikan bahawa tekanan kerja mampu untuk menjejaskan kehidupan kesejahteraan terutamanya bagi seorang guru ini. Jika tidak ditangani isu ini ia akan memberi impak kepada prestasi kerjanya di dalam bidang pendidikan yang diceburinya. Oleh itu, sebagai seorang guru harus mempersiapkan diri dan memahami kaedah yang bersesuaian untuk menghadapi situasi tekanan kerja. Guru perlu pandai dalam mengurus bebanan kerja yang dipikul. Akhir sekali, pengkaji mengharapkan kajian ini berguna serta membantu untuk membuka mata masyarakat agar lebih cakna dengan masalah yang dihadapi oleh warga pendidik ini. Diharapkan pada masa akan datang akan lebih banyak kajian-kajian berkenaan masalah yang dihadapi oleh guru-guru ini.

## **RUJUKAN**

Abdul Said Ambotang, Norhayati Bayong. (2018). Hubungan Antara Beban Tugas Dan Tekanan Kerja Dengan Komitmen Guru Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bitara Upsi* Vol.11, 2018 / Issn 1394-7176 (11-21). Universiti Malaysia Sabah.

Mazlina. (2013). Hubungan Tekanan Kerja Dengan Komitmen Dan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran Di Empat Buah Sekolah Rendah Daerah Pontian. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohamad Abdillah Royo, Woo Sew Fun. (2010). Faktor-Faktor Yang Mendorong Tekanan Kerja (Stres) Di Kalangan Guru-Guru Sjk(C): Satu Kajian Di Tiga Buah Sekolah Di Wilayah Persekutuan. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

Nur Hazirah. (2020). Personaliti, Motivasi Kerja Dan Hubungannya Dengan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru Di Smk Malim, Melaka. Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka.

Zamri Abdul Rahman. (1997). Hubungan Diantara tekanan Kerja, Kepuasan Kerja Dan Hasrat Hendak Berhenti Kerja Di Kalangan Guru-Guru Sekolah Berasrama Penuh Di Kelantan. Fakulti Pengurusan Perniagaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zuraimy Ali, Azizi Abu Bakar, Mohd Nor Jaafar. (2016). Tekanan Kerja Serta Hubungannya Dengan Komitmen Guru Pendidikan Islam Terhadap Organisasi. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* Vol. 2: no. 2 (2016) page 69–79 [gbse.com.my](http://gbse.com.my) eISSN 24621714.

# TEKANAN KERJA GURU TERHADAP KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI DI EMPAT BUAH SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN SEKITAR KUALA LANGAT, SELANGOR

**NurHanani Kausthar Bahaman & Siti Nazurulaina Hj Aripin**

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

[hananikausthar99@gmail.com](mailto:hananikausthar99@gmail.com)

## Abstrak

Tekanan merujuk kepada pembentukan tingkah laku serta memberi kesan terhadap emosi seseorang individu. Tekanan bukanlah suatu perkara baru dan ia adalah sebahagian daripada kehidupan normal. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan tekanan kerja dengan kesejahteraan psikologi guru-guru di empat buah sekolah rendah kebangsaan. Kajian ini telah menggunakan kaedah kuantitatif dalam menentukan perhubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar (tekanan kerja) dengan pemboleh ubah bersandar (kesejahteraan psikologi). Terdapat lima faktor tekanan yang dikaji iaitu salah laku pelajar, beban tugas, kekangan masa dan sumber, hubungan interpersonal dan penghargaan. Sampel kajian ini telah diperoleh daripada guru-guru di empat buah sekolah rendah kebangsaan di Kuala Langat, Selangor. Sebanyak 132 sampel telah diperoleh penyelidik untuk diuji dalam kajian ini. Setiap hipotesis telah diuji dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* Versi 20.0. Alat kajian yang digunakan ialah *Teacher Stress Inventory* dan Instrumen Kesejahteraan Psikologi Versi Bahasa Melayu. Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan pada tahap rendah, iaitu  $r = 0.157$  di antara pemboleh ubah tekanan kerja terhadap kesejahteraan psikologi guru.

Kata kunci: tekanan kerja, beban tugas, kesejahteraan psikologi

## Abstract

Stress refers to the formation of behavioural and emotional impact on an individual. Stress is not a new thing and it is part of normal life. This study was conducted to see the relationships between the factors of job stress and psychological well-being among teachers from four schools were selected in Kuala Langat, Selangor. Quantitative methods were used to determine the relationships between independent variables (job stress) and dependent variables (psychological well-being). There were five factors included in this study which were, student misconduct, workload, time and resource constraints, interpersonal relationship and appreciation. The sample for this study were obtained from the primary teachers of Kuala Langat, Selangor. There were 132 samples which were collected for the purpose of this study. Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Version 20.0 software was used to test each hypothesis in this study. The Teacher Stress Inventory (TSI) and Psychological Well-Being Malay Version has been given to 132 teachers chosen as respondents for the purpose of descriptive this research. The finding of this study suggested that there is no significant low link,  $r = 0.157$  between job stress with psychological well-being among teachers in Kuala Langat, Selangor.

Keywords : job stress, workload, psychological well-being

## 1.0 PENGENALAN

Kepentingan sistem pendidikan sebagai pemangkin kepada masyarakat yang berilmu dan berakhlak sememangnya tidak dinafikan lagi. Bagi melahirkan masyarakat yang berpengetahuan luas, aspek pendidikan harus diutamakan. Rentetan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2020-2025) di mana menekankan keperluan murid dalam menguasai pelbagai kemahiran kognitif di samping memfokuskan kecerdasan pelbagai. Kerjaya perguruan amat penting dan merupakan sebuah kerjaya yang profesional dan berperanan melahirkan

generasi masa depan yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Tetapi tidak dinafikan bahawa kerjaya perguruan juga merupakan satu bidang yang sering berhadapan dengan tekanan.

Seperti mana yang kita ketahui tugas dan tanggungjawab seorang guru bukan sahaja mengajar, mendidik dan membimbing malah lebih daripada itu. Mereka mempunyai peranan yang paling besar dalam mengawasi disiplin serta mengawal keseimbangan moral pelajar-pelajar. Di samping mengajar, guru terpaksa melaksanakan pelbagai tugas lain yang sudah menjadi rutin pekerjaan mereka seperti bertugas sebagai kerani dalam mengendalikan urusan sampingan seperti urusan buku teks murid, hal-hwal kebajikan murid, akaun persatuan dan kelab murid, kegiatan sukan dan ko-kurikulum murid dan berbagai-bagai lagi.

Individu yang sentiasa berhadapan dengan manusia sebagai pelanggannya seperti guru, lebih berpotensi menghadapi tekanan (Thurayya Othman, 2007). Kajian menunjukkan bahawa kedudukan profesion perguruan berada di tempat keempat dalam kerjaya yang mempunyai tahap tekanan tinggi selepas polis, pegawai penjara dan jururawat manakala profesion tentera menduduki tempat kelima. Kini, pihak guru berhadapan dengan permintaan yang berbagai-bagai dan kompleks yang boleh membebankan dan memberi tekanan kepada guru. Menurut Robbins (2011) tekanan yang berlebihan boleh memberi kesan negatif kepada psikologi, fisiologi dan tingkah laku manusia. Kesejahteraan di tempat kerja mempunyai kaitan dengan mood atau emosi guru.

## **2.0 TEKANAN KERJA**

Tekanan melibatkan perasaan subjektif di mana peringkat awal diterima baik dalam diri dan lama-kelamaan menjadi pencetus kepada pelbagai penyakit jiwa dan mengakibatkan perubahan dan interaksi alam sekitar. Tekanan berkaitan kerja merujuk kepada tugas-tugas yang perlu dibuat oleh guru yang boleh memberi tekanan kerja seperti membuat persediaan mengajar, menyemak latihan pelajar, tanggungjawab terhadap pelajar, pelajaran dan pentadbiran dan sebagainya.

Tekanan dalam bidang pendidikan boleh didefinisikan sebagai pengalaman kurang disenangi oleh seorang guru dari segi emosi, seperti kebimbangan, tertekan, kemurungan, kemarahan dan segala sesuatu yang berkaitan dengan aspek pekerjaan sebagai seorang guru. Mokhtar (1998) memberi definisi tekanan kerja guru sebagai pengalaman yang dialami oleh guru berhubung dengan emosi yang tidak menyenangkan. Kesimpulannya, tekanan kerja guru boleh didefinisikan sebagai keadaan fizikal dan mental guru yang diakibatkan oleh gangguan peristiwa atau keadaan persekitaran pekerjaan mereka.

## **3.0 KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI**

Kesejahteraan psikologi merupakan sesuatu yang bersifat multidimensional dan didefinisikan dalam pelbagai bentuk. Walaupun secara amnya, tiada definisi tunggal, namun terdapat kesepakatan umum dalam kalangan sarjana bahawa individu yang sejahtera dari segi psikologinya seharusnya mempunyai mood dan emosi positif. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (2007), kesejahteraan psikologi boleh didefinisikan sebagai kemampuan individu untuk menangani tekanan, mengelakkan konflik, meningkatkan ketenangan. Mengikut Kamus Dewan Edisi Empat, kesejahteraan membawa maksud keselamatan, kesenangan hidup, kesentosaan dan ketenteraman. Manakala psikologi bermaksud pola pemikiran dan pelakuan seseorang.

## **4.0 SOROTAN LITERATUR**

Kyriacou (2001) mentakrifkan tekanan guru sebagai pengalaman oleh seorang guru dalam menghadapi emosi negatif yang tidak menyenangkan seperti kemarahan, kekecewaan, kebimbangan, kemurungan dan ketakutan yang disebabkan oleh beberapa aspek pekerjaan mereka. Chan *et al.* (2000) menegaskan bahawa guru bukan sahaja bertanggungjawab untuk mengajar bilangan pelajar yang ramai dan menyemak kerja bertulis pelajar, membuat kerja-kerja bengkel dan menaip soalan ujian dan peperiksaan,

malah guru juga memerlukan masa yang mencukupi untuk menjalankan penyelidikan dan kerja-kerja yang berkaitan dengan pengurusan pentadbiran.

Kyriacou dan Chien (2004) telah menjalankan satu penyelidikan untuk mengkaji tekanan di kalangan 203 orang guru sekolah rendah di Taiwan. Hasil kajian mereka mendedahkan bahawa 26 peratus responden tertekan atau amat tertekan. Perubahan dasar pendidikan yang kerap oleh kerajaan dan beban tugas yang banyak telah ditentukan sebagai punca tekanan yang utama. Menurut Akhito Shimazu *et al.* (2003), beliau telah mengkaji tentang kesan pengurusan tekanan, sokongan sosial dan cara mengatasi tekanan ke atas 24 orang guru di Hiroshima mendapati bahawa sokongan sosial adalah penting bagi membantu guru-guru mengatasi masalah tekanan. Jepun pada tahun 2000, 0.24 peratus guru terpaksa menanggung kerja sebagai guru kerana menghadapi masalah kecelaruan mental. Antara masalah yang dihadapi oleh guru tersebut ialah persekitaran sekolah, kepelbagaian tingkah laku pelajar, hubungan interpersonal, tekanan masa, perhubungan dengan ibu bapa dan lebihan kerja.

Naylor (2001) dalam kertas kerjanya telah menyatakan bahawa peningkatan kesukaran dan kekompleksan pengajaran berkaitan dengan pelajar (seperti mengajar pelajar yang berbagai kebolehan), beban tugas dan harapan yang tidak relevan terhadap guru (seperti perubahan kurikulum dan harapan) dan kekurangan masa, sumber, sokongan dan rasa hormat telah dikenal pasti sebagai punca yang menyebabkan tekanan yang tinggi di kalangan 644 orang guru sekolah menengah dan sekolah rendah di British Columbia. Menurut Naylor (2001), responden-responden kajian ini telah dibebankan dengan tugas yang terlalu banyak dan kebanyakan mereka mengalami tekanan yang tinggi. Isu tekanan kerja di kalangan guru sekolah bukan sahaja mendapat perhatian daripada penyelidik luar negara, tetapi isu ini kini telah menjadi satu topik yang hangat dibincangkan oleh penyelidik-penyelidik tempatan.

Kajian yang dijalankan oleh Hanita & Norzaini (2018) guru Sekolah Menengah Lawas yang berjauhan dengan keluarga mengalami tahap tekanan kerja yang lebih tinggi berbanding dengan guru tempatan manakala dapatan kajian juga menunjukkan tahap kepuasan kerja lebih rendah berbanding guru tempatan. Ismail *et al.* (2015) telah menjalankan satu kajian ke atas sokongan pihak pengurusan sekolah terhadap tekanan kerja guru di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Cina. Dapatan kajian menunjukkan 50 peratus daripada responden berada dalam kategori tidak tertekan dan 50 peratus lagi berada dalam keadaan tertekan.

Menurut Hazrin (2012) kajian yang dilakukan ke atas guru sekolah rendah mendapati bahawa tekanan guru mempunyai kaitan terhadap hubungan interpersonal. Kerapuhan hubungan interpersonal ini akhirnya akan menyebabkan seseorang guru itu cenderung merasa kekecewaan, rusing dan berada dalam fasa tertekan yang lebih lama. Manakala hasil kajian oleh Azlina & Rohana (2011) telah mendapati lebih 50 peratus guru-guru sekolah yang dikaji mempunyai tahap kesejahteraan psikologi yang rendah. Faktor utama yang boleh dikenal pasti adalah disebabkan beban kerja yang terlampau banyak. Lambakan bebanan kerja ini memberi kesan yang negatif kerana guru tersebut telah berhenti kerja tidak sanggup menanggung tugas kerja yang semakin menggunung.

## **5.0 METODOLOGI**

Bagi mencapai tujuan penyelidikan, reka bentuk bukan eksperimen telah dipilih dalam kajian ini kerana penggunaannya adalah lebih praktikal apabila melibatkan responden yang ramai. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu dengan menjalankan tinjauan menggunakan soal selidik. Kajian ini juga berbentuk deskriptif dan korelasi, Azizi Yahaya, Peter Voo, Ismail Maakip & Mohd Dahlan A Malek (2007), mengatakan bahawa kaedah tinjauan deskriptif sesuai digunakan untuk menerangkan keadaan atau perhubungan antara dua pemboleh ubah. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah *Teacher Stress Inventory* (TSI) yang mempunyai 49 item dan Instrumen Kesejahteraan Psikologi versi Bahasa Melayu oleh Salina Mokhtar yang mempunyai 29 item.

Prosedur yang digunakan dalam kajian ini adalah jenis persampelan rawak mudah. Sampel rawak mudah mempunyai tahap bias yang terendah dan menawarkan tahap generalisasi yang paling

tinggi. Sebanyak 132 sampel diperlukan oleh penyelidik dalam kajian ini. Jumlah sampel sebanyak ini adalah berdasarkan kepada jadual pungutan data yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), bagi memastikan sampel yang dikutip menepati keperluan penyelidikan ini.

## 6.0 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Nilai min dan sisihan piawai membolehkan penyelidik mengenal pasti tekanan kerja terhadap pemboleh ubah. Berikut ialah analisis tekanan kerja bagi faktor salah laku pelajar, beban tugas, kekangan masa dan sumber, perhubungan interpersonal dan penghargaan secara keseluruhan.

**Jadual 1: Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Konstruk Pemboleh Ubah Tekanan Kerja**

|                          | Min    | Sisihan Piawai |
|--------------------------|--------|----------------|
| Salah Laku Pelajar       | 3.3201 | .79000         |
| Beban Tugas              | 2.9487 | .73097         |
| Kekangan Masa dan Sumber | 3.0909 | .74459         |
| Hubungan Interpersonal   | 2.8402 | .75532         |
| Penghargaan              | 2.6957 | .82618         |

Jadual 1 menunjukkan bahawa faktor bagi salah laku pelajar mendapat min paling tinggi iaitu 3.3201. Faktor salah laku pelajar dikatakan mempengaruhi tekanan kerja guru adalah disebabkan guru terpaksa menghadapi pelbagai masalah yang boleh mewujudkan tekanan di kalangan guru kerana berhadapan dengan pelbagai karenah dan ragam pelajar semasa berada di dalam kelas seperti tidak menghormati guru, berbuat bising semasa proses pembelajaran dan ini akan menyebabkan kesukaran kepada guru untuk menjalani proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

**Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Kekurangan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Salah Laku Pelajar**

| Pernyataan   | 1    | 2     | 3     | 4     | 5     | Min  | SP    |
|--|------|-------|-------|-------|-------|------|-------|
| Mengajar kelas yang pelajar kurang memberi tumpuan semasa pengajaran dijalankan. | 9    | 26    | 54    | 33    | 10    | 3.07 | 1.013 |
|  | 6.8% | 19.7% | 40.9% | 25.0% | 7.6%  |      |       |
| Mengendalikan pelajar-pelajar yang mempunyai masalah disiplin.                   | 1    | 25    | 49    | 33    | 24    | 3.41 | 1.019 |
|  | 0.8% | 18.9% | 37.1% | 25.0  | 18.2% |      |       |
| Pelajar yang tidak menyiapkan  | 3    | 24    | 53    | 33    | 19    | 3.31 | 1.005 |

|   |      |       |       |       |       |      |       |
|---|------|-------|-------|-------|-------|------|-------|
| tugas.  | 1.3% | 18.2% | 40.2% | 25.0% | 14.4% |      |       |
| Sikap pelajar yang negatif terhadap pengajaran.   | 4    | 21    | 55    | 31    | 21    | 3.33 | 1.024 |
|   | 3.0% | 15.9% | 41.7% | 23.5% | 15.9% |      |       |
| Pelajar tidak mengikut arahan.                    | 3    | 17    | 49    | 39    | 24    | 3.48 | 1.007 |
|   | 2.3% | 12.9% | 37.1% | 29.5% | 18.2% |      |       |
| Tingkah laku pelajar yang tidak sopan dan biadab. | 6    | 17    | 44    | 43    | 22    | 3.44 | 1.058 |
|   | 4.5% | 12.9% | 33.3% | 32.6% | 16.7% |      |       |
| Mengajar pelajar yang kurang bermotivasi.         | 8    | 22    | 56    | 34    | 12    | 3.15 | 1.007 |
|   | 6.1% | 16.7% | 42.4% | 25.8% | 9.1%  |      |       |
| Pelajar yang membuat bising semasa pengajaran.    | 4    | 18    | 51    | 44    | 15    | 3.36 | .959  |
|   | 3.0% | 13.6% | 38.6% | 33.3% | 11.4% |      |       |

Min SKor Keseluruhan = 3.3201                      Sisihan Piawai = .79000n = 132

1 = Tiada Tekanan      2 = Tekanan Rendah      3 = Tekanan Sederhana

4 = Tekanan Tinggi      5 = Tekanan Sangat Tinggi

Jadual 2 di atas menunjukkan taburan responden mengikut kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi faktor salah laku pelajar. Berdasarkan jadual tersebut didapati bahawa keengganan pelajar untuk mengikut arahan merupakan salah laku pelajar yang paling banyak menyumbang kepada tekanan kerja guru-guru sekolah rendah kebangsaan di empat buah sekolah di Kuala Langat, Selangor dengan min skor 3.48 dan sisihan piawai 1.007. Terdapat seramai 49 orang (37.1%) responden menghadapi tekanan pada tahap sederhana, 39 orang (29.5) responden mengalami tekanan tinggi dan 24 orang (18.2%) responden mengalami tekanan yang amat tinggi.

**Jadual 3: Taburan Item Positif dan Negatif Dalam Ryff's Psychology Well-Being Scale**

| Item    | Kedudukan item  | Jumlah |
|---------|---|--------|
| Positif | 1, 2, 4, 6, 7, 8, 9, 11, 12, 20, 21, 22, 24, 25, 28, 29, 33, 35, 37, 42 | 20     |
| Negatif | 3, 5, 10, 14, 15, 16, 17, 26, 30  | 9      |

Kesejahteraan psikologi subjek dikatakan baik jika skor yang tinggi tercatat pada item-item positif dan begitu juga sebaliknya di mana subjek dikatakan mempunyai kesejahteraan psikologi yang tidak baik jika skor yang tinggi tercatat pada item-item negatif (Ferlis *dll*, 2016).

**Jadual 4: Taburan Min dan Sisihan Piawai Pemboleh Ubah Kesejahteraan Psikologi**

| Pemboleh Ubah           | Min  | Max  | Mean   | SP     |
|-------------------------|------|------|--------|--------|
| Kesejahteraan Psikologi |      |      |        |        |
| Item Positif            | 2.65 | 4.75 | 3.7845 | .35442 |
| Item Negatif            | 1.00 | 4.11 | 2.4108 | .57398 |

Jadual 4 menunjukkan hasil dapatan analisis deskriptif pemboleh ubah kesejahteraan psikologi. Terdapat 132 orang guru sekolah rendah kebangsaan di Selangor yang menjadi sampel kajian mempunyai tahap kesejahteraan psikologi yang sederhana. Dapatan ini boleh dibuktikan melalui nilai min secara keseluruhan pada item positif adalah 3.7845 dengan sisihan piawai .35442. manakala nilai min bagi kesemua item negatif adalah 2.4108.

**Hipotesis 1: Terdapat Hubungan Antara Faktor Tekanan Kerja Dan Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Kebangsaan Di Selangor.**

**Jadual 5: Nilai Signifikan dan Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Tekanan Kerja Dengan Kesejahteraan Psikologi di Kalangan Guru Sekolah Rendah Kebangsaan di Selangor**

|         |                     | Tekanan | Kesejahteraan |
|---------|---------------------|---------|---------------|
| TEKANAN | Pearson Correlation | 1       | .157          |
|         | Sig. (2-tailed)     |         | .072          |
|         | N                   | 132     | 132           |

Pekali korelasi Pearson ialah satu teknik dalam statistik untuk mengukur dan menghuraikan darjah kekuatan dan arah hubungan antara dua pemboleh ubah. Berdasarkan Jadual 5, didapati nilai pekali korelasi,  $r$  bagi pemboleh ubah tekanan kerja dengan kesejahteraan psikologi adalah bersamaan dengan 0.157, sekali gus menunjukkan korelasi yang rendah. Memandangkan nilai  $p = 0.72$  adalah lebih besar daripada 0.05, maka hipotesis ini ditolak dan gagal diterima. Bermakna, wujud hubungan yang sangat lemah antara tekanan kerja dengan kesejahteraan psikologi.

**Hipotesis 2: Terdapat Perbezaan Faktor Tekanan Kerja Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Kebangsaan Di Selangor Mengikut Jantina.**

**Jadual 6: Min dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Antara Faktor Tekanan Kerja di Kalangan Guru Sekolah Rendah Kebangsaan di Selangor Mengikut Jantina**

| Jantina   | N   | Min    | SP     | Df     | t     | Sig. |
|-----------|-----|--------|--------|--------|-------|------|
| Lelaki    | 31  | 3.1425 | .76185 | 130    | 1.407 | .162 |
| Perempuan | 101 | 2.9418 | .67295 | 45.310 | 1.317 |      |

\*Signifikan pada Aras Keertian 0.05

Nilai  $p$  yang digunakan ialah 0.05 untuk menentukan aras signifikan bagi menguji hipotesis, iaitu terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tekanan kerja guru dari segi demografi jantina. Analisis



ujian-t pada Jadual 6 menunjukkan skor min tekanan kerja guru lelaki dan perempuan. Data menunjukkan tidak terdapat perbezaan tekanan kerja antara guru lelaki dan perempuan. Hal ini dapat dijelaskan dengan skor min lelaki adalah 3.142 ( $N = 31$ ,  $SP = .76185$ ) dan skor min bagi perempuan adalah 2.9418 ( $N = 101$ ,  $SP = .67295$ ). Keadaan ini jelas apabila hasil ujian-t adalah 1.407 dan 1.317. Dapatan kajian mendapati nilai  $p = 0.162 > \alpha 0.05$ . hipotesis nol gagal untuk ditolak dan boleh disimpulkan bahawa tekanan kerja guru lelaki dengan guru perempuan tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan.

**Hipotesis 3: Terdapat Perbezaan Tekanan Kerja Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Kebangsaan Di Selangor dengan Umur.**

**Jadual 7: Min dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Tekanan Kerja di Kalangan Guru Sekolah Rendah Kebangsaan di Selangor Mengikut Umur**

|                 | Df  | Min  | F    | Sig. |
|-----------------|-----|------|------|------|
| Antara Kumpulan | 4   | .433 | .888 | .491 |
| Dalam Kumpulan  | 126 | .488 |      |      |
|                 | 131 |      |      |      |

\*Signifikan pada Aras Keertian 0.05

Keputusan ANOVA sehala pada Jadual 7 menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan [ $F = 0.888$  ( $DK = 4, 126$ ) dan  $Sig. p = 0.491$ ] antara tekanan kerja dengan umur pada aras  $p > 0.05$ . Nilai ini sangat tinggi untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Dapatan dikatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tekanan kerja guru berdasarkan umur. Oleh kerana keputusan ANOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan, maka dengan ini dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan tekanan kerja di kalangan guru sekolah rendah kebangsaan di empat buah sekolah di Kuala Langat, Selangor dari segi umur.

**Hipotesis 4: Terdapat Perbezaan Tekanan Kerja Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Kebangsaan Di Selangor Mengikut Kelulusan Akademik Tertinggi**

**Jadual 8: Min dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Antara Tekanan Kerja di Kalangan Guru Sekolah Rendah Kebangsaan di Selangor Mengikut Kelulusan Akademik Tertinggi**

|                 | Df  | Min   | F     | Sig. |
|-----------------|-----|-------|-------|------|
| Antara Kumpulan | 6   | 1.504 | 3.442 | .004 |
| Dalam Kumpulan  | 125 | .437  |       |      |
|                 | 131 |       |       |      |

\*Signifikan pada Aras Keertian 0.05

Keputusan ANOVA sehala pada Jadual 8 menunjukkan terdapat perbezaan skor min yang signifikan [ $F = 3.442$  ( $DK = 6, 125$ ) dan  $Sig. p = 0.004$ ] antara tekanan kerja dengan kelulusan akademik tertinggi pada aras  $p < 0.05$ . Nilai ini adalah lebih kecil dan menunjukkan bahawa wujud sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Maka, hipotesis diterima dan ini bermaksud boleh dikatakan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tekanan kerja guru berdasarkan kelulusan akademik.

**Hipotesis 5: Terdapat Perbezaan Tekanan Kerja Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Kebangsaan Di Selangor Mengikut Status Perkahwinan**

**Jadual 9: Min dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Antara Tekanan Kerja di Kalangan Guru Sekolah Rendah Kebangsaan di Selangor Mengikut Status Perkahwinan**

|                 | Df  | Min  | F    | Sig. |
|-----------------|-----|------|------|------|
| Antara Kumpulan | 2   | .123 | .250 | .779 |
| Dalam Kumpulan  | 129 | .492 |      |      |
|                 | 131 |      |      |      |

\*Signifikan pada Aras Keertian 0.05

Keputusan ANOVA sehala pada Jadual 9 menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan [ $F = 0.250$  ( $DK = 2, 129$ ) dan  $Sig. p = 0.779$ ] antara tahap tekanan kerja dengan status perkahwinan pada aras  $p > 0.05$ . Nilai ini adalah sangat tinggi untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan, maka hipotesis ditolak. Ini bermaksud tidak terdapat perbezaan tekanan kerja di kalangan guru sekolah rendah kebangsaan di Kuala Langat, Selangor dari segi status perkahwinan. Nilai min bagi antara kumpulan ialah .123 manakala nilai min bagi dalam kumpulan ialah .492. Hasil dapat kajian ini membuktikan bahawa tiada perbezaan antara tekanan dari segi status perkahwinan sama ada bujang, berkahwin, janda atau duda.

**Hipotesis 6: Terdapat Perbezaan Tekanan Kerja Dalam Kalangan guru Sekolah Rendah Kebangsaan Di Selangor Mengikut Pengalaman Mengajar**

**Jadual 10: Min dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Antara Tekanan Kerja di Kalangan Guru Sekolah Rendah Kebangsaan di Selangor Mengikut Pengalaman Mengajar**

|                 | Df  | Min  | F    | Sig. |
|-----------------|-----|------|------|------|
| Antara Kumpulan | 5   | .433 | .888 | .491 |
| Dalam Kumpulan  | 126 | .488 |      |      |
|                 | 131 |      |      |      |

\*Signifikan pada Aras Keertian 0.05 (2-tailed)

Berdasarkan keputusan ANOVA sehala pada Jadual 10 didapati bahawa nilai signifikan bagi pemboleh ubah tekanan kerja dan pengalaman mengajar ialah .491, iaitu lebih besar dari aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05 [ $F = 0.888$  ( $DK = 2, 126$ ) dan  $Sig. p = 0.491$ ]  $p > 0.05$ . Maka, Hipotesis 5 ditolak iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan kerja di kalangan guru sekolah rendah kebangsaan di Selangor dengan pengalaman mengajar.

## 7.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, tekanan kerja yang dialami dan tahap kesejahteraan yang dimiliki oleh guru-guru di empat buah sekolah rendah kebangsaan di Kuala Langat, Selangor ini pada tahap sederhana. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, faktor salah laku pelajar telah dikenal pasti sebagai faktor yang paling menyumbang tekanan kerja di kalangan responden. Manakala, faktor perkembangan

peribadi telah menjadi penyumbang kepada kesejahteraan psikologi guru. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan kerja dengan kesejahteraan psikologi. Di samping itu, tekanan kerja responden juga dibuktikan tidak berhubung secara signifikan dengan demografi responden iaitu umur, pengalaman mengajar, status perkahwinan dan dan jantina kecuali kelulusan akademik tertinggi.

Kecekapan dan kesejahteraan diri memainkan peranan penting dalam membantu mengawal dan menangani daya tahan terhadap tekanan kerja yang dialami. Hal ini kerana tekanan memberi impak yang besar terhadap kesihatan guru khususnya kesejahteraan psikologi andai tidak dicegah dari permulaannya. Jika kesejahteraan psikologi guru mula terjejas, maka ini turut mempengaruhi kesejahteraan emosi mereka. Guru-guru yang mengalami masalah kesejahteraan psikologi menyebabkan mereka mudah menghadapi tekanan, kemurungan, *burnout* dan berprestasi rendah. Oleh itu, isu tekanan kerja dan kesejahteraan psikologi seharusnya diberi perhatian yang serius oleh semua pihak. Masalah ini seharusnya ditangani sebelum ia merebak dan menjadi fenomena yang lazim dalam kalangan guru bak kata pepatah, "Mencegah adalah lebih baik daripada merawat".

## RUJUKAN

- Ahmad, M. b. (1998). Tekanan kerja di kalangan guru sekolah menengah: 115 Satu kajian di Daerah Kulim Bandar Baharu, Kedah Darul Aman. Dalam *Tesis Sarjana Sains* . Universiti Malaysia Sarawak, Bintulu.
- Akihito Shimazu et. al . (2003). Effect of Stress Management Programme for Teacher in Japan . *Journal of Occupational Health*, 45, 202-208.
- Azizi Yaya, Peter Voo, Ismail Maakip & Mohd Dahlan A Malek . (2017). *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan* . Perak : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Azlina, M. K. dan Rohana, A. (2011). *Hubungan Di Antara Stress Kerja Dengan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru-Guru Besar Di Daerah Batu Pahat (Fakulti Pendidikan)*. Johor: Universiti Teknologi Mara.
- Chan, K. B., Lai, G., Ko, Y. C., dan Boey, K. W. (2000). Work Stress Among Six Professional Groups. *The Singapore Experience Social Science and Medicine*, Vol. 50, pp, 1415-1432.
- Ferlis, B., Tan, A. L. & Walton, W. . (2016). The Effect of Occupational Stress on Teacher's Psychological Well-Being: Social Support as Moderator. . *Australian Journal of Basic and Applied Sciences. (AJBAS)* 10(4), 54-65.
- Hanita & Norzaini . (2018). Pencapaian Akademik Murid Lelaki dan Perempuan . *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, Vol. 15 (No.2), 257-287.
- Hazrin, A. A. (2012). *Hubungan di antara stres dengan tahap kesihatan dalam kalangan guru di salah sebuah sekolah menengah dalam daerah Muar, Johor*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail, O. C. . (2015). Sokongan Pihak Pengurusan Sekolah Terhadap Tekanan Kerja Guru di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* .
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. . (1970). Determining sample size for research activities . *Educational and Psychological Measurement*, 30, 608.
- Kyriacou, C. (2001). Teacher Stress: Directions for Future Research . *Educational Review* 53 (1), 27-35.
- Kyriacou, C. dan Chien, Pei Yu. (2004). Teacher Stress in Taiwanese Primary . *Journal of Educational Enquiry* 5 (2), 86-104.
- Malaysia, K. K. (2007). *Bahagian Sumber Manusia: Pegawai Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia* . Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.
- Naylor, C. (2001). *What Do British Columbia Teachers Consider To Be The Most*. British:

- British Columbia Teacher's Federation Research Report.
- Othman, T. (2007). *Hubungan Burnout dengan Kepuasan Kerja di Kalangan Staf Jabatan Agama Johor*. Johor: Universiti Teknologi Mara.
- Pustaka, D. B. (2005). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robbins, S. P. (2011). *Organizational Behaviour =: Robbins Judge Millet Boyle (Sixth Edition ed)*. Australia : Pearson.

# GAYA DIDIKAN IBU BAPA DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENGHARGAAN KENDIRI PELAJAR

**Khairina Alya Md Ghazali, Norhasima Abdullah**  
Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka  
alyaa.ghazali@gmail.com , norhasima@kuim.edu.my

## Abstrak

Kajian ini bertujuan meneliti hubungan antara gaya didikan ibu bapa dengan penghargaan sendiri remaja. Subjek kajian ini terdiri daripada 254 orang pelajar yang dipilih secara rawak dari Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Batu Pahat, Johor. Alat ujian yang digunakan bagi mengenal pasti gaya didikan ibu bapa adalah soal selidik autoriti ibu bapa (John R. Buri, 1989) manakala alat ujian yang digunakan bagi mengukur penghargaan sendiri remaja adalah skala harga diri (Rosenberg, 1965). Reka bentuk kajian ini berbentuk tinjauan dan menggunakan *statistical package for social sciences (SPSS)*. Data kajian dianalisis dengan teknik min, sisihan piawai, korelasi, ujian-t dan anova. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah bagi mengenal pasti hubungan antara gaya didikan ibu bapa dengan penghargaan sendiri dalam kalangan remaja. Selain itu, pengkaji juga ingin mengenal pasti perbezaan penghargaan sendiri berdasarkan jantina serta pendapatan ibu bapa remaja. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan negatif yang signifikan antara gaya didikan ibu bapa dengan penghargaan sendiri remaja dengan ( $r = -.305, p < .05$ ).

Kata Kunci: Gaya didikan ibu bapa, Penghargaan sendiri, Remaja

## Abstract

This research is conducted to observe the relationship between parenting style and self-esteem among teenagers. Subjects in this research includes 254 students who were chosen randomly from Mara Junior Science College (MJSC) Batu Pahat, Johor. The instruments used to identify parenting style is Parental Authority Questionnaire (PAQ) by John R. Buri (1989) while Rosenberg Self-Esteem Scale (RSE) is used to indicate students' self-esteem. The data obtained from this research is analysed by mean, standard deviation, correlation, t-test and anova techniques. The main objective of this research is to identify the relationship between parenting style and self-esteem among students. Other than that, this research also wants to identify the difference of self-esteem between students' gender and parental income. The results shows that there is a negative significant relationship between parenting style and students' self-esteem with ( $r = -.305, p < .05$ ).

Keywords: Parenting Styles, Self-Esteem, Teenagers

## 1.0 PENGENALAN

Kemahiran mendidik anak merupakan sebuah kemahiran praktikal yang melibatkan amanah dan tanggungjawab yang besar bagi golongan ibu bapa. Gaya didikan yang diamalkan oleh ibu bapa dalam membesarkan anak-anak mereka bukan sahaja mampu mempengaruhi tingkah laku, tetapi juga mampu

mempengaruhi personaliti serta persepsi. Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) menerangkan tentang persekitaran semasa kehidupan kanak-kanak yang mampu mempengaruhi perkembangan psikologi mereka. Perkembangan psikologi ini merangkumi beberapa elemen seperti autonomi, pengawalan persekitaran, perkembangan sendiri, hubungan positif dengan masyarakat, matlamat kehidupan dan penerimaan sendiri (Ryff, 1989).

Didikan, dorongan dan bimbingan yang diberikan kepada anak sepanjang zaman kanak-kanak sehingga zaman dewasa merupakan perkara yang akan membentuk peribadi seseorang individu pada masa akan datang. Perlu ditekankan bahawa gaya didikan ibu bapa amat penting terhadap kesejahteraan psikologi anak-anak. Berdasarkan kajian-kajian yang dilakukan oleh Siti Nurshahizan (2014) dan Che Hasniza dan Fatimah (2011), gaya asuhan akan memberi impak terhadap tingkah laku remaja. Hal ini menerangkan bahawa pelajar-pelajar yang terlibat dengan salah laku, ponteng sekolah dan mempunyai tingkah laku devian boleh dipengaruhi oleh gaya didikan ibu bapa.

Secara tidak langsung, persepsi individu terhadap keadaan sekeliling serta diri sendiri dipengaruhi oleh gaya didikan ibu bapa. Pada masa yang sama, persepsi yang dihasilkan oleh seseorang merupakan sesuatu yang amat bermakna terhadap kesejahteraan mental dan fizikal individu tersebut. Dengan erti kata lain, sekiranya persepsi yang dihasilkan oleh seseorang individu terhadap persekitaran dan juga dirinya sendiri adalah positif, maka individu tersebut cenderung untuk mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi.

Dalam sebuah kajian yang telah dijalankan oleh Iwaniee dan Sneddon (2002), kemahiran keibubapaan mempengaruhi kesejahteraan psikologi, keyakinan sendiri dan peranan setiap ahli keluarga dalam pembentukan tingkah laku anak-anak. Anak-anak mudah berperasaan seperti terabai sekiranya kekurangan sokongan dan interaksi dalam keluarga terutamanya daripada seorang ibu. Ranjit Singh Malhi (1997) menerangkan bahawa perkembangan penghargaan sendiri sudah bermula sejak kecil lagi. Rata-rata pakar psikologi bersetuju bahawa pengalaman yang dilalui oleh setiap individu sejak usia kecil sehingga zaman remaja membentuk penghargaan sendiri seseorang. Secara dasarnya, institusi kekeluargaan merupakan tapak utama yang mencorakkan imej seseorang individu dalam sesebuah masyarakat.

Persepsi seseorang berbeza mengikut pengalaman dan persekitaran yang dilalui seseorang dalam fasa mengenali dunia dan mencari identiti diri. Fasa ini merupakan fasa kehidupan yang signifikan dalam pembentukan personaliti, tingkah laku serta persepsi seseorang. Dengan itu, peranan ibu bapa dalam mendidik dan memberi dorongan kepada anak-anak amat penting supaya dapat melahirkan individu yang mempunyai tingkah laku yang baik dengan penghargaan sendiri yang tinggi.

Menurut Jas Laile (2008), ibu bapa yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi cenderung untuk melahirkan anak-anak yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi manakala ibu bapa yang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah pula cenderung untuk membesarkan anak-anak yang juga mempunyai penghargaan sendiri yang rendah. Berdasarkan kajiannya, ibu bapa yang menggunakan gaya didikan autoritarian dan permisif cenderung melahirkan anak-anak yang rendah harga diri berbanding ibu bapa yang menggunakan gaya didikan autoritatif yang cenderung membesarkan anak-anak yang mempunyai harga diri yang tinggi.

## **2.0 GAYA DIDIKAN IBU BAPA**

Menurut Baumrind (1971) gaya didikan ibu bapa merujuk kepada tingkah laku dan kaedah yang digunakan oleh ibu bapa sebagai usaha dalam membentuk tingkah laku anak-anak mereka. Dengan kajian tersebut, Baumrind mendapati bahawa terdapat tiga jenis gaya didikan iaitu autoritarian, autoritatif dan permisif. Gaya-gaya didikan ini dapat dibezakan melalui beberapa nilai seperti kawalan, penyeliaan, kematangan, kemesraan, penerimaan serta penglibatan.

Gaya didikan autoritarian memfokuskan kepada gaya didikan yang terlalu tegas dan mementingkan kepatuhan. Ibu bapa yang mengamalkan gaya didikan ini sentiasa mengawal anak-anak mereka dengan ketat, tidak membenarkan anak-anak membantah, menggunakan hukuman sebagai kaedah pengajaran dan menekankan kepatuhan apabila mengarahkan anak-anak untuk melakukan sesuatu. Golongan ibu bapa yang mengaplikasikan gaya didikan ini terhadap anak-anak mereka dikhususkan sebagai individu yang mempunyai sikap kurang mesra serta tiada tolak ansur. Sikap dan tingkah laku ibu bapa ini menyebabkan hubungan ibu bapa dengan anak-anak menjadi renggang. Bukan itu sahaja malah perhubungan dalam keluarga itu tiada nilai kepercayaan dan persefahaman.

Gaya didikan autoritatif merujuk kepada ibu bapa yang mempunyai sikap tegas tetapi masih mesra dalam perhubungan kekeluargaan itu. Dalam ketegasan ibu bapa, masih terdapat ruang untuk mendengar pandangan yang dilontarkan oleh anak-anak mereka. Anak-anak dikawal tetapi tetap disayangi dan dilayan dengan mesra oleh ibu bapa. Jangkaan dan harapan ditetapkan kepada anak-anak mereka tetapi pada masa yang sama masih memberikan sokongan dan panduan yang diperlukan oleh anak-anak mereka. Secara keseluruhannya, gaya didikan ini bersifat rasional di mana ibu bapa cenderung membesarkan anak-anak yang bersikap positif dan bertanggungjawab serta melahirkan suasana yang harmoni dalam keluarga.

Ibu bapa yang mengamalkan gaya didikan permisif menerangkan ibu bapa yang bersifat tidak tegas, terlalu memanjakan anak, membenarkan anak-anak mereka membuat keputusan sendiri serta memberikan kebebasan tanpa kawalan. Ibu bapa tidak meletakkan sebarang harapan terhadap anak-anak mereka dan berusaha memenuhi kehendak anak-anak. Ibu bapa tidak meletakkan peraturan yang perlu dipatuhi dan tidak juga menerangkan tentang tingkah laku yang baik dan buruk. Dengan itu, ibu bapa cenderung melahirkan anak-anak yang terlalu bergantung, impulsif, kurang kawalan diri dan kurang berdikari.

Gaya didikan yang diamalkan oleh ibu bapa mempunyai impak yang besar terhadap perkembangan emosi, sosial dan intelek seseorang anak. Selain itu, elemen ini juga dikaitkan dengan kesejahteraan hidup yang merangkumi kepuasan hidup, konsep sendiri, tingkah laku, personaliti dan juga persepsi. Oleh itu, ibu bapa hendaklah menilai dan meneliti elemen gaya didikan ini secara holistik supaya dapat memilih jenis gaya didikan yang paling sesuai untuk diaplikasikan terhadap anak-anak mereka. Perlu ditekankan bahawa amalan gaya didikan akan mencorakkan peribadi anak pada masa akan datang.

### **3.0 PENGHARGAAN KENDIRI**

Secara asasnya, penghargaan sendiri merujuk kepada sejauh mana seseorang mampu menghargai diri sendiri. Menurut Rosenberg (1979), penghargaan sendiri merupakan penilaian yang dilakukan oleh seseorang terhadap dirinya sendiri sama ada dari segi positif mahupun negatif. Berdasarkan Coopersmith (1967) pula, penghargaan sendiri adalah penilaian yang dilakukan oleh seseorang terhadap dirinya sendiri berdasarkan harga diri atau kebaikan diri. Individu yang mempunyai harga diri yang tinggi akan menghormati dirinya dan meletakkan diri pada tahap yang tinggi manakala individu yang mempunyai harga diri yang rendah akan berasa bahawa dirinya tidak berguna dan sentiasa berasa bahawa dirinya banyak kekurangan.

Penghargaan sendiri dibahagikan kepada dua dimensi iaitu persetujuan sendiri dalam memiliki apa yang dikehendaki dan berbangga dengan diri sendiri (Joseph, 1992). Horney (1992) menyatakan bahawa penghargaan sendiri berasal daripada potensi unik yang didapati dalam diri setiap individu semasa dilahirkan. Namun penghargaan sendiri yang tinggi dapat ditingkatkan dengan pengukuhan sahsiah diri di mana sahsiah tersebut berkembang dengan pengiktirafan serta sokongan kepada diri sendiri.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Fairuz Jafar dan Shahizan Hasan (2016), penghargaan sendiri mempunyai hubungan positif yang sederhana dengan kepuasan hidup. Keputusan kajian ini selaras dengan dapatan Diener dan Diener (1995) yang juga mendapati hubungan antara

penghargaan sendiri dengan kepuasan hidup adalah sederhana. Perkara ini menunjukkan bahawa penghargaan sendiri sedikit sebanyak memainkan peranan dalam menentukan tahap kepuasan hidup seseorang individu. Pada dasarnya, cara seseorang mempersepsi diri sendiri menjadi akar kepada kesejahteraan psikologi mereka.

Teori penghargaan sendiri ini diasaskan daripada Hierarki Keperluan Maslow (1943) yang memfokuskan kepada keperluan asas manusia dari aspek fisiologi dan psikologi. Bermula daripada tahap pertama di mana makanan dan tempat tinggal menjadi keperluan asas manusia, sehingga ke tahap kelima iaitu kesempurnaan sendiri di mana manusia telah memperoleh hamper kesemua keperluan asas mereka dan hanya hendak melakukan perkara dalam lingkungan kebolehan dirinya sahaja. Dalam konteks kajian ini, penghargaan sendiri jatuh pada tahap keempat di mana manusia mahukan kawalan sekurang-kurangnya terhadap diri sendiri. Manusia mahukan kebolehan, kekuatan, kebebasan dan kehendak status dalam kehidupan mereka. Berdasarkan kemahuan-kemahuan tersebut, dapat dilihat bahawa kemahuan-kemahuan tersebut dapat dicapai sekiranya manusia mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi.

Penghargaan sendiri merupakan suatu elemen yang penting bagi perkembangan dan kesejahteraan psikologi seseorang individu. Elemen ini mendorong individu dalam menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling serta kecenderungan individu untuk berjaya pada masa akan datang adalah tinggi.

#### 4.0 METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik dan diedarkan kepada 254 orang pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Batu Pahat, Johor.

Soal selidik yang diedarkan kepada sampel kajian terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian A mengandungi maklumat demografi responden, Bahagian B merupakan alat ujian *Parental Authority Questionnaire* (PAQ) dan Bahagian C merupakan alat ujian *Rosenberg Self-Esteem Scale* (RSE). Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package of Social Science* (SPSS).

Alat ujian *Parental Authority Questionnaire* (PAQ) dan *Rosenberg Self-Esteem Scale* (RSE) terdiri daripada soalan yang positif dan negatif. Taburan item-item mengikut item yang positif dan negatif ditunjukkan dalam Jadual 4.1 dan Jadual 4.2.

**Jadual 3.1**

**Taburan Item-item *Parental Authority Questionnaire* (PAQ) Mengikut Item Positif dan Negatif**

| Item    | Nombor Item                   | Gaya Didikan Ibu Bapa |
|---------|-------------------------------|-----------------------|
| Positif | 1,2,3,4,5,6,7,8,9,10          | Autoritarian          |
| Negatif | 11,12,13,14,15,16,17,18,19,20 | Permisif              |
| Positif | 21,22,23,24,25,26,27,28,29,30 | Autoritatif           |



## Jadual 4.2

### Taburan Item-item *Rosenberg Self-Esteem Scale* (RSE) Mengikut Item Positif dan Negatif

| Item    | Nombor Item |
|---------|-------------|
| Positif | 1,3,4,7,10  |
| Negatif | 2,5,6,8,9   |

Kajian ini melibatkan seramai 254 orang responden yang terdiri daripada 172 (67.7%) pelajar perempuan dan 82 (32.3%) pelajar lelaki. Kaedah persampelan yang digunakan adalah secara rawak di mana responden dipilih tanpa perlu melalui proses pemilihan berdasarkan demografi seperti umur, jantina dan pendapatan ibu bapa setiap remaja.

#### 5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bab ini akan membincangkan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan ke atas seramai 254 orang pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Batu Pahat, Johor. Hasil kajian ini adalah berdasarkan hubungan antara gaya didikan ibu bapa dengan penghargaan sendiri remaja. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package of Social Science* (SPSS).

Berdasarkan analisis deskriptif yang diperolehi melalui taburan frekuensi dan peratusan jantina responden, jumlah responden lelaki adalah seramai 82 orang (32.3%) dan jumlah responden perempuan adalah seramai 172 orang (67.7%). Ini menunjukkan bahawa responden perempuan merupakan golongan majoriti yang terlibat dengan kajian ini berbanding responden lelaki.

Selain daripada taburan frekuensi dan peratusan jantina, pengkaji juga telah menganalisis umur responden yang terdiri daripada 13 tahun hingga 17 tahun. Namun begitu, berdasarkan keputusan yang diperolehi, dapat dilihat bahawa majoriti responden terdiri daripada pelajar-pelajar yang berumur 13 tahun dengan seramai 74 orang (29.1%) diikuti dengan 16 tahun, 15 tahun, 17 tahun seterusnya 14 tahun dengan jumlah yang paling sedikit iaitu seramai 22 orang (8.7%).

Analisis demografi yang terakhir adalah berkenaan pendapatan ibu bapa remaja yang dikhususkan kepada tiga kategori taraf kehidupan iaitu B40, M40 dan T20. Responden yang mempunyai taraf kehidupan M40 di mana pendapatan ibu bapa sekitar RM4,500 hingga RM10,000 sebulan merupakan golongan majoriti dalam kajian ini dengan seramai 108 orang (42.5%). Diikuti pula dengan pelajar-pelajar dari golongan B40 seterusnya T20. Dapat dilihat bahawa golongan T20 merupakan golongan minoriti dengan perbezaan yang banyak berbanding golongan B40 dan M40 dengan seramai 39 orang (15.4%).

Nilai kebolehpercayaan bagi kedua-dua alat ujian yang digunakan dalam kajian telah dianalisis terlebih dahulu. Bagi alat ujian *Parental Authority Questionnaire* (PAQ), keputusan yang diperolehi adalah .710 iaitu lebih besar daripada .50. Hal ini menerangkan bahawa kebolehpercayaan alat ujian ini adalah tinggi. Oleh itu, alat ujian PAQ dipercayai dan boleh digunakan. Seterusnya bagi alat ujian *Rosenberg Self-Esteem Scale* (RSE), nilai kebolehpercayaan yang didapati adalah .510 yang merupakan tahap kebolehpercayaan yang sederhana. Namun begitu, perkara ini tetap membuktikan bahawa alat ujian boleh digunakan dan dipercayai.

Oleh itu, pengkaji telah membentuk tiga hipotesis dalam menjangka hasil dapatan kajian yang dijalankan.

**Hipotesis 1: Terdapat hubungan antara gaya didikan ibu bapa dengan penghargaan sendiri remaja.**

**Jadual 5.1: Korelasi Antara Gaya Didikan Ibu Bapa dengan Penghargaan Kendiri**

| Pembolehubah        | Gaya Didikan Ibu Bapa | Sig. |
|---------------------|-----------------------|------|
| Penghargaan Kendiri | -.305                 | .000 |

Keputusan kajian mendapati bahawa nilai pekali korelasi adalah -.305 iaitu dengan aras signifikan  $\alpha = .05$ , ( $r = .305$ ,  $p < .05$ ). Maka hipotesis ini diterima kerana keputusan mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya didikan ibu bapa dengan penghargaan sendiri remaja Maktab Rendah Sains Mara Batu Pahat, Johor.

Hipotesis yang telah dibentuk oleh pengkaji diterima di mana pembentukan yang dilakukan adalah berdasarkan kesedaran bahawa gaya didikan memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan penghargaan sendiri anak-anak. Hal ini adalah kerana gaya didikan ibu bapa menjadi panduan kepada setiap individu dalam mengharungi kehidupan seharian. Jenis gaya didikan yang diamalkan oleh ibu bapa mungkin menjadi faktor yang membezakan tahap penghargaan sendiri antara pelajar di sekolah.

Selari dengan kajian yang dijalankan oleh Hafizah Abu Bakar (2012) yang juga mendapati bahawa gaya didikan ibu bapa mempunyai hubungan dengan penghargaan sendiri remaja khususnya gaya didikan autoritatif. Kajian ini serupa dengan kajian Hamidah Sulaiman (2013) yang mengkaji hubungan antara kecerdasan emosi dengan gaya asuhan ibu bapa. Hasil kajian yang dilakukan itu menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang tinggi antara gaya asuhan autoritatif dengan kemahiran penghargaan sendiri.

Penelitian yang dilakukan oleh pengkaji menerangkan bahawa ibu bapa jelas memikul tugas dan tanggungjawab yang bermakna dalam mendidik anak-anak mereka. Hal ini adalah kerana gaya didikan yang diamalkan oleh ibu bapa akan memberikan impak kepada penghargaan sendiri remaja pada masa akan datang.

**Hipotesis 2: Terdapat perbezaan penghargaan sendiri berdasarkan jantina remaja.**

**Jadual 5.2: Analisis Ujian-t Perbezaan Penghargaan Kendiri Berdasarkan Jantina**

| Jantina   | Bilangan | Min     | Sisihan Piawai | t    | dk  | Sig. |
|-----------|----------|---------|----------------|------|-----|------|
| Lelaki    | 82       | 23.2683 | 5.67657        | .073 | 252 | .854 |
| Perempuan | 172      | 24.6453 | 5.70081        |      |     |      |

Berdasarkan keputusan kajian, nilai t adalah bersamaan dengan .073, di mana  $k > .05$  yang menerangkan bahawa hipotesis ini ditolak. Maka tidak terdapat perbezaan penghargaan sendiri berdasarkan jantina remaja Maktab Rendah Sains Mara Batu Pahat, Johor. Hipotesis ini dibentuk dengan andaian bahawa jantina memainkan peranan dalam corak penghargaan sendiri remaja. Namun begitu, keputusan kajian jelas menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan dalam penghargaan sendiri berdasarkan jantina pelajar.

Keputusan kajian ini disokong dengan hasil kajian Hafizah Abu Bakar (2012) yang turut mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara tahap penghargaan sendiri berdasarkan jantina pelajar. Perkara ini juga selari dengan dapatan kajian Md. Zahir (2009) yang memperoleh nilai  $t = 1.68$  di mana keputusan tersebut menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara perhubungan ibu bapa dengan anak dan penghargaan sendiri remaja berdasarkan jantina.

**Hipotesis 3: Terdapat perbezaan penghargaan sendiri berdasarkan pendapatan ibu bapa remaja.**

**Jadual 5.3: Analisis Anova Perbezaan Penghargaan Kendiri Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa Remaja**

| Pendapatan Ibu Bapa | df  | Mean Square | F     | Sig. |
|---------------------|-----|-------------|-------|------|
| Between Groups      | 2   | 75.470      | 2.332 | .099 |
| Within Groups       | 251 | 32.358      |       |      |

Perbezaan gaya didikan ibu bapa berdasarkan pendapatan ibu bapa remaja dilakukan dengan menggunakan kaedah Anova sehalu. Keputusan mendapati bahawa nilai Anova adalah  $F = 2.332$  dengan nilai signifikan  $.099$  iaitu lebih besar daripada  $.05$ . Maka keputusan yang diperolehi menunjukkan tiada perbezaan gaya didikan ibu bapa berdasarkan pendapatan ibu bapa remaja  $F(2,251) = 2.332 > .05$ . Maka hipotesis ini ditolak.

Keputusan kajian ini berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Low Suet Fin (2011) yang mendapati bahawa status sosioekonomi mempunyai hubungan positif yang kuat dan signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Perkara ini menerangkan bagaimana status sosioekonomi memberikan impak terhadap konsep sendiri pelajar secara langsung dan juga secara tidak langsung. Kajian tersebut juga serupa dengan kajian Young (1998) di mana keputusan kajiannya mendapati bahawa secara tidak langsung, status sosioekonomi mempengaruhi konsep sendiri individu kearah yang positif.

## 6.0 CADANGAN

Berdasarkan perbincangan keputusan kajian yang telah diberikan, terdapat beberapa cadangan yang mungkin dapat membantu beberapa pihak dalam aspek gaya didikan ibu bapa atau penghargaan sendiri dan juga untuk tujuan kajian yang akan dilakukan pada masa akan datang.

Pengkaji hendaklah memperbanyakkan membaca bahan bacaan ilmiah berkenaan gaya didikan ibu bapa dan penghargaan sendiri supaya dapat meningkatkan ilmu pengetahuan serta menyebarkan kesedaran kepada masyarakat umum. Pengkaji juga perlulah mencari kajian-kajian berkaitan kajian yang ingin dilakukan dengan banyak supaya dapat menyokong dapatan kajian dengan lebih kukuh. Pengkaji bolehlah memperluaskan lagi skop kajian dan mengkhususkan domain pembolehubah supaya mendapat hasil kajian yang lebih mendalam.

Pihak-pihak yang bertanggungjawab lebih-lebih lagi ibu bapa yang mestilah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran impak gaya didikan ibu bapa terhadap pembentukan penghargaan sendiri remaja. Tidak dapat ditekankan lagi bahawa gaya didikan ibu bapa amat penting dalam pembentukan personaliti, persepsi dan tingkah laku anak-anak mereka.

## 7.0 KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati bahawa secara keseluruhannya, gaya didikan ibu bapa mempunyai impak kepada penghargaan sendiri remaja Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Batu Pahat, Johor. Ini menerangkan gaya didikan ibu bapa yang mempunyai hubungan negatif sederhana yang signifikan terhadap penghargaan sendiri remaja. Terdapat beberapa kajian yang telah mendapati bahawa gaya didikan ibu

bapa yang autoritatif membentuk penghargaan sendiri remaja yang tinggi. Hal ini adalah kerana didikan dan dorongan yang diaplikasikan terhadap anak-anak dalam kehidupan seharian akan menentukan tingkah laku, personaliti dan persepsi pada masa hadapan.

Justeru itu, kesedaran mengenai gaya didikan ibu bapa perlulah ditingkatkan supaya dapat melahirkan generasi muda yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi. Perkara ini dapat membantu individu dalam pembentukan corak pemikiran yang positif, tingkah laku serta nilai kerja yang baik. Kerjasama dan usaha pelbagai pihak seperti kerajaan, pendidik dan khususnya ibu bapa amat diperlukan supaya dapat membangunkan individu seterusnya keluarga yang mempunyai persekitaran yang sihat dalam pelbagai aspek khususnya psikologikal.

## RUJUKAN

- Bakar, H. A. (2012). *Hubungan Gaya Keibubapaan dengan Penghargaan Kendiri Pelajar Sekolah*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Baumrind. (1971). Current Patterns of Parental Authority, *Developmental Psychology Monograph*, 451-103.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The Ecology of Human Development: Experiment by Nature and Design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Buri, J. P. (1989). *An Instrument for the Measurement of Parental Authority Prototypes*. Chicago.
- Coopersmith. (1967). *The Antecedents of Self-Esteem*. San Francisco: Freeman.
- Diener, E. D. (1995). The wealth of nations revisited: Income and quality of life. *Social Indicators Research*, 36(3), 275–286.
- Fin, L. S. (2011). *Pembinaan dan Pengujian Model Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat di Daerah Klang*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hamid, M. Z. (2009). *Hubungan antara perhubungan ibu bapa dan anak dengan penghargaan sendiri pelajar di salah sebuah sekolah menengah di Taiping. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hasan, M. F. (2016). Kajian Penghargaan Kendiri dan Kepuasan Hidup Pelajar (A Study of Students' Self Esteem and Life Satisfaction). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30 (2): 22-31.
- Horney, K. (1992). *Our inner conflict*. New York: Norton.
- Iwanee, O. &. (2002). The Quality of Parenting Individuals Who Had Failed to Thrive as Children. *British Journal of Social Work*, 32:283-298.
- Jaafar, J. L. (2008). *Pengenalan Kepada Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja*. Shah Alam. Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
- Joseph, L. (1992). *Character structure and the organization of the self*. New York: Columbia University Press.
- Malhi, R. S. (1997). *Harga Diri*. Kuala Lumpur: Self Esteem Seminar Sdn. Bhd.
- Nurshahizan, S. (2014). *Gaya keibubapaan terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah*. Universiti Tun Hussein Onn.
- Rosenberg, M. (1965). *Society and the adolescent self-image*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Rosenberg, M. (1979). *The Conceiving Self*. New York: Basic Books.
- Ryff, C. (1989). Happiness is Everything, Or is It? Exploration on the Meaning of Psychological Well-being. *Journal of Personality and Social Psychology*, 1069-1081.
- Sulaiman, H. (2013). *Hubungan antara Kecerdasan Emosi dengan Gaya Asuhan Ibu Bapa dalam Kalangan Remaja Sekolah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Young, D. J. (1998). Ambition, self-concept, and achievement: A structural equation model for

comparing rural and urban students. *Journal of Research in Rural Education*, 14 (1), 34-44.

Yusoof, C. H. (2011). Corak Komunikasi Keluarga dalam kalangan Keluarga Melayu di Terengganu. *Jurnal Hadhari*, 3(2) (2011) 45-62.

## HUBUNGAN KETAGIHAN INTERNET DENGAN TINGKAH LAKU AGRESIF DALAM KALANGAN PELAJAR

**Nur Hadirah Isahak, Atini Alias**

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka, Melaka, Malaysia  
hadirahisahak@gmail.com, atini@kuim.edu.my

### **Abstrak**

Internet mempunyai pengaruh yang kuat terhadap kehidupan orang ramai terutamanya golongan remaja sehingga menyebabkan mereka ketagih melayari internet. Internet pada masa kini banyak menayangkan unsur-unsur negatif dan keganasan yang boleh mendatangkan kesan pengaruh kepada masyarakat. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji hubungan ketagihan internet dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar tingkatan 4 dan 5 SMK Tun Fatimah Hashim, Johor Bahru. Responden kajian ini terdiri daripada 242 orang pelajar tingkatan 4 dan 5 SMK Tun Fatimah Hashim, Johor Bahru. Soal selidik yang digunakan di dalam kajian ini adalah *Internet Addiction Test (IAT)* dan *Buss-Perry Aggression Questionnaire (1992)*. Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* untuk menilai peratusan kekerapan, pekali korelasi, ujian t dan Anova. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan antara ketagihan internet dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar tingkatan 4 dan 5 SMK Tun Fatimah Hashim, Johor Bahru ( $r = .324, p < .05$ ). Hasil kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan ketagihan internet berdasarkan umur ( $t = .714, p > .05$ ) dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tingkah laku agresif dengan pendapatan ibu bapa ( $f = 1.322, p > .05$ ).

Kata Kunci: ketagihan internet, tingkah laku agresif, pelajar

### **Abstract**

The internet has a strong influence on the lives of people, especially teenagers, causing them to become addicted to surfing the internet. The internet nowadays displays a lot of negative elements and violence that can have an influential effect on society. Therefore, this study aims to investigate the relationship between internet addiction and aggressive behavior among form 4 and 5 students of SMK Tun Fatimah Hashim, Johor Bahru. The respondents of this study consisted of 242 form 4 and 5 students of SMK Tun Fatimah Hashim, Johor Bahru. The questionnaires used in this study were the Internet Addiction Test (IAT) and the Buss-Perry Aggression Questionnaire (1992). The data obtained were processed using Statistical Package for the Social Science (SPSS) to evaluate the frequency percentage, correlation coefficient, t test and Anova. The results of the study found that there is a relationship between internet addiction and aggressive behavior among form 4 and 5 students of SMK Tun Fatimah Hashim, Johor Bahru ( $r = .324, p < .05$ ). The results of the study also found that there was no significant difference in

internet addiction based on age ( $t = .714, p > .05$ ) and there was no significant difference between aggressive behavior with parental income ( $f = 1.322, p > .05$ ).

Keyword: internet addiction, aggressive behavior, student

## 1.0 PENGENALAN

Perkembangan teknologi maklumat yang semakin pantas dan pesat telah menyebabkan perubahan yang banyak terhadap masyarakat terutamanya teknologi komunikasi internet. Dengan wujudnya teknologi internet ini, ia memudahkan orang ramai untuk menyelesaikan segala hal dalam waktu yang singkat. Internet juga dijadikan sebagai informasi dan hiburan kepada masyarakat. Sebagai contoh, segala informasi yang dikehendaki sangat mudah dicari tanpa perlu lagi sulit mencari di buku-buku dan hanya dengan melayari internet, kita dapat mengakses informasi yang dikehendaki. Oleh itu, kemudahan yang banyak terdapat dalam Internet akan memberi kesan terhadap golongan remaja sehingga menyebabkan ketagihan.

Ketagihan melampau remaja masa kini terhadap internet dilihat pendorong kepada pembentukan perilaku dan sikap agresif sehingga ada sanggup bertindak membunuh diri. Tindakan sedemikian boleh terjadi ekoran terlalu taksab, kecewa atau terpengaruh dengan kandungan di media sosial sehingga diri gagal membuat pertimbangan wajar. Contohnya dalam kes pernah dilaporkan dalam akhbar Jun tahun lalu, seorang pelajar perempuan Tingkatan Empat di sebuah sekolah di Johor cuba membunuh diri selepas tidak tahan menjadi mangsa buli kenalan *Facebook* yang mahu menyebarkan gambar lucu beliau di media sosial. Pakar Psikologi Kaunseling, Prof Dr Mohamed Fadzil Che Din, menjelaskan situasi itu tidak pelik memandangkan remaja kini gemar menjadikan gajet dan media sosial sebagai sumber rujukan yang dijadikan aplikasi untuk mengakses perkara negatif dan tidak berfaedah. Beliau yang juga merupakan Timbalan Naib Canselor Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) berkata, penggunaan media sosial atau gajet yang keterlaluan atau melebihi had telah mengundang dan menimbulkan pelbagai masalah dalam kehidupan remaja. Masalah seperti kurang interaksi dengan masyarakat dan suka menyendiri hingga bertindak di luar kawalan seperti lari dari rumah. Punca berlaku perilaku seperti itu disebabkan menyalahguna media sosial seperti ketagihan melampau terhadap gajet serta manipulasi media sosial seperti cubaan menipu atau memburukkan orang lain (Alzahrin Alias & Mohd Nasaruddin Parzi, 2015).

Selain itu, dengan melayari internet, masyarakat dengan mudahnya dapat mengakses atau menonton rancangan yang berbentuk jenayah, tembak-menembak, mistik dan aksi-aksi ganas yang lain lagi samada di Netflix mahupun Youtube sehingga dianggap tidak bersesuaian dengan budaya masyarakat di Malaysia. Program-program di internet berlumba-lumba untuk memperlihatkan aksi-aksi yang paling ganas yang sukar dijangkau oleh pemikiran sehingga mampu menarik perhatian golongan remaja. Keadaan ini akan menjadi punca kepada penularan unsur keganasan dan tingkah laku yang agresif kepada penonton khususnya dalam golongan remaja atau pelajar. Umumnya, remaja merupakan insan yang masih dalam aktiviti pembelajaran serta pembentukan diri dan masih mencari identiti selain mempunyai sifat ingin tahu yang tinggi menyebabkan mereka dilihat sebagai golongan yang mudah terjebak dengan pengaruh negatif. Selain pengaruh rakan, media sosial menjadi elemen penting yang menarik perhatian remaja untuk mencuba sesuatu. Penerimaan sosial sangat penting pada mereka menyebabkan ada yang sanggup mengambil risiko serta menerima cabaran agar dilihat mengikut peredaran zaman (Nurul Husna, 2018).

Kadar peningkatan krisis akhlak dan moral golongan remaja di negara ini semakin menggerunkan apabila statistik menunjukkan jumlah kes jenayah membabitkan pesalah juvana meningkat sebanyak 11 peratus dalam tempoh setahun. Berdasarkan statistik dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 7,816 kes dicatatkan pada 2013

berbanding hanya 3,700 kes pada 2012 iaitu membabitkan peningkatan sebanyak 4,116 kes. Malah, angka jenayah berat golongan remaja yang tamat persekolahan pula mencatatkan peningkatan ketara hingga 137 peratus kepada 2,011 kes berbanding hanya 849 kes dicatatkan pada 2012. Kategori jenayah berat ini turut dikaitkan dengan remaja bawah umur berusia antara 12 hingga 17 tahun. Angka direkodkan turut meningkat kira-kira 47 peratus di seluruh negara dan ada daripada mereka terlibat dengan kes bunuh dan juga rogol (Shuhada Mansor, 2015).

Tingkah laku agresif dalam kalangan remaja sekolah akibat kesan daripada pengaruh sumber- sumber negatif daripada internet merupakan satu masalah yang perlu diambil serius oleh semua yang terlibat dengan sebaik mungkin supaya ianya tidak menjadi isu yang boleh mendatangkan kesan negatif dalam perkembangan akademik dan sahsiah pelajar. Selain itu, masalah ini juga perlu diselesaikan dengan teliti supaya peranan sekolah sebagai pusat perkembangan ilmu dan jati diri pelajar tidak terjejas imej serta kredibilitinya sejajar dengan hasrat kerajaan melahirkan modan insan yang cemerlang dan berkualiti. William (1978) mendapati masalah tingkah laku agresif dalam kalangan remaja Amerika berpunca daripada menonton media yang ganas. Perlakuan non-verbal seperti isyarat lucah dengan tangan dan ungkapan perkataan '*Shit*' dan '*Fuck you*' merupakan suatu perkara biasa yang dituturkan oleh para remaja Amerika. Dalam negara kita perkara ini belum benar-benar berakar umbi, namun ramai remaja telah mula terbiasa menunjukkan isyarat-isyarat lucah dengan tangan dan seringkali memaki rakannya dengan perkataan 'bodoh, sial dan celaka'. Semua perlakuan ini menunjukkan remaja banyak menerima pengaruh keganasan berpunca daripada media dan mengamalkan dalam kehidupan seharian mereka.

Kelangsangan dalam media merupakan masalah utama yang mengancam keharmonian dalam kehidupan berkeluarga. Menurutny lagi, media juga banyak menyebarkan fahaman seks yang keliru, pornografi, pornoaksi, kekerasan, keganasan melampau dan kehidupan yang liar seperti menyimpang dari budaya dan agama. Beliau juga mendapati bahawa kesan pengaruh media yang tidak bertanggungjawab menyebabkan standard moral remaja di Asia semakin merosot. Keadaan ini akan mendatangkan kebimbangan kepada remaja bermasalah dan mengakibatkan mereka terlibat dengan pelanggaran disiplin di sekolah amat ketara (Orestes, 2002).

## **2.0 OBJEKTIF KAJIAN**

- i. Mengenalpasti hubungan antara ketagihan internet dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar tingkatan 4 dan 5 SMK Tun Fatimah Hashim, Johor Bahru.
- ii. Mengenalpasti perbezaan ketagihan internet mengikut umur dalam kalangan pelajar tingkatan 4 dan 5 SMK Tun Fatimah Hashim, Johor Bahru.

## **3.0 METODOLOGI**

### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan bagi mengukur pembolehubah yang diuji. Satu set soal selidik yang mempunyai tiga bahagian telah diedarkan kepada responden bagi melihat hubungan ketagihan internet dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar.



### 3.2 Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan di SMK Tun Fatimah Hashim, Johor Bahru yang mempunyai pelajar seramai 635 orang pelajar. Manakala, sampel yang digunakan dalam kajian ini ialah sebanyak 242 orang responden yang melibatkan pelajar tingkatan 4 dan 5 sekolah tersebut. Nilai responden ini ditentukan menggunakan jadual penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan (1970).

### 3.3 Instrumen

Kajian ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A berkaitan dengan demografi responden merangkumi jantina, umur, bangsa, bilangan adik beradik, pendapatan ibu bapa dan tempat tinggal. Bahagian B adalah berkaitan ketagihan internet (*Internet Addiction Test (IAT)*) dan Bahagian C adalah berkaitan dengan tingkah laku agresif (*Buss-Perry Aggression Questionnaire (1992)*).

Bahagian B merupakan soal selidik ketagihan internet yang digunakan bagi mengukur kehadiran dan tahap kebergantungan internet dan teknologi di kalangan remaja. Soal selidik ini telah diperkenalkan oleh Dr. Kimberly Young. Instrumen ini terdiri daripada 20 item dan dibahagikan kepada beberapa subskala iaitu kesungguhan, penggunaan berlebihan, abaikan kerja, jangkaan, kekurangan kawalan dan abaikan kehidupan sosial. Soal selidik ini menggunakan pemeringkatan skala likert seperti 'jarang', 'sekali sekala', 'kerap', 'sangat kerap' dan 'sentiasa'.

Bahagian C pula merupakan soal selidik tingkah laku agresif yang dibina oleh *Buss and Perry Aggression Questionnaire (1992)*. Soal selidik ini diadaptasi daripada soal selidik *The Effect by Violent Media on Aggression Questionnaire*. Soal selidik ini mengandungi 29 item yang terbahagi kepada empat jenis subskala iaitu keganasan fizikal, verbal, permusuhan dan kemarahan. Soal selidik ini menggunakan pemeringkatan skala likert seperti 'langsung tidak sama seperti saya', 'agak tidak sama tentang saya', 'tidak sama seperti saya', 'sedikit seperti saya' dan 'sangat seperti saya'.

## 4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 4.1 Keputusan Deskriptif

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina

| Jantina   | Bilangan | Peratus (%) |
|-----------|----------|-------------|
| Lelaki    | 56       | 23.1        |
| Perempuan | 186      | 76.9        |
| Jumlah    | 242      | 100         |

Jadual 4.1 menunjukkan demografi responden berdasarkan jantina. Hasil kajian menunjukkan seramai 56 orang bersamaan 23.1% adalah lelaki manakala seramai 186 orang bersamaan 76.9% adalah perempuan.

**Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Umur**

| <b>Umur</b>        | <b>Bilangan</b> | <b>Peratus (%)</b> |
|--------------------|-----------------|--------------------|
| <b>Tingkatan 4</b> | 128             | 52.9               |
| <b>Tingkatan 5</b> | 114             | 47.1               |
| <b>Jumlah</b>      | 242             | 100                |

Jadual 4.2 menunjukkan demografi responden berdasarkan umur. Hasil kajian menunjukkan seramai 242 responden berdasarkan umur iaitu tingkatan 4 seramai 128 orang bersamaan dengan 52.9% dan tingkatan 5 seramai 114 orang bersamaan dengan 47.1% . Keputusan menunjukkan tingkatan 4 mempunyai jumlah responden yang lebih ramai berbanding tingkatan 5.

**Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Bangsa**

| <b>Bangsa</b>    | <b>Bilangan</b> | <b>Peratus (%)</b> |
|------------------|-----------------|--------------------|
| <b>Melayu</b>    | 207             | 85.5               |
| <b>India</b>     | 8               | 3.3                |
| <b>Cina</b>      | 22              | 9.1                |
| <b>Lain-lain</b> | 5               | 2.1                |
| <b>Jumlah</b>    | 242             | 100                |

Jadual 4.3 menunjukkan demografi responden berdasarkan bangsa. Hasil kajian menunjukkan seramai 207 bersamaan 85.5% adalah Melayu, seramai 8 orang bersamaan 3.3% adalah India, seramai 22 orang bersamaan 9.1% adalah Cina dan seramai 5 orang bersamaan 2.1% adalah lain lain bangsa.

**Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Bilangan Adik Beradik**

| <b>Bilangan Adik Beradik</b> | <b>Bilangan</b> | <b>Peratus (%)</b> |
|------------------------------|-----------------|--------------------|
| <b>1 hingga 3 orang</b>      | 93              | 38.4               |
| <b>4 hingga 6 orang</b>      | 132             | 54.5               |
| <b>7 hingga 9 orang</b>      | 16              | 6.6                |
| <b>10 orang ke atas</b>      | 1               | 4                  |
| <b>Jumlah</b>                | 242             | 100                |

Jadual 4.4 menunjukkan demografi responden berdasarkan bilangan adik beradik. Hasil kajian menunjukkan seramai 93 orang bersamaan 38.4% mempunyai bilangan adik beradik 1 hingga 3 orang, seramai 132 orang bersamaan 54.5% mempunyai bilangan adik beradik 4 hingga 6 orang, seramai 16 orang bersamaan 6.6% mempunyai bilangan adik beradik 7 hingga 9 orang dan seramai 1 orang bersamaan 4% mempunyai bilangan adik beradik 10 orang ke atas.

**Jadual 4.5: Taburan Responden Mengikut Pendapatan Ibu Bapa**

| <b>Pendapatan Ibu Bapa</b> | <b>Bilangan</b> | <b>Peratus (%)</b> |
|----------------------------|-----------------|--------------------|
| <b>Kurang dari RM 2000</b> | 87              | 36.0               |
| <b>RM 2000 - RM 5000</b>   | 88              | 36.4               |
| <b>RM 5000 ke atas</b>     | 67              | 27.7               |
| <b>Jumlah</b>              | 242             | 100                |

Jadual 4.5 menunjukkan demografi responden berdasarkan pendapatan ibu bapa. Hasil kajian menunjukkan seramai 87 orang iaitu bersamaan 36.0% menyatakan pendapatan ibu bapa mereka adalah kurang dari RM2000, seramai 88 orang iaitu bersamaan 36.4% menyatakan pendapatan ibu bapa mereka adalah antara RM2000 hingga RM5000 dan seramai 67 orang iaitu bersamaan 27.7% menyatakan pendapatan ibu bapa mereka adalah RM5000 ke atas.

**Jadual 4.6: Taburan Responden Mengikut Tempat Tinggal**

| <b>Jantina</b>     | <b>Bilangan</b> | <b>Peratus (%)</b> |
|--------------------|-----------------|--------------------|
| <b>Bandar</b>      | 157             | 64.9               |
| <b>Luar Bandar</b> | 85              | 35.1               |
| <b>Jumlah</b>      | 242             | 100                |

Jadual 4.6 menunjukkan demografi responden berdasarkan tempat tinggal. Hasil kajian menunjukkan seramai 157 orang bersamaan 64.9% tinggal di bandar manakala seramai 85 orang bersamaan 35.1% tinggal di luar bandar.

## 4.2 Keputusan Inferensi

**Jadual 4.7: Pekali Korelasi Bagi Hubungan Ketagihan Internet dan Tingkah Laku Agresif Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4 dan 5 SMK Tun Fatimah Hashim, Johor Bahru.**

| <b>Pembolehubah</b> | <b>Tingkah Laku Agresif</b> |
|---------------------|-----------------------------|
| Ketagihan Internet  | .324*                       |

\* $p < .05$

Jadual 4.7 menunjukkan keputusan korelasi antara ketagihan internet dan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar tingkatan 4 dan 5 SMK Tun Fatimah Hashim, Johor Bahru. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai Pekali Korelasi ialah .324 dan nilai kebarangkalian adalah .000. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara ketagihan internet dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar tingkatan 4 dan 5 SMK Tun Fatimah Hashim, Johor Bahru. Hipotesis diterima dan terdapat hubungan yang signifikan antara ketagihan internet dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar. ( $r = .324, p < .05$ )

Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan kerana internet merupakan salah satu saluran yang berfungsi untuk memberikan maklumat serta perkara-perkara yang boleh membuatkan seseorang terpengaruh dari segi tingkah laku atau perbuatan terutamanya

kepada golongan remaja iaitu para pelajar. Ini disebabkan mereka merupakan golongan yang mudah terpengaruh dan suka mengikuti perbuatan yang dilakukan oleh orang lain walaupun perbuatan tersebut adalah perbuatan yang negatif dan seterusnya mempraktikkan perbuatan tersebut kepada rakan-rakan mereka sendiri. Ini terbukti dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Ab. Halim Tamuri et.al. (2006) menunjukkan bahan media massa berbentuk hiburan yang paling diminati oleh remaja yang juga dikategorikan dalam kalangan pelajar di mana pengaruh hiburan kearah keseronokan menjadi pilihan utama masyarakat berbanding slot agama dan wacana ilmu yang boleh menambahkan ilmu pengetahuan dan ini membuktikan media massa sangat mempengaruhi tingkah laku, akhlak dan kehidupan sosial mereka.

Kajian ini disokong melalui dapatan kajian Sohana Abdul Hamid (2016) yang menyatakan bahawa media massa banyak memberi pengaruh positif kepada pelajar tetapi mereka masih lagi dapat memilih antara yang berfaedah ataupun sebaliknya. Oleh yang demikian, mereka harus menyeimbangkan penggunaan teknologi dan bahan media yang boleh merosakkan mereka agar tidak menjurus kearah keburukan yang boleh menjejaskan identiti dan jati diri mereka sebagai seorang pelajar yang bakal menerajui negara pada masa akan datang.

**Jadual 4.8 : Keputusan Ujian *t* Bagi Perbezaan Ketagihan Internet Berdasarkan Umur**

| Umur        | Jumlah | Min    | Sisihan Piawai | <i>t</i> | sig. | k    |
|-------------|--------|--------|----------------|----------|------|------|
| Tingkatan 4 | 128    | 2.3504 | .69289         | .714     | .440 | .476 |
| Tingkatan 5 | 114    | 2.4105 | .60833         |          |      |      |

$p > .05$

Jadual 4.8 menunjukkan bahawa nilai ( $t = .714$ ,  $p > .05$ ) di mana menunjukkan min ketagihan internet terhadap tingkatan 5 lebih tinggi berbanding tingkatan 4 iaitu 2.41 (SP = .60833). Bagi tingkatan 4 pula min 2.35 (SP = .69289). Ini menunjukkan hipotesis yang menyatakan terdapat perbezaan signifikan ketagihan internet berdasarkan umur ditolak. Hipotesis menyatakan tidak terdapat perbezaan signifikan ketagihan internet berdasarkan umur.

Hasil kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Nur Anisha Syafiqah dan Siti Aishah (2020). Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara ketagihan internet mengikut umur ( $f(4, 38) = .385$ ,  $p > .05$ ). Maka, hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan diantara ketagihan internet mengikut umur dalam kalangan pelajar UITM. Oleh itu, hipotesis yang dibina oleh pengkaji diterima.

Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa ketagihan internet ianya tidak melihat kepada kategori umur. Tidak kira golongan muda mahupun golongan tua boleh terjebak dengan ketagihan internet yang melampau jika tidak dibendung atau dikawal. Ini boleh dilihat daripada hasil dapatan kajian oleh Fariza Md Sham & Muhammad Faisal Ashaari (2010) menyatakan bahawa *Facebook* merupakan antara laman web yang paling popular di Malaysia dan mendapati juga kebanyakan masyarakat di Malaysia yang ramai melayari web *Facebook* ini adalah dikalangan yang berumur 12 hingga 35 tahun. Jadi, dapat dilihat bahawa ketagihan internet boleh terjadi kepada semua peringkat umur disebabkan laman sosial mempunyai tarikan yang kuat kepada orang ramai.

## 5.0 KESIMPULAN

Ketagihan internet yang melampau dalam kalangan remaja perlu dibendung dan diatasi dengan segera oleh pihak yang bertanggungjawab agar perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Pelbagai cara dan usaha boleh dilakukan agar isu ini tidak menjadi lebih teruk lagi. Secara keseluruhan dapatan kajian ini dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara ketagihan internet dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar tingkatan 4 dan 5 SMK Tun Fatimah Hashim, Johor Bahru. Ini menunjukkan bahawa ketagihan internet mempengaruhi tingkah laku agresif seseorang. Ini kerana saluran internet pada masa kini kurangnya tapisan yang ditunjukkan kepada masyarakat terutamanya kepada golongan remaja yang selalu terdedah dengan internet atau alam maya. Merujuk kepada dapatan perbezaan umur pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan ketagihan internet berdasarkan umur. Ini menunjukkan bahawa semua pelajar tidak mengira umur tetapi dalam lingkungan remaja akan terdedah dengan ketagihan internet ini.

Kurangnya pantauan daripada keluarga juga menjadi permasalahan kepada berlakunya tingkah laku agresif yang berpunca daripada ketagihan internet. Oleh itu, kerjasama daripada keluarga, masyarakat, pendidik dan kerajaan amat penting bagi memberikan kesedaran kepada golongan remaja tentang ketagihan internet yang melampau boleh mengakibatkan pelbagai kemungkinan permasalahan bakal berlaku terutamanya pengaruh keganasan yang menjadi contoh untuk mereka ikuti hingga terhasilnya tingkah laku agresif.

## RUJUKAN

- Ab. Halim T., & Zarin., I. (2006). *Hubungan Media Massa Dengan Pegangan Akhlak dan Pengajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian Remaja di Sabak Bernam*. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- Alzahrin Alias & Mohd Nasaruddin Parzi. (2015). *Remaja Terpengaruh Media Sosial*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/05/50941/remaja-terpengaruh-media-sosial>
- Buss & Perry. (1992). The Aggression Questionnaire. *Journal of Personality and Psychology*, ed 63, 3.
- Fariza Md Sham & Muhammad Faisal Ashaari. (2010). *Media Sebagai Tarikan Psikologi Dalam Dakwah*. Kertas Kerja Muzakarah Ulama' dan Cendekiawan Islam. Perak: Pejabat SUK Negeri Perak.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research. *Educational and Psychological Measurements*, 30, 607-610.
- Nur Anisha Shafiqah & Siti Aishah. (2020). Hubungan Antara Ketagihan Internet Dengan Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Jengka Cawangan Pahang. *Jurnal Sains Sosial*, 5 (1), 33-42
- Nurul Husna. (2018). *Remaja Mudah Terjebak*. <https://www.hmetro.com.my/hati/2018/02/316620/remaja-mudah-terjebak>
- Orestes, P. M. (2002). *Song to Avoid After The Tragedy*. London: Sage Publication.
- Shuhada Mansor. (2015). *Statistik Moral Remaja Kita*. <https://api.hmetro.com.my/node/36116>
- Sohana Abdul Hamid. (2016). Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 214-226.
- William, A.B. (1978). *Television Violence and The Adolescent Boy*. England: Saxon House. Young, K.S. (2013). *Internet Addiction Test (IAT)*. <http://netaddiction.com/internet-addiction-test/>

## **PERSEPSI DAN PENGETAHUAN MASYARAKAT TENTANG ISU KESIHATAN MENTAL**

**Aida Aqilah Binti Mansor & Suhaya Binti Deraman**

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

aqilahmansoraida@gmail.com

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan membincangkan tentang persepsi dan pengetahuan masyarakat tentang isu kesihatan mental dalam kalangan Selangor, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Melaka, Negeri Sembilan, Kedah, Perak, Sabah, dan Johor. Perbincangan kajian ini melibatkan mengenal pasti hubungan antara persepsi dengan pengetahuan tentang isu kesihatan mental, membincangkan persepsi masyarakat tentang isu kesihatan mental dan meneroka tahap pengetahuan masyarakat berkaitan isu kesihatan mental. Sajuhmanakah pengetahuan masyarakat tentang kesihatan mental baik pada diri mereka mahupun orang lain. Tanpa masyarakat sedar pembangunan dan kemajuan yang dicapai turut membawa bersama natijah kepada ahli masyarakat sama ada dari aspek sosial, ekonomi mahupun kesihatan. Malaysia merupakan antara negara yang sedang membangun dan tidak terkecuali dari isu kesihatan mental.

Kata Kunci : Persepsi Masyarakat, Pengetahuan, Isu Kesihatan Mental

### **Abstract**

This study aims to discuss the perception and knowledge of the community on mental health issues among Selangor, Penang, Kelantan, Terengganu, Melaka, Negeri Sembilan, Kedah, Perak, Sabah, and Johor. The discussion of this study involved identifying the relationship between perceptions and knowledge of mental health issues, discussing community perceptions of mental health issues and exploring the level of community knowledge related to mental health issues. What is the knowledge of society about mental health both in themselves and others. Without the community being aware, the development and progress achieved also brings with it results to members of the community whether from the social, economic or health aspects. Malaysia is one of the developing countries and is no exception to the issue of mental health.

Keywords: Community Perception, Knowledge, Mental Health Issues

## **1.0 PENDAHULUAN**

Isu penyakit mental ini bukan lagi satu isu baharu di negara ini. Kemajuan negara dalam mengejar arus pembangunan menjadikan kehidupan masyarakat begitu kompleks. Tanpa masyarakat sedar pembangunan dan kemajuan yang dicapai turut membawa bersama natijah pada ahli masyarakat sama ada dari aspek sosial, ekonomi mahupun kesihatan. Malaysia merupakan antara negara yang sedang membangun dan tidak terkecuali daripada wujudnya permasalahan ini. Menurut Persatuan Psikatri Malaysia (2012) jumlah bilangan pesakit mental di negara ini semakin meningkat (Rose Fazilah, 2015).

Namun demikian, pada keadaan sekarang ini, kesihatan mental dinilai menerusi perkaitan antara stigma, jantina dan penilaian gejala kemurungan. Hal ini lebih jelas dengan terma yang diguna pakai dalam tafsiran sakit mental secara tidak langsung mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap pesakit mental. Definisi yang bersifat berlebihan akan memberi kesan negatif kepada sejumlah besar pesakit mental termasuk kanak-kanak serta keluarga mereka berikutan kelaziman stigma yang meluas. Oleh itu maksud yang tepat dan padat perlu diberikan untuk mengelakkan permasalahan stigma atau persepsi ini dari terus berlaku (Anisah, 2019)

Oleh itu, kajian yang dijalankan ini akan memfokuskan kepada kajian kuantitatif yang bertujuan untuk meneroka hubungan persepsi dan pengetahuan masyarakat di negara Malaysia berkaitan kesihatan mental, di mana responden terdiri daripada komuniti Malaysia secara rawak pada setiap peringkat umur dan daripada pelbagai latar belakang, baik aspek pendidikan atau kehidupan. Hal ini disebabkan oleh kajian terdahulu membuktikan walaupun kemajuan dalam usaha mengawal epidemik ini, isu stima dan diskriminasi terhadap golongan pesakit mental masih menjadi perbualan oleh golongan aktivis dan “netizen” atau warganet yang gemar mengecam tanpa ilmu pengetahuan dan empati.

## **2.0 DOMAIN PERMASALAHAN PERSEPSI MASYARAKAT DAN PENGETAHUAN TENTANG ISU KESIHATAN MENTAL**

Menurut Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 mendapati bahawa kemurungan golongan dewasa di Malaysia sebanyak 2.3% prevalens kemurungan di peringkat nasional iaitu seramai setengah juta orang. Prevalen tertinggi adalah di negeri WP Putrajaya sebanyak 5.4%, Negeri Sembilan 5.0%, Perlis 4.3%, Sabah 4.0% dan Melaka 3.8%. Manakala mengikut kumpulan sosiodemografi pula, kemurungan golongan dewasa dapat dilihat dari aspek 2.0% dalam kalangan lelaki dan 2.6% dari kalangan wanita. Kadar bagi luar bandar sebanyak 3.6% dan di bandar sebanyak 1.9%. Menurut status pula kadar bagi golongan bujang sebanyak 3.2%, berkahwin 1.8% dan bercerai sebanyak 2.0%.

Selain itu, golongan kanak-kanak juga tidak terlepas dari masalah mental atau epidemik tersembunyi ini yang mempunyai kadar tinggi juga iaitu sebanyak 424,000 kanak-kanak mengalami

masalah kesihatan mental di Malaysia. Pecehan kadar bagi kanak-kanak mengalami masalah kesihatan mental ini boleh dilihat dari sudut luar bandar sebanyak 8.8%, dari aspek gender sebanyak 8.4% bagi kanak-kanak perempuan dan lingkungan umur yang mempunyai kadar yang tinggi di antara umur 10 tahun hingga 15 tahun sebanyak 9.5% dan dipengaruhi dengan pendapatan isi rumah kategori B40 sebanyak 9.2%. Faktor yang menyumbang kepada permasalahan kesihatan mental bagi kanak-kanak antaranya adalah masalah berinteraksi dengan rakan sebaya iaitu sebanyak 42.9%, masalah tingkah laku sebanyak 15.9%, masalah emosi 8.3% dan masalah hiperaktif 2.3%.

Oleh itu jelaslah bahawa isu kesihatan mental dalam kalangan masyarakat Malaysia tanpa kira bangsa atau kaum amatlah dalam keadaan merisaukan. Justeru itu, kesedaran terhadap kepentingan ilmu pengetahuan berkaitan isu kesihatan mental haruslah dipergiatkan dan diketengahkan dengan sebaik mungkin agar dapat mengurangkan dan melenyapkan stigma atau prasangka yang memudaratkan terhadap pesakit mental, terutamanya kanak-kanak yang menjadi tunjang kepada masa depan negara pada masa akan datang. Adakah kita ingin melihat pentadbir negara pada masa hadapan mempunyai masalah kesihatan mental? Adakah kita ingin membunuh mereka secara diam pada yang mengalami masalah mental dengan stigma atau prasangka kita yang tidak relevan lagi bijaksana ini?

Persepsi atau prasangka wujud dalam kalangan masyarakat Malaysia mempunyai banyak faktor selain mempunyai hubungan dengan tahap pengetahuan mereka berkaitan kesihatan mental. Sebagai contoh yang boleh dilihat dari aspek sosiobudaya, sosioperundangan dan sebagainya. Sosiobudaya dapat kita lihat adalah dengan adat yang mengatakan bahawa mereka yang mempunyai isu kesihatan mental adalah kerana dosa mereka atau ahli keluarganya, penerimaan keluarga pesakit juga memberi kesan yang mendalam bagi isu kesihatan mental ini yang dimana mereka tidak gemar dan iktiraf jika keturunan mereka tersebut mempunyai masalah kesihatan mental, disebabkan dengan stigma orang yang sakit mental adalah mereka yang 'gila'. Dari aspek sosioperundangan pula dapat dilihat dari aspek akta penjagaan pesakit mental dan hak perlindungan dan kemudahan dari aspek perundangan terhadap pesakit mental atau keluarga pesakit mental yang mengurus pesakit masih belum disempurnakan secara sempurna dan dijamin keutuhannya terhadap golongan yang terlibat.

### **3.0 MANFAAT**

Terdapat beberapa manfaat yang dikemukakan oleh pengkaji terhadap seseorang sebagai sendiri, masyarakat yang menjadi responden bagi kajian ini dalam menangani berkaitan persepsi bagi isu kesihatan mental.



### 3.1 Kendiri

Kajian ini menjadi satu panduan bagi seseorang baik yang mengalami mahupun yang menjadi orang sekeliling bagi seseorang yang lain dalam memahami isu kesihatan mental dari aspek kepentingan mahupun cara atasi isu tersebut. Hal ini kerana, apabila seseorang itu mengetahui secara ringkas dan padat berkaitan istilah kesihatan mental maka secara tidak langsung mengatasi persepsi bahawa orang yang mempunyai isu kesihatan mental adalah 'gila' atau merbahaya dalam masyarakat atau kehidupan individu. Oleh itu, tidak menjadi satu isu sebagai bebanan bagi mereka yang menanggung ahli keluarga atau rakan sekerja atau pekerja yang mempunyai isu masalah kesihatan mental.

### 3.2 Masyarakat

Kajian ini menekankan tentang hubungan persepsi dan pengetahuan masyarakat Malaysia tentang kesihatan mental. Kajian ini dilakukan kerana untuk melihat hubungan persepsi masyarakat dengan pengetahuan berkaitan kesihatan mental mempunyai perkaitan atau tidak. Hal ini kerana bagi pengkaji persepsi itu berlaku disebabkan kurang ilmu pengetahuan ataupun disebabkan sifat *serkap jarang* iaitu tuduhan tanpa bukti atau tanpa fakta atau sekadar agak-agak sahaja terhadap seseorang atau sesuatu perkara, oleh komuniti tanpa berfikir kesan buruk dan baik terhadap persepsi atau prasangka tersebut.

Kesihatan mental juga bukan sahaja tertumpu bagi mereka yang sakit, yang mempunyai masalah neronsis, biologi dan sebagainya. Kesihatan mental juga merujuk kepada kesejahteraan emosi, perasaan dan diri seseorang dalam melalui ranjua kehidupan yang serba mencabar dan tertekan dari aspek kekeluargaan, peranan individu sebagai pekerja, isteri, suami, anak, suri rumah, dan sebagainya. Hal ini harus juga dititikberatkan oleh masyarakat bagi mengelakkan masalah kesihatan mental yang lebih teruk seperti kemurungan, tekanan yang melampau, Anxiety dan sebagainya. Kajian ini bukan sahaja ingin mengkaji persepsi masyarakat dan tahap pengetahuan berkaitan kesihatan mental, bahkan ingin juga melihat sejauh mana masyarakat itu peka akan kesihatan mental itu sendiri iaitu dari aspek penjagaan kesihatan mental terhadap dirinya sendiri dan juga kehidupan kendirinya.

Kajian ini turut dapat membantu masyarakat memahami dan melatih masyarakat dalam melakukan proses mentafsir sesuatu maklumat dengan tidak menyamakan kisah kehidupan seseorang dengan seseorang yang lain tanpa memahami atau mengkaji terlebih dahulu. Pengkaji dalam kajian ini akan memberikan beberapa teori berkaitan persepsi dan beberapa perkara yang berkaitan dengan

pemikiran yang mempengaruhi tindakan seseorang tersebut. Persepsi pasif telah dikemukakan oleh Rene Descartes berdasarkan rangkaian ; *surrounding input (sense)*, *processing (brain)*, dan *output (re-action)*. Persepsi aktif iaitu *Perception-in-action*, Gibson menyatakan bahawa persepsi merupakan keperluan peribadi untuk kehidupan

Kesimpulannya, menurut Robins persepsi mengikut organisasi baik aspek sosial atau sistem dalam kehidupan sosial dalam teori persepsi adalah melibatkan tiga perkara iaitu yang pertama faktor pada mempersepsikan sesuatu seperti cuba menafsirkan apa yang dilihatnya, penafsiran itu dipengaruhi oleh keperibadian seseorang individu tersebut, contohnya, sikap, motif, kepentingan padanya, minat, pengalaman masa lalu dan anggapan. Kedua, faktor target juga melibatkan keperibadian seseorang dalam melakukan pengamatan dalam pemerhatian berlandaskan perkara baru, ilmu baru, bunyi, ukuran, latar belakang dan pendekatannya. Yang ketiga adalah faktor situasi iaitu cara seseorang melihat objek, keadaan atau peristiwa yang dilihatnya atau yang dialaminya itu mempengaruhi persepsi yang dibuat, unsur yang berkaitan bagi faktor ini adalah waktu, keadaan, tempat kerja, situasi, dan keadaan sosial seseorang.

Oleh itu, secara tidak langsung masyarakat akan lebih peka dan rasional dalam melakukan sesuatu tindakan dan lebih bertimbang rasa dalam melakukan tindakan seperti memberi pandangan, memberi bentuk pertolongan dan sebagainya yang kena pada tempat bukan sekadar melulu dan menghukum. Apabila masyarakat mula membuka ruang untuk memahami maka kuranglah persepsi yang keterlaluan atau yang menyebabkan tekanan yang amat sangat kepada para pesakit kesihatan mental atau kepada mereka yang tidak menyangka mereka terlibat dalam isu kesihatan mental.

#### **4.0 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

Di akhir kajian ini, diharapkan suatu cadangan intervensi berasaskan persepsi dan pengetahuan masyarakat Malaysia terhadap kesihatan mental dapat diubah kepada sokongan yang jitu dan positif kepada golongan yang mempunyai masalah mental baik dari aspek sederhana atau serius. Sokongan sosial dari masyarakat amatlah membantu kepada golongan yang cenderung mempunyai atau terdedah dengan masalah mental juga ahli keluarga pesakit mental.

Kajian ini dapat diteruskan oleh pengkaji lain dalam mengaitkan lagi hubungan persepsi berkaitan isu kesihatan mental berpaksikan aspek agama, budaya dan kepercayaan yang melibatkan keseluruhan rakyat Malaysia dalam satu kawasan dalam satu negeri atau melibatkan setiap negeri di dalam satu Malaysia. Hal ini dapat mengembangkan lagi hasil pencarian dan

memperluaskan lagi kaedah-kaedah mengatasi persepsi dalam isu kesihatan mental selain dari aspek pengetahuan dan taraf pendidikan mempengaruhi persepsi atau pemikiran seseorang itu terhadap sesuatu khususnya sesuatu yang ganjil dalam sesebuah komuniti tersebut.

## 5.0 KESIMPULAN

Punca utama penyakit atau permasalahan adalah kerana tidak memahaami atau kurang pengetahuan dalam sesuatu perkara. Memahami isu kesihatan mental dan mengendali isu kesihatan mental adalah suatu kepentingan bagi memelihara kesejahteraan mental, emosi, perasaan dan kehidupan seseorang itu. Kesihatan mental adalah satu keadaan yang sejahtera di mana seseorang individu menyedari tentang keupayaan diri, dapat kendali tekanan dengan baik, dapat bekerja secara produktif dan mampu menyumbang kepada masyarakat. Selain itu, gambaran mental yang sihat dapat dilihat dengan seseorang itu menjalani kehidupan dengan aman dan dapat menjalinkan hubungan yang baik dan harmoni dengan masyarakat (Nurul Sofiah, 2020). Kesihatan mental boleh dikatakan sebagai kemampuan individu, kumpulan dan persekitaran dalam berkomunikasi dengan individu lain, baik menggunakan cara pemikiran, perasaan dan keupayaan berkomunikasi bagi mencapai kesejahteraan yang harmoni (Noraini, 2020).

## RUJUKAN

- Ainul Nadhirah Hanafiah and Tine Van Bortel. (2015). *A qualitative exploration of the perspectives of mental health professionals on stigma and discrimination of mental illness in Malaysia*. Cambridge CB2 0SR, UK: International Journal of Mental Health Systems.
- Andi Sudarsono dan Yudi Suharsono. (2016). *Hubungan Persepsi Terhadap Kesehatan Dengan Kesedaran (Mindfulness) Menyetor Sampai Anggota Klinik Asuransi Sampah Di Indonesia Medika*. Indonesia: Fakultas Psikologi, Universitas Muhammadiyah Malang.
- Fauziah Ibrahim, Khadijah Alavi, Nazirah Hassan. (2020). *penulisan Tesis Kajian Kualitatif dan Kuantitatif*. Bangi: Penerbitan UKM.
- Indah Purnama Sari, Fathra Annis Nauli, Febriana Sabrina. (2020). *Hubungan Persepsi Dan Sikap Masyarakat Terhadap Penderita Gangguan Jiwa Di Desa Teluk Kenidai Kecamatan Tambang Kabupaten Kampar*. Indonesia: Program Studi Ilmu Keperawatan Universitas Riau.
- Intan Nurhaila Meor Safari, Norlija Kassim, Nur Falihin Iskandar, Mohamad Haazik Mohamed & Mohd Yusof HJ. Abdullah. (2011). *Tahap Pengetahuan Mengenai Kesihatan Mental dalam Kalangan Pelajar Insituti Pengajian Tinggi Awam (IPTA) : Kajian Kes di UKM, Bangi*. UKM, Bangi: Jurnal Personalia Pelajar.
- Meilina Wirohati, Hastaning Sakti, Nailul Fauziah. (2013). *Hubungan Antara Persepsi Terhadap Perubahan Mental Dengan Agresivitas Verbal Pada Narapidana Di Lembaga Masyarakat Kedung Pane Semarang*. Semarang, Indonesia: Fakulti Psikologi Universitas Diponegoro.

- Muhamad Saiful Bahri Yusoff, Ahmad Fuad Abdul Rahim, Mohd Jam il Yaacob. (2009). *The Sensitivity, Specificity And Reliability Of The Malay Version 12-Items General Health (GHQ-12) In Questionnaire Detecting Distressed Medical Students*. Malaysia: Universiti Sains Malaysia, 16150 Kubang Kerian, Kelantan.
- Muhammad Salehan Alhafiz Mat Wajar, Rohana Hamzah (2020), *Model Kebahagiaan Hidup Pelajar Universiti Berdasarkan Faktor Kesehatan Mental, Kecerdasan Spiritual dan Demografi*, Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)
- Negara, I. K. (2020). *Tinjauan Kebangsaan Kesehatan dan Morbiditi 2019 Penyakit Tidak berjangkit, permintaan jagaan kesehatan, dan literasi kesehatan Penemuan Utama*. Shah Alam, Selangor: Institut Kesehatan Umum (IKU) Institut Kesehatan Negara Kementerian Kesehatan Malaysia.
- Nevena Ilic, Helen Henderson, Claire Henderson, Sara Evans-Lacko, Graham Thernicroft. (2015). *Attitudes Towards Mental Illnes*. The Health and Social Care Information Centre.
- Nor' Aina Fariha binti Haji Talib & Hilwa Abdullah @ Mohd. Nor. (2020). *Persepsi Masyarakat dan Pesakit Terhadap Kesehatan Mental*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rose Fazilah Ismail & Haris Abd. Wahab. (2015). *Persepsi Pesakit Mental Terhadap Stigma Masyarakat*. Akademika 85(1) :13-24.
- Subramaniam, D. S. (2016). *Masalah Kesehatan Mental Di Malaysia*. Kenyataan Akhbar Menteri Kesehatan Malaysia.
- Yusoff, M. S. (2010). *The Sensitivity, Specificity and Reliability of the Malay Version 30-Item General Health Questionnaire (GHQ-30) in detecting distressed Medical Students*. Malaysia: Medical Education Department, School of Medical Sciences, Universiti Sains Malaysia.

# HUBUNGAN TAHAP PENGHAYATAN AGAMA DAN KEPUASAN HIDUP DENGAN SOKONGAN SOSIAL DIKALANGAN PENGHUNI PUSAT PEMULIHAN PENAGIHAN NARKOTIK (PUSPEN) BENTA, PAHANG.

Erni Najwa Irdayu Marsam & Suzyliana Mamat  
Kolej Universiti Islam Melaka  
[erninajwa98@gmail.com](mailto:erninajwa98@gmail.com)

## Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti hubungan tahap penghayatan agama dan kepuasan hidup dengan sokongan sosial dikalangan penghuni Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Benta, Pahang. Seramai 72 orang dan kesemuanya adalah penghuni lelaki telah dipilih sebagai sampel. Instrumen kajian yang digunakan ialah inventori penghayatan agama, inventori kepuasan hidup dan inventori tingkah laku sokongan sosial. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*). Kebolehpercayaan dan kesahan bagi soal selidik ini adalah ditahap yang tinggi dan boleh dipercayai iaitu soal selidik bagi penghayatan agama adalah sebanyak .762, manakala bagi soal selidik kepuasan hidup adalah sebanyak .840 dan bagi soal selidik tingkah laku sokongan sosial adalah sebanyak .913. Secara kesimpulannya, terdapat hubungan yang signifikan diantara tahap penghayatan agama dengan sokongan sosial dengan hasil yang diperoleh iaitu ( $r = .607$ ,  $k < .05$ ) dan nilai kebarangkalian adalah .000 yang diuji pada aras keyakinan ( $k < .05$ ) dan terdapat hubungan yang signifikan diantara kepuasan hidup dengan sokongan sosial dengan hasil yang diperoleh iaitu ( $r = .597$ ,  $k < .05$ ) dan nilai kebarangkalian adalah .000 yang diuji pada aras keyakinan ( $k < .05$ ). Analisis Korelasi Pearson dan Anova digunakan di dalam kajian ini.

Kata Kunci: Penghayatan Agama, Kepuasan Hidup, Sokongan Sosial

## Abstract

This study was conducted to identify the relationship of religious commitment and satisfaction with life scale with socially supportive behaviours of occupants narcotic addiction rehabilitation center Benta, Pahang. A total of 72 persons were selected as the sample. The research instrument used was religious commitment inventory, satisfaction with life scale inventory and inventory of socially supportive behaviours. Data were analysed descriptively and inferentially using SPSS (Statistical Package For Social Science) software. The reliability and validity of this questionnaire is at a high level and reliable that the questionnaire for religious commitment inventory is .762, while for satisfaction with life scale is .840 and for inventory of socially supportive behaviours is .913. In conclusion, there is a significant relationship between religious commitment with socially supportive with the results obtained ( $r = .607$ ,  $p < .05$ ) and the probability value is .000 tested at the confidence level ( $p < .05$ ) and there is a significant relationship between satisfaction life with socially supportive with the results obtained ( $r = .597$ ,  $p < .05$ ) and the probability value is .000 tested at the confidence level ( $p < .05$ ). Pearson Correlation Analysis and Anova were used in this study.

Keywords: Religious Commitment, Satisfaction Life, Socially Supportive

## 1.0 PENGENALAN

Manusia merupakan makhluk yang unik diciptakan oleh Tuhan. Setiap manusia mempunyai kelebihan dan kekurangan. Mohamad Abu Bakar (2005), dalam konteks masyarakat di Malaysia, istilah penghayatan agama atau Al-Tadayyun dirujuk sebagai pelaksanaan dan pengalaman agama oleh

seseorang di dalam kehidupannya, sama ada melibatkan lingkungan pengaruhnya (circle of influence) secara perseorangan seperti akidah, ibadah dan akhlak atau melangkaui keluar hingga ke ruang kecaknaannya (circle of concern) seperti pelaksanaan syariah yang melibatkan individu lain, keluarga, masyarakat dan negara dengan berasaskan pengetahuan dan kefahamannya mengenai agama. Namun, pengamalan sebenarnya telah jauh bermula sebelum wacana mengenai penghayatannya giat berlangsung di kalangan masyarakat negara ini.

Kepuasan hidup merupakan satu bentuk proses penilaian dari segi kognitif di mana seseorang individu mengukur kualiti kehidupannya berdasarkan kriteria-kriteria unik yang ditentukan sendiri oleh mereka. Penilaian dari segi kognitif adalah lebih besar sumbangannya berbanding penilaian berdasarkan interpretasi emosi terhadap sesuatu perkara yang berlaku dalam kehidupan kerana seseorang individu kebiasaannya membezakan suatu standard yang mereka gunakan untuk menentukan darjah kepuasan hidup yang mereka rasai (Gilman, Huebner & Furlong, 2009).

Aspek sokongan sosial memainkan peranan penting terhadap seseorang individu terutama bagi mereka yang berada di pusat pemulihan. Keperluan sokongan sosial ini membolehkan individu mencapai matlamat dan memenuhi kehendak serta memperolehi kesejahteraan hidup. Menurut (Burke dan Weie 1979) dalam (Wong Mee Tuan 2002), individu yang gagal memperoleh sokongan sosial menyebabkan beliau mengalami perasaan rendah diri dan merasa tidak dihargai.

Masalah penagihan dadah merupakan satu cabaran besar kepada negara dalam usaha mensasar pencapaian matlamat bebas dadah dalam kalangan masyarakatnya (Fauziah, 2009; Abdul Ghafar, 2005; Mahmood, Mohd Shuib, & Ismail 1999). Fenomena penagihan dadah bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan dan pembangunan modal insan sesebuah negara, tetapi ia turut dilihat menjejaskan agama, kehidupan dan tingkah laku sosial (Mohamad Sabri & Che Bakar, 2008; Abdul Ghafar, 2005). Model dan perspektif yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu seperti masyarakat atau institusi kerajaan dalam mendefinisikan isu penagihan dadah mempunyai kesan langsung ke atas sokongan sosial terhadap penagih dadah semasa dan selepas mereka menjalani program pemulihan. Individu yang terjebak dengan penagihan ini perlu diisi dengan penghayatan agama, kepuasan dalam kehidupan dan juga sokongan sosial di dalam diri individu demi menambah ilmu atau pengetahuan. Penghayatan Agama yang tinggi amatlah dititik beratkan di dalam diri individu, untuk mencapai kepuasan hidup disamping dengan sokongan sosial.

Oleh itu, tujuan kajian ini adalah ingin meneliti dengan lebih mendalam hubungan tahap Penghayatan Agama dan Kepuasan Hidup dengan Sokongan Sosial dikalangan penghuni Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Benta, Pahang. Hal ini kerana, pengkaji ingin melihat bagaimana tahap penghayatan agama dan kepuasan hidup mempengaruhi sokongan sosial seseorang. Menurut Raba (2001), penghayatan agama amat penting dalam kehidupan individu muslim kerana memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dan personaliti, memberi ketenangan emosi Hasnan Kassan (2002) menanamkan keyakinan diri manusia Qardhawi (1985) serta menurut Hamka (1997) kebahagiaan hidup. Melihat kepada kepentingan dan peranan Penghayatan Agama dalam membentuk muslim mukmin yang musleh, usaha bagi membangunkan Penghayatan Agama perlu dilaksanakan dan dipergiatkan.

Hal ini, Penghayatan Agama yang tinggi teramatlah diperlukan dalam menjamin kesejahteraan psikologi yang seimbang terhadap individu. Kerana kurangnya pengetahuan agama akan membuat jatuhnya sesuatu generasi itu sendiri. Oleh itu, kesemuanya iaitu penghayatan agama dan ilmu-ilmu dunia lain perlu di bawa seiring sejalan. Kata lain, jangan hanya membawa dunia tetapi akhirat ditinggalkan jauh kebelakang. Biarlah seiring sejalan.

## **2.0 TAHAP PENGHAYATAN AGAMA**

Konteks penghayatan agama di negara ini, belum dihayati semaksimumnya sebagai suatu cara hidup selayak dengan potensinya yang telah terbukti membawa pembangunan dan ketamadunan dalam sejarah manusia. Oleh yang demikian, seharusnya dihayati seutuhnya dengan pelaksanaan amali agar dapat memberikan impak yang besar kepada pembangunan manusiawi khususnya generasi baru dalam konteks membangunkan mereka secara holistik dengan menggabungkan pengetahuan, kemahiran dan aspek kerohanian.

Menurut satu kajian yang bertajuk Pengaruh Faktor PsikoSosial ke Atas Penghayatan Akhlak Agama Islam dalam Kalangan Belia Institusi Pengajian Awam Terpilih Di Malaysia iaitu kajian oleh Rohana Tan, NorHasni Zainal Abiddin et al., (2013). Kajian ini memfokuskan kepada pengaruh faktor psikososial melibatkan pendidikan keagamaan oleh ibu bapa, pertautan ibu bapa dan pertautan rakan sebaya terhadap penghayatan akhlak Islam dalam kalangan belia universiti. Hasil kajian menunjukkan proses pendidikan untuk membentuk akhlak Islam berlaku menerusi pemerhatian dan peniruan terhadap tingkah laku ibu bapa seperti yang dijelaskan oleh Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1977).

Selain itu, kajian yang dibawa oleh Imron (2013) bertajuk “Pentingnya Agama Bagi Remaja”. Menurut (Hurlock) dalam dunia perkembangan, remaja mempunyai erti khusus iaitu masa ini merupakan masa peralihan antara masa kanak-kanak dan masa dewasa. Pada masa ini juga dikatakan sebagai masa bermasalah dan menimbulkan ketakutan. Masa remaja disebut juga untuk menemukan identity diri (self-identity). Oleh yang demikian, agama menjadi sangat penting dalam mempengaruhi kehidupan remaja dan setiap individu. Ini menggambarkan bahawa agama memegang peranan yang besar dalam menghadapi masalah, supaya kecemasan tidak berlanjutan. Orang yang mempunyai kematangan emosi dapat mengawal gejala-gejala tersebut sebelum muncul kecemasan pada dirinya.

Kepentingan beragama kepada setiap manusia ialah dapat menjadikan manusia berakhlak mulia. Agama mengajarkan manusia tentang nilai-nilai moral sebagai hasil pemikiran manusia untuk berfikir yang baik dan buruk. Jika setiap manusia berakhlak mulia, maka sudah pasti masyarakat itu akan dipenuhi dengan keadilan, keamanan dan kesejahteraan dan terselamat dari keadaan huru-hara, perpecahan, masalah sosial dan sebagainya

### **3.0 KEPUASAN HIDUP**

Kepuasan hidup adalah ukuran kesejahteraan psikologi yang paling popular, di samping ukuran yang lain seperti kesejahteraan subjektif dan kegembiraan. Kepuasan hidup bukan hanya penilaian seseorang tentang kehidupan. Tetapi, ia juga melibatkan pengiktirafan, keyakinan, kesyukuran, dan penghargaan seseorang akan kehidupannya. Gaya hidup penagih dadah dikaji dari segi konstelasi keluarga, interpretasi corak mimpi, interpretasi ingatan awal, dan mengenal pasti kesilapan asas penagih dadah. Kajian ini memerihalkan gaya hidup penagih dadah secara holistik dan mendalam. Penggunaan teori psikologi individu untuk meneroka gaya hidup penagih dadah jelas menggambarkan bahawa faktor keluarga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan gaya hidup. Keluarga sebagai satu sistem psikososial dalam masyarakat perlu memahami proses kekeluargaan. Proses kekeluargaan merangkumi aspek komunikasi, memahami kesan-akibat sesuatu perhubungan daripada perspektif sistemik, mengekalkan homeostasis keluarga, fungsi dan peranan, struktur keluarga, boundary atau sempadan psikologikal, dan seumpamanya.

Ibu bapa harus memberi perhatian yang seimbang di antara anak-anak tanpa mengira susunan kelahiran agar skrip gaya hidup yang sempurna dan berfungsi dapat dihasilkan. Proses kekeluargaan sebenarnya ialah satu proses untuk memberi 'makna' kepada kewujudan setiap ahlinya. Jika 'makna' kehidupan individu itu adalah bagus, maka ia akan menjadi amalan gaya kehidupan yang positif, tetapi jika 'makna' kehidupan itu tidak baik, maka amalan gaya kehidupan yang negatif akan mengambil alih. Pengetahuan tentang ilmu kekeluargaan harus dipertingkatkan untuk memastikan ahli keluarga menjadi ahli masyarakat yang berguna dan tidak terlibat dalam mana-mana gejala sosial.

Kebahagiaan atau kegembiraan kerap kali difahami sebagai sejauh mana seseorang selesa atau berpuas hati dengan kehidupan mereka (Veenhoven, 2006). Dengan kata lain, ia merujuk kepada tahap penilaian seseorang kepada kehidupan mereka secara keseluruhan. Elemen yang paling penting dalam definisi ini ialah penilaian subjektif, atau dengan kata lain kepuasan hidup (Veenhoven, 2006).

### **4.0 SOKONGAN SOSIAL**

Sokongan sosial merujuk kepada sumber psikologi dan material yang disediakan oleh rangkaian sosial yang bertujuan untuk membantu individu menanggulangi tekanan. Sokongan sosial sedemikian boleh datang dalam bentuk yang berbeza. Kadang-kadang ia mungkin melibatkan seseorang yang mempunyai pelbagai tugas harian apabila mereka sakit atau menawarkan bantuan kewangan apabila mereka memerlukan. Dalam situasi lain, ia boleh melibatkan memberi nasihat kepada rakan apabila mereka

menghadapi situasi yang sukar. Dan kadang-kadang ia hanya melibatkan menyediakan penyayang, empati dan perhatian kepada orang yang tersayang yang memerlukan.

Sokongan masyarakat melibatkan sokongan dan penerimaan daripada masyarakat sekitar seperti jiran tetangga, rakan-rakan dan individu sekeliling yang mengenali mahupun tidak mengenali. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 94% daripada responden menyatakan bahawa mereka menerima sokongan masyarakat yang sederhana dan rendah. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa ahli masyarakat tidak bersedia dalam memberikan sokongan kepada pengguna dadah untuk pulih daripada penagihan. Dapatan kajian ini menyokong kajian terdahulu oleh Mahmood Mohd Nazar, Mohd Shuib Che Din, Lasimon Matokrem, Muhamad Dzahir Kasa dan Rusli Ahmad (1999) yang mendapati kekurangan sokongan masyarakat menyumbang kepada tingkahlaku penggunaan dadah. Kesimpulannya, sokongan, penerimaan, dan kerjasama yang kukuh dalam kalangan ahli masyarakat adalah penting bagi membantu bekas penagih dadah untuk balik semula ke dalam masyarakat.

Kajian *Webs of Support: An Integrative Framework of Relationships, Social Networks, and Social Support for Positive Youth Development* oleh Shannon M. Varga dan Jonathan F. Zaff pada tahun 2017 mengkaji kekuatan hubungan, sumber, rangkaian sosial dan sokongan sosial terhadap perkembangan positif seseorang. Hasil kajian menunjukkan orang dewasa boleh memberi kesan kepada tingkah laku, psikologikal, akademik dan perkembangan emosi remaja (Chang et al. 2010; Rhodes dan DuBois 2008). Jesteru itu, sokongan emosi daripada ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan kepada psikologikal remaja, sama ada positif seperti penghargaan sendiri atau negatif seperti kemurungan (Smetana et al. 2006). Selain itu sokongan sosial daripada pelbagai pihak memberi kesan yang berbeza terhadap seseorang individu.

Sokongan sosial adalah dorongan dan sokongan kepada individu atau kelompok yang sedang mengalami kesusahan atau dilanda masalah. Sokongan sosial juga bermaksud sokongan moral dimana ia diperoleh daripada rangkaian keluarga atau sahabat handai individu tersebut. Sokongan sosial ialah apa jua jenis sokongan yang berupaya membantu terutamanya dari segi mental dan emosi. Oleh itu, sokongan sosial adalah sesuatu yang diperlukan oleh seseorang untuk menjadi pendorong kepada sesuatu. Dalam hal penagihan, sokongan sosial adalah perlu kerana bagi mereka yang ingin berhenti jika mendapat sokongan sosial yang kurang akan menyebabkan mereka ini akan menjerumus kembali kepada kehidupan mereka yang lalu iaitu penagih dadah.

## **5.0 METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian tinjauan dimana soal selidik diedarkan kepada 72 orang penghuni Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Benta, Pahang. Soal selidik yang diedarkan kepada sampel kajian terdiri daripada 4 bahagian. Bahagian A mengandungi maklumat demografi yang perlu diisi oleh penghuni tersebut. Bahagian B ialah soal selidik penghayatan agama yang mengandungi 11 soalan. Bahagian C ialah soal selidik kepuasan hidup yang mengandungi lima soalan. Manakala bahagian D ialah soal selidik tingkah laku sokongan sosial yang mengandungi 20 soalan. Kajian ini melibatkan 100% responden lelaki.

## **6.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Kepuasan hidup dan sokongan sosial yang mempengaruhi tahap penghayatan agama seseorang individu. Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan. Hasil kajian ini adalah skor mentah responden yang diperolehi melalui soal selidik. Data daripada soal selidik telah dianalisis menggunakan Korelasi Pearson dan Anova melalui program *Statistical Package for Social Science (SPSS)*.



**Hipotesis 1: Terdapat hubungan antara tahap penghayatan agama dengan sokongan sosial.**

**Jadual 1.1 Korelasi antara tahap penghayatan agama dengan sokongan social**

| Pemboleh Ubah           | Sokongan Sosial |
|-------------------------|-----------------|
| Tahap Penghayatan Agama | .607            |

$k < .05$

Analisis korelasi pekali Pearson bagi mengenal pasti hubungan di antara tahap penghayatan agama dengan sokongan sosial seperti yang dinyatakan didalam Jadual 1.1 hasil menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada tahap yang kuat iaitu ( $r = .607$ ,  $k < .05$ ) dan nilai kebarangkalian adalah .000 yang diuji pada aras keyakinan ( $k < .05$ ). Maka, nilai yang terhasil menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan. Hal ini menunjukkan bahawa tahap penghayatan agama mempunyai hubungan dengan sokongan sosial. Oleh itu, hipotesis diterima iaitu ( $r = .607$ ,  $k < .05$ ).

Hasil kajian ini disokong dengan kajian yang dibuat oleh Roslan Mohamed & Siti Aishah (2008) di dalam penulisannya menyatakan proses pembangunan bermula dengan moral, spiritual dan perkembangan mental manusia yang akan menjadi agen kepada fizikalnya sendiri dan persekitaran serta ekonomi. Terdapat lima kriteria yang menjadi ukuran kesejahteraan dan kemakmuran manusia, iaitu agama, akal, diri, keturunan dan harta. Kelima-lima kriteria ini yang juga merupakan matlamat syariah merupakan elemen keperluan manusia dan jika hendek dibangunkan manusia perlulah dibangunkan kepada lima aspek tersebut. Terbangunnya lima aspek berkenaan akan mengukuhkan lagi nilai peradaban hidup yang sejahtera dan aman bahagia.

**Hipotesis 2: Terdapat hubungan antara kepuasan hidup dengan sokongan sosial.**

**Jadual 1.2 Korelasi antara kepuasan hidup dengan sokongan social**

| Pemboleh Ubah  | Sokongan sosial |
|----------------|-----------------|
| Kepuasan Hidup | .597            |

$k < .05$

Analisis korelasi pekali Pearson bagi mengenal pasti hubungan di antara kepuasan hidup dengan sokongan sosial seperti yang dinyatakan didalam Jadual 1.2 hasil menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada tahap yang kuat iaitu ( $r = .597$ ,  $k < .05$ ). dan nilai kebarangkalian adalah .000 yang diuji pada aras keyakinan ( $k < .05$ ). Maka, nilai yang terhasil menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan. Hal ini menunjukkan bahawa kepuasan hidup mempunyai hubungan dengan sokongan sosial. Oleh itu, hipotesis diterima iaitu ( $r = .597$ ,  $k < .05$ ).

Dari aspek pembentukan tingkah laku, Spohr et al. (2016) mendapati bahawa terdapat hubungan di antara kualiti sokongan sosial dengan tingkah laku berisiko yang menjadi kepuasan hidup. Perkara ini menjadi satu titik tolak yang penting di mana peningkatan kualiti sokongan sosial akan mengurangkan kecenderungan banduan terhadap tingkah laku berisiko. Colvin, Cullen dan Vander Ven (2007) telah memperkenalkan satu teori yang berkaitan kesan sokongan sosial kepada tingkah laku banduan yang dikenali sebagai Differential Coercion and Social Support (DCSS). Teori ini menyentuh keperluan sokongan sosial terhadap pembentukan diri golongan banduan. Corak sokongan sosial yang diterima banduan merupakan aspek penting dalam membina emosi dan membentuk peribadi luaran. Corak sokongan sosial yang diterima secara konsisten oleh banduan dapat membina emosi yang positif dan membentuk individu yang terarah kepada moral yang baik dan keperibadian yang kuat. Ikatan sosial terbina hasil daripada komitmen moral yang tinggi dan keupayaan kawalan diri yang baik. Kesan daripada sokongan sosial yang konsisten juga, dapat meningkatkan tahap tingkah laku pro-sosial yang tinggi dan dapat meminimumkan tingkah laku devian atau dorongan dalam melakukan jenayah (Colvin 2007).

### Hipotesis 3: Terdapat perbezaan tahap penghayatan agama berdasarkan umur.

**Jadual 1.3 Perbezaan tahap penghayatan agama berdasarkan umur**

|                 | Jumlah Kuasa Dua | Darjah Kebebasan | Min Kuasa Dua | F     | sig. |
|-----------------|------------------|------------------|---------------|-------|------|
| Antara Kumpulan | 1213.079         | 3                | 404.360       | 4.208 | .009 |
| Dalam Kumpulan  | 6534.574         | 68               | 96.097        |       |      |
| Jumlah          | 7747.653         | 71               |               |       |      |

$p < .05$

Berdasarkan Jadual 1.3, keputusan menunjukkan nilai  $F=4.208$  dengan nilai kebarangkalian  $.009$  yang diuji pada aras keyakinan  $p < .05$ . Nilai kebarangkalian ini didapati lebih kecil daripada nilai keyakinan ( $p < .05$ ). Dengan ini hasil analisis menunjukkan terdapat perbezaan antara tahap penghayatan agama berdasarkan umur. [ $F(71) = 4.208, p < .05$ ]. Maka hipotesis diterima.

Keputusan ini disokong dengan keputusan kajian yang dilakukan oleh Yahya Buntat, Dzulkhishsham Rahmat @Rahaman (2015) menyatakan mereka berumur sekitar 20 hingga 29 tahun lebih banyak terlibat dalam penagihan dadah. Mereka yang terlibat adalah disebabkan berpendapatan rendah, pendidikan dan penghayatan agama yang rendah. Apa yang dapat disimpulkan adalah golongan belia lebih ramai terjebak dalam penyalahgunaan dadah berbanding remaja dan golongan emas. Kajian ini dijalankan bagi mengetahui profil penagih dadah di CCSC seluruh Malaysia. Kajian ini telah menggunakan soal selidik yang direka khas sesuai dengan keperluan objektif kajian yang telah dinyatakan. Seramai 3703 orang responden telah melibatkan diri dalam kajian ini. Ini telah membuktikan mereka yang berada didalam lingkungan umur 20 hingga 29 tahun adalah lebih berisiko melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah.

Bahkan menurut kajian Azizi dan Badruzaman (2006) menyokong hasil kajian dengan menyatakan tahap penghayatan agama seseorang boleh ditonjolkan dalam pelbagai bentuk tanpa mengira faktor umur dan jantina. Erikson (1968) turut menyatakan bahawa peringkat umur ini adalah peringkat dimana seseorang mengalami perkembangan psikososial identiti berlawanan dengan kekeliruan identiti. Perasaan ini tahu dan kekeliruan mereka jika tidak dikawal dengan baik menyumbang pada tingkah laku yang menyimpang dari norma masyarakat.

## 7.0 CADANGAN

Terdapat beberapa cadangan untuk penambahbaikan kepada pengkaji seterusnya. Antaranya pengkaji disarankan untuk meluaskan lagi skop kajian. Pengkaji boleh memperluaskan kajian dengan melibatkan lebih banyak institusi dibawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pengambilan sampel. Hal ini kerana, responden yang diambil dalam sebuah institusi masih tidak mencukupi dan skala yang sangat kecil untuk mengukur tahap penghayatan agama dan kepuasan hidup dengan sokongan sosial yang diterima.

Selain itu, pengkaji seharusnya menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif iaitu mengedarkan soal selidik dan menemu bual klien di pusat pemulihan. Hal ini dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan lebih maklumat berkaitan dengan penyalahgunaan bahan. Dalam membuat sesi temubual, pengkaji hendaklah menyediakan soalan-soalan yang menjaga sensitiviti responden. Hal ini adalah untuk mengelakkan daripada mereka tersinggung dan mengelakkan mereka daripada bertindak agresif.

Antara kelebihan yang terdapat di dalam kedua-dua kaedah kajian ini ialah, bagi kajian kualitatif, dapat membantu pengkaji memperkayakan dan memperbanyakkan dapatan kajian. Hal ini kerana, data yang dikumpul oleh pengkaji boleh digunakan untuk kajian pada masa akan datang kerana soalan-soalan kajian yang ditanya oleh pengkaji kepada sampel kajian adalah bersifat terbuka. Oleh itu, responden bebas memberi pendapat mereka yang membawa kepada pengumpulan lebih banyak maklumat dan data kajian. Dalam pada itu, pengkaji boleh memberikan keterangan yang terperinci mengenai sebab disebalik jawapan yang diberikan oleh responden dan memberi peluang kepada pengkaji meneroka subjek kajian dengan lebih mendalam untuk mendapatkan data dan maklumat mengenai kajian.

Di samping itu, antara kelebihan bagi kaedah pengumpulan data berbentuk kuantitatif pula ialah menjimatkan masa pengkaji ketika menjalankan kajian dan memudahkan pengkaji menganalisis data dan maklumat yang diperolehi daripada responden kajian kerana keputusan kajian dibuat di dalam bentuk objektif disebabkan alat keputusan kuantitatif menggunakan data-data berangka yang lebih tepat. Cadangan yang seterusnya disarankan kepada pengkaji ialah melakukan penerangan ringkas mengenai soalan di dalam soal selidik ketika mengedarkan soal selidik. Hal ini kerana, berkemungkinan terdapat responden yang tidak memahami pernyataan atau soalan yang terdapat di dalam soalan soal selidik.

Selain itu, pengkaji akan datang juga disarankan untuk menjalankan kajian ini diseluruh pusat pemulihan dan klinik Cure n Care AADK di dalam negeri bagi boleh mendapatkan keputusan ujian yang lebih tinggi nilai kebolehpercayaannya. Hal ini adalah kerana tidak kesemua klien ini mempunyai masa dan kebiasaannya mereka seperti terpaksa menjawab. Pengkaji juga tidak disarankan untuk membenarkan klien untuk membawa pulang soal selidik kerana bimbang mereka tidak akan menjawab dan memulangkannya. Pengkaji juga hendaklah menggunakan penulisan yang mudah difahami oleh pengguna agar mereka mudah untuk membaca dan memahami apa yang pengkaji cuba sampaikan.

Seterusnya, masyarakat juga hendaklah tidak mengambil enteng tentang kehidupan mereka. Masyarakat sepatutnya berganding bahu dalam membantu mereka untuk berubah dan bukannya memandang mereka seperti sampah masyarakat. Masyarakat hendaklah mengambil tahu tentang kehidupan mereka setelah mereka memilih untuk tidak lagi mengambil dadah. Bekas-bekas penagih ini sebenarnya memerlukan dorongan dan sokongan daripada masyarakat supaya mereka kuat untuk terus tidak terlibat dalam penagihan dadah atau relaps. Masyarakat boleh melakukan pelbagai aktiviti bersama dengan mereka. Antara aktiviti yang boleh dilakukan ialah aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan. Hal ini adalah untuk membuat mereka berasa lebih dekat dengan masyarakat dan merasa tidak tersisih. Jika masyarakat tidak berbuat sedemikian, mereka mungkin tidak akan mempunyai kesedaran untuk menghadiri aktiviti-aktiviti tersebut.

Akhir sekali ialah dengan mewujudkan peluang pekerjaan kepada klien-klien pusat pemulihan. Hal ini adalah kerana tidak semua pihak menerima penagih dalam sektor pekerjaan mereka. Oleh yang sedemikian, pihak berwajib hendaklah memainkan peranan dalam membantu dan membuka peluang kepada mereka ini dalam mendapatkan kerja supaya mereka dapat meneruskan kehidupan mereka dengan baik.

## **8.0 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, kajian ini dijalankan hanya untuk melihat sejauhmana kepuasan hidup dan sokongan sosial mempengaruhi tahap penghayatan agama diri seseorang responden. Menurut Prof Dr Mahmood Nazar Mohamed (2004) bagi memastikan seseorang penagih tidak menagih semula, sokongan dan pembabitan keluarga amat penting. Beliau dapati usaha memulihkan penagih lebih berjaya jika penagih mempunyai sokongan khususnya dari keluarga. Sokongan yang dimaksudkan adalah meliputi dari segi emosi kasih sayang dan ambil berat pada setiap masa. Bukan sahaja ahli keluarga yang perlu mengambil berat namun ia juga adalah peranan masyarakat dan badan-badan berkenaan.

Hasil kajian menunjukkan majoriti responden kajian ini mempunyai tahap kepuasan hidup dan sokongan keluarga, rakan sebaya dan masyarakat yang positif iaitu pada tahap kuat. Walaupun kajian menunjukkan responden mempunyai tahap sokongan yang positif, pihak-pihak tertentu perlu memperkasakan lagi tahap sokongan golongan ini agar mereka rasa diperlukan dan dihargai. Sokongan yang diberikan juga membolehkan responden meningkatkan keyakinan diri dan kestabilan emosi bagi membebaskan diri daripada kancah penagihan. Hubungan yang baik daripada kumpulan ini dapat menyedarkan diri responden bahawa mereka masih lagi diperlukan dan memberikan sumbangan kepada masyarakat dan negara. Kepentingan kumpulan sosial yang terdiri daripada keluarga, rakan sebaya dan masyarakat perlu dibentuk secara meluas dan diperkukuhkan di seluruh negara. Mereka perlu bersikap penyayang dan sanggup memberikan sepenuh sokongan dan dorongan dalam menghapuskan relaps dalam kalangan penagih sukarela. Kejayaan penagih boleh dikatakan banyak bergantung kepada dorongan dan sokongan daripada keluarga, rakan sebaya dan masyarakat.

Akhir sekali, penghayatan agama, kepuasan hidup dan sokongan sosial adalah dimana seseorang itu masih mempunyai orang yang masih menyokong dan memberi nasihat kepada mereka. Ini akan memberi satu dorongan dan satu motivasi kepada seseorang responden untuk berhenti dan mengubah

hidup mereka. Hubungan sosial yang positif, membuat seseorang itu mempunyai tujuan hidup, cuba mengembangkan potensi diri dan mampu mengawal persekitaran luar. Persekitaran yang baik akan membuatkan mereka ini boleh menjalani kehidupan seharian mereka dengan baik. Jika mereka tidak mempunyai keadaan persekitaran yang baik, pasti ini akan menyebabkan mereka boleh bertindak di luar kawalan dan mereka juga boleh merasa jauh dari masyarakat.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian yang dilakukan dapat menjawab segala persoalan serta memberikan gambaran yang jelas tentang hubungan antara tahap penghayatan agama dan kepuasan hidup dengan sokongan sosial. Maka setiap mereka yang terlibat dalam penagihan akan memerlukan sokongan sosial dan kepuasan hidup dari semua pihak supaya penghayatan agama mereka kearah yang lebih baik.

## 9.0 RUJUKAN

- Abdul Ghafar. 2005. *Bersama Perangi Dadah*. Kuala Lumpur: Penerbit Seri Kenangan Sdn Bhd.
- Adam Mohamed. 2006. *Tingkah laku Penagihan Semula, Punca-Punca Penagihan dan Pemulihan Kerohanian Menurut Perspektif Islam*, Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Johor Baharu, Johor.
- Agensi Antidadah Kebangsaan. 2014. *Laporan Dadah 1997*, Retrieved from <http://www.adk.gov.my/html/laporandadah>.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1985. *Ke Arah Pelaksanaan Syariah Islamiyyah*. Terj. Abdul Rahman Ahmad Jerlun. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Atikah Osman & Siti Aishah Yahya. 2018. Hubungan Antara Penghayatan Agama Dengan Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Sukah. *Jilid 1 2018*: 154-165.
- Azizi Yahya & Badruzaman Baharom. 2006. *Persekitaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja*. Jabatan Asas Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Bandura, A. 1977. *Social learning theory*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Buehler, C., Gerard, J.M Martual. 2002. Conflict, Ineffective Parenting, And Children's And Adolescents' Maladjustment. *Journal Of Marriage And Family*. 64 78-9.
- Colvin, M. 2007. Applying differential coercion and social support theory to prison organizations: The case of the penitentiary of New Mexico. *The Prison Journal* 87: 367-387.
- Colvin, M., Cullen, F. T. & Vander Ven, T. 2007. Coercion, social support, and crime: An emerging theoretical consensus. *Criminology* 40:19-42.
- Dzulkifli, M. A., & Yasin, M. A. S. M. 2009. The Effect of Social Support and Psychological Problems on Students' Academic Performance. In *Second International Conference of Teaching And Learning at Inti University College, Malaysia*. International Islamic University Malaysia.
- Fauziah Ibrahim. 2009. The Influence of Community on Relapse Addiction to Drug Use: Evidence from Malaysia. *European Journal of Social Sciences*. Vol. 11, Issue 3
- Faizah Mat Isa, Rozmi Ismail Dan Norizan Hassan. 2018. Peranan Sokongan Sosial Terhadap Kemurungan Dalam Kalangan Remaja Penagih Dadah. *Jurnal Psikologi Malaysia* 32 (3) 2018. *Gesundheitspsychologie* (Pp.107-121). Heidelberg: Springer Medizin Verlag.
- Gilman, R., Huebner, E. S., & Furlong, M. J. 2009. *Handbook of positive psychology in schools*. *Handbook of positive psychology in schools*. <http://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2>
- Hasnan, K. 2008. *Pendidikan remaja muslim*. Putrajaya: JAKIM.
- Howser, J., Grossman, J. & MacDonald, D. 1984. Impact of family reunion programs on institutional discipline. *Journal of Offender Counselling, Services and Rehabilitation* 8: 27-36.
- Imron. 2013. Pentingnya Religiusitas Bagi Remaja. [www.Distrodoc.com](http://www.Distrodoc.com).
- Lily Mastura & Ooi Boon Keat. 2004. *Penerokaan Gaya Hidup Penagihan Dadah: Perspektif Teori Psikologi Individu*, Universiti Putra Malaysia Press.
- Luo, Y., Hawkey, L. C., Waite, L. J., & Cacioppo, J. T. 2012. Loneliness, health, and mortality in old age: A national longitudinal study. *Social science & medicine*, 74(6), 907-914.

- Mahmood Nazar Muhamed. 2004. Pengantar Psikologi: satu Pengenalan Asas Jiwa dan Tingkah Laku Manusia, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Nazar Mohamad, Mohd Shuib Che Din, Lasimon Matokrem, Muhamad Dzahir Kasa & Rusli Ahmad. 1999. Penagihan Dadah dan Residivisme: Aspek-aspek Psikososial dan Persekitaran. Sintok: Pusat Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Mohamad Sabri Yusoh & Che Bakar Che Mat. 2008. Penyalahgunaan dan Penedaran Dadah di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- O' Mahony, P. 2009. The risk factors prevention paradigm and the causes of youth crime: A deceptively useful analysis? *Youth Justice*. 99(2): 99-114.
- Mohamad Abu Bakar. 2005. Islam Sebagai Budaya dan Peradaban: Ke mana? Di mana? *Jurnal Pemikir* (39&40): 271-282.
- Mohd. Majid Konting. 1998. Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Ridzuan Abu Hassan. 2020. Penagihan Dadah Satu Penyakit, *Sinar Harian*, Retrieved from <http://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=95698>
- Rohana T, Norhasni ZA, Azimi H & Fathiyah MF. 2013. Pengaruh Faktor Psikososial ke Atas Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Belia Institusi Pengajian Tinggi Awam Terpilih di Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* 16 (2013): 55-64
- Shannon M. Varga dan Jonathan F. Zaff. 2017. Webs of Support: An Integrative Framework of Relationships, Social Networks, and Social Support for Positive Youth Development.
- Sidek Mohd. Noah. 2005. Pengujian dan Penilaian Kaunseling: Teori dan Aplikasi. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Spohr, S. A., Suzuki, S., Marshall, B., Taxman, F. S. & Walters, S. T. 2016. Social Support Quality and Availability Affects Risk Behaviors in Offenders. *Health & Justice* 4(2): Terbitan online 25 Feb 2016 doi: 10.1186/s40352-016-0033-y [1 Ogos 2016].
- Veenhoven, R. 2006. How do we assess how happy we are? Tenets, implications and tenability of three theories. Kertas kerja yang dibentangkan dalam 'New Directions in the Study of Happiness: United States and International Perspectives', University of Notre Dame, USA, October 22-24, 2006.
- Wong Mee Tuan. 2002. Hubungan Di Antara Sokongan Sosial Dengan Kemurungan Di Kalangan Remaja. Tesis tidak diterbitkan. UKM.
- Wobbie, K., and Eyler, F., 1997 Women and children in residential treatment: Outcomes for mothers and their infants. *Journal of Drug Issues*, 27, (3) 585-607
- Yahya Buntat, Dzulkhissham Rahmat @ Rahaman. 2015. Profil Penagihan dalam kalangan penagih yang ditahan di CRCC seluruh Malaysia, AADK. *Jurnal Antidadah Malaysia*, Jilid 9, No. 1, Disember 2015 Issn 2231-9387

# HUBUNGAN PERSONALITI DENGAN MOTIVASI PEKERJA DALAM SEKTOR PERINDUSTRIAN DI PULAU PINANG

Siti Maisarah Zambri & Siti Nazurulaina Hj.Aripin

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

maisarahzambri@gmail.com

## Abstrak

Personaliti merupakan aspek penting dalam pembentukan seseorang itu. Oleh itu konsep personaliti amat berbeza antara seseorang dengan yang lain. Personaliti yang positif dan negatif akan memberikan kesan kepada sesebuah organisasi. Manakala motivasi yang diberikan kepada pekerja boleh menghasilkan kejayaan sesebuah organisasi. Jadi kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan personaliti dengan motivasi pekerja dalam sektor perindustrian di Pulau Pinang. Seramai 103 orang pekerja dari 9 buah kilang telah dipilih secara rawak sebagai responden kajian. Kajian ini telah dijalankan secara kuantitatif. Data dikumpul melalui soal selidik yang telah diterjemahkan daripada daripada *Big Five Inventory* (BFI 10) oleh Rammstedt dan John (2007) dan *A Quick Measure Of Motivation Achievement*. Borang soal selidik telah diedarkan kepada semua sampel yang mengambil bahagian dalam kajian ini. Setiap hipotesis telah diuji dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Skor min daripada analisis deskriptif menunjukkan personaliti ( $M = 3.77$ ;  $SP = 0.32$ ) dan motivasi ( $M = 2.15$ ;  $SP = 0.25$ ). Aras signifikan yang digunakan ialah 0.05. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan personaliti terhadap motivasi iaitu,  $r = 0.34$ .

Kata kunci: Personaliti, Motivasi, Tingkahlaku

## Abstract

Personality is an important aspect in the formation of a person. Thus the concept of personality is very different from one person to another. Positive and negative personalities will have an impact on an organization. While the motivation given to employees can produce the success of an organization. This study was conducted to identify the relationship of personality to employee motivation in the industrial sector in Penang. A total of 103 workers from 9 factories were randomly selected as study respondents. This study was conducted quantitatively. Data were collected through a questionnaire that was translated from the Big Five Inventory (BFI 10) by Rammstedt and John (2007) and *A Quick Measure Of Motivation Achievement*. Questionnaires were distributed to all samples participating in this study. Each hypothesis was tested using Statistical Package for Social Science (SPSS) software. Mean scores from the descriptive analysis indicated personality ( $M = 3.77$ ;  $SP = 0.32$ ) and motivation ( $M = 2.15$ ;  $SP = 0.25$ ). The significance level used was 0.05.

Keywords: Personality, Motivation, Behaviour

## 1.0 PENGENALAN

Sektor perindustrian merupakan penyumbang besar kepada ekonomi negara kerana ianya mampu meningkatkan pendapatan negara melalui eksport dan import barangan. Sektor perindustrian terdiri daripada pelbagai jenis industri seperti industri elektrik, keluaran elektronik dan jentera, industri tekstil dan pakaian, industri kayu dan keluaran kayu, industri berasaskan getah, industri makanan dan minuman, industri petroleum dan gas serta lain-lain. Peningkatan dalam sektor perindustrian menyebabkan berlakunya juga peningkatan dalam sumber manusia. Hal ini kerana, penghasilan barangan daripada kilang bukan sahaja melibatkan mesin, malahan memerlukan tenaga manusia untuk

menghasilkan barangan yang berkualiti (Yazid Kasim, 2020). Oleh itu sumber manusia merupakan faktor yang paling penting dalam menjayakan sebuah organisasi.

Justeru itu, personaliti seseorang itu juga mampu mempengaruhi pekerjaannya. Setiap pekerja mempunyai sifat, sikap, gaya dan personalitinya sendiri. Personaliti dianggap penting dalam pekerjaan kerana ianya dapat menunjukkan sebab dan bagaimana pekerja perlu bertingkahtlaku dalam organisasi. Selain itu, personaliti dapat membantu dalam penilaian sikap pekerja terhadap kerja yang disukai atau tidak. Personaliti juga mempunyai kesan kepada pemilihan pekerja, tekanan kerja, kepimpinan, kepuasan kerja dan lain-lain aspek dalam organisasi. Personaliti secara umumnya boleh diertikan sebagai lambang ciri keperibadian seseorang individu yang lain. Secara khususnya pula, personaliti diertikan sebagai sifat-sifat yang ada pada seseorang individu seperti cara ia berfikir, beraksi, beremosi, berpersepsi dan lain-lain yang membolehkannya dibezakan dengan orang lain.

Kesan personaliti terhadap prestasi kerja adalah jelas dan kebanyakan organisasi menitikberatkan ciri personaliti untuk mengambil pekerja mereka. Menurut Zulelawati (2015), keperibadian merangkumi perasaan, pemikiran dan corak tingkahtlaku seseorang yang relatif stabil. Beliau mengatakan bahawa setiap daripada kita mempunyai keperibadian yang unik dan yang membezakan kita dari orang lain dan memahami keperibadian yang unik yang membezakan kita dari orang lain dan memahami keperibadian seseorang memberikan petunjuk tentang bagaimana orang itu mungkin bertindak dan dirasakan dalam pelbagai situasi. Di samping itu, kajian lepas mengatakan bahawa personaliti adalah peramal kepada prestasi kerja (Othman, 2014)

Kejayaan sesebuah organisasi bergantung kepada mereka yang berperanan sebagai pekerja yang dapat berfungsi secara optimum bagi mencapai matlamat organisasi. Motivasi kerja merupakan kunci terpenting kepada setiap pekerja supaya dapat meningkatkan mutu dan produktiviti pekerja. Menurut Dehghanan, Abdollahi dan Rezaei (2014), pekerja yang tidak berminat atau kurang bermotivasi untuk melakukan kerja mereka boleh menyebabkan prestasi kerja menurun. Dalam pekerjaan, motivasi adalah sebagai tindak balas yang merangsang tingkah laku pekerja terhadap pekerjaan dan menyalurkannya dalam cara yang menguntungkan organisasi secara keseluruhan. Motivasi kerja juga merujuk kepada sejauh mana seseorang itu didorong dalaman dirinya untuk menunjukkan prestasi tinggi dalam kerjaya (Shah, 2004).

## 2.0 SOROTAN LITERATUR

Pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan telah meletakkan negara kita sebagai salah satu negara di dunia yang berpotensi untuk tujuan pelaburan. Hal ini menunjukkan satu petanda yang sihat bagi sesebuah negara sedang menuju ke arah negara maju. Dalam merealisasikan visi matlamat sesebuah negara, pembangunan sumber manusia merupakan aspek penting dalam melaksanakan dan menjayakan segala aktiviti yang dirancang. Menurut Bekas Menteri Sumber Manusia, Dato Saravanan Murugan menyatakan bahawa peningkatan tahap kemahiran pekerja adalah satu pendekatan penting bagi meningkatkan produktiviti (Metro, 2019). Personaliti seseorang pekerja memainkan peranan penting dalam pekerja. Malah motivasi yang diberikan menentukan prestasi seseorang pekerja dalam sesuatu pekerjaan.

Konsep personaliti amat berbeza antara seorang dengan yang lain. Pekerja mempunyai kehendak dan persepsi yang tersendiri mengenai kerja mereka. Hal ini kerana mereka mempunyai emosi, kehendak dan citarasa yang tersendiri yang perlu dilayani. Pekerja yang mempunyai sikap personaliti yang positif dikatakan dapat menghasilkan kerja yang produktif dan bermutu (Avey, Wensing & Luthans, 2008). Memandangkan personaliti pekerja boleh mendatangkan kesan negatif terhadap sesebuah organisasi, maka semua pihak dalam organisasi seperti pengurus, penyelia, bahagian pembangunan sumber manusia dan pekerja perlu berusaha dan mencari penyelesaian kepada personaliti pekerja mereka (Cranny, Smith & Stone, 1992). Apabila seseorang pekerja itu dikatakan mempunyai personaliti yang negatif seperti tidak bertanggungjawab, lalai, suka ponteng kerja dan sebagainya, ianya dapat memberi impak buruk kepada organisasi tersebut. Personaliti dianggap penting dalam pekerjaan kerana setiap pekerja mempunyai ciri, sifat, gaya dan personaliti yang tersendiri. Hal ini kerana personaliti dapat menunjukkan tingkahtlaku seseorang pekerja dalam pekerjaannya. Personaliti turut membantu dalam penilaian sikap pekerja terhadap kerja yang dilakukan sama ada pekerjaan tersebut disukai atau tidak. Personaliti juga mempunyai kesan terhadap pemilihan pekerja, kepuasan kerja,

kepimpinan dan lain-lain aspek dalam organisasi. Jika seseorang pengurus itu mempelajari personaliti, ia dapat membantu pengurus dalam menentukan tingkahlaku dan gaya kepimpinan yang sesuai dalam sesebuah organisasi.

Walau bagaimanapun, motivasi yang diberikan kepada pekerja boleh menghasilkan kejayaan kepada sesebuah organisasi. Pekerja yang mempunyai motivasi yang tinggi akan bekerja bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat hidupnya disamping memenuhi objektif organisasi. Motivasi pekerja dapat dikaitkan dengan prestasi dan kepuasan kerja. Apabila motivasi pekerja dipenuhi, maka prestasi dan kepuasan kerja turut meningkat. Misalnya, gaji yang diterima oleh pekerja adalah rendah berbanding beban kerja yang berat. Apabila pekerja menerima kerja yang tidak setimpal dengan gaji, maka perkara tersebut tidak bersemangat dalam melakukan pekerjaan seterusnya boleh menyebabkan pekerja mengambil keputusan untuk berhenti kerja. Melalui motivasi, pengurus dapat mengetahui tingkahlaku pekerja terhadap pekerjaannya. Hal ini kerana motivasi akan memberi jawapan kepada persoalan mengapa seseorang pekerja itu melakukan pekerjaan dengan bersungguh-sungguh walaupun menghadapi persaingan. Oleh itu, motivasi sering menjadi pengukur kepada prestasi kerja seseorang pekerja. Pekerja yang mempunyai motivasi yang rendah, maka tingkahlakunya terhadap pekerjaan tersebut adalah negatif. Motivasi juga boleh memantau tanggungjawab atau tugas pekerja dalam sesuatu pekerjaan. Jika pekerja itu tidak berinisiatif sekiranya berasa tidak puas hati terhadap tugas yang diberikan. Dalam pekerjaan, pekerja tidak mengharapkan gaji semata-mata, sebaliknya terdapat beberapa faktor lain yang dapat mempengaruhi kerja mereka seperti penghargaan dan pengiktirafan (Shah, 2004).

### 3.0 PENYATAAN MASALAH

Dalam dunia pekerjaan hari ini, setiap organisasi memerlukan pekerja yang mampu memberikan komitmen dan prestasi yang terbaik dalam setiap pekerjaan yang dilakukan. Penekanan faktor personaliti dan motivasi perlu diberikan supaya berlaku peningkatan dalam diri pekerja. Masalah yang terjadi di sektor perindustrian terdiri daripada para pekerja yang mempunyai dimensi personaliti berbeza iaitu personaliti yang positif dan negatif. Personaliti yang positif mampu melahirkan pekerja yang mempunyai nilai positif yang melibatkan emosi, kognitif serta tingkah laku dan seterusnya menyumbang kepada pelbagai aspek peningkatan prestasi kerja (Syaharuddin, 2017). Kajian lalu telah membuktikan ciri-ciri Personaliti *Big Five* mempengaruhi prestasi kerja secara positif dan signifikan (Muji, 2014). Namun begitu, hasil kajian lepas turut menunjukkan bahawa tidak semua faktor personaliti konsisten dalam meramal prestasi kerja. Faktor personaliti didapati berhubung dan berupaya meramal prestasi kerja namun bergantung kepada konteks kerja, budaya dan organisasi walaupun menggunakan model pengukuran personaliti lima faktor (Edham, 2009).

Selain itu, permasalahan yang sering dibangkitkan adalah berkaitan dengan kurangnya motivasi dari segi intrinsik dan ekstrinsik. Tekanan perasaan akibat menerima gaji yang tidak setimpal dan lebihan masa bekerja menjadi salah satu punca pekerja culas dan menunjukkan prestasi kerja yang menurun. Dari segi aspek intrinsik, produktiviti seseorang pekerja semakin menurun bermula apabila kepuasan kerja tidak dipenuhi. Antara kesan yang berlaku, pekerja kerap ponteng kerja, melayari internet sewaktu bekerja, mengabaikan tugas serta mengemukakan surat cuti sakit palsu. Kebanyakan organisasi tidak memberikan penekanan kepada faktor motivasi kerana memerlukan pembiayaan yang tinggi terutama motivasi ekstrinsik seperti ganjaran dan bonus pekerja. Dalam sektor perindustrian, jam bekerja bagi pekerja kilang adalah 8 jam dan 12 jam. Malah terdapat pekerja yang bekerja lebih daripada 12 jam bagi mencari pendapatan lebih. Sesetengah majikan hanya memberi bonus atau ganjaran sedikit sahaja. Terdapat juga kilang yang tidak memberi penganugerahan kepada pekerja yang cemerlang dari segi berdedikasi. Oleh itu kajian ini berfokuskan kepada personaliti dan motivasi dalam kalangan pekerja di sektor perindustrian di Pulau Pinang.

Oleh itu, majikan atau pengurus ditugaskan untuk memotivasikan pekerja dan ianya merupakan tugas yang mencabar. Menurut Gallup (2013), membina komitmen dan melibatkan pekerja dalam sesuatu aktiviti atau tugas adalah sangat penting dalam sesebuah organisasi dengan meningkatkan motivasi pekerja kerana ia akan memberi kesan kepada produktiviti kerja. Sebanyak 83 peratus pekerja di seluruh dunia kurang komitmen di tempat kerja dan kajian di Malaysia menyatakan bahawa sebanyak 89 peratus pekerja yang kurang komitmen di tempat kerja. Kajian Watson (2014), menyatakan bahawa



sebanyak 60 peratus pekerja di seluruh dunia yang kurang komitmen di tempat kerja. Hal ini jelas menunjukkan apabila kurangnya motivasi dalam diri pekerja, maka pekerja tersebut kurang komitmen terhadap pekerjaannya.

#### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tinjauan di mana soal selidik telah diedarkan kepada 103 orang pekerja dalam sektor perindustrian di Pulau Pinang. Soal selidik ini hanya melibatkan pekerja yang berada dalam jabatan *technician* sahaja. Jadual *Krejcie* dan *Morgan* (1970) digunakan untuk menentukan saiz sampel responden.

Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A mengandungi maklumat responden yang perlu diisi oleh pekerja. Bahagian B mengandungi sepuluh item yang merangkumi personaliti pekerja, manakala Bahagian C mengandungi 14 item bagi motivasi pekerja. Data yang dikumpul seterusnya dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 26. Kaedah analisis deksriptif min digunakan untuk mengetahui tahap personaliti dan motivasi pekerja. Manakala, kaedah analisis korelasi *Pearson* digunakan untuk mengkaji hubungan personaliti terhadap motivasi pekerja. Seterusnya, analisis ujian-t dan ANOVA digunakan untuk melihat perbezaan personaliti berdasarkan demografi pekerja.

#### 5.0 DAPATAN KAJIAN

Data kajian yang diperolehi adalah hasil daripada edaran borang soal selidik kepada pekerja dalam sektor perindustrian di Pulau Pinang. Hasil daripada edaran soal selidik yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan ujian min dan sisihan piawai. Analisis menggunakan korelasi *Pearson* juga digunakan untuk mengkaji hubungan personaliti dengan motivasi. Manakala Ujian-T dan Anova turut digunakan bagi melihat perbezaan personaliti terhadap demografi pekerja.

**Jadual 1.1 : Analisis Deskriptif Personaliti Dalam Kalangan Pekerja**

| Item |   | Min  | Sisihan Piawai |
|------|---|------|----------------|
| 1.   | Tidak banyak cakap                            | 3.62 | 1.18           |
| 2.   | Secara umum boleh dipercayai                  | 3.96 | 1.28           |
| 3.   | Cenderung menjadi malas                       | 4.34 | .787           |
| 4.   | Relaks dan boleh mengurus tekanan dengan baik | 4.25 | .849           |
| 5.   | Kurang minat kesenian / artistic              | 2.93 | 1.33           |
| 6.   | Peramah dan suka bergaul                      | 4.09 | 1.05           |
| 7.   | Cenderung mencari kesalahan orang lain        | 4.40 | .758           |
| 8.   | Menyelesaikan kerja dengan teliti             | 4.43 | .651           |
| 9.   | Mudah cemas                                   | 2.97 | 1.31           |
| 10   | Mempunyai imaginasi yang aktif                | 2.67 | 1.35           |
|      | <b>Keputusan Keseluruhan</b>                  | 3.77 | 0.32           |

Jadual 1.1 menunjukkan analisis min dan sisihan piawai personaliti pekerja. Soalan ke lapan menunjukkan purata min pada tahap tertinggi iaitu 4.43 menggambarkan bahawa pekerja dalam sektor perindustrian menyelesaikan setiap tugas yang diberikan dengan teliti. Dapatan min yang kedua tertinggi ialah soalan ke tujuh yang menyatakan bahawa terdapat pekerja dalam sektor perindustrian cenderung untuk mencari kesalahan orang lain. Soalan sepuluh menunjukkan purata min yang berada pada tahap terendah iaitu 2.67, menggambarkan bahawa kebanyakan pekerja dalam sektor perindustrian ini kurang mempunyai imaginasi yang aktif.

**Jadual 1.2 : Analisis Deskriptif Motivasi Dalam Kalangan Pekerja**

| Item |  | Min  | Sisihan Piawai |
|------|--|------|----------------|
| 1.   | Rasa selesa lebih penting daripada memajukan diri sendiri  | 1.57 | .870           |
| 2.   | Saya berpuas hati jika tidaklah sehebat orang lain dalam pekerjaan   | 1.96 | .483           |
| 3.   | Saya mahu membuat penambahbaikan cara kerja  | 2.87 | .458           |
| 4.   | Saya mengambil risiko untuk memupuk orang yang mungkin berguna dalam kerjaya   | 2.45 | .737           |
| 5.   | Saya mudah resah dan marah apabila berasa membuang masa  | 2.39 | .910           |
| 6.   | Saya sentiasa bekerja keras untuk menjadi antara yang terbaik dalam kerjaya  | 2.75 | .519           |
| 7.   | Saya gembira bekerja dengan rakan sahaja yang sehaluan walaupun kurang cekap berbanding dengan yang sukar tetapi cekap | .80  | .984           |
| 8.   | Saya cenderung merancang pekerjaan atau kerjaya  | 2.54 | .826           |
| 9.   | Berjaya dalam kerjaya adalah penting   | 2.54 | .802           |
| 10.  | Saya seorang yang bercita-cita tinggi  | 2.63 | .700           |
| 11.  | Saya cenderung untuk melihat kejayaan orang lain daripada melakukan kerja untuk berjaya                                | 1.81 | .595           |
| 12.  | Saya menggambarkan diri saya sebagai seorang yang malas  | 1.90 | .432           |
| 13.  | Membiarkan masa berlalu begitu sahaja tanpa membuat sesuatu perkara  | 1.96 | .277           |
| 14.  | Saya membuat kerja seperti biasa tanpa membuat perancangan   | 1.94 | .338           |
|      | <b>Keputusan Keseluruhan</b>   | 2.15 | 0.25           |

Berdasarkan jadual 4.6, soalan ke tiga menunjukkan purata min berada pada tahap tertinggi iaitu 2.87. Situasi ini menunjukkan bahawa terdapat motivasi dalam kalangan pekerja bagi menambahbaikkan cara bekerja. Purata min kedua yang tertinggi ialah 2.75 yang menggambarkan bahawa pekerja akan sentiasa bekerja keras untuk menjadi antara yang terbaik dalam kerjaya. Bagi purata yang mempunyai min terendah ialah pada soalan ke tujuh, di mana hanya sesetengah pekerja sahaja yang gembira bekerja dengan rakan sekerja yang sehaluan walaupun kurang cekap berbanding dengan yang sukar tetapi cekap iaitu sebanyak 0.80.

**Jadual 1.3 : Analisis Hubungan Personaliti Dengan Motivasi Pekerja**

| Hubungan Pembolehubah                  | Korelasi Pearson<br>r | Signifikan<br>p |
|--|-----------------------|-----------------|
| Hubungan personaliti terhadap motivasi | .341                  | .000            |

Jadual 1.3 menunjukkan hasil kajian bagi hubungan personaliti terhadap motivasi. Aras signifikan bagi hubungan personaliti terhadap motivasi ialah .000 iaitu lebih kecil daripada aras signifikan, nilai  $p = .000 < \alpha = 0.05$ . Oleh itu, hipotesis pertama berjaya diterima. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan personaliti terhadap motivasi bagi pekerja dalam sektor perindustrian di Pulau Pinang. Nilai pekali korelasi  $r$  ialah 0.341 yang menunjukkan bahawa perhubungan personaliti terhadap motivasi adalah lemah.

**Jadual 1.4 : Analisis Ujian-t Bagi Perbezaan Personaliti Berdasarkan Jantina**

| Jantina   | N  | Min  | Sisihan Piawai | Df  | t     | Signifikan |
|-----------|----|------|----------------|-----|-------|------------|
| Lelaki    | 66 | 3.76 | .337           |     | -.229 |            |
|           |    |      |                | 101 |       | .158       |
| Perempuan | 37 | 3.78 | .288           |     | -.229 |            |

Analisis ujian-t pada jadual 1.4 menunjukkan skor min personaliti pekerja bagi lelaki dan perempuan. Data menunjukkan tidak terdapat perbezaan personaliti antara pekerja lelaki dan perempuan. Hal ini dapat dijelaskan dengan skor min lelaki adalah 3.76 ( $N = 66$ ,  $SP = .158$ ) dan skor min bagi perempuan adalah 3.78 ( $N = 37$ ,  $SP = .288$ ). Perbezaan antara dua skor min adalah sangat kecil iaitu 0.02. Dapatan kajian mendapati nilai  $p = 0.158 > \alpha 0.05$ . Hipotesis ditolak dan boleh disimpulkan bahawa personaliti pekerja lelaki dan perempuan menunjukkan tidak terdapat perbezaan.

**Jadual 1.5 : Analisis ANOVA Bagi Perbezaan Personaliti Berdasarkan Umur**

|                 | Df | Min  | F     | Signifikan |
|-----------------|----|------|-------|------------|
| Antara Kumpulan | 3  | .104 | 1.023 | .386       |
| Dalam Kumpulan  | 99 | .102 |       |            |

Keputusan ANOVA sehalu pada jadual 4.6 menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan [ $F = 1.023$  ( $DK = 3, 99$ ) dan  $Sig.P = 0.386$ ] antara personaliti dengan umur pada aras  $P > 0.05$ . Nilai ini sangat tinggi untuk menunjukkan bahawa terdapat sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Hipotesis berjaya ditolak dan dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan personaliti pekerja berdasarkan umur.

**Jadual 1.6 : Analisis Ujian-t Bagi Perbezaan Personaliti Berdasarkan Status**

| Status    | N  | Min  | Sisihan Piawai | Df  | t     | Signifikan |
|-----------|----|------|----------------|-----|-------|------------|
| Bujang    | 56 | 3.73 | .331           |     | -1.18 |            |
|           |    |      |                | 101 |       | .279       |
| Berkahwin | 47 | 3.81 | .302           |     | -1.18 |            |

Analisis ujian-t pada jadual 1.4 menunjukkan skor min personaliti pekerja yang masih bujang dan telah berkahwin. Data menunjukkan tidak terdapat perbezaan personaliti bagi pekerja yang bujang dan berkahwin. Hal ini dapat dijelaskan dengan skor min pekerja yang bujang adalah 3.73 ( $N = 56$ ,  $SP = .331$ ) dan skor min bagi pekerja yang telah berkahwin adalah 3.81 ( $N = 47$ ,  $SP = .302$ ). Dapatan kajian mendapati nilai  $p = 0.279 > \alpha 0.05$ . Hipotesis berjaya ditolak dan boleh disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan personaliti berdasarkan status pekerja.

**Jadual 1.7 : Analisis ANOVA Bagi Perbezaan Personaliti Berdasarkan Bangsa**

|                 | Df  | Min  | F     | Signifikan |
|-----------------|-----|------|-------|------------|
| Antara Kumpulan | 2   | .128 | 1.267 | .286       |
| Dalam Kumpulan  | 100 | .101 |       |            |

Keputusan ANOVA sehalu pada jadual 1.7 menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan [ $F = 1.267$  ( $DK = 2, 100$ ) dan  $Sig.P = 0.286$ ] antara personaliti dengan bangsa pekerja pada aras  $P > 0.05$ . Nilai ini sangat tinggi untuk menunjukkan bahawa terdapat sebarang kecenderungan kearah signifikan. Hipotesis berjaya ditolak dan dapat dikatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara personaliti berdasarkan bangsa pekerja.

## 6.0 PERBINCANGAN

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti personaliti terhadap pekerja dalam sektor perindustrian di Pulau Pinang. Dalam kajian ini, item bagi 'Menyelesaikan kerja dengan teliti' merupakan item yang paling tertinggi iaitu dengan catatan min sebanyak 4.43. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pekerja-pekerja yang berada di sektor perindustrian merupakan pekerja yang teliti dan rajin dalam menyiapkan tugas yang diberikan. Apabila seseorang itu teliti dalam sesuatu tugas, maka ia menunjukkan bahawa pekerja itu merupakan seorang yang bertanggungjawab. Item ini boleh diletakkan di bawah *Big Five Inventory* iaitu *conscientiousness* (rasa bertanggungjawab). Manakala item yang mendapat min kedua yang tertinggi ialah 'Cenderung mencari kesalahan orang lain' iaitu sebanyak 4.40 dan min yang ke tiga tertinggi ialah sebanyak 4.34 iaitu bagi item 'Cenderung menjadi malas'. Bagi min kedua dan ketiga menunjukkan bahawa pekerja-pekerja dalam sektor ini sering mencari kesalahan orang lain. Misalnya apabila berlaku kesalahan dalam menyelesaikan sesebuah mesin di kilang, maka mereka sering menuduh antara satu sama lain. Malah pekerja di kilang turut cenderung menjadi pemalas, di mana trait ini turut

dikaji oleh Teori Raymond Cattell. Menurut Cattell, personaliti ditentukan oleh faktor baka dan persekitaran. Ini menunjukkan bahawa, personaliti pekerja *technician* yang pemalas disebabkan oleh persekitaran. Misalnya setiap hari mereka mengulang tugas yang sama iaitu membaiki mesin yang rosak di kilang dan memastikan mesin tersebut dapat berfungsi dengan baik. Hal ini membuktikan bahawa kekerapan mengulangi tugas yang sama boleh menyebabkan seseorang itu menjadi malas disebabkan tiada tugas yang boleh meneroka dan menguji kreativiti mereka.

Seterusnya, hasil dapatan bagi motivasi menunjukkan bahawa item bagi 'Saya mahu membuat penambahbaikan cara kerja' mendapat nilai min tertinggi iaitu sebanyak 2.87. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan pekerja bermotivasi untuk membuat penambahbaikan cara kerja di samping mereka dapat mencabar diri mereka. Seterusnya, min kedua yang tertinggi ialah sebanyak 2.75 dengan item 'Saya sentiasa bekerja keras untuk menjadi yang terbaik dalam kerjaya dan diikuti dengan min sebanyak 2.63 iaitu 'Saya seorang yang bercita-cita tinggi'. Hal ini jelas menunjukkan motivasi yang diterima pekerja adalah baik kerana apabila seseorang itu menerima motivasi yang diperlukan, maka berlaku peningkatan dalam pekerjaan.

Analisis kajian bagi hubungan yang signifikan antara personaliti terhadap motivasi pekerja. Hipotesis nul menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan personaliti terhadap motivasi pekerja. Didapati nilai pekali bagi korelasi  $r$  bagi personaliti terhadap motivasi adalah 0.341, sekali gus menunjukkan korelasi yang lemah. Memandangkan nilai  $p = 0.000$  adalah lebih kecil daripada 0.05, maka hipotesis ini diterima. Bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti terhadap motivasi pekerja dalam sektor perindustrian di Pulau Pinang. Kajian yang dilakukan oleh Nurul Hafiz (2014) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan personaliti dengan motivasi pekerja. Hal ini jelas menunjukkan bahawa apabila seseorang itu mempunyai personaliti yang positif, secara tidak langsung ianya dapat menyumbang kepada motivasi seseorang pekerja. Misalnya apabila seseorang pekerja itu mempunyai personaliti *extraversion* seperti disiplin, sekali gus ianya menyumbang kepada motivasi diri seperti menerima anugerah pekerja cemerlang. Oleh itu bagi mencapai matlamat organisasi, personaliti dan motivasi seseorang itu perlu seiring supaya misi dan visi organisasi boleh tercapai.

## 7.0 CADANGAN

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, pengkaji telah mencadangkan beberapa cadangan bagi kajian ini dan berharap dapat memberi manfaat kepada pihak yang terlibat. Kajian ini tertumpu kepada tiga pihak yang dirasakan perlu mengambil beberapa langkah yang bersesuaian berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi. Pihak yang terlibat ialah pekerja, pihak kilang dan cadangan kepada kajian lanjutan.

Personaliti mencorakkan keperibadian dan pembangunan seseorang pekerja itu. Aspek-aspek tingkahlaku seperti disiplin, keterampilan, kematangan berfikir, kepimpinan, kecekapan profesionalisme dan sebagainya perlu disemai dan dipupuk dalam kalangan pekerja. Motivasi pula dapat menyumbang kepada peningkatan. Walau bagaimanapun, pekerja perlu mengatasi masalah seperti sifat malas dan suka mencari kesalahan orang dalam diri mereka supaya perkara tersebut tidak memberi kesan kepada diri sendiri dan orang sekeliling. Personaliti seperti ini sepatutnya tidak wujud dalam di pekerja memandang itu adalah tanggungjawab yang diberikan oleh majikan. Oleh itu pekerja perlu mengawal sikap sebegini supaya ia tidak menyusahkan pihak organisasi. Pekerja-pekerja juga perlulah melibatkan diri dengan aktiviti yang dapat membantu meningkatkan keupayaan pengawalan diri seperti program keagamaan dan kerohanian, terapi minda, pengawalan stress dan sebagainya.

Penyelidikan dalam sektor perindustrian penting bagi membolehkan golongan yang terlibat dengan sektor ini memahami isu dan persoalan yang timbul dalam sektor perindustrian. Dalam melahirkan pekerja yang berpersonaliti dan berkualiti, pihak organisasi berperanan dalam menganjurkan program-program latihan atau kursus dalaman bagi meningkatkan kredibiliti dan mutu seseorang pekerja itu. Penganjuran Program Latihan Sumber Manusia seperti personaliti pekerja cemerlang, menangani tekanan dan sebagainya perlu dilaksanakan supaya ianya dapat membantu para pekerja dalam aspek tingkah laku mereka. Sesebuah organisasi perlu melibatkan kesemua jabatan di dalam kilang supaya berlaku peningkatan dalam aspek pekerjaan dalam kalangan pekerja. Malah pemberian anugerah cemerlang perlu sering dianjurkan kepada para pekerja supaya mereka lebih bersemangat dalam melaksanakan tugas yang diberikan.

Seterusnya, hasil daripada dapatan kajian personaliti dan motivasi pekerja dalam sektor perindustrian mendapati bahawa masih ada lagi penambahbaikan yang perlu dilakukan. Kajian ini Cuma dijalankan dalam sektor perkilangan sahaja dan melibatkan jabatan *technician*, maka hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua jabatan di kilang. Sehubungan dengan itu, pengkaji mencadangkan kajian ini boleh dikembangkan dengan mengambil beberapa perkara. Pengkaji seterusnya boleh memperluaskan populasi kajian kepada jabatan lain seperti bahagian *operator* dan arkitek kilang. Selain itu, pengkaji boleh meneruskan kajian personaliti dan motivasi pekerja kerana kurangnya kajian seperti ini yang dilakukan di dalam kilang. Selain itu, kajian seterusnya dicadangkan agar memperluaskan kajian ini kepada pihak pengurusan atasan juga. Kajian ini hanya mengukur perkaitan personaliti dengan motivasi saja. Oleh itu, pengkaji mencadangkan kajian lanjutan boleh menggabungkan pemboleh ubah yang lain seperti kesihatan mental pekerja, iklim organisasi dan sebagainya. Kajian lanjutan yang dijalankan mungkin boleh mendapatkan maklumat dengan terperinci dengan mengumpulkan maklumat melalui temu bual, soal selidik dan pemerhatian. Penggabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif dapat menghasilkan keputusan kajian yang baik dan menyeluruh.

## 8.0 KESIMPULAN

Berdasarkan rumusan daripada kajian ini, diharapkan agar dapat memberikan gambaran jelas berkaitan personaliti dan motivasi dalam kalangan pekerja. Semoga dengan adanya hasil kajian ini, dapat dijadikan panduan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam membentuk pekerja yang berdedikasi. Oleh itu pihak organisasi boleh mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam merangka strategi, pendekatan dan program-program yang lebih berkesan dalam meningkatkan prestasi pekerja. Melalui program pemantapan ini diharapkan dapat melahirkan generasi pekerja yang mampu mengharungi cabaran, isu dan konflik. Personaliti pekerja merupakan satu aset penting dalam menaikkan misi dan visi organisasi supaya matlamat tersebut dapat dicapai.

## RUJUKAN

- Azizi Ahmad. (2010). *Pentaksiran Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cranny, C.J, Smith, P.C & Stone. (1992). *Job Satisfaction: How people feel about their job*. 2-20.
- Dehghanan H & Rezaie M. (2014). *A study on effect of big five personality traits on emotional intelligence*. United States: Managment Science Letters.
- Edham Ahmad. (2009). *The relationship between personality traits and job performance. Case study : employees of the ministry of education*.
- Fitriani. (2014). *Pengaruh komitmen organisasi, motivasi dan pemberian insentif terhadap disiplin guru SMAN Kobupaten*. Perak
- Gallup, K. (2013). *State of The Global Workplace*. New York: Employee Engagement Insights.
- Ketua Jabatan Sumber Manusia, A. R. (2019, Mac 21). *Majlis Penyampai Penganugerahan Pekerja Cemerlang*. Akbar Metro
- Muji, I. (2014). *Hubungan antara keperibadian. The Big Personality*.
- Othman Razak. (2014). Job Satisfaction Profiles of University Teachers. *Journal of Managerial Psychology*, 27-39.
- Shah Nordin & Hassan, M. (2019). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Komitmen Prestasi Kerja dalam Kalangan Penjawat Awam. *Malaysia Journal of Social Science and Humanities*, 11-20.
- Shah, I.M. (2019). *Psikologi Industri dan Organisasi Jilid 2*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Wensing & Luthans. (2014). *Global Workforce Study*. New York: At A Glance.
- Wijaya, T & Andreani, F. (2015). *Pengaruh Motivasi terhadap kepuasan kerja di Industri Kayu Jawa Timur. Indonesia: Universiti of Indonesia*
- Yazid Kasim. (2020). *Ekonomi Negara Melalui Sektor Perkilangan*. Kuala Lumpur: Jabatan

Perangkaan Malaysia.

Zakaria, N & Yusuf, H. (2017). *Hubungan Big Five Personality dalam kalangan pekerja Pejabat Pendaftaran Johor*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Zulelawati Bujang. (2015). *Trait Personaliti dan Hubungan Dengan Prestasi Akademik Bakal Guru di Sebuah Institusi Latihan Perguruan*. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, Volume 8, Edisi Khas.

# HUBUNGAN ANTARA PENGHARGAAN KENDIRI DENGAN TINGKAH LAKU BULI DALAM KALANGAN PELAJAR

**Nurdiana Binti Muhammad Ali & Noraini Binti Abdol Raop**  
Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka  
dianaali2025@gmail.com

## Abstrak

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat hubungan antara penghargaan sendiri dan tingkah laku buli dalam kalangan pelajar. Seramai 250 orang pelajar sekolah menengah di sekitar Kuala Lumpur telah dipilih sebagai responden bagi mewakili populasi kajian. *Rosenberg Self-Esteem Scale* (RSE) yang dibangunkan oleh Rosenberg (1965) merupakan instrumen kajian yang digunakan bagi mengukur penghargaan sendiri pelajar dan *Peer Relationship Questionnaire* (PRQ) yang dibangunkan oleh Rigby dan Slee (1993) digunakan bagi mengukur tingkah laku buli pelajar. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Statistik inferensi yang melibatkan korelasi *Pearson*, Ujian-*t* dan Anova digunakan bagi menjawab soalan dan hipotesis kajian. Hasil kajian didapati bahawa terdapat hubungan antara penghargaan sendiri dan tingkah laku buli dalam kalangan pelajar. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan tingkah laku buli berdasarkan jantina dan umur pelajar. Melalui kajian ini, tindakan bagi memperbaiki penghargaan sendiri pelajar perlu diambil kerana penghargaan sendiri yang rendah didapati sebagai salah satu impak penglibatan dalam pembulian. Implikasi daripada kajian ini didapati bahawa faktor lain juga perlu dikaji pada kajian akan datang bagi mengatasi isu buli dan penambahbaikan penghargaan sendiri pelajar.

Kata Kunci: Penghargaan Kendiri, Buli, Mangsa Buli, Pembuli, Pelajar

## Abstract

This study is aimed to look at the relationship between self-esteem and bullying behavior among students. A total of 250 secondary school students around Kuala Lumpur were selected as respondents to represent the study population. The Rosenberg Self-Esteem Scale (RSE) developed by Rosenberg (1965) is the research instrument used to measure students' self-esteem and the Peer Relationship Questionnaire (PRQ) developed by Rigby and Slee (1993) is used to measure student bullying behavior. Data were analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) software. Inferential statistics involving Pearson correlation, t-Test and Anova were used to answer the study questions and hypotheses. The results of the study found that there is a relationship between self-esteem and bullying behavior among students. In addition, the researchers also found that there were no differences in bullying behavior based on gender and age of students. Through this study, action to improve students' self-esteem should be taken because low self-esteem was found to be one of the impacts of involvement in bullying. Implications from this study found that other factors should also be studied in future studies to address the issue of bullying and improve students' self-esteem.

Keywords: Self-esteem, Bully, Bully Victim, Bullying Behavior, Students

## 1.0 PENGENALAN

Menurut Amin Al Haadi et al. (2017) tingkah laku buli memberi impak dari segi fizikal, emosi dan psikologikal kepada mangsa buli untuk jangka masa panjang dan pendek. Mangsa buli digambarkan sebagai seseorang yang sentiasa berasa cemas, tidak selamat, terlalu berhati-hati, mempunyai penghargaan sendiri yang rendah dan tidak berupaya membela diri sendiri apabila dikasari. Mangsa buli



juga tidak dapat meningkatkan penghargaan sendiri mereka dan wujud kekecewaan dalam diri serta tidak dapat membentuk sifat yang positif (Hansen, 2012). Dari perspektif pembuli pula naluri peraga diri dan keinginan untuk menjadi 'hero' yang digeruni sesama rakan sebaya adalah antara punca percambahan kegiatan membuli dalam kalangan remaja.

Sementara itu, penghargaan sendiri merupakan satu konstruk sosio-psikologi yang menaksir sikap seseorang individu dan mempersepsi nilai sendiri. Penghargaan sendiri juga merupakan gabungan kepercayaan, perasaan dan kecenderungan tingkah laku serta merangkumi orientasi positif dan negatif terhadap individu dan merupakan penilaian keseluruhan terhadap taksiran dan nilai diri. Individu yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi akan memberi penilaian yang tinggi terhadap dirinya, mengamati dirinya sebagai bernilai, mempunyai potensi dan harga diri, berkebolehan, berkualiti, merasa penting, berkeyakinan dan mempunyai personaliti murni (Coopersmith, 1981). Penghargaan sendiri mendapat perhatian dalam kebanyakan pengkaji kerana penilaian sendiri dapat membawa impak yang penting dalam kesejahteraan hidup seseorang individu (Leahy, 1985).

Remaja merupakan aset sesebuah negara yang sangat bernilai dan sekaligus merupakan modal insan yang akan menerajui pucuk kepimpinan negara pada masa akan datang. Kebergantungan dan harapan masyarakat adalah amat besar buat generasi muda ini bagi menggalas tanggungjawab dan amanah untuk meneruskan aspirasi dan inspirasi negara. Oleh itu, adalah penting untuk mengkaji perkaitan antara penghargaan sendiri dan pembulian serta kaitannya dengan faktor lain seperti jantina dan umur seseorang remaja. Sekiranya perkaitan antara setiap unsur ini dapat dikenalpasti, maka ia dapat membantu remaja dalam menangani isu penghargaan sendiri yang lemah disebabkan oleh pembulian.

## **2.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan dengan harapan dapat memenuhi objektif berikut:

1. Menenalpasti hubungan antara penghargaan sendiri dan tingkah laku buli dalam kalangan pelajar.
2. Menenalpasti perbezaan tingkah laku buli berdasarkan jantina pelajar.
3. Menenalpasti perbezaan tingkah laku buli berdasarkan umur pelajar.

## **3.0 HIPOTESIS KAJIAN**

Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

1. Terdapat hubungan antara penghargaan sendiri dan pembulian dalam kalangan pelajar.
2. Terdapat perbezaan tingkah laku buli berdasarkan jantina pelajar.
3. Terdapat perbezaan tingkah laku buli berdasarkan umur pelajar.

## **4.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian tinjauan ini menggunakan kaedah kuantitatif yang dikumpulkan melalui soal selidik. Di dalam kajian ini populasi merupakan seluruh pelajar sekolah menengah di Kuala Lumpur yang berjumlah 145 530. Sampel dalam kajian ini adalah seramai 250 orang pelajar sekolah menengah daripada beberapa sekolah menengah terpilih di sekitar Kuala Lumpur. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah persampelan kebarangkalian secara rawak. Melalui kaedah ini, responden dipilih secara rawak bebas daripada beberapa sekolah menengah di sekitar Kuala Lumpur. Responden yang dipilih secara rawak ini merupakan remaja yang berusia dari 13 hingga 17 tahun di sekitar Kuala Lumpur.

### **4.1 Instrumen Kajian**

Dua jenis alat ujian yang relevan telah dipilih bagi memperoleh data dan maklumat untuk merumuskan dapatan kajian. Satu set borang soal selidik diedarkan untuk memperoleh maklumat daripada responden. Soal selidik yang diedarkan merangkumi tiga bahagian. Bahagian yang pertama iaitu bahagian A menyoal soalan demografi responden berkenaan jantina dan umur. Seterusnya, bahagian kedua iaitu bahagian B merangkumi soalan alat ujian *Rosenberg Self-Esteem Scale* (RSE) oleh Rosenberg (1965) yang mengandungi 10 item dan menggunakan 4-point skala *likert* yang digunakan bagi mengukur tahap

penghargaan sendiri responden dan bahagian C merangkumi soalan daripada soal selidik *Peer Relations Questionnaire* (PRQ) oleh Rigby dan Slee (1993) yang mengandungi 20 item dan menggunakan 4-point skala *likert* yang digunakan untuk mengenalpasti keterlibatan responden dalam pembulian.

## 5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil analisis inferensi yang telah dibina akan dikemukakan mengikut hipotesis kajian yang telah dibentuk. Aras kesignifikanan yang ditetapkan dalam keputusan kajian adalah 0.05. Pengkaji telah menggunakan kaedah statistik inferensi seperti ujian-t dan ANOVA sehalu dalam menguji hipotesis kajian.

Jadual 1: Keputusan Korelasi *Pearson* antara Penghargaan Kendiri dengan Tingkah Laku Buli

| PEMBOLEHUBAH        | TINGKAHLAKU BULI | SIG. |
|---------------------|------------------|------|
| Penghargaan Kendiri | .260**           | .000 |

$k < .05$

Berdasarkan jadual 1 hasil keputusan korelasi *Pearson* menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara penghargaan sendiri dan tingkah laku buli dalam kalangan pelajar dimana nilai  $r(250) = .260$ ,  $k < .05$ . Maka hipotesis pertama yang menyatakan terdapat hubungan antara penghargaan sendiri dan tingkah laku buli dalam kalangan pelajar diterima.

Ini bermaksud penghargaan sendiri pelajar mempunyai kesan daripada pengalaman penglibatan dalam pembulian. Keputusan kajian menunjukkan pelajar yang terlibat dalam tingkah laku buli sebagai mangsa buli dan pembuli lebih cenderung untuk mempunyai penghargaan sendiri yang rendah. Keputusan kajian ini disokong oleh hasil kajian Mona O'Moore dan C. Kirkham (2001) yang mendapati remaja yang terlibat sebagai pembuli dan mangsa buli mempunyai tahap penghargaan sendiri yang rendah berbanding remaja yang tidak terlibat dalam pembulian.

Disamping itu, hasil kajian Temsusenla Jamir et al. (2014) pula mendapati remaja yang menjadi mangsa buli mempunyai tahap penghargaan sendiri yang rendah. Ini bermaksud mangsa buli mempunyai tahap penghargaan sendiri yang rendah disebabkan oleh tingkah laku agresif yang diterima oleh mereka. Manakala, pembuli pula melakukan perlakuan buli disebabkan oleh rasa rendahnya harga diri. Hal ini bertepatan dengan pendapat Rosenberg (1979) yang menyatakan bahawa individu yang tinggi penghargaan sendiri akan menghormati dirinya dan menganggap dirinya sebagai individu yang berguna. Ini menunjukkan perlakuan buli yang dilakukan oleh pembuli adalah disebabkan oleh rasa rendahnya penghargaan sendiri dan tidak mengambil berat akan imej diri mereka di sekolah terutamanya.

Menurut Mann et al. (2004) tahap penghargaan sendiri yang rendah memainkan peranan yang penting terhadap pembentukan kecelaruan mental dan masalah sosial seperti penyalahgunaan bahan, terlibat dengan tingkah laku yang berisiko tinggi, pembulian dan sebagainya. Keadaan ini memberikan impak yang negatif terhadap individu yang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah serta institusi sosial di sekeliling individu tersebut. Situasi ini boleh dikaitkan dengan pembuli dan mangsa buli yang kedua-duanya menerima impak negatif yang berpunca daripada penghargaan sendiri rendah oleh pembuli. Tambahan pula, mangsa buli yang mempunyai tahap penghargaan sendiri yang rendah akan mengalami kesukaran dalam mengatasi permasalahan harian yang timbul dan menjadi remaja yang kurang kompeten. Hal ini disokong oleh Mann et al. (2004) yang menyatakan individu dengan penghargaan sendiri yang rendah tidak mempunyai keyakinan dan kepercayaan terhadap dirinya yang menyebabkan individu berasa tidak mampu untuk mengatasi masalah harian yang timbul dan mereka tidak mampu mencapai tahap kemampuan diri pada tahap yang maksimum.

**Jadual 2: Keputusan Ujian-t Perbezaan Tingkah Laku Buli Berdasarkan Jantina**

| PEMBOLEHUBAH      | NILAI-t | SIG. |
|-------------------|---------|------|
| Tingkah Laku Buli | -.403   | .687 |

$k > .05$

Berdasarkan jadual 2 keputusan analisis ujian-t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tingkah laku buli berdasarkan jantina pelajar dimana  $t(248) = -.403$ ,  $k > 0.05$ . Maka hipotesis kedua yang menyatakan terdapat perbezaan tingkah laku buli berdasarkan jantina pelajar ditolak. Ini bermaksud penglibatan seseorang pelajar dalam tingkah laku buli bukan berdasarkan jantina pelajar. Kajian Sandra Feijoo et al. (2021) juga menyokong hasil kajian ini di mana tidak terdapat perbezaan pembulian yang melibatkan pembuli dan mangsa buli berdasarkan jantina. Ini adalah kerana faktor pembulian adalah bukan disebabkan oleh jantina semata-mata.

Namun kajian yang dijalankan oleh Ahmad Hanani & Metin Piskin (2020) menyatakan bahawa remaja lelaki lebih cenderung terlibat dalam pembulian berbanding remaja perempuan. Ini adalah kerana remaja perempuan cenderung lebih peduli terhadap masalah interpersonal yang boleh menjadikan mereka bertindak negatif (Crick et al., 2001). Oleh itu, remaja perempuan akan lebih berhati-hati dalam menjaga perhubungan berbanding remaja lelaki.

Hasil kajian yang menyatakan faktor jantina tidak mempengaruhi tingkah laku buli pelajar adalah kerana perubahan personaliti pelajar pada masa kini. Ini adalah kerana faktor jantina bukan pengaruh besar terhadap pembentukan interpersonal pelajar. Hal ini dapat dilihat melalui kajian Prinstein et al. (2001) yang menyatakan walaupun lelaki lebih cenderung menunjukkan tingkah laku agresif namun kedua-dua jantina ini berkemungkinan dapat melibatkan diri dalam pembulian dalam pelbagai bentuk. Hal ini disokong oleh Crick & Nelson (2002) yang berpendapat remaja lelaki cenderung menunjukkan tingkah laku buli melalui perlakuan fizikal manakala remaja perempuan cenderung melakukan pembulian dalam bentuk emosional. Hal ini disebabkan wanita yang sering dikaitkan dengan individu yang beremosional. Individu yang berjantina perempuan lebih cenderung menunjukkan rasa malu, bersalah dan segan berbanding lelaki yang lebih banyak memendam dan menunjukkan kebanggaan (Else-Quest et al., 2012). Ini menunjukkan pembulian dilakukan melalui kekuatan yang dimiliki setiap jantina tersebut. Namun keterlibatan kedua-dua jantina ini sebagai pembuli dan mangsa buli tidak dapat perbezaan yang ketara.

**Jadual 3: Keputusan ANOVA Perbezaan Tingkah Laku Buli Berdasarkan Umur**

| Tingkah Laku Buli | Jumlah Kuasa Dua | Darjah Kebebasan | Min Kuasa dua | Nilai F | Sig. |
|-------------------|------------------|------------------|---------------|---------|------|
| Antara Kumpulan   | .081             | 4                | .020          | .193    | .942 |
| Dalam Kumpulan    | 25.615           | 245              | .105          |         |      |
| <b>Jumlah</b>     | 25.696           | 249              |               |         |      |

$k > .05$

Berdasarkan jadual 3, hasil analisis ANOVA menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tingkah laku buli berdasarkan umur pelajar dimana  $f(4, 245) = .193$ ,  $k > 0.05$ . Maka hipotesis ketiga yang menyatakan terdapat perbezaan tingkah laku buli berdasarkan umur remaja ditolak. Ini bermaksud remaja tidak terlibat dalam pembulian berdasarkan umur mereka. Hasil kajian ini bertepatan dengan kajian Michael et al. (2002) yang mendapati umur remaja tidak menunjukkan kesignifikan terhadap tingkah laku buli.

Kajian yang dilakukan oleh Rebecca & Alan (2006) mendapati tiada perubahan dalam tingkah laku buli apabila umur remaja meningkat. Ini menunjukkan apabila umur seseorang itu meningkat kemungkinan untuk terus terlibat dalam pembulian adalah tinggi. Oleh kerana faktor penglibatan pembulian bukan kerana umur semata-mata, remaja boleh terlibat dalam pembulian dalam mana-mana peringkat umur. Hal ini disokong dengan pendapat Azizi et al. (2008) yang berpendapat bertindak membuli pelajar wujud daripada perasaan pelajar yang dibuli itu dianggap lemah dan mempunyai personaliti yang pendiam.

Namun, terdapat juga kajian yang mendapati hasil yang bertentangan dengan hasil kajian ini iaitu kajian Fanti & Henrich (2014) yang mendapati tingkah laku buli mengalami perbezaan berdasarkan umur. Fanti & Hanrich (2014) mendapati bahawa mangsa buli di usia muda mempunyai kecenderungan tinggi untuk menjadi pembuli apabila sudah meningkat usia. Ini adalah kerana faktor dendam yang disimpan oleh mangsa buli dan bukan faktor umur semata-mata.

Orth & Robin (2014) mendapati faktor umur tidak begitu mempengaruhi perkembangan penghargaan sendiri seseorang. Ini adalah kerana penghargaan sendiri seseorang dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Setiap individu melalui pengalaman dan situasi yang berbeza yang membentuk penghargaan sendiri mereka. Apabila dikaitkan dengan faktor pembulian dan penghargaan sendiri, pengalaman pembulian seseorang pelajar tidak semestinya berdasarkan umur mereka. Hal ini jelas menunjukkan bahawa umur pelajar tidak begitu mempengaruhi penghargaan sendiri mereka yang menjurus kepada tingkah laku buli.

Menurut Faudziah Hanim (2013), pengaruh utama yang menjadikan seseorang pelajar itu pembuli atau mangsa buli adalah disebabkan tekanan luaran terutamanya pengaruh rakan sebaya. Hal ini dapat dilihat apabila kebanyakan remaja yang terlibat dalam pembulian pada awalnya tidak menyedari akan tindakan yang dilakukan itu tergolong dalam tingkah laku buli kerana mereka menganggap ianya adalah gurauan sesama rakan. Oleh itu, faktor umur bukan menjadi pengukur kepada tingkah laku buli dalam kalangan remaja.

## 6.0 CADANGAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, beberapa cadangan boleh dikemukakan bagi memperbaiki tahap penghargaan sendiri pelajar yang mengakibatkan penglibatan pelajar dalam pembulian serta membantu pelajar yang mengalami kesan penurunan tahap penghargaan sendiri hasil daripada pengalaman penglibatan dalam pembulian. Pihak berpatutan perlu mengambil langkah yang sebaiknya bagi mengatasi isu ini. Pihak utama yang memainkan peranan dalam isu ini adalah ibu bapa, ini adalah kerana pembentukan personaliti seseorang pelajar bermula dari rumah mereka. Sekiranya ibu bapa dapat mengenalpasti dari awal berkenaan penghargaan sendiri anak-anak yang rendah, langkah memperbaiki penghargaan sendiri tersebut boleh diambil dengan segera. Dengan langkah ini tingkah laku pembuli akan dapat dielak. Hal ini kerana hasil kajian menunjukkan perlakuan buli berlaku berpunca daripada rendahnya tahap penghargaan sendiri pelajar. Dengan itu, gejala pembulian dapat ditangani kerana tanpa pembuli tidak akan wujud mangsa buli dan perbuatan buli.

Seterusnya, pihak sekolah dan kaunselor perlu menganjurkan program-program motivasi bagi membantu pelajar membentuk penghargaan sendiri yang baik. Dengan penganjuran program motivasi yang bersesuaian pelajar akan merasakan diri mereka dihargai dan mempunyai keberanian untuk menghadapi masalah mereka. Dengan itu, kemungkinan untuk pelajar mewakili diri secara sukarela berjumpa dengan kaunselor dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi adalah tinggi. Oleh itu, adalah penting menganjurkan program-program motivasi yang bersesuaian dalam memperbaiki penghargaan sendiri pelajar agar lebih ramai lagi modal insan berkeyakinan dan cemerlang terbentuk.

Pengkaji juga mencadangkan kepada pengkaji akan datang agar meluaskan lagi skop kajian berkenaan kesan penghargaan sendiri. Pengkaji masa hadapan boleh meluaskan skop dengan mengkaji faktor situasi keluarga dan situasi persekitaran sekolah yang mungkin boleh mengakibatkan penghargaan sendiri yang rendah dan seterusnya pelajar terlibat dalam gejala sosial seperti pembulian.

## 7.0 KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati keseluruhannya penghargaan sendiri dan pembulian mempunyai hubungan yang ketara. Namun, faktor jantina dan umur pelajar tidak begitu mempengaruhi tingkah laku buli pelajar. Ketidacapaian keperluan penghargaan sendiri ini akan menyebabkan seseorang individu berasa kecewa dan seterusnya meninggalkan kesan negatif yang mendalam pada pertumbuhan dan perkembangan remaja terutamanya pelajar di peringkat usia persekolahan. Perlakuan buli menurut Penney (2005) merupakan perosak atau pemusnah penghargaan sendiri ini dan perlu ditangani segera pada peringkat kanak-kanak dan remaja lagi. Ini menunjukkan kepentingan kajian ini dilaksanakan bagi memberikan kesedaran kepada pihak-pihak yang berpatutan berkenaan kepentingan menitikberatkan pembentukan penghargaan sendiri pelajar. Selain itu, melalui kajian ini juga kesan buruk daripada perbuatan buli dapat dilihat dan seterusnya perbincangan berkenaan kesan-kesan lain yang mungkin dihadapi oleh pelajar disebabkan gejala buli boleh dibincangkan di masa akan datang. Akhir sekali dengan kajian seperti ini ibu bapa, kaunselor, guru dan pihak sekolah dapat memikirkan cara terbaik dalam menambahbaik perkara-perkara yang perlu dalam membentuk modal insan cemerlang di masa akan datang.

## RUJUKAN

Ahmad Hanani & Metin Piskin. (2020). Gender difference and bullying among secondary school students in Palestine. *Open Journal of Depression*, 9, 95-100

Amin Al Haadi Shafiee, Azad Athahiri Anuar, Norsayyidatina Che Rozudi, Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin & Musa Mohammad. (2017). Mangsa buli dan kesan buli. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 11 (8), 109 – 124

Azizi Hj. Yahya, Yusof boon, Shahrin Hashim, Mohammad Sharif Mustafa & Zurhana Muhamad. (2008). *Indeks perlakuan buli di kalangan pelajar di sekolah menengah dan rendah di Malaysia*. Laporan Penyelidikan, Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Coopersmith (1981). Dislocations and the Commensurate-incommensurate transition in two dimensions, *Phys. Rev. Lett.* 46, 549

Crick, N. R., Nelson, D. A., Morales, J. R., Cullerton-Sen, C., Casas, J. F., & Hickman, S. E. (2001). Relational victimization in childhood and adolescence: I hurt through the grapevine. Dalam J. Juvonen & S. Graham (Eds.). *Peer harassment in school: The plight of the vulnerable and the victimized*. (ms. 196-214) New York: Guilford Press.

Crick, N. R., & Nelson, D. A. (2002). Relational and physical victimization within friendships: nobody told me there'd be friends like this. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 30(6). 599-607

Else-Quest, N. M., Higgins, A., Allison, C., & Morton, L. C. (2012). Gender differences in self-conscious emotional experience: A meta-analysis. *Psychological Bulletin*, 138(5), 947-981

Fanti, K. A., & Henrich, C. C. (2014). Effect of self-esteem and narcissism on bullying and victimization during early adolescence. *The Journal of Early Adolescence*, 35. 1-25

Fauziah Hanim Jalal. (2013). *Kesan ICT terhadap kesejahteraan kanak-kanak: Ceramah keibubapaan*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Hansen (2012) Perception of Climate Change. *Proc. Natl. Acad. Sci.* 109, 415-425

- Leahy P. J. (1985). Are racial factors important for the allocation of mortgage money? *American Journal of Economics and Sociology*, 4(2), 185-196
- Mann, Michal & Hosman, Clemens & Schaalma, Herman & Vries, Nanne. (2004). Self-esteem in a broad-spectrum approach for mental health promotion. *Health Education Research*. 19. 357-372
- Michael, J. B., Mark, T., & Lan, F. (2002). Association between secondary school pupils' definition of bullying, attitudes toward bullying and tendencies to engage in bullying: Age and sex differences. *Educational Studies*, 28(4). 353-370
- O'Moore, Mona & Kirkham, C. (2001). Self-esteem and its relationship to bullying behaviour. *Aggressive Behaviour*. 27, 26-283
- Orth, U., & Robins, R. W. (2014). A longitudinal study on the life-span trajectory of self-esteem and its effects on success and well-being in important life domains. *The Development of Self-Esteem*, 23 (5). 381-387
- Penney L. (2005). Job Stress, Incivility and counterproductive work behaviour (CWB), *Journal of Organizational Behavior*, 26 (7), 777-796
- Prinstein, M. J, Boergers, J. & Vernberg, E. M. (2001). Overt and relational aggression in adolescents: Social-Psychological adjustment of aggression and victims. *Journal of Clinical Child Psychology*, 30(4). 479-491
- Rebecca, G. S., & Alan, M. G. (2006). Bullying: Prevalance and the effect of age and gender. *Child and Family Behavior Therapy*, 28(4). 13-37
- Rigby, K. & Slee, P.T. (1993) Dimensions of interpersonal relating among Australian school children and their implications for psychological wellbeing. *Journal of Social Psychology*, 133(1), 33-42
- Rosenberg, M. (1965). *Society and the adolescent self-image*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Rosenberg, M. (1979). *Conceiving the Self*. New York: Basic Books
- Sandra. F. S., O'Higgins-Norman, J., Foody. M., Pichel. R., Brana. T., Varela. J., Rial. A. (2021). Sex differences in adolescent bullying behaviors. *Special Issue: Bullying and Cyberbullying*, 2(2). 95-100
- Temsusenla Jamir, Nongmeikapam Premika Devi, Lenin, Roshan & Ng Sameetha. (2014). The relationship between bullying victimization, self-esteem and depression. *International Journal in Management and Social Science*. 2(12), 477-489

## KEPUASAN KERJA DALAM ERA PANDEMIK COVID-19

Nurul Syuhada binti Zolkarnain & Faudziah binti Yusof

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

[syuhadazolkarnain@gmail.com](mailto:syuhadazolkarnain@gmail.com)

### Abstrak

Dunia kini dilanda satu wabak baharu yang merbahaya sehingga mampu meragut nyawa bermula tahun 2019. Penularan *Coronavirus Disease* (COVID-19) ini sangat pantas dan memerlukan kerajaan untuk mengambil langkah terbaik bagi menjamin keselamatan semua pihak. Oleh itu, kerajaan telah memutuskan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai satu usaha untuk membendung penularan wabak, sekaligus memastikan keselamatan penduduk di Malaysia adalah terjamin. Usaha yang diperkenalkan ini juga memerlukan bantuan daripada pihak barisan hadapan seperti petugas kesihatan dan Polis. Namun, disebabkan keadaan ini pelbagai organisasi terpaksa menghentikan perkhidmatan dan memerlukan kebanyakan pekerja bekerja dari rumah sahaja. Hal ini kerana, meskipun dalam tempoh PKP, negara masih perlu mengekalkan perkhidmatan bagi menjamin ekonomi negara. Penglibatan pekerja yang terpaksa menghabiskan banyak masa di rumah bagi menyelesaikan tugas boleh membawa kepada banyak permasalahan seperti ketidakpuasan dalam bekerja. Oleh itu, kertas kerja ini ingin mengkaji mengenai punca yang memberikan kesan terhadap tahap kepuasan bekerja dalam kalangan pekerja sewaktu tempoh pandemik COVID-19 ini.

Kata Kunci: COVID-19, kepuasan bekerja, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

### Abstract

The world is now hit by a new epidemic that is so dangerous that it can take lives, starting in 2019. The spread of Coronavirus Disease (COVID-19) is very fast and requires the government to take the best measures to ensure the safety of all parties. Therefore, the government has decided to implement the Movement Control Order (MCO) as an effort to curb the spread of the epidemic, thus ensuring the safety of the people in Malaysia is guaranteed. This effort also requires assistance from the frontliners such as Doctors, Nurses and Police. However, due to this situation various organizations had to stop their services and required most employees to work from home only. This is because, even during the MCO period, the country still needs to maintain services to ensure the country's economy. The involvement of employees who have to spend a lot of time at home to complete tasks can lead to many problems such as dissatisfaction in work. Therefore, this paper would like to study on the causes that affect the level of job satisfaction among employees during this COVID-19 pandemic period.

Keywords: COVID-19, job satisfaction, Movement Control Order (MCO)

## 1.0 PENGENALAN

COVID-19 merupakan satu wabak penyakit berjangkit terbesar yang pernah melanda Malaysia. Pandemik ini adalah yang terbesar pernah dicatatkan selepas kemunculan *Spanish Flu* pada tahun 1918 yang telah mengorbankan seramai 34,644 orang atau 1% penduduk Tanah Melayu ketika itu. Setakat 23 Ogos 2021, terdapat sebanyak 1,555,093 kes COVID-19 yang disahkan dengan 14,168 kematian di Malaysia sejak 3 Januari 2020 telah dilaporkan kepada WHO (WHO, 2021).

Coronavirus (CoV) adalah berasal daripada keluarga besar virus yang dimulai dari selesema biasa sehingga masalah melibatkan pernafasan yang lebih teruk. Coronavirus novel (nCoV) adalah merupakan virus baru yang belum pernah dikesan pada badan manusia. Virus baru yang merupakan sejenis penyakit berjangkit ini kemudian telah dinamakan sebagai COVID-19. Individu yang dijangkiti virus COVID-19 ini akan mengalami masalah pernafasan pada tahap yang ringan hingga sederhana dan mampu untuk pulih tanpa memerlukan rawatan khas dalam tempoh masa yang lama. Namun, bagi golongan warga emas atau individu yang mempunyai masalah penyakit seperti penyakit yang berkaitan dengan kardiovaskular, diabetes atau barah adalah lebih cenderung untuk mengalami gejala yang lebih serius dan memerlukan rawatan dalam tempoh masa yang lama. Wabak ini menular melalui titisan air yang keluar daripada mulut atau hidung sewaktu orang yang dijangkiti virus ini bersin atau batuk. Oleh itu, menurut *World Health Organization* (WHO), cara terbaik untuk mencegah dan mengekang penularan wabak ini adalah orang ramai digalakkan untuk membasuh tangan menggunakan sabun dengan kerap, mengamalkan penjarakan fizikal semasa berada di tempat awam dan mematuhi etika batuk dan bersin yang betul iaitu dengan menutup mulut dan hidung sewaktu batuk dan bersin.

Bukan itu sahaja, kerajaan juga telah membuat dasar baharu dalam usaha untuk mengekang penularan wabak ini dengan lebih serius seperti menghalang perjumpaan secara besar-besaran, larangan untuk melancong merentas negara, pematuhan penjarakan fizikal dan larangan untuk berjabat tangan sewaktu berurusan dengan orang ramai. Malah, Malaysia juga telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bertujuan untuk melandaikan lekuk kes COVID-19. Namun, keadaan ini sedikit sebanyak telah menyebabkan banyak urusan terjejas. Ini kerana, semua perjumpaan sosial perlu ditangguhkan, rakyat diminta untuk mengehendkan urusan di luar rumah dan organisasi ditutup menyebabkan pekerja perlu bekerja dari rumah. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini telah memberikan impak yang besar bukan sahaja kepada kehidupan sosial manusia, bahkan juga kepada urusan perdagangan dan ekonomi negara sekaligus meletakkan ekonomi negara dalam keadaan kritikal. Dalam memastikan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini dapat berjalan dengan jayanya, petugas barisan hadapan telah berkorban masa dan tenaga dalam membendung penularan virus. Usaha mereka ini tidak harus diabaikan kerana sekiranya barisan pertahanan yang pertama sahaja sudah lemah, sudah tentu ia akan menjejaskan masyarakat sekaligus meletakkan negara di dalam situasi yang berbahaya. Oleh itu, semua Doktor dan Jururawat bertungkus lumus memastikan bahawa pesakit yang dijangkiti oleh COVID-19 ini akan mendapat rawatan yang terbaik agar mereka dapat pulih dengan kadar segera. Manakala, barisan Askar dan Polis pula berkorban menjaga kawasan sempadan ekoran arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang melarang pergerakan rentas negeri dan daerah sepanjang tempoh ini. Tugas menjaga sempadan ini dijalankan dengan penuh taat oleh barisan Askar dan Polis tanpa mengira masa dan situasi yang berlaku. Sekiranya masyarakat bekerjasama mematuhi perintah yang dikeluarkan oleh kerajaan ini, secara tidak langsung kita dapat membantu meringankan beban petugas barisan hadapan.



Manakala, pekerja yang perlu bekerja daripada rumah pula terpaksa menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja mereka yang baharu. Sekiranya sebelum ini mereka mempunyai kelengkapan kerja yang mencukupi, namun bekerja dari rumah memerlukan pengorbanan dari segi penggunaan peralatan. Sebagai contoh, sekiranya sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan di sekolah, guru-guru dapat mengajar dengan selesa kerana mempunyai alat bantuan pengajaran yang lengkap. Manakala, sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah ini memerlukan para guru menjadi lebih kreatif untuk mengajar pelajar-pelajar. Mereka juga perlu mencari inisiatif bagi menggantikan ujian menerusi kaedah atas talian supaya pencapaian murid dapat dipantau. Begitu juga dengan pekerja di sektor yang lain. Mereka juga meneruskan pekerjaan dari rumah sebagai usaha untuk memastikan ekonomi negara dapat terus berjalan seperti biasa. Hampir semua pekerja yang bekerja di rumah ini mengorbankan cara kerja yang selesa hanya untuk memastikan mereka dapat menjalankan tugas yang diberikan dengan baik. Bukan hanya petugas barisan hadapan sahaja yang berdepan dengan tekanan yang melampau sehingga mampu menjejaskan kesihatan fizikal dan mental, namun pekerja di sektor-sektor yang lain juga turut berdepan dengan isu yang sama.

Keseluruhannya, COVID-19 ini memberikan impak yang sangat besar kepada pelbagai perkara seperti dari segi ekonomi, pendidikan mahupun kesihatan. Malah, kepuasan kerja bagi golongan pekerja juga terjejas ekoran daripada pandemik COVID-19 ini. Oleh itu, kertas kerja ini ingin mengkaji mengenai kepuasan bekerja bagi golongan pekerja yang terjejas dengan situasi yang sukar ini.

## **2.0 KEPUASAN BEKERJA**

Kepuasan bekerja perlu wujud dalam diri setiap pekerja dan organisasi perlu memastikan bahawa mereka sentiasa berpuas hati dengan pekerjaan melalui pengukuran dan penilaian. Malah, organisasi perlu mengetahui sebab-sebab para pekerja tidak berasa puas dengan pekerjaan (McBride, 2002). Pekerja yang diberikan peluang membuat pilihan akan merasa lebih terdorong untuk melakukan sesuatu tugas dan seterusnya memperoleh kepuasan kerja yang lebih tinggi (Jalagat, 2016). Motivasi diri juga akan meningkat yang mana saling berkait rapat dengan kepuasan Illies dan Judge (2003). Menurut Ali dan Anwar (2021), sebilangan individu gemar bekerja dan menganggap ianya adalah bahagian penting dalam hidup. Walau bagaimanapun, terdapat juga individu yang menganggap bekerja adalah satu proses yang tidak menyenangkan dan mereka hanya bekerja kerana terpaksa. Kepuasan kerja ini adalah satu maklumat untuk mengetahui sebanyak mana seseorang individu tersebut gemar terhadap kerja mereka.

Menurut Rastogi dan Dhingra (2020), kepuasan kerja membawa maksud yang berbeza bagi setiap individu. Bagi sesetengah pihak, mereka beranggapan bahawa kepuasan kerja ini adalah sikap pekerja terhadap pekerjaan mereka, faktor berkaitan serta kehidupan manusia secara umum. Bagi sesetengah pihak, kepuasan bekerja adalah gabungan faktor psikologi dan sesuatu keadaan yang mampu membuatkan seseorang merasa gembira dan berpuas hati dengan pekerjaan dan bersedia untuk melakukannya tanpa rasa kecewa. Kepuasan kerja merupakan sikap seseorang pekerja tersebut terhadap pekerjaan yang dilakukan serta perasaan yang dialami ketika melakukan kerja tersebut atau tahap perasaan positif yang dimiliki oleh individu untuk pekerjaan (Sharma & Khanna, 2014). Kepuasan bekerja juga boleh dianggap sebagai salah satu faktor utama berkaitan dengan keberkesanan dan kelemahan sesebuah organisasi perniagaan. Malah, kepuasan kerja adalah apabila organisasi dapat memenuhi keperluan pekerja di tempat kerja (Togia et al, 2004) di mana pekerjaan mereka ini dapat dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti motivasi, prestasi dan kepimpinan (Kabir & Pravin, 2011). Penilaian pengalaman kerja pula ditakrifkan sebagai keadaan pekerja yang menyenangkan dan

optimis (Locke, 1969). Oleh itu, kepuasan kerja itu adalah satu aspek yang relatif kerana ia berkaitan dengan perasaan keseluruhan individu tersebut mengenai pekerjaan dan persekitaran yang mampu mendorong mereka untuk menjalankan tugasnya dengan baik.

Terdapat pelbagai kesan negatif yang boleh terjadi disebabkan oleh tahap kepuasan pekerja yang rendah. Antaranya adalah kurangnya perasaan setia terhadap organisasi dan kerja yang dilakukan, kekurangan produktiviti dan peningkatan jumlah kemalangan akibat kurangnya fokus ditempat kerja. Perkara ini bukan sahaja memberi kesan kepada seseorang yang memegang jawatan yang rendah, malah semua pihak yang berada di dalam sesebuah organisasi tersebut seperti pengurus, penyelia atau pekerja pembangunan sumber manusia juga boleh mengalami masalah sekiranya masalah kepuasan kerja ini tidak diuruskan dengan baik. Ini akan menyebabkan mereka sentiasa mengalami perasaan tidak puas hati dan tidak mampu melakukan kerja dengan baik sekaligus mampu menjejaskan keseluruhan organisasi. Oleh itu, punca yang menjadi penyebab terjejasnya kepuasan kerja ini perlu dikaji agar boleh diatasi dengan kadar yang segera.

### **3.0 FAKTOR MEMPENGARUHI KEPUASAN BEKERJA**

Kepuasan bekerja adalah merupakan antara faktor terbesar dalam proses penglibatan pekerja. Sekiranya seseorang pekerja tidak mempunyai kepuasan bekerja, mereka akan mengelakkan diri dalam pekerjaan. Prestasi kerja dan kualiti hidup seorang pekerja juga akan merosot. Elemen kepuasan bekerja ini sangat berkait rapat dengan gaji, kenaikan pangkat, faedah, persekitaran kerja, pengawasan di tempat kerja serta hubungan dengan rakan sekerja (Mosadegh, 2009). Terdapat dua jenis kepuasan bekerja, yang pertama adalah perasaan keseluruhan mengenai pekerjaan yang dijalankan, manakala yang kedua adalah perasaan yang dirasai mengenai aspek pekerjaan seperti faedah kerja, gaji, kedudukan, kenaikan pangkat, persekitaran kerja dan hubungan antara pekerja (Mueller & Kim, 2008). Ini menunjukkan bahawa elemen-elemen ini adalah sangat penting dalam mempengaruhi kepuasan bekerja. Manakala, menurut Saari dan Judge (2004), hubungan antara kepuasan kerja dan prestasi menjadi lebih penting bagi mereka yang melakukan pekerjaan yang sukar berbanding dengan pekerja yang mempunyai pekerjaan yang kurang tuntutan atau sambutan.

#### **3.1 Keadaan Kerja**

Keadaan kerja adalah merujuk kepada persekitaran kerja serta dari sudut terma dan syarat pekerjaan yang diterima oleh pekerja. Keadaan kerja ini turut merangkumi perkara-perkara seperti organisasi pekerjaan, aktiviti kerja seperti latihan dan kemahiran, kebolehan pekerja yang merangkumi kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan serta keseimbangan masa kerja. Malah, pekerja akan cenderung untuk berasa tidak berpuas hati dengan pekerjaan sekiranya mereka mempunyai tahap kekangan yang tinggi dari segi persekitaran kerja (Spector, 1997). Menurut Bakotic dan Babic (2013), keadaan kerja yang sukar atau bahaya ini dapat dipengaruhi oleh beberapa faktor. Faktor pertama adalah merupakan faktor luaran yang meliputi iklim, iaitu keadaan meteorologi, suhu, kelembapan, pencahayaan di tempat kerja, suasana yang bising, pendedahan kepada bahan kimia serta faktor berbahaya yang lain. Di dalam situasi pandemik COVID-19 ini, pekerja di beberapa sektor tertentu menghadapi risiko jangkitan yang tinggi disebabkan persekitaran tempat kerja yang tidak selamat seperti di tempat yang sesak dan ruang yang tertutup dan rapat. Di Malaysia, kes COVID-19 yang tinggi telah dikaitkan dengan kluster tempat kerja dan kelompok yang berkaitan dengan sektor pembuatan dan pembinaan. Ini sekaligus mampu menjejaskan kepuasan bekerja bagi pekerja di beberapa sektor. Robbins (1989) menyatakan bahawa pekerja mementingkan persekitaran

kerja untuk penyelesaian peribadi yang akan menyumbang kepada prestasi kerja yang baik.

Faktor kedua adalah faktor subjektif yang merangkumi jantina dan usia pekerja, tahap kekuatan pekerja atau keadaan yang tidak baik semasa bekerja dan lain-lain. Minat dalam komposisi tempat kerja yang melibatkan jantina adalah saling berkait dengan kepuasan kerja (Wharton, Rotolo & Bird, 2000). Menurut Major (1989); Blyma & Major (1992), persekitaran kerja yang mempunyai jumlah pekerja wanita yang ramai akan mewujudkan situasi membandingkan diri antara satu sama lain. Ini bukan sahaja merupakan satu perkara yang biasa, tetapi juga kerana dapat membantu mengelakkan ketidakselesaan yang berkaitan dengan perbezaan jantina ketika di tempat kerja.

Manakala, faktor ketiga adalah faktor-faktor yang berkaitan dengan organisasi pengeluaran seperti tempoh peralihan kerja, jadual kerja, waktu kerja dan lain-lain. Faktor ketiga ini menekankan bahawa sesebuah organisasi mempunyai persekitaran kerja yang tersendiri dan mampu mempengaruhi tingkah laku kerja pekerja. Sekiranya sesebuah organisasi ini gagal untuk memberikan waktu kerja yang seimbang, sudah tentu pekerja tidak mampu untuk menjalankan kerja dengan baik. Pekerja akan lebih cenderung mengalami keletihan emosi setelah melihat konflik dalam pengurusan organisasi.

### 3.2 Gaji Asas

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, gaji membawa maksud upah yang tetap atau bayaran yang tetap untuk pekerjaan. Setiap pekerjaan mempunyai gaji yang tersendiri. Dalam era globalisasi ini, wang dipandang sebagai satu keperluan asas yang sangat penting kepada manusia. Sekiranya seseorang individu tersebut tidak mempunyai wang yang mencukupi, adalah mustahil untuk mereka menjalankan kehidupan seperti biasa. Gagne dan Deci (2005) berpandangan bahawa gaji mampu meningkatkan motivasi. Ini adalah berasal dari teori penilaian kognitif, yang berpendapat bahawa gaji insentif mampu menggabungkan pengaruh negatif terhadap motivasi intrinsik. Ini menunjukkan bahawa gaji juga merupakan salah satu faktor pendorong dan perangsang utama terhadap kepuasan kerja. Sekiranya sistem gaji dikendalikan dengan baik di sesebuah organisasi, ia dapat meningkatkan motivasi, produktiviti dan kepuasan pekerja tersebut (Ali & Anwar, 2021). Secara lumrahnya, semua individu yang bekerja menginginkan bayaran atau ganjaran kerana sudah menjalankan kerja atau tugas yang telah diberikan oleh sesebuah organisasi tersebut. Ganjaran atau gaji ini mempunyai kekuatan pendorong yang penting kerana ia secara tidak langsung melambangkan rasa kepuasan dan kejayaan yang berjaya dicapai oleh seseorang pekerja. Ini kerana wang mempunyai kemampuan untuk menarik, mengekalkan, dan mendorong orang ke arah prestasi yang lebih tinggi.

Teori ini telah dibuktikan oleh Christian Grund dan Dirk Sliwka (2001) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa kepuasan kerja adalah sangat bergantung kepada kadar kenaikan gaji relatif dan juga tahap gaji asas yang diterima oleh pekerja. Ini membuktikan bahawa, pengabaian organisasi terhadap kenaikan gaji ini akan memberi pengaruh negatif terhadap usaha yang dilakukan untuk menarik dan mempertahankan pekerja yang bekerja di situ. Sekiranya seseorang pekerja tersebut diberikan jumlah gaji atau ganjaran yang setimpal dengan hasil kerja, sudah tentu mereka akan bersedia untuk menumpukan perhatian di tempat kerja dan menyelesaikan tugas dengan baik (Odukah, 2016). Sekiranya seseorang individu tersebut telah memperoleh wang atau gaji, sudah tentu mereka mampu untuk menjalankan kehidupan harian dengan baik sekaligus membuatnya bermotivasi untuk mencapai apa yang dimahukan.

### **3.3 Hubungan Dengan Rakan Sekerja**

Bekerja di sesebuah organisasi memerlukan pekerja bukan sahaja bekerja secara bersendirian malah di dalam pasukan. Orientasi bekerja di dalam sesebuah pasukan ini akan memerlukan pekerja untuk saling berinteraksi antara satu sama lain dan mampu memberikan kesan kepada hasil kerja sesebuah organisasi tersebut. Interaksi bersama dengan rakan sekerja juga merupakan satu hubungan yang mampu memberikan sokongan sosial kepada pekerja. Hodson (1997) berpendapat bahawa hubungan sosial di tempat kerja dapat memberikan sumbangan penting kepada kepuasan kerja, produktiviti dan kesejahteraan pekerja. Manakala, Robbin (2001) berpendapat bahawa rakan sekerja yang mesra dan saling menyokong adalah satu dimensi yang mempengaruhi kepuasan kerja. Hubungan persahabatan yang afektif boleh didefinisikan sebagai sokongan sosial secara tidak langsung (Walkey, Seigert, McCormick, & Taylor, 1987) berbeza dengan fungsi dan maklumat sebenar sokongan sosial. Meskipun ia cuma satu sokongan sosial secara tidak langsung, seseorang pekerja tidak boleh mengabaikan hubungan persahabatan di tempat kerja kerana mampu menyumbang kepada sokongan sosial yang memberikan kepuasan kepada kehidupan bekerja.

Dalam situasi yang sukar di mana hampir semua pekerja perlu bekerja dari rumah dan perlu bekerja dalam suasana yang berbeza, sudah tentu mereka tidak dapat melakukannya tanpa sokongan. Sokongan yang dimaksudkan ini adalah sokongan sosial daripada rakan, keluarga dan majikan. Hodson (1997) juga berpendapat bahawa terdapat banyak kajian berkenaan sokongan rakan sekerja ini disebabkan kepelbagaian fungsinya di tempat kerja serta kemampuannya dalam meningkatkan organisasi kerja. Dalam persekitaran di mana sokongan rakan sekerja ini adalah tinggi, secara tidak langsung pekerja dapat membincangkan idea dengan lebih terbuka dan jujur serta terdapat hubungan positif dengan kepuasan kerja. Dalam kajian Lindorff (2001) juga menunjukkan bahawa sokongan daripada rakan sekerja adalah sesuai untuk masalah khusus pekerjaan dan dapat menghilangkan tekanan kerja berbanding sokongan keluarga. Kajian-kajian ini jelas menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang positif terhadap kepuasan kerja sekiranya pekerja mempunyai hubungan yang baik dengan rakan sekerja.

### **4.0 IMPAK COVID-19 TERHADAP KEPUASAN BEKERJA**

Krisis COVID-19 yang telah tercetus di seluruh dunia ini telah meninggalkan impak yang sangat besar kepada pelbagai sektor. Hampir semua sektor terjejas dan gagal berfungsi sepenuhnya disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan untuk membendung penularan wabak COVID-19 ini. Hasilnya, jumlah pengangguran di Malaysia yang dicatatkan sehingga Mei 2021 adalah sebanyak 4.5 peratus bersamaan dengan 728.1 ribu orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Terdapat beberapa sektor yang terjejas ekoran daripada penularan COVID-19 ini. Perkara ini sekaligus mampu memberikan kesan kepada kepuasan bekerja dalam kalangan pekerja yang perlu berdepan dengan situasi ini. Apabila kepuasan bekerja dalam diri pekerja semakin berkurangan, secara tidak langsung ia mampu mengakibatkan prestasi kerja yang semakin merosot sehingga menjejaskan produktiviti sesebuah organisasi. Ini kerana, tahap penerimaan dan penyesuaian seseorang individu terhadap situasi yang sukar ini adalah berbeza-beza.

## 4.1 Petugas Kesihatan

Pandemik COVID-19 ini telah menjadi satu cabaran serius kepada para Doktor dan juga petugas kesihatan yang lain. Dalam usaha untuk menyelamatkan pesakit yang dijangkiti oleh COVID-19, ramai juga dalam kalangan Doktor tersebut yang turut dijangkiti. Malah, antara pesakit yang terkorban disebabkan oleh wabak ini juga adalah terdiri daripada para Doktor yang turut berjuang melawan penyakit ini (Rastogi & Dhingra, 2020). Usaha mereka dalam menyelamatkan nyawa pesakit perlu dipandang tinggi kerana secara tidak langsung ia dapat membantu mereka bermotivasi. Kajian yang dijalankan oleh Lai et al (2020) menegaskan bahawa pekerja hadapan seperti Doktor yang terlibat secara langsung dalam diagnosis, rawatan dan penjagaan pesakit COVID-19 didapati lebih cenderung diserang dengan masalah keresahan melampau, kemurungan dan tekanan berbanding dengan mereka yang tidak bekerja sebagai barisan hadapan. Ini jelas menunjukkan bahawa tanggungjawab yang sedang dipegang oleh para Doktor ini sangat besar sehingga menyebabkan mereka turut berasa terbeban dengan situasi sekarang.

Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Chatterjee et al (2020) yang menunjukkan bahawa daripada jumlah seramai 152 peserta kajian, 34.9% mengalami kemurungan dan 39.5% dan 32.9% masing-masing mengalami kegelisahan dan tekanan. Apabila pekerja ini mengalami kadar tekanan yang tinggi, sudah tentu ia akan mengganggu tumpuan ketika menjalankan tugas. Ini sekaligus mampu menjadikan tahap kepuasan kerja turut menurun. Riaz, Ahmad, Riaz, Murtuza, Khan & Firdous (2016) juga berpendapat bahawa kadar tekanan yang tinggi akan menghasilkan kepuasan bekerja yang rendah. Hampir sama dengan situasi yang dialami oleh Doktor, golongan Jururawat ini juga merupakan petugas barisan hadapan yang penting dalam membendung wabak COVID-19 ini. Oleh itu, adalah penting untuk petugas barisan hadapan ini mengekalkan kepuasan kerja yang tinggi agar mereka berasa bersemangat untuk meneruskan pekerjaan mereka meskipun dalam situasi yang mencabar (Rastogi & Dhingra, 2020). Di samping itu, Jururawat yang bekerja secara langsung dalam menangani pesakit COVID-19 ini mampu mempengaruhi kesihatan mental mereka dan menyebabkan rasa letih dan tertekan (Alhabri et al, 2020 & Kameg, 2020). Hasil kajian Soto-Rubio, Gimenez-Espert dan Prado- Gasco (2020) menunjukkan bahawa risiko psikososial dan kecerdasan emosi sebahagian besarnya mampu menyebabkan kelelahan, kepuasan kerja, dan kesihatan perawat di mana yang terakhir difahami sebagai masalah kesihatan psikosomatik. Manakala, Zhang et al (2020) menyatakan bahawa impak COVID-19 kepada kakitangan kesihatan ini adalah mereka kurang berpuas hati ketika menjalankan tugas kerana risau dijangkiti oleh wabak. Oleh itu, adalah sangat penting untuk para Doktor dan Jururawat ini dalam menjaga kesihatan mental mereka agar mereka dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik.

## 4.2 Anggota Polis

Anggota polis juga turut terlibat dalam membantu menguruskan situasi COVID-19 ini. Mereka bertanggungjawab dalam memastikan kawasan sempadan dijaga agar penduduk dapat mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang ditetapkan serta mengawasi penjarakan fizikal dalam kalangan rakyat. Kesan yang dialami oleh Pegawai Polis ini adalah tekanan yang melampau serta keletihan dalam melaksanakan tugas (Stogner, Miller & McLean, 2020). Ini sekaligus memberikan kesan buruk terhadap produktiviti, kecekapan dan kemampuan untuk melakukan fungsi jangkauan sosial mereka. Menurut Anshel (2000) polis bertanggungjawab untuk kelancaran fungsi masyarakat dengan menjaga ketertiban yang hanya mungkin dilakukan setelah mereka puas dengan pekerjaan. Oleh itu, adalah sangat penting untuk

mempertimbangkan rasa tidak puas hati dan tekanan dalam pekerjaan. Terdapat banyak cabaran yang perlu dihadapi oleh anggota polis semasa pandemik COVID-19. Antaranya adalah kekangan logistik, beban tugas, sikap orang awam, masalah kesejahteraan emosi dan isu peribadi (Nazirah, Syahrezahelmy & Mohd Suhaimi, 2021). Melalui cabaran ini sahaja kita dapat mengetahui bahawa sekiranya mereka tidak mendapat sokongan daripada pihak sekeliling, secara tidak langsung mampu memberikan kesan terhadap kepuasan dan hasil kerja. Manakala, Sadiq (2020) turut menyatakan dalam hasil kajiannya bahawa sepanjang tempoh pandemik ini, tahap kepuasan bekerja dalam kalangan anggota polis kebanyakannya adalah sangat rendah kerana beban tugas dan tekanan yang dialami adalah semakin bertambah. Ini menunjukkan bahawa COVID-19 ini mampu melemahkan tahap kepuasan kerja anggota polis ini.

### **4.3 Sektor Pendidikan**

Sektor pendidikan juga adalah antara sektor yang terjejas akibat COVID-19 ini. Keadaan ini disebabkan oleh perubahan teknologi, maklumat yang terlampau banyak, permintaan untuk produktiviti yang lebih besar, persaingan sengit dan masa depan yang tidak menentu adalah sumber utama tekanan yang melampau (A. Chitra, 2020). Namun, kualiti pengajaran dan pembelajaran hanya dapat ditingkatkan setelah guru berpuas hati dengan pekerjaan mereka (Chen et al, 2006). Oleh itu, adalah sangat penting untuk seorang guru mempunyai tahap kepuasan kerja yang cemerlang supaya mereka dapat meneruskan perkhidmatan dengan baik. Disebabkan oleh situasi pandemik ini, sektor pendidikan perlu dikendalikan menerusi atas talian. Guru-guru terpaksa menyesuaikan diri dalam situasi pembelajaran secara atas talian dengan menggunakan medium seperti aplikasi *Google Meet*, *Zoom* dan *Microsoft Teams*. Namun, memandangkan kelas ini dilakukan secara atas talian, peluang untuk berinteraksi antara guru dan pelajar adalah sangat rendah disebabkan oleh pelbagai isu. Ini secara tidak langsung meningkatkan beban kerja kepada guru dan sekaligus menyebabkan tekanan (A. Chitra, 2006). Kadar kepuasan bekerja guru juga adalah berkurang sejak sistem pembelajaran ini beralih ke arah atas talian. Kajian yang dijalankan oleh Chen et al (2020) mendapati bahawa kepuasan kerja pensyarah universiti menjadi negatif. Kajian ini juga menunjukkan bahawa kepuasan kerja memainkan peranan kepada kemerosotan kerja. Antara faktor lain yang turut mempengaruhi kepuasan bekerja guru adalah sokongan pengurusan, keselamatan kerja, beban kerja yang bertambah, sistem pengurusan, kekurangan kemudahan untuk mengikuti kelas dalam talian serta corak pengajaran baru (Rastogi & Dhingra, 2020).

## **5.0 PERBINCANGAN**

Melihat kepada situasi pandemik COVID-19 ini, perkara yang paling mempengaruhi kepuasan kerja adalah persekitaran kerja. Seperti sedia maklum, kebanyakan kerja yang dilakukan kini telah beralih arah ke atas talian. Bukan itu sahaja, hanya 20% pekerja sahaja yang dibenarkan untuk bekerja di pejabat secara bersemuka ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini dijalankan. Ini menyebabkan hampir semua kakitangan di mana-mana organisasi terpaksa bekerja dari rumah. Bekerja dari rumah ini pula memerlukan pekerja bersedia dari sudut fizikal dan mental. Ini kerana, cabaran untuk bekerja dari rumah ini adalah sangat tinggi disebabkan oleh pelbagai faktor. Antaranya adalah, kekurangan sumber daripada sudut peralatan, kewangan dan sebagainya. Bekerja di luar struktur organisasi ini menyebabkan pekerja terpaksa meninggalkan segala kelengkapan yang berada di pejabat mereka. Dan perkara ini juga turut mampu untuk mempengaruhi produktiviti pekerja. Bekerja daripada

rumah ini mempunyai persekitaran yang sangat berbeza berbanding di tempat kerja. Bekerja dari rumah mempunyai kadar yang lebih tinggi untuk menerima gangguan di mana ia boleh datang daripada pelbagai sumber. Antara gangguan yang boleh dialami adalah daripada anak-anak mereka. Bekerja dari rumah ini bermakna mereka perlu mengawasi anak mereka ketika melakukan kerja. Anak-anak yang berada dalam proses pembesaran ini akan menjadi lebih aktif sehingga mampu mengganggu tugas yang ingin dilakukan oleh ibu bapa yang bekerja ini. Malah, gangguan bunyi juga seperti keadaan rumah yang berdekatan dengan jalan raya atau kawasan perindustrian akan lebih cenderung untuk mengalami suasana yang hingar bingar. Ini sekaligus menghasilkan persekitaran kerja yang tidak kondusif dan menimbulkan perasaan tidak selesa untuk bekerja dari rumah. Dan yang terakhir, terdapat juga Kawasan perumahan yang mempunyai capaian internet yang kurang memberangsangkan. Ini menyebabkan banyak kerja akan tergendala kerana pekerja tidak mampu menjalankan kerja dengan menggunakan kemudahan yang terhad ini. Capaian internet yang lemah juga boleh mengakibatkan pekerja sering ketinggalan dalam mendapat sebarang maklumat mengenai kerja mereka atau juga kegagalan dalam menghantar tugas mereka pada waktu yang ditetapkan. Ini mamu menyebabkan produktiviti pekerja semakin lemah disebabkan ketiadaan persekitaran yang selesa dan lengkap ketika melaksanakan tugas mereka.

Namun hakikatnya, meskipun mereka berdepan dengan cabaran yang sangat tinggi dalam melaksanakan tugas ketika era pandemik COVID-19 ini, setiap pekerja masih perlu meneruskan tanggungjawab mereka dan terus berazam untuk kekal produktif dalam situasi yang sukar ini. Kelangsungan hidup merupakan matlamat utama bagi pekerja dalam memastikan mereka mampu untuk membuat pilihan yang bijak serta menumpukan seluruh tenaga dan masa mereka. Tujuannya adalah supaya semua pekerja ini mampu mengekalkan potensi mereka pada tahap maksimum untuk mencapai kepuasan kerja yang cemerlang dalam situasi sukar ini.

## **6.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk melihat sejauh mana tahap kepuasan bekerja dalam diri seseorang pekerja di dalam situasi pandemik ini. Setiap sektor pekerjaan mempunyai faktor yang hampir sama dalam mempengaruhi tahap kepuasan kerja, seperti tahap tekanan dalam mengendalikan tugas, perasaan gelisah yang melampau serta beban tugas yang semakin bertambah. Faktor-faktor seperti inilah yang mampu menjejaskan tahap kepuasan bekerja dalam kalangan pekerja terutamanya sewaktu berdepan dengan situasi COVID-19 ini. Mereka perlu menjalankan tugas dengan baik dan dalam masa yang sama turut perlu menjaga kesihatan dan keselamatan diri daripada dijangkiti oleh wabak ini. Oleh sebab itu, semua pihak perlulah saling bekerjasama dalam memastikan agar tugas mereka dapat dilaksanakan dengan lancar tanpa sebarang masalah. Pihak organisasi perlulah memberikan sokongan dan bantuan kepada kakitangan supaya tidak berasa terbeban sewaktu menyiapkan tugas yang diberikan. Bukan itu sahaja, pihak organisasi juga perlu menyelaraskan sistem perkhidmatan agar selari dengan keperluan semasa situasi pandemik COVID-19. Sekiranya pihak organisasi sendiri tidak dapat memastikan sistem perkhidmatan mereka adalah telus, adalah sukar untuk pekerja mencapai tahap kepuasan bekerja yang tertinggi terutamanya dalam situasi yang sukar ini. Oleh itu, adalah penting bagi setiap pekerja ini mempunyai tahap kepuasan bekerja yang tinggi supaya mampu menjamin keseimbangan hidup mereka apabila keperluan asas ini dapat dipenuhi.

## RUJUKAN

- Alharbi, J., Jackson D., & Kim. (2020). The potential for COVID-19 to contribute to compassion fatigue in critical care nurses. *Journal of Clinical Nursing*, 1-3.
- Anshel, M. (2000). A conceptual model and implication for coping with stressful events in police work. *Criminal justice and Behavior*, 27(3), 375-400.
- Anwar, G., & Ali, B. J. (2021). An Empirical Study of Employees' Motivation and Its Influence Job Satisfaction. *International Journal of Engineering, Business and Management*, 5(2), 21-30.
- Aziri, B. (2011). Job Satisfaction: A Literature Review. *Management Research and Practice* 3(4), 77-86.
- Babić, T., & Bakotić D. (2013). Relationship between working conditions and job satisfaction: The case of Croatian shipbuilding company. *International Journal of Business and Social Science Vol. 4 No. 2*, 206-213.
- Chatterjee, S. S., Bhattacharyya, R., Bhattacharyya, S., Gupta, S., Das, S., & Banerjee, B. B. (2020). Attitude, practice, behavior, and mental health impact of COVID-19 on doctors. *Indian Journal of Psychiatry*, 257-265.
- Chen, Liu, Pang, Liu, Fang, Wen, Chen, Xie, Zhang, Zhao, Gu (2020). Are You Tired of Working amid the Pandemic? The Role of Professional Identity and Job Satisfaction against Job Burnout. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 1-14.
- Chitra, A. (2020). Study on Impact of Occupational Stress on Job Satisfaction of Teachers during Covid-19 Pandemic Period. *Global Development Review*, 4(2), 52-62.
- Deci, E. L., & Gagne, M. (2005). Self-Determination Theory and Work Motivation. *Journal of Organizational Behavior* 26(4), 331-362.
- Dhingra, V., & Rastogi, M. (2020). Job Satisfaction During COVID-19: A Review of Various Sectors. *Psychology and Education*, 57(9), 3654-3668.
- Hodson, R. (1997). Group relations at work. *Work and Occupations*, 24(4), 426-452.
- Ilies, R., & Judge, T. A. (2003). On the heritability of job satisfaction: the mediating role of personality. *Journal of Applied Psychology*, 88(4), 750-759.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). Statistik Tenaga Buruh Malaysia, Mei 2021.
- Jalagat, R. J. (2016). Job performance, job satisfaction, and motivation: A critical review of their relationship. *International Journal of Advances in Management and Economics*, 5(6), 36-43.
- Judge, T. A., & Saari, L. M. (2004). Employee Attitudes and Job Satisfaction. *Human Resource Management*, 43(4), 395-407.
- Kameg, B. N. (2020). Psychiatric-Mental Health Nursing Leadership During Coronavirus Disease 2019 (COVID-19). *Journal of Psychiatric Mental Health Nursing Leadership*, 1-7.



*Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Lai, Ma, Wang, Cai, Hu, Wei, Wu, Du, Chen, Li, Tan, Kang, Yao, Huang, Wang. (2020). Factors Associated With Mental Health Outcomes Among Health Care Workers Exposed to Coronavirus Disease 2019. *JAMA Network*, 1-12.

Lindorff, M. (2001). Are they lonely at the top? Social relationships and social support among Australian managers. *Work & Stress*, 15(3), 274-282.

Locke, E. A. (1969). What is Job Satisfaction? *Organizational Behaviour and Human Performance*, 309-336.

Major, B., & Crocker, J. (1989). Social Stigma and Self-Esteem: The Self-Protective Properties of Stigma. *Psychological Review*, 96(4), 608-630.

Major, B., & Bylsma, W. H. (1992). Two Routes to Eliminating Gender Differences in Personal Entitlement: Social Comparisons and Performance Evaluations. *Psychology of Women Quarterly*, 16 (2), 193-200.

McBride, E. L. (2002). Employee satisfaction: Code red in the workplace? . *Journal of Nursing Management*, 10(3), 157-163.

McLean, K., Stogner, J., & Miller, B. J. (2020). Police Stress, Mental Health, and Resiliency during the COVID-19 Pandemic. *American Journal of Criminal Justice*, 1-13.

Moraes, A. D., & Mosadegh, A. M. (2009). Factors Affecting Employees' Job Satisfaction in Public Hospitals: Implications for Recruitment and Retention. *Journal of General Management*, 51- 66.

Mueller, C. W., & Kim. (2008). The contented female worker: Still a paradox? *Justice (Advances in Group Processes, Vol. 25)*, 117-149.

Muhammad Riaz, Nazir Ahmad, Maryam Riaz, Ghulam Murtaza, Tayyaba Khan & Hira Firdous. (2016). Impact of Job Stress on Employee Job Satisfaction. *International Review of Management and Business Research*, 5(4), 1370-1382.

Nazirah Hassan, Syahrezahelmy Mohd Razali & Mohd Suhaimi Mohamad. (2021). Cabaran Polis Dan Tentera Mendepani Pandemik COVID-19. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 241- 252.

Odukah, M. E. (2016). Factors Influencing Staff Motivation among Employees: A Case Study of Equator Bottlers (Coca Cola) Kenya. *Journal of Human Resource and Sustainability Studies*, 68-79.

Parvin, M. M., & Kabir, M. N. N. (2011). Factors Affecting Employee Job Satisfaction of Pharmaceutical Sector. *Australian Journal of Business and Management Research*, 1(9), 113- 123.

Robbins, S. (1989). *Organisational Behaviour: Concepts, Controversies and Applications*. New Jersey: Prentice Hall.

Robbins, S. P. (2001). *Organizational Behavior. 9th Edition*. New York: Prentice-Hall.

Sadiq, M. (2020). Policing in pandemic: Is perception of workload causing work–family

conflict, job dissatisfaction and job stress? *Journal of Public Affairs*, 1-8.

Sharma, A., & Khanna, M. (2014). Job satisfaction among bank employees – a study on district hamirpur (H.P). *International Journal of Science, Environmental and Technology*, 3(4), 1582- 1591.

Sliwka, D., & Grund, C. (2001). The Impact of Wage Increases on Job Satisfaction - Empirical Evidence and Theoretical Implications. *IZA Discussion Paper No. 387*, 1-18.

Soto-Rubio, A., Giménez-Espert, M. C., & Prado-Gascó, V. (2020). Effect of Emotional Intelligence and Psychosocial Risks on Burnout, Job Satisfaction, and Nurses' Health during the COVID- 19 Pandemic. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 1-14.

Spector, P. E. (1997). *Job Satisfaction: Application, Assessment, Causes, and Consequences*. California: SAGE Publications.

Togia, A., Koustelios, A., & Tsigilis, N. (2004). Job satisfaction among Greek academic librarians. *Library & Science Research*, 26, 373-383.

Walkey, F. H., Siegert, R. J., McCormick, I. A., & Taylor, A. J. W. (1987). Multiple replication of the factor structure of the inventory of socially supportive behaviors. *Journal of Community Psychology*, 15(4), 513-519.

Wharton, A. S., Rotolo, T., & Bird, S. R. (2000). Social Context at Work: A Multilevel Analysis of Job Satisfaction. *Sociological Forum*, 15(1), 65-90.

World Health Organization. (2020). Corona virus. Retrieved from [https://www.who.int/health-topics/coronavirus#tab=tab\\_1](https://www.who.int/health-topics/coronavirus#tab=tab_1)

Zhang, Liu, Jahanshahi, A. A., Nawaser, K., Yousefi, A., Li, Sun. (2020). At the height of the storm: Healthcare staff's health conditions and job satisfaction and their associated predictors during the epidemic peak of COVID-19. *Brain, Behavior, and Immunity*, 144-146.

## HUBUNGAN GAYA KEIBUBAAPAN DAN PENGHARGAAN KENDIRI DALAM KALANGAN PELAJAR

Nur Jannah Binti Mohammad Rodzi, Siti Haziqah Binti Shaban

Kolej Universiti Islam Melaka

[Nurjannahmohdrodzi12gmail.com](mailto:Nurjannahmohdrodzi12gmail.com)

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan gaya keibubapaan dan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar. Kajian dijalankan di Sekolah Menengah Agama Rompin, Negeri Sembilan yang melibatkan seramai 80 orang pelajar yang berada di setiap tingkatan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Kajian ini menggunakan instrumen *Rosenberg Self-esteem Scale (RSES)* yang digunakan untuk mengukur penghargaan sendiri. Manakala Instrumen yang digunakan untuk mengukur gaya keibubapaan adalah berdasarkan soal selidik gaya keibubapaan *Parental Authority Questionnaire (PAQ)* yang dibina oleh Buri (1991) bertujuan mengukur tiga gaya utama keibubapaan Baumrind iaitu permisif, autoritarian, dan autoritatif. Data kajian dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 22*. Secara keseluruhan hasil keputusan menunjukkan, gaya keibubapaan autoritarian mempunyai hubungan yang signifikan dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar ( $r = 0.337$ ,  $k < 0.05$ ). Kemudian, hasil dapatan juga menunjukkan tidak terdapat hubungan signifikan antara gaya keibubapaan permisif dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar ( $r = -0.174$ ,  $k < .05$ ). Seterusnya, terdapat hubungan signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan penghargaan sendiri pelajar ( $r = 0.281$ ,  $k < 0.05$ ). Gaya keibubapaan yang diterapkan oleh ibubapa terhadap anak-anak adalah memainkan peranan penting dalam pembentukan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar. Hasil kajian ini dapat memberikan manfaat kepada ibubapa, guru-guru, masyarakat, kementerian pelajaran dan NGO tentang konteks pembangunan sahsiah, aspek mendidik, memberi pelajaran, inovasi dalam melahirkan generasi yang berwawasan, disamping dalam aspek mempengaruhi kesejahteraan hidup pelajar.

Kata Kunci : gaya keibubapaan, penghargaan sendiri, pelajar

### Abstract

This study aimed to examine the relationship between parenting style and self-esteem among students. The study was conducted at Sekolah Menengah Agama Rompin, Negeri Sembilan which involved a total of 80 students at each level. This study uses a quantitative approach. This study uses the Rosenberg Self-esteem Scale (RSES) instrument which is used to measure self-esteem. While the instrument used to measure parenting style is based on the parental style questionnaire Parental Authority Questionnaire (PAQ) constructed by Buri (1991) aims to measure the three main styles of Baumrind parenting namely permissive, authoritarian, and authoritative. Study data were analyzed using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 22. Overall, the results showed that authoritarian parenting style has a significant relationship with self-esteem among students ( $r = 0.337$ ,  $k < 0.05$ ). Then, the findings also showed that there was no significant relationship between permissive parenting

style with self-esteem among students ( $r = -0.174$ ,  $k < .05$ ). Furthermore, there was a significant relationship between authoritative parenting style with students' self-esteem ( $r = 0.281$ ,  $k < 0.05$ ). The parenting style applied by parents to children plays an important role in the formation of self-esteem among students. The results of this study can provide benefits to parents, teachers, society, the ministry of education, and NGOs in the context of personality development, aspects of educating, teaching, innovation in producing a visionary generation, as well as in terms of influencing the well-being of students.

Keywords: parenting style, self-esteem, student

## 1.0 PENGENALAN

Setiap ibu bapa di dunia ini pastilah mengharapkan anak mereka berkembang secara normal, mempunyai kemahiran dan kecemerlangan akademik, mampu hidup secara berdikari, mampu berhadapan dengan cabaran hidup dan berjaya pada masa hadapan. Mereka mengharapkan anak-anak mereka mempunyai kehidupan yang lebih berkualiti pada masa hadapan. Tentu semua harapan itu boleh dicapai apabila seseorang telah menjalankan beberapa proses atau usaha yang berterusan. Oleh itu, sebagai seorang pelajar perlulah mendapatkan pendidikan yang baik bagi mencapai matlamat itu sama ada pendidikan di rumah ataupun institusi pengajian. Gaya keibubapaan sangat penting kepada masyarakat kerana aspek ini memainkan peranan utama kepada pembangunan remaja bagi masa depan yang lebih optimum. Amalan keibubapaan yang baik boleh memberi kesan yang positif kepada perkembangan fizikal dan mental pelajar.

Dalam gaya keibubapaan terdapat perbezaan gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa yang boleh mempengaruhi kehidupan anak-anak. Disamping itu, gaya keibubapaan yang berbeza juga boleh mempengaruhi kesejahteraan psikologikal anak-anak yang kian membesar dalam di era globalisasi ini. Hal ini adalah selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Goldenberg dan Goldenberg (2008) di mana cara gaya keibubapaan banyak menyumbang kepada tingkah laku anak-anak. Oleh hal demikian, gaya keibubapaan ternyata adalah sangat penting dalam membina generasi masa depan yang terbaik. Gaya keibubapaan adalah psikologi dalam membina strategi standard yang digunakan oleh ibubapa dalam mendidik anak-anak. Ibubapa digambarkan sebagai ibubapa yang bertindak balas terhadap perkembangan dan keperibadian dalam diri anak-anak dalam menerapkan penghargaan sendiri yang baik dalam diri mereka. Disamping itu, gaya keibubapaan ini sangat berkait rapat dengan psikologi remaja, masalah tingkah laku dan ia juga boleh mempengaruhi prestasi akademik seseorang pelajar.

Sementara itu, penghargaan sendiri merujuk kepada sejauhmana individu merasa dirinya baik atau buruk ataupun sejauhmana mereka merasakan diri mereka mempunyai nilai dalam kehidupan. Penilaian individu terhadap dirinya akan memberi gambaran kepada nilai yang diletakkan kepada diri seseorang tersebut. Oleh itu, meningkatkan penghargaan sendiri bermakna akan membantu seseorang berfungsi secara lebih efektif khususnya di dalam hubungan interpersonal kerana individu yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi akan membantu seseorang berfungsi dengan lebih berkesan dalam setiap persekitaran kehidupan.

## **2.0 PERMASALAHAN KAJIAN**

Gaya keibubapaan mempunyai kesan yang kuat keatas perkembangan emosi, sosial dan intelek seseorang anak. Hubungan gaya keibubapaan ini juga dikaitkan dengan kesejahteraan hidup anak-anak dari aspek kepuasan hidup, konsep sendiri, tingkah laku dan sebagainya. Ibu bapa lebih mementingkan keperluan dari segi material semata-mata daripada memikirkan kawalan yang bersesuaian yang perlu diberikan kepada anak-anak bagi mengisi keperluan emosi dan psikologi. Jika ibu bapa mendidik anak- anak tanpa ada latihan maka kemungkinan ibu bapa lebih cenderung ke arah tindakan yang lebih ekstrem (Studer & Diambra, 2010).

Dalam kajian Hafizah (2012) tentang hubungan gaya keibubapaan dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Ketereh, Kota Bharu, Kelantan menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan tahap penghargaan sendiri pelajar berdasarkan jantina. Manakala berdasarkan tiga dimensi gaya keibubapaan, didapati tidak terdapat hubungan signifikan gaya keibubapaan autoritarian dengan penghargaan sendiri pelajar. Selain itu, kajian juga mendapati terdapat hubungan signifikan gaya keibubapaan permisif dan autoritatif dengan penghargaan sendiri pelajar. Ini menunjukkan, gaya keibubapaan memainkan peranan yang sangat penting sama ada secara langsung atau tidak terutama dalam menentukan perhubungan yang terjalin di antara ibu bapa dengan anak.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, ramai pengkaji telah membuat kajian gaya keibubapaan terhadap penghargaan sendiri terhadap pelajar sekolah menengah. Oleh itu, dalam kajian ini memfokuskan kepada pelajar yang bermasalah di sekolah, yang mana pengkaji ingin melihat bagaimana tahap gaya ibu bapa itu sendiri mempengaruhi kepada tahap penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar, kerana penghargaan sendiri dalam kehidupan seseorang amat memainkan peranan penting terhadap tingkah laku seseorang individu.

## **3.0 OBJEKTIF KAJIAN**

- 3.1.1 Mengkaji hubungan di antara gaya keibubapaan autoritarian dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar.
- 3.1.2 Mengkaji hubungan di antara gaya keibubapaan permisif dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar.
- 3.1.3 Mengkaji hubungan di antara gaya keibubapaan autoritatif dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar.

## **4.0 SOROTAN KAJIAN**

Kajian yang dijalankan oleh Wan Mohd Agil (2009), mengkaji hubungan di antara gaya keibubapaan dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya keibubapaan mempunyai hubungan dengan penghargaan sendiri pelajar. Berdasarkan tiga dimensi gaya keibubapaan, didapati dimensi autoritatif dan permisif mempunyai hubungan yang positif dengan penghargaan sendiri pelajar, manakala dimensi autoritarian mempunyai hubungan yang negatif dengan penghargaan sendiri pelajar. Di samping itu, dapatan kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan penghargaan sendiri berdasarkan jantina.

Kemudian, kajian yang dijalankan oleh Mariani (2016), adalah untuk mengenal pasti jenis gaya asuhan (autoritarian, autoritatif dan permisif) ibu bapa yang diamalkan dalam kalangan kakitangan KUISAS. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa gaya keibubapaan autoritatif menjadi pilihan utama (n=7) dalam kalangan kakitangan diikuti oleh gaya asuhan autoritarian dan permisif (n=3). Selain itu terdapat sedikit perbezaan gaya asuhan ibu bapa berdasarkan jantina anak. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa turut

menerapkan nilai agama dalam kehidupan anak mereka seperti bersolat, berpuasa dan menghormati orang tua.

Seterusnya, kajian yang dikemukakan oleh Azizi, Jamaluddin dan Wei May Lin (2006) Universiti Teknologi Malaysia, yang mengkaji tentang hubungan antara tingkah laku keibubapaan dengan penghargaan sendiri di kalangan remaja. Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara penglibatan ibu bapa dengan penghargaan sendiri remaja. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat penglibatan gaya ibu bapa berhubung dan signifikan dengan penghargaan sendiri yang kedua tinggi 0.60. Hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan penghargaan sendiri remaja adalah signifikan 0.00 pada aras 0.05. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa sebagai orang yang signifikan dalam kehidupan remaja masih memainkan peranan yang penting dalam perkembangan penghargaan sendiri seseorang remaja.

## 5.0 METODOLOGI

Pendekatan kajian tinjauan telah digunakan dalam kajian ini menggunakan borang soal selidik yang dijawab sendiri oleh responden. Kajian ini telah diedarkan melalui “google form” iaitu secara atas talian di Sekolah Menengah Agama Rompin, Negeri Sembilan. Ia melibatkan seramai 80 responden dari tingkatan 1 hingga ke tingkatan 5 yang dipilih secara rawak. Kajian ini menggunakan instrumen *Self-Esteem Scale (SES)* oleh Rosenberg (1999) digunakan untuk mengukur penghargaan sendiri. Soal selidik penghargaan sendiri mengandungi 10 item yang juga menggunakan skala likert iaitu 1 untuk sangat tidak setuju dan 4 untuk sangat setuju. Instrumen yang digunakan untuk mengukur gaya keibubapaan adalah berdasarkan soal selidik gaya keibubapaan *Parental Authority Questionnaire (PAQ)* yang dibina oleh Buri (1991) bertujuan mengukur tiga gaya utama keibubapaan Baumrind iaitu permisif, autoritarian, dan autoritatif. PAQ mengandungi 30 pernyataan terhadap ibubapa. Skala likert lima tahap iaitu 1 untuk sangat tidak setuju sehinggalah 5 untuk sangat setuju digunakan untuk merekod respons dari anak-anak.

## 4.0 HASIL KAJIAN

### 4.1 Hasil Analisis Deskriptif

Taburan data jadual 4.1 menunjukkan bahawa responden lelaki adalah seramai 37 orang dengan peratusan sebanyak 46.3 %. Manakala responden perempuan adalah seramai 42 orang dengan peratusan sebanyak 52.5%.

**Jadual 4.1 : Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina**

| Jantina   | Bilangan | Peratus |
|-----------|----------|---------|
| Lelaki    | 37       | 46.3    |
| Perempuan | 42       | 52.5    |

Taburan jadual 4.2 menunjukkan responden mengikut umur iaitu 13 tahun seramai 7 orang dengan peratusan sebanyak 8.8%, responden umur 14 tahun seramai 19 orang dengan peratus 23.8 %, responden umur 15 tahun seramai 29 orang dengan peratusnya adalah 36.3%, responden umur 16 tahun pula seramai 12 orang dengan peratus 15.0% dan Responden berumur 17 tahun seramai 13 orang dengan peratusan sebanyak 16.3 %.

**Jadual 4.2 : Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut umur**

| Umur     | Bilangan | Peratus |
|----------|----------|---------|
| 13 tahun | 7        | 8.8     |
| 14 tahun | 19       | 23.8    |
| 15 tahun | 29       | 36.3    |
| 16 tahun | 12       | 15.0    |
| 17 tahun | 13       | 16.3    |
| Total    | 80       | 100.00  |

#### 4.2 Hasil Analisis Inferensi

Hipotesis 1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritarian dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Rompin, Negeri Sembilan.

**Jadual 4.3 : Pekali korelasi Pearson gaya keibubapaan autoritarian dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Rompin, Negeri Sembilan.**

| Pembolehubah                   | Penghargaan Kendiri |
|--------------------------------|---------------------|
| gaya keibubapaan authoritarian | 0.337               |

$k < .05$

Berdasarkan Jadual 4.3, hasil kajian mendapati terdapat hubungan gaya keibubapaan authoritarian dengan penghargaan sendiri. Keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai pekali ialah 0.377 dan kebarangkalian adalah 0.002 yang diuji pada aras keyakinan 0.05. Oleh itu, hasil menunjukkan bahawa gaya keibubapaan authoritarian dengan penghargaan sendiri ( $r = 0.337$ ,  $k < 0.05$ ). Maka hipotesis yang dibina adalah diterima kerana terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya keibubapaan autoritarian dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Rompin, Negeri Sembilan.

Hipotesis 2 : Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan permisif dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Rompin, Negeri Sembilan.

**Jadual 4.4 : Pekali korelasi Pearson gaya keibubapaan permisif dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Rompin, Negeri Sembilan.**

| Pembolehubah              | Penghargaan Kendiri |
|---------------------------|---------------------|
| gaya keibubapaan Permisif | -0.174              |

$k > .05$

Berdasarkan rajah 4.4, hasil kajian mendapati tidak terdapat hubungan gaya keibubapaan permisif dengan penghargaan sendiri. Keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai pekali ialah -0.174 dan kebarangkalian adalah 0.123 yang diuji pada aras keyakinan 0.05. Oleh itu,

hasil menunjukkan bahawa gaya keibubapaan permisif dengan penghargaan sendiri (  $r = -0.174$ ,  $k > .05$  ). Maka hipotesis yang dibina adalah ditolak kerana tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara gaya keibubapaan permisif dengan penghargaan sendiri dalam kalangan Sekolah Menengah Agama Rompin, Negeri Sembilan.

Hipotesis 3 : Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Rompin, Negeri Sembilan.

**Jadual 4.5 : Pekali korelasi Pearson gaya keibubapaan Autoritatif dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Rompin, Negeri Sembilan.**

| Pembolehubah                 | Penghargaan Kendiri |
|------------------------------|---------------------|
| Gaya Keibubapaan Autoritatif | 0.281               |

$k < .05$

Berdasarkan Jadual 4.5, hasil kajian mendapati terdapat hubungan gaya keibubapaan autoritatif dengan penghargaan sendiri. Keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai pekali ialah 0.281 dan kebarangkalian adalah 0.012 yang diuji pada aras keyakinan 0.05. Oleh itu, hasil menunjukkan bahawa gaya keibubapaan autoritatif dengan penghargaan sendiri (  $r = 0.281$ ,  $k < 0.05$  ). Maka hipotesis yang dibina adalah diterima kerana terdapat hubungan yang signifikan diantara gaya keibubapaan autoritatif dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Rompin, Negeri Sembilan.

## 5.0 PERBINCANGAN

Hipotesis 1 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritarian dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Rompin, Negeri Sembilan(  $r = 0.337$ ,  $k < 0.05$ ). Hasil dapatan kajian ini menunjukkan selari dengan kajian yang dilakukan oleh, Aminuddin Ibrahim Lastar (2016) mengkaji pengaruh gaya keibubapaan terhadap konsep sendiri dalam kalangan remaja di sabah yang melibatkan seramai 60 orang remaja. Dapatan kajian menunjukkan hasil korelasi di antara gaya keibubapaan autoritarian dengan konsep sendiri adalah signifikan (  $r = 273^*$ ,  $k < .05$ ) menunjukkan hubungan di antara gaya keibubapaan autoritarian dengan konsep sendiri adalah signifikan. Dengan itu, jelas terdapat pengaruh yang signifikan seperti yang dinyatakan terhadap pengaruh gaya keibubapaan autoritarian terhadap konsep sendiri remaja dalam kajian ini.

Hipotesis 2 pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan permisif dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Rompin, Negeri Sembilan (  $r = -0.174$ ,  $k < .05$  ). Hasil kajian ini menunjukkan ianya selari dengan kajian yang dilakukan oleh Aminuddin Ibrahim Lastar (2016) mengkaji pengaruh gaya keibubapaan terhadap konsep sendiri dalam kalangan remaja di sabah yang melibatkan seramai 60 orang remaja. Keputusan korelasi antara gaya keibubapaan permisif terhadap sendiri etika dan moral remaja menunjukkan hasil korelasi di antara gaya keibubapaan permisif dengan sendiri etika dan moral adalah tidak signifikan (  $r = .076$ ,  $k > .05$ ), maka ujian regresi bagi menguji pengaruh gaya keibubapaan permisif terhadap sendiri etika dan moral remaja adalah tidak perlu.



Hipotesis 3 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Rompin, Negeri Sembilan ( $r = 0.281$ ,  $k < 0.05$ ). Hasil keputusan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ia selari dengan kajian yang di kemukakan oleh Hairi, Azmi dan Shazli (2012) gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri anak-anak membantu pencapaian akademik. Hasil tinjauan soal selidik secara rawak berkelompok ke atas sekumpulan 55 orang pelajar sekolah menengah mendapati ciri gaya keibubapaan yang diterapkan oleh ibubapa adalah gaya autoritatif iaitu pada aras 0.020 adalah lebih kecil daripada aras 0.05 dengan ( $r = 0.885$ ,  $k < 0.05$ ). Mungkin faktor ini mempengaruhi wujudnya konsep sendiri yang tinggi dikalangan pelajar.

## 6.0 CADANGAN KAJIAN

Saranan pengkaji untuk kajian akan datang, pengkaji perlu memastikan kajian dapat dijalankan dengan lancar dengan memilih responden yang tepat. Pengkaji perlu memilih responden yang benar-benar ingin memberi kerjasama bagi memudahkan kajian. Selain daripada itu, pengkaji haruslah mencari tempat kajian yang tidak mengambil masa yang lama hanya dengan meluluskan pengedaran. Disamping itu, perlulah membuat sandaran sekolah yang lain juga sekiranya terjadi masalah jika pihak sekolah mengambil masa yang lama dan mengganggu perjalanan kajian. Pengkaji seharusnya memilih tempat kajian yang memudahkan segala urusan dan mampu memberi respon yang baik, supaya pengkaji tidak perlu menunggu keputusan soal selidik yang diedarkan melalui apa jua cara yang terlalu lama dan terpaksa mengganggu pihak guru sekolah tersebut.

Akhir sekali, pengkaji perlulah mencari dan membaca terlebih dahulu hasil kajian-kajian lepas supaya kajian yang ingin dijalankan mempunyai bahan rujukan yang mencukupi dan bukti yang kukuh. Hal ini kerana, bahan rujukan yang benar dan bersesuaian adalah amat penting agar segala maklumat yang diperolehi adalah sah. Oleh itu, pengkaji berharap agar pengkaji yang akan datang dapat mencari bahan-bahan rujukan dengan lebih awal agar dapat memudahkan untuk mendapatkan maklumat untuk memperoleh hasil yang baik

## 7.0 KESIMPULAN

Penghargaan sendiri dalam diri seseorang pelajar perlulah dari sikap persekitaran yang baik bermulanya dari rumah. Dalam usaha membendung dan membimbing seseorang insan itu penekanan kepada melahirkan anak-anak yang mempunyai kualiti dari segi emosi, integriti, kerohanian dan intelek perlulah diambil perhatian. Kerana tingkah laku seseorang insan itu, bermula dengan konsep sendiri yang lahir dari dirinya. Untuk itu, ibubapa juga perlu mempunyai ciri peribadi yang baik bagi membolehkannya membentuk hubungan yang berkesan dengan anak-anak.

## RUJUKAN

- Aminuddin Ibrahim. (2016). *Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Konsep Diri Dalam Kalangan Remaja Di Sabah.*, Universiti Malaysia Sabah
- Azizi Yahya, Jamaludin dan Wei May Lin. (2006). Hubungan antara tingkah laku keibubapaan dengan penghargaan sendiri di kalangan remaja. *Jurnal Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Hafizah. (2012). *Hubungan Gaya Keibubapaan Dengan Penghargaan Diri Pelajar Sekolah*, Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Hairi Omar, Azmi Abdul Manaf & Ahmad Shazili Ayob. (2012). *Pengujian Model Gaya Keibubapaan*

- Baumrind Ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah*, FSSK, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mariani Omar & Siti Sarah Hamzah. (2016). *Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak Dalam Kalangan Kakitangan Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah*, Al Qimah Al Mudhafah Jurnal Pengurusan dan Sains (ALQIMAH). Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah.
- Studer, J. R., & Diambra, J. F. (2010). *A guide to practicum and internship for school counselor trainees*. New York: Routledge
- Wan Mohd Agil Mat Yamin. (2009). *Hubungan antara gaya keibubapaan dan harga diri di kalangan pelajar di satu sekolah di daerah ini*. Tesis Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris

# PSIKOPENDIDIKAN KELOMPOK BAGI PELAJAR BERMASALAH DISIPLIN DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH AGAMA

Nur Amanina Roslee, Salleh Amat, Johan Mustaqim Roslan, Mohammad Amir Fahmie Sadli, Siti  
Hawa Binti Bukhari  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[amanina.roslee@kkjel.edu.my](mailto:amanina.roslee@kkjel.edu.my)

## Abstrak

Kertas Konsep ini ditulis untuk menilai keberkesanan Program Kaunseling Kelompok Psikopendidikan bagi pelajar bermasalah disiplin di sebuah sekolah menengah agama. Fokus utama sesi kelompok psikopendidikan ini adalah untuk membantu pelajar bagi mendapatkan kesedaran mengenai masalah tingkahlaku disiplin yang telah dilakukan. Pada masa kini, masalah disiplin pelajar sekolah tidak kira dari sekolah rendah sehingga pelajar sekolah menengah semakin ketara di negara kita ini, ia juga melibatkan pelajar-pelajar dari kalangan sekolah agama, sedangkan sekolah yang beraliran agama merupakan sekolah yang mempunyai kurikulum yang berasaskan keagamaan. Hal ini kerana, pelajar merupakan aset penting dan bakal pewaris kepimpinan negara pada masa akan datang. Oleh itu, mereka perlu berilmu, berdisiplin dan berkualiti agar menjadi insan sempurna yang akan dapat mencurahkan khidmat bakti kepada bangsa, negara, raja dan agama.

**Kata Kunci:** Psikopendidikan, Masalah Disiplin, Pelajar, Sekolah Menengah Agama

## Abstract

This paper concept are develop to measure effectiveness of Program Psychoeducation of group counseling for student with discipline issues at school. Main focus of group counseling is to help enhancing student awareness for their behaviour issues. Nowadays, the problem of discipline of school students regardless of primary school to secondary school students is becoming more significant in our country, it also involves students from religious schools, while religious schools are schools that have a religious-based curriculum. This is because, students are an important asset and the future heirs of the country's leadership. Therefore, they need to be knowledgeable, disciplined and quality in order to be a good leader which can contribute to the country.

**Keyword:** Psicoeducation, Discipline Problem, Student, Relegion- based. School

## 1.0 PENGENALAN

Pelajar merupakan aset penting dan bakal pewaris kepimpinan negara. Mereka perlu berilmu, berdisiplin dan berkualiti agar menjadi insan sempurna yang akan dapat mencurahkan khidmat bakti kepada bangsa, negara, raja dan agama. Melalui dasar pendidikan dan kurikulum serta prasarana yang baik yang terdapat di negara ini, kita mengharapkan pelajar-pelajar dan generasi kita akan memiliki ilmu pengetahuan yang mantap dalam pelbagai bidang. Mereka harus berwibawa untuk memacu dan memperkasa negara ini seiring kemajuan zaman. Kita juga menaruh harapan agar mereka akan menjadi generasi cemerlang dan berwawasan. Mereka juga diharapkan akan dapat mengangkat martabat bangsa dan negara terutama di

era globalisasi, era digital dan era sains dan teknologi canggih yang penuh dengan cabaran dan persaingan.

Pada masa kini masalah disiplin pelajar sekolah tidak kira dari sekolah rendah sehingga lah pelajar sekolah menengah semakin ketara. Isu ini sering kali di bangkitkan dalam pelbagai perbincangan di peringkat tertinggi. Antara masalah disiplin yang semakin menjadi fenomena masa kini adalah kes buli dalam kalangan kanak-kanak hingga lah peringkat global. Kalaiarasi (2014) menyatakan bahawa masalah buli ini bukan sahaja terjadi di sekolah-sekolah Malaysia malahan di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, England, Jepun dan juga Australia. Mantan Timbalan Menteri Pendidikan II Datuk Chong Sin Woon, (2017), kes buli di Malaysia masih dibawah kawalan dengan purata kes yang dilaporkan adalah sebanyak 0.06 persen setahun. Berdasarkan statistik, masalah buli dan gangsterism masih dibawah kawalan namun perkara ini tidak harus dipandang remeh. Selain itu, di Malaysia masalah ponteng sekolah juga adalah masalah disiplin yang popular dalam kalangan pelajar. Masalah ini memberi kesan terhadap proses pembelajaran di sekolah. Berdasarkan kajian yang dijalankan Wilson, Malcolm, Edward and Davidson (2008) merumuskan bahawa ponteng sekolah memberikan impak yang negatif yang banyak seperti prestasi yang merundum, masalah disiplin dan kes buli. Hal ini akan mewujudkan suasana yang tidak kondusif di dalam persekitaran sekitar sekolah.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Suppiah et al (2018), terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan berlakunya masalah buli tersebut. Antaranya adalah perasaan cemburu dan ingin membalas dendam terhadap rakan-rakan, kurangnya perhatian daripada ibu bapa, pengaruh media sosial dan juga tidak ada pengetahuan tentang apakah yang dikatakan buli. Bimbang akan masalah ini menjadi semakin berleluasa pelbagai pandangan dan inisiatif telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak dari peringkat ibu bapa sehingga lah peringkat sekolah. Selain itu, Pelbagai langkah untuk mengatasi masalah disiplin telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Antaranya ialah memberi bimbingan dan nasihat, membekalkan mekanisme penguatkuasaan yang mantap dan mempelbagaikan hukuman seperti gantung dari sekolah, rotan dan lain-lain. Selain dari itu, terdapat juga program-program disiplin berbentuk pencegahan seperti program membantu tingkatan konsep sendiri akademik, menggalakkan perhubungan rakan sebaya positif, meningkatkan komitmen terhadap sekolah, mewujudkan iklim sekolah yang positif, menggalakkan penglibatan ibubapa, menjalankan pengajaran berkesan, mengamalkan kod etika dan etika kerja perguruan (Noran, 2007 & Alis Puteh 2017).

Gejala keruntuhan moral dalam kalangan pelajar ini juga melibatkan pelajar-pelajar dari kalangan sekolah agama, sedangkan sekolah yang beraliran agama merupakan sekolah yang mempunyai kurikulum yang berasaskan keagamaan. Sedangkan matlamat dan visi falsafah kurikulum pendidikan Islam adalah untuk melahirkan insan yang kamil dan beramal soleh. Falsafah Pendidikan Islam di Malaysia jelas menyatakan fokus utama adalah untuk melahirkan individu soleh, seterusnya membentuk warganegara yang beriman dan beramal soleh. FPI juga berusaha ke arah membina insan yang seimbang dari segi material dan spiritual. Jika dinilai dari aspek matlamat dan visi Falsafah Pendidikan Islam ini, tidak wajar bagi pelajar sekolah agama melakukan tindakan yang tidak bermoral diluar jangkauan pemikiran, namun realitinya adalah berbeza (Mohd Zailan, 2012). Sehubungan dengan itu, kelompok ini dipilih kerana ingin membantu pelajar yang menghadapi isu disiplin ini di sebuah sekolah menengah agama. Ahli kelompok adalah pelajar-pelajar kategori menengah atas diantara pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 5. Ahli yang dipilih terdiri daripada pelajar yang tinggal di asrama dan juga di rumah. Keperluan kelompok ini menjalani sesi adalah untuk meningkatkan perhargaan diri mereka dan memahami kepentingan akur pada peraturan. Berdasarkan kajian lepas oleh Ummur et al, (2019), pendekatan kaunseling kelompok psikopendidikan dilihat dapat membantu dalam pengawalan emosi pelajar yang mempunyai tekanan yang sederhana dan tinggi di sebuah sekolah agama.

Di samping itu, Psikopendidikan boleh didefinisikan sebagai usaha untuk memberi bantuan kepada sekumpulan klien supaya menguasai pelbagai kemahiran hidup menerusi pelbagai program berstruktur yang dijalankan. Menurut Aslina Ahmad (2013) pula Psikopendidikan ini ialah satu rawatan yang diberi secara individu atau kumpulan dalam bentuk Pendidikan dan bermatlamat untuk meningkatkan aspek psikologi murid dari segi kesedaran diri dan motivasi diri. Jadi, Psikopendidikan ini

amat penting untuk kaunselor membantu klien dari segi intelektual supaya klien mempunyai kemahiran untuk menangani sesuatu masalah yang dihadapi. Oleh itu, pendekatan Psikopendidikan dilihat sebagai satu pendekatan yang banyak digunakan dengan mempunyai tema tertentu bagi kumpulan yang spesifik serta dilaksanakan dalam jangka masa yang singkat agar perkongsian maklumat yang diperolehi dapat digunakan untuk meningkatkan kesedaran dan perkembangan sendiri seseorang individu (Corey, Corey dan Corey, 2010). Penggunaan pendekatan psikopendidikan juga digunakan untuk menangani masalah tingkahlaku disiplin dan juga membantu perkembangan diri murid dalam bilik darjah (Knoff, 1987), sama ada dalam kumpulan bimbingan kelompok (Aasheim & Niemann, 2006; Corey & Corey, 2007; Mehmet & Zeynep, 2011) dan juga dalam bimbingan yang diberikan secara individu atau personal (Gehart, 2013). Intervensi psikopendidikan oleh kaunselor juga dapat dilihat telah berjaya membantu mengubah perlakuan diri murid yang terlibat dalam masalah disiplin (Aslina, 2013). Justeru, tujuan program kaunseling kelompok psikopendidikan ini dirancang untuk pelajar sekolah agama tetapi mempunyai isu yang berlainan diharap dapat memberi impak positif kepada kelompok tersebut.

## **2.0 KAJIAN LITERATUR PSIKOPENDIDIKAN**

Psikopendidikan telah diguna pakai dalam pelbagai bidang pada masa kini. Antara bidang yang di menggunakan psikopendidikan ini adalah seperti untuk mengawal keganasan dalam pusat tahanan atau penjara, membantu kanak-kanak yang mempunyai masalah autism, membantu individu yang mempunyai masalah bipolar dan individu yang mempunyai masalah psychosis (DaWalt et al.,2017; Mazzei et al.,2016; Sin et al., 2017 & Auty et al.,2017). Secara am nya, psikopendidikan diguna pakai untuk individu yang mempunyai masalah psikologi. Psikopendidikan juga banyak diguna dalam bidang pendidikan dan memberi impak positif kepada individu yang terlibat.

Penyediaan psikopendidikan kepada guru, ahli keluarga dan staff lain di sekolah adalah sokongan yang terbaik dalam seting persekolahan. Secara asasnya, psikopendidikan dapat meyampaikan maklumat dan sumber yang diperlukan kepada staff sekolah, ahli keluarga dan pelajar oleh professional untuk kesihatan mental. Professional ini akan mendidik pelajar tentang emosi, tingkah laku dan pencapaiannya. dalam konteks sering sekolah, kaunselor selalu akan menggunakan pendekatan psikopendidikan bila menguruskan isu pelajar dan ahli keluarga (Brown et al.,2020).

Kaunselor di sekolah menggunakan pendekatan psikopendidikan untuk membantu pelajar menguruskan emosi, sosial dan tingkah laku mereka. Psikopendidikan dilihat dapat mengurangkan tekanan pelajar dan juga tahap anxiety seseorang pelajar (Marcotte & Lévesque, 2018). Selain itu pendekatan psikopendidikan perlu dicadangkan penggunaannya di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia untuk menjadikan pelajar lebih tenang dan seronok untuk menguruskan emosi dan tingkah laku (Kok & Low, 2017). Pelajar yang terlibat dengan intervensi psikopendidikan adalah terbuka untuk meluahkan emosi, dan intervensi ini mengurangkan jurang komunikasi antara pelajar dan juga kaunselor. Intervensi psikopendidikan memberi peluang pelajar belajar daripada ahli yang lain dan memberi kesan kepada individu outlet (Camerford & Ebrahim, 2016).

## **3.0 ISU DAN PERMASALAHAN**

Era globalisasi ini masalah disiplin dalam kalangan pelajar sekolah menengah semakin bertambah setiap tahun. Pada tahun 2017, Mantan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid telah menyatakan bahawa masalah ponteng sekolah menjadi nombor satu yang telah mencatat salah laku yang paling tertinggi bersamaan 1.4 pertaus daripada lima juta pelajar sekolah iaitu sebanyak 67, 053 pelajar sekolah rendah dan menengah (Astro Awani, 2018). Gejala masalah disiplin ini juga terjadi dalam kalangan pelajar sekolah menengah tahfiz seperti masalah disiplin vandalisme yang dinyatakan dalam akhbar (Sinar Harian, 2019) apabila tular dimedia sosial rakaman video kelihatan beberapa pelajar sekolah tahfiz di Kelantan yang memecahkan kerusi sehingga hancur di dalam sebuah kelas. Seterusnya, lagi masalah disiplin yang berlaku di sebuah sekolah menengah agama di Machang, gelaja buli di sekolah yang bermula dengan peras ugut wang berjumlah RM5 hingga kemudiannya pembuli bertindak ganas dengan menyepak mangsa sebelum menghalau mangsa pulang ke rumah (Sinar Harian, 2020). Satu

kejadian masalah disiplin berlaku di sekolah tahfiz di Tanjong Karang, Selangor apabila pelajar yang membawa vape ditangkap guru ketika menghisap vape di asrama (Sinar Harian, 2020). Selain itu, masalah disiplin yang berlaku apabila seorang guru ditumbuk dan dihempas ke lantai oleh seorang pelajar yang tidak berpuas hati kerana ditegur menunggang motosikal tanpa lesen (Astro Awani, 2020). Berdasarkan kenyataan yang dilaporkan oleh keratan akhbar ini menunjukkan gejala salah laku dalam kalangan pelajar perlu diambil serius oleh semua pihak.

Menurut kajian yang telah dilakukan oleh (Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan 2009) masalah disiplin sudah menjadi satu norma biasa yang sering berlaku dalam kalangan pelajar sekolah. Terdapat beberapa kategori pelajar yang mempunyai masalah disiplin iaitu pelajar masalah disiplin yang tegar dan pelajar bermasalah disiplin kategori pertengahan. Pelajar-pelajar di sekolah sangat terdedah kepada pelbagai faktor yang menyebabkan mereka turut terlibat dengan salah laku disiplin. Kesan daripada faktor-faktor luaran dan dalaman ini menyebabkan pelbagai salah laku disiplin yang telah dilakukan. Antaranya ialah masalah ponteng dalam sekolah.

Definisi ponteng sekolah dikategorikan kepada dua iaitu ponteng sekolah dan ponteng kelas. Ponteng sekolah ialah pelajar yang tidak mendapat kebenaran untuk tidak hadir ke sekolah daripada pengetua atau guru besar. Manakala ponteng kelas ialah tidak berada di dalam kelas sewaktu guru mengajar atau keluar kelas tanpa kebenaran guru kelas (KPM, 1994). Pelajar sekolah yang ponteng sekolah ialah satu tingkah laku anti sosial yang tidak mematuhi peraturan oleh pihak berkuasa (Fortin, 2003). Di Malaysia telah mencatat gejala ponteng sekolah sejak tahun 1994 hingga 2003 dan merupakan salah laku disiplin yang paling dominan dan menonjol (KPM, 2004). Setiap tahun gejala ponteng sekolah ini semakin meningkat. Kebanyakan gejala ponteng sekolah ini melibatkan ramai pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan (Muhammed Sharif & Suria, 2012). Berdasarkan laporan KPM 2004, gejala ponteng sekolah ini merupakan isu utama yang berlaku di sekolah. Tiada data yang menunjukkan sejauh mana keterlibatan pelajar dalam masalah gejala ponteng sekolah ini. Seorang pelajar berpotensi untuk mengulangi gejala ponteng sekolah ini maka punca kepada peningkatan data ponteng sekolah. Punca ponteng sekolah ini dikaitkan dengan rasa tidak minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran. Apabila pelajar tidak minat untuk belajar menyebabkan pelajar hilang semangat serta tidak mempunyai tujuan untuk hadir ke kelas. Justeru, peranan guru sangat penting untuk mengambil inisiatif menarik minat pelajar untuk hadir ke sekolah.

Seterusnya ialah masalah disiplin yang sering dilakukan oleh pelajar sekolah iaitu vandalisme. Menurut (Siti Fauziyani Md Saleh @ Masrom & Bushrah Basiroh 2017) definisi vandalisme ini ialah satu perbuatan yang mementingkan diri sendiri, pemikiran remaja yang cetek, salah satu perbuatan yang menyalahi undang-undang, suatu tingkah laku yang kurang mempunyai kesedaran serta suatu tingkah laku yang tidak bertanggungjawab. Terdapat pelbagai jenis vandalisme yang berlaku di sekolah. Antaranya ialah vandalisme merosak (Utusan Malaysia, 1999, 2007; Ahmad, 2007; Idris, 2008; Berita Harian, 2010; Abdul Karim, 2010; Penghuni Tua, 2013), seterusnya vandalisme menconteng, grafiti dan mencemar (Ahmad, 2007; Idris, 2008; Penghuni Tua, 2013), vandalisme membakar (*Utusan Malaysia*, 1999) dan vandalisme pelekat (Abdul Karim, 2010). Berdasarkan hasil dapatan kajian menunjukkan tiga penyebab utama faktor kepada salah laku vandalisme. Antaranya ialah untuk mencuri dan dapatkan keuntungan, tingkah laku yang tidak baik oleh remaja itu sendiri, dan cara bagi mengisi masa senggang (Siti Fauziyani Md Saleh @ Masrom & Bushrah Basiroh 2017).

Seterusnya ialah masalah disiplin yang kerap berlaku iaitu buli dalam kalangan pelajar sekolah. Menurut Olweus (2001), buli ialah satu perbuatan terhadap orang lain yang dilakukan secara langsung dan dilakukan secara sengaja dan perbuatan buli ini untuk mempamerkan rasa berkuasa serta hilangkan keupayaan orang lain. Terdapat tiga kategori buli iaitu pertama pembulian secara fizikal, buli melalui perkataan dan buli secara relational (Olweus, 2007). Menurut kajian yang dilakukan oleh (Jamalsafri Saibon 2016), faktor besar mengapa pelajar lelaki suka membuli kerana ini menunjukkan kekuasaan diri mereka lebih daripada rakan-rakan yang lain serta ingin menunjukkan sifat maskulin.

Kesan dan akibat daripada buli yang semakin serius berlaku di sekolah ini telah mengakibatkan kecederaan kepada mangsa serta boleh mengakibatkan kematian. Selain itu, kesan daripada buli ini sebagai satu masalah disiplin juga berkait rapat dengan permasalahan dalam pembelajaran. Pelajar yang menjadi mangsa buli akan mempunyai masalah psikologi yang negatif hingga menyebabkan pelajar yang menjadi mangsa merosot dalam pelajaran. Selain itu, kesan buli ini juga menyebabkan mangsa menjadi lebih rendah diri, merasa risau yang berlebihan yang membawa kepada kemurugan dan tindakan akhir ialah dengan membunuh diri (Noran, 2002). Kajian menunjukkan pelajar yang membuli bukanlah dari kalangan pelajar yang popular dan terkenal dalam kalangan sebaya. Pelajar pembuli ini kebiasaannya berasa mereka hanya pelajar biasa dalam kalangan rakan sebaya (Jamalsafri Saibon, 2016). Bagaimanapun terdapat juga pelajar yang merasakan dia ialah ketua dalam kalangan rakan sebaya. Kebanyakan pelajar yang membuli ini merupakan pelajar yang hanya mengikut dan mengaku salah seorang daripada rakan-rakan mereka dianggap sebagai ketua.

Seterusnya ialah salah satu laku menghisap vape dalam kalangan pelajar sekolah. Jika dahulu pelajar di sekolah dilarang membeli rokok kerana masih dibawah umur. Punca utama yang menyebabkan pelajar menghisap vape kerana perasaan ingin mencuba. Selain itu, iklan di media sosial dan pameran jualan serta perbuatan menghisap vape di kawasan pengangkutan awam menyebabkan pelajar sangat terdedah dan rasa ingin mencuba. Ada juga pelajar yang merasakan menghisap vape lebih baik untuk kesihatan berbanding menghisap rokok. Kebanyakan penghisap vape daripada kalangan pelajar lelaki (Siti Hajar binti Razali, 2018). Antara faktor lain yang menjerumuskan pelajar mengisap ialah kerana vape mudah diperolehi serta sebagai pengganti rokok dan penghisap vape jugak nampak lebih segar bergaya berbanding penghisap rokok. Selain itu, vape juga mempunyai pelbagai warna dan rasa serta baunya yang lebih wangi berbanding rokok. Menurut Siti Hajar Razali (Hanina dan Mohd Dahalan 2015). Menurut ( Mahmood, N.M., Sabitha M., Asma, A.R., Zalkepli M.R., Mohamad, H.O., Noor A.I., Muhammad, D.K., Muzafar S.M.R., Azman, S., Puteri, H.M.A., Huzili, H., Edris, A. 2017) rokok elektronik atau nama lain vape atau vapor ini sudah sangat dikenali oleh golongan remaja. Vape ini menjadi pilihan kerana remaja beranggapan bahawa vape ini lebih baik berbanding rokok dan tidak memudaratkan kesihatan. Selain itu, vape ini juga mudah diperolehi di mana-mana dan mudah untuk dibeli. Penjualan vape ini bermula sekitar tahun 2015 yang dijual secara berleluasa tanpa kawalan. Vape ini dijual dengan pelbagai jenis model iaitu elektronik dan mekanikal. Akibat daripada mudah untuk diperolehi serta penarikan iklan jualan itu menyebabkan ramai remaja yang ketagihan vape hingga menyebabkan masalah disiplin di sekolah .

Seterusnya masalah disiplin yang selalu dilakukan oleh pelajar ialah masalah disiplin tidak hormat kepada guru, pengawas dan mengugut. Menurut Sidek Baba (2005) sesetengah remaja pada masa kini sudah semakin hilang kesopanan dalam diri kerana nilai-nilai adab yang semakin pudar dalam kalangan remaja. Antara faktor yang menyebabkan nilai adab dalam diri remaja itu semakin hilang kerana pembentukan dan didikan ibu bapa tentang kepentingan nilai adab itu tidak ditekankan sejak kecil lagi, seterusnya pengalaman pelajar itu sendiri yang terdedah dengan pelbagai perkara seperti pengaruh rakan sebaya; selain itu, pengaruh televisyen serta penggunaan internet tanpa batasan juga mempengaruhi nilai adab seseorang pelajar itu; seterusnya golongan dewasa seperti keluarga ibu ayah saudara dan jiran tetangga tidak menunjukkan contoh teladan yang baik kerana mengambil sikap tidak mengambil tahu tepi kain orang; akhir sekali pelajar sangat tertarik dengan perbuatan ganas seperti drama dalam televisyen dan akhir sekali permainan-permainan yang ganas juga tidak membantu dalam mendidik pelajar untuk memahami nilai adab dan akhlak yang baik. (Sidek Baba 2005) juga memberi penekanan tentang pelajar pada masa sekarang tidak lagi bertegur sapa apabila berselisih dengan guru, berani melakukan maksiat secara terbuka di depan orang ramai hingga tiada lagi rasa malu dan segan silu serta tutur kata yang kasar serta memakai pakaian yang tidak menutup aurat serta tidak lagi patuh pada nasihat dan pesanan guru dan ibu bapa. Justeru, hilangnya nilai adab dalam diri pelajar membuatkan pelajar menjadikan seorang pelajar itu hilang hormat pada guru.

Kesimpulannya, pelbagai masalah disiplin ini seperti ponteng sekolah, vandalisme, buli, menghisap vape dan melawan guru merupakan kategori-kategori masalah disiplin di sekolah yang perlu diambil penekanan berat oleh guru. Melihat daripada masalah-masalah disiplin yang berlaku ini ada

perkaitan antara satu sama lain. Masalah disiplin ini jika tidak ditangani dari peringkat awal akan menyebabkan masalah besar yang akan berlaku pada masa akan datang.

#### **4.0 PERANAN PSIKOPENDIDIKAN DALAM MENGATASI MASALAH DISIPLIN DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH AGAMA**

Psikopendidikan adalah satu pendekatan kaunseling yang melibatkan aspek psikologi klien dan mendidik klien tentang teknik atau strategi yang berbentuk pendidikan. Pendekatan psikopendidikan percaya bahawa perubahan tingkah laku positif lebih cenderung berlaku apabila kaunselor mampu mengembangkan dan mengekalkan interaksi positif serta saling menghormati klien. Amalia Madihie (2016). Menurut Haslina Bt Ahmad, 2013, pendekatan psikopendidikan adalah pendekatan utama yang digunakan dalam mengendalikan kajian ini. Pendekatan psikopendidikan telah digunakan dalam banyak kes yang melibatkan masalah tingkah laku. Intervensi psikopendidikan telah dapat mengurangkan tingkah laku bermasalah dan kekerapan subjek kumpulan rawatan daripada terlibat masalah disiplin.

Pendapat ini diperkukuhkan lagi dengan menegaskan bahawa seseorang yang memahami keperluan dan kesesuaian sesuatu masyarakat ialah seseorang yang dapat menyelami dan memahami sesuatu fenomena itu dalam konteks budaya tempatan. Intervensi yang sesuai diaplikasikan dalam kes menangani murid bermasalah emosi mangsa penceraihan ibu bapa ialah intervensi yang dikemukakan atau disarankan dalam konteks persekitaran pada waktu itu. Pendapat Haslina 2013 bersesuaian dengan kajian Neukrug, 2007. Pendekatan Psikopendidikan juga digunakan secara meluas untuk meningkatkan kesedaran sendiri dan membantu murid-murid untuk membuat keputusan tentang kehidupan mereka. Psikopendidikan digunakan untuk menangani individu yang dikategorikan sebagai tidak dapat mengendalikan kehidupan dengan baik. Pendekatan Kaunseling Kelompok ialah pemangkin yang padu apabila ahli kelompok merasakan mereka adalah sebahagian daripada kelompok yang akan membantu dan berkongsi antara satu sama lain (Lin, Chen, Yang, Xie & Lin, 2014).

Psikopendidikan telah mendapat tempat dalam aktiviti pengamal kesihatan mental di pelbagai seting seperti pendidikan dan agensi komuniti. Konsep Psiko sering dikaitkan dengan perasaan, jiwa, mental, dan emosi dan Psikologi pula adalah kajian mengenai perasaan, jiwa, mental dan emosi. Bagaimanapun Kamus Dewan memberi maksud psikologi sebagai kajian tentang proses mental dan pemikiran, terutamanya berhubung dengan perlakuan manusia. Pola pemikiran dan perlakuan seseorang ataupun sesuatu kelompok. Menurut Arthur S. Reber (1998) menyatakan psikopendidikan adalah sebuah sub disiplin ilmu psikologi yang berkaitan dengan teori dan masalah kependidikan yang berguna dalam hal-hal seperti penerapan prinsip-prinsip belajar dalam kelas, pengembangan dan pembaharuan kurikulum, ujian dan evaluasi bakat bakat dan kemampuan, sosialisasi dan interaksi proses-proses tersebut dengan pendayagunaan ranah kognitif. Secara praktis, Barlow (1985, dalam Tardif, 1987) mendefinisikan psikopendidikan sebagai sebuah pengetahuan berdasarkan riset psikologi yang menyediakan serangkaian sumber-sumber untuk membantu dan melaksanakan tugas sebagai seorang guru dalam proses belajar secara selektif. Dalam buku Educational Psychology yang diterjemahkan Buchori (1978), psikopendidikan adalah pembelajaran yang sistematik tentang proses-proses dan faktor-faktor berhubungan dengan pendidikan manusia. Maka, tidak hairanlah apabila terdapat pengkaji yang mendakwa jika aspek ketahanan diri dalam kalangan pelajar tidak diberi perhatian, pelajar mungkin terjebak dengan pelbagai masalah lain yang menjadikannya lebih tertekan sehingga mempengaruhi pemikiran serta tingkah lakunya ke arah negatif (Jamie, 2011; Zainah et al.,2015).

Peranan psikopendidikan yang akan di jalankan terfokus kepada pelajar tingkatan 4 dan 5 sahaja. Daripada sesi yang dibahaskan dapat membimbing para pelajar dalam mengatasi masalah disiplin di sekolah. Sesi aktiviti tersebut adalah seperti berikut:



## **SESI 1: WHO AM I**

Who am I, atau dapat difahami sebagai siapa saya. Dalam sesi pertama ini fasilitator akan tampil dalam kumpulan terlebih dahulu dan memperkenalkan diri dengan ahli masing-masing yang telah dibahagikan. Melalui cara ini ia akan memupuk ikatan saling mengenali antara satu sama lain ataupun dapat melihat keyakinan mereka dalam berinteraksi dengan orang yang belum mereka kenali. Dalam sesi perkenalan penting untuk ahli kumpulan cakna dan sedar akan perasaan dan kondisi ahli kumpulan. Mengenali ahli kumpulan pada peringkat awal adalah sangat penting bagi membina hubungan antara satu sama lain.

Melalui sesi Who Am I ini juga fasilitator akan dapat memecahkan jurang komunikasi dalam setiap kumpulan. Rasa malu mungkin akan dapat di hakis sikit demi sedikit di dalam kumpulan masing-masing, mewujudkan rasa percaya pada ahli kumpulan dapat membantu dalam pengurusan program yang dijalankan. Walau bagaimanapun, melalui sesi yang dijalankan secara tidak langsung ianya akan membentuk semangat bersatu padu diantara ahli kumpulan dalam sikap saling bekerjasama akan terlaksana dengan sendirinya. Sikap saling hormat menghormati diantara satu sama lain mungkin akan lebih mengeratkan semangat berkumpul bersama mereka. Mengenali ahli kumpulan pada peringkat awal adalah sangat penting bagi membina hubungan

Oleh yang demikian, fasilitator akan memberikan sehelai kertas A4 kepada semua pelajar dan meminta pelajar untuk melukis sesuatu yang menggambarkan perasaan mereka sekarang. Setelah semua peserta selesai melukis, fasilitator meminta ahli kumpulan untuk mengangkat dan menunjukkan lukisan masing-masing. Tujuannya adalah untuk menghargai di antara satu sama lain dan mungkin di situ penghargaan seperti pujian boleh dilakukan oleh fasilitator kepada ahli kumpulan. Kemudian, fasilitator meminta peserta untuk sukarela menawarkan diri menceritakan gambar yang telah dilukis tadi. Pada waktu ini fasilitator memainkan peranan yang penting dalam memberikan kata-kata semangat supaya mereka lebih berani secara sukarela dalam menampilkan apa yang mereka lukiskan. Semangat berpasukan diterapkan antara satu sama lain. Sebelum peserta menceritakan lukisan mereka, fasilitator meminta ahli kumpulan untuk meneka terlebih dahulu setiap gambar yang dilukis oleh rakan mereka beserta sebab mengapa mereka meneka sedemikian.

Justreru itu, psikopendidikan melalui sesi Who Am I ini mereka akan mengenali diri orang lain dengan lebih mendalam dan supaya mereka juga saling menghargai antara satu sama lain dan yang paling penting adalah untuk mengelakkan segala tanggapan tidak betul pada diri seseorang. Sebagai manusia, kita hidup bermasyarakat. Jadi amat penting untuk kita memahami cara untuk menyantuni rakan-rakan yang baru dikenali atau sudah lama dikenali.

## **SESI 2: TADABBUR ALAM**

Tadabbur dari segi bahasa berasal daripada perkataan Arab dabara yadbiru atau yadburu bermaksud belakang atau bahagian terakhir daripada sesuatu. Perkataan ini adalah kata terbitan yang diambil daripada fic l dabara dalam bentuk mazid dengan dimasuki huruf ta' dan tashdid huruf ba'. Lalu membentuk perkataan tadabbara yatadabbaru tadabburan yang memberikan maksud tafakkuran (Ibn Manzur, 1994; Mustafa, 1972). Oleh sebab itu, tadabbur dari segi bahasa boleh diertikan dengan maksud berfikir secara mendalam sehingga sampai kepada penghujung maksud sesuatu perkara atau subjek yang ingin difikirkan itu. Tadabbur alam adalah satu proses meneliti mesej yang hendak disampaikan daripada sesuatu perkataan ataupun benda-benda yang ada di persekitaran secara mendalam mengikut kemampuan seseorang. Aktiviti ini bermula daripada memahami maksud yang ingin disampaikan, seterusnya meneliti aspek kajian yang melibatkan barang-barang yang ada di sekeliling.

Oleh yang demikian dalam aktiviti tadabbur alam ini fasilitator meminta pelajar untuk bergerak dan mencari barang-barang yang ada di sekeliling mengikut kemahuan masing-masing. Barang yang telah para pelajar miliki fasilitator meminta mereka semua menunjukkan barang yang di pilih masing-masing. Tujuannya di sini adalah untuk mereka meminta pelajar mengenal pasti apakah bentuk, ciri-ciri atau sifat semula jadi yang pada barang yang diambil oleh pelajar tersebut. Setelah itu, mereka meminta pelajar untuk berfikir dan memberikan sifat, ciri-ciri dan bakat yang dimiliki. Seterusnya fasilitator

meminta pelajar untuk membandingkan ciri-ciri barang tersebut dengan diri peserta supaya mereka lebih jelas mengenali potensi yang ada dan yang paling penting adalah mengenali diri mereka sendiri.

Melalui tadabbur alam ini ia akan membantu pelajar dalam setiap saat mengetahui dan mengenali ciptaan Allah itu mempunyai bentuk dan fungsinya. Manusia juga mempunyai sifat yang tersendiri cuma perlu di gali dan di cari. Perbezaan antara manusia dan makhluk lain di muka dunia ini hanyalah satu iaitu akal. Akallah yang menjadi tunjang utama dalam membezakan dari awal hingga akhir seseorang manusia itu dengan makhluk yang lain. Akal juga yang memimpin manusia untuk melihat setiap ciri ciri dalam diri sebagai sesuatu yang berguna. Setiap manusia mempunyai potensi diri yang istimewa. Tinggal individu itu sendiri ingin memanfaatkan ke arah yang lebih baik atau sebaliknya. Setiap manusia juga diberi ruang dan peluang untuk diterokai bagi memanfaatkan diri ke arah yang lebih baik pada masa akan datang.

Kesimpulan yang dapat di simpulkan, tadabbur alam yang melalui psikopendidikan pelajar akan lebih mengenali diri atau mengembangkan lagi potensi dan mungkin melakukan paradigma pada diri sendiri yang lebih baik dan berpotensi untuk masa depan bagi pelajar tersebut.

### **SESI 3: CERMINAN DIRI**

Psikopendidikan melalui sesi cerminan diri menerangkan tentang kebaikan dan kesalahan sebagai pelajar sekolah. Sesi ini menekankan apa yang pelajar lakukan sama ada sedar mahupun tidak sedar. Fasilitator memberi penjelasan kepada pelajar tentang manfaatnya menjadi baik dan keburukan jika sebaliknya. Pada penerangan yang diberikan, fasilitator menerangkan dengan jelas dan mendalam berkenaan kebaikan dan kesalahan supaya para pelajar akan lebih terbuka minda dalam meluahkan apa yang tersirat yang mereka fikirkan selama ini. Penggunaan sistem penerokaan digunakan pada diri pelajar dengan lebih mendalam supaya mereka lebih jelas dan memahami apa yang mereka lakukan semasa di sekolah.

Pada sesi cerminan diri ini, pelajar di minta menyenaraikan 5 kebaikan yang dilakukan di sekolah dan 5 keburukan yang tidak boleh dilakukan di sekolah. Setiap senarai yang mereka lakukan, mereka akan dapat melihat dan menyedari bahawasanya adanya positif jikalau melakukan kebaikan dan negatif apabila melakukan kesalahan. Para pelajar akan lebih cakna dan menggalakkan mereka untuk perkembangan sahsiah diri supaya lebih baik. Selain itu, apabila pelajar dapat membezakan antara kebaikan dan kesalahan ia menunjukkan yang pelajar ini tahu membezakan antara perkara yang betul dan salah dan melalui sesi ini secara tidak langsung ia akan membantu mereka menjadi insan yang berguna dan menjadi pelajar yang berdisiplin.

Oleh yang demikian, dengan melakukan banyak kebaikan, lebih banyak manfaat yang diperolehi dan persekitaran juga akan turut membantu untuk menjadikan pelajar itu lebih berdedikasi. Para pelajar akan lebih menyedari akan kesan dalam melakukan kebaikan dan kesalahan di sekolah dan mereka akan lebih berfikiran terbuka dalam kehidupan mereka sebagai seorang pelajar.

### **SESI 4: SEKOLAH IDAMAN KU**

Sekolah yang mampu menghasilkan keputusan pencapaian pendidikan yang tinggi dalam pencapaian mencerminkan kredibiliti sekolah dalam mentransformasikan murid ke tahap kecemerlangan yang lebih baik. Sekolah sebegini dilihat sebagai teraju status yang tinggi berbanding sekolah yang gagal mencapai keputusan yang sebaliknya. Sesuai dengan sesi yang dijalankan, sekolah idaman ku memupuk semangat pelajar betapa pentingnya adanya peraturan sekolah supaya sistem pendidikan lebih efektif dan terkesan kepada pelajar. Pelajar akan lebih memahami keperluan mengikuti peraturan sekolah demi kebaikan mereka sendiri.

Justeru itu, melalui sekolah idaman ku fasilitator mengarah untuk pelajar melukis sekolah idaman mereka beserta peraturan yang ingin dilakukan dalam sekolah tersebut jika mereka merupakan pentadbir di sekolah berikut. Apa yang mereka mahukan dari segi aturan, pendidikan, pentadbiran dan

semuanya di atur oleh pelajar itu sendiri. Mereka yang merancang semuanya. Perkara sedemikian dilakukan adalah untuk memperlihatkan kepada mereka apa asbab yang mereka alami jikalau aturan ataupun sekolah yang mereka bina dilakukan dengan sesuka hati. Perkara sedemikian lebih dapat di fahami dengan lebih jelas dan memudahkan pelajar untuk faham dari segi aspek kepentingan peraturan sekolah itu sendiri kerana apa yang dilakukan dan di rancang ada di depan mata.

Berdasarkan lukisan sekolah idaman pelajar dan peraturan yang ditulis untuk dilaksanakan pada sekolah idaman mereka itu, sedikit sebanyak pelajar akan lebih memahami dan mengetahui kenapa peraturan itu dilaksanakan dan kenapa pentingnya untuk mengikuti peraturan tersebut. Melalui sesi yang di jalankan para pelajar akan lebih terbuka pemikiran dan lebih terkesan dari keperibadian untuk memperbaiki diri. Para pelajar lebih tahu mengenai kepentingan adanya peraturan sekolah dan lebih memahami pentingnya perancangan yang rapi akan aturan yang di tentukan. Mereka perlu akur dengan aturan yang telah dilaksanakan supaya para pelajar akan celik akal dan pentingnya mengikuti peraturan demi kepentingan diri mereka sendiri.

### **SESI 5: ANALISIS SWOT: SIAPAKAH DIRI KITA?**

Salah satu cara untuk mengenal diri sendiri adalah dengan menggunakan analisis SWOT. SWOT adalah singkatan dari (Strength Weakness Opportunity Treath). Strength berarti kekuatan atau kelebihan, weakness berarti kelemahan atau kekurangan, opportunity berarti kesempatan, dan Treath berarti hambatan. Analisis SWOT ini dapat memberikan kebaikan, iaitu melihat masalah dari 4 sisi yang berbeza. Hasil analisis biasanya dalam bentuk arahan atau cadangan untuk mengekalkan kekuatan dan untuk meningkatkan kelebihan dari segi peluang, sambil mengurangkan kekurangan dan juga menghindari ancaman.

Kemudian melalui analisis SWORT ini para pelajar hendaklah dinasihatkan bahawa semasa pelajar ingin membuat penilaian terhadap diri sendiri adalah penting bagi mereka berlaku jujur, berkata benar dan adil terhadap diri sendiri. Pelajar juga hendaklah berkeadaan tenang dan berfikir dengan sedalamnya semasa membuat penilaian ini Setelah selesai, fasilitator akan memberi penerangan kepada mereka kelebihan mengetahui SWOT dan apa yang perlu dilakukan setelah mendapat tahu tentang SWOT sendiri.

Pertama ialah kekuatan, adalah sesuatu sifat yang ada dalam diri atau suatu situasi yang unik, yang memberi kelebihan atau keistimewaan yang ada pada individu yang yang lain. Segala sifat dan bakat-bakat yang ada pada fikiran adalah kelebihan yang ada pada diri pelajar sebenarnya. Kelebihan adalah kekuatan bagi diri pelajar itu sendiri. Mereka harus menggunakan kelebihan ini untuk membantu diri mereka sendiri dalam mengejar kejayaan dan menghadapi pelbagai cabaran di luar sana. Seterusnya ialah kelemahan, kekurangan yang ada pada diri. Kelemahan yang ada jadikan motivasi untuk mencapai kejayaan dan perbaiki diri supaya lebih baik dari masa ke semasa. Sifat-sifat negatif yang ada dalam diri yang dikenal pasti sebenarnya yang menghalang atau menghambat diri pelajar itu sendiri daripada mencapai kejayaan. Mereka harus bangu dan berjuang demi masa hadapan mereka sendiri.

Ketiga ialah peluang, peluang adalah satu keadaan yang dijangka akan memberi bantuan atau kelebihan kepada diri individu tersebut. Oleh yang demikian, menggunakan sesi SWORT iaitu peluang para pelajar harus bijak dan kreatif dalam mencari memahami di manakah peluang itu berada. Peluang yang di miliki mungkin mereka akan dapat dan boleh membantu untuk mencapai kejayaan. Terakhir ialah Ancaman, ia merupakan perkara yang di anggap mungkin akan menjadi halangan dan mengganggu para pelajar dalam usaha mencapai matlamat atau kejayaan. Ancaman ini boleh jadi kita sedari dan mungkin tidak kita sedari. Para peringkat ini para pelajar akan lebih cakna dan fokus dalam menghadapi atau memilih sesuatu perkara supaya mereka lebih matang dalam membuat keputusan untuk melakukan sesuatu tindakan.

Secara, kesimpulannya di sini adalah, melalui psikopendidikan dalam kesemua aktiviti yang di jalankan pelajar dapat menyedari tentang faedah melakukan kebaikan serta kesan dan akibat apabila melakukan kesalahan. Melalui psikopendidikan ini, akan memupuk semangat yang positif bagi kalangan pelajar dalam mengikuti peraturan yang di jalankan di sekolah. Buang yang keruh ambil yang jernih, barulah teguh peribadi demi anak bangsa yang tercinta dan di situlah peranan psikopendidikan dapat mengatasi masalah disiplin di sekolah.

## 5.0 RUMUSAN

Sebagai kesimpulan, pelajar sekolah tidak lari dari melakukan masalah disiplin sama ada masalah yang dilakukan kesalahan besar atau kecil. Kaunseling kelompok ini merupakan satu alternatif dalam mendekati dan memahami pelajar yang melakukan kesalahan disiplin dengan lebih dekat dan mendalam. Selain itu, kaunseling kelompok juga dapat membantu untuk membendung kecenderungan pelajar untuk melakukan kesalahan disiplin. Kaunseling kelompok juga memberi satu pendedahan kepada pelajar tentang kefungsi seseorang pelajar dalam kehidupan kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Sebagai seorg pelajar, tahap pemikiran dan pendedahan yang kurang menyebabkan mereka tidak berfikir panjang dalam memikirkan kesan dan akibat atas perbuatan menyalahi disiplin sekolah. Oleh yang demikian, jelas menunjukkan pentingnya proses kaunseling dan psikopendidikan dalam membantu pelajar membentuk sahsiah diri yang baik dan menjadi pelajar yang berdisiplin mengikut peraturan di sekolah. Kaunseling kelompok ini juga dapat membantu pelajar untuk peroleh motivasi belajar, memahami perasaan dan emosi rakan-rakan yang turut mempunyai masalah disiplin yang sama. Justeru, rakan-rakan yang mempunyai masalah disiplin dapat membantu dan saling menyokong antara satu sama lain. Melalui kajian (A.Murat Abd.Rani & Zuria Mahmud,2019) yang telah dilakukan, kefungsi pelajar kepada keluarga yang baik akan mempunyai ketahanan diri yang lebih tinggi berbanding pelajar yang tidak mempunyai kefungsi. Selain itu, keterlibatan guru-guru dan ibu juga sangat diperlukan dalam membantu pelajar yang bermasalah ini ke arah lebih baik.

## RUJUKAN

- Aasheim, L.L., & Niemann, S.H. (2006). Guidance/Psychoeducational Groups. Dalam David Capuzzi, Douglas R. Gross, & Mark D. Stauffer (Penyt.), Introduction to group work (4th ed.). Denver, Colorado: Love Publishing.
- Auty. K.M, Cope. A & Liebling. A (2017). Psychoeducational programs for reducing prison violence. *Aggression and Violent Behaviour Journal*. 3(2): 18-36
- Alis Puteh. (2017). Masalah Disiplin dan Emosi Pelajar : Cabaran Pemabngunan Modal Insan di Malaysia. Seminar International Pendidikan Tinggi Aceh.
- Aslina Binti Ahmad. (2013). Kesan Intervensi Psiko-Pendidikan Terhadap Tingkah Laku Murid Sekolah Menengah Oleh Guru Bimbingan Dan Kaunseling. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya: Kuala Lumpur, Malaysia.
- A.Murat Abd.Rani & Zuria Mahmud. 2019. Pendekatan Psikopendidikan Dalam Kaunseling Kelompok Bagi Menangani Masalah Emosi Murid Mangsa Penceraian Ibu Bapa. Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2019).
- Abdul Karim, Khairatul Ainal 2010. "Vandalisme Kian Meruncing" dlm. *Utusan Malaysia*. 13/07/2010
- Ahmad, Baharudin. 2007. Menjadi Survivor dalam Dunia Penuh Cabaran. Wangsa Melawati, Kuala Lumpur: PTS Millennia sdn. bhd.
- Astro Awani (2018). Ponteng sekolah catat rekod tertinggi salah laku disiplin 2017, 21 Mac 2018, dicapai 4 Julai 2020. Diakses daripada <http://www.astroawani.com/beritamalaysia/ponteng-sekolah-catat-rekod-tertinggisalah-laku-disiplin-2017-171057>
- Astro Awani. (2020). Gara-gara ditegur, pelajar tingkatan 3 tergamak hempas guru ke lantai, 11 Januari 2020, dicapai 4 Julai 2020. Diakses daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/gara-gara-ditegur-pelajar-tingkatan-3tergamak-hempas-guru-ke-lantai-227777>
- Azizi, Y., Shahrin, H., Mascilla. H., 2012. Masalah Salah Laku Agresif dalam Kalangan Pelajar Sekolah Rendah dan Hubungannya dengan Gaya Keibubapaan. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)* 58 (2012) 91–103
- A. Murat bin Abd.Rani. (2019). *Pendekatan Psikopendidikan Dalam Kaunseking Kelompok Bagi Menangani Masalah Emosi Mangsa Penceraian Ibu Bapa*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan.

- Brown, J.A., Russell, S., Emily Hattouni, E., & Kincaid, A., (2020). Psikoeducation. *Education, Change, and Development, Educational Politics and Policy, Educational Systems*. <https://doi.org/10.1093/acrefore/9780190264093.013.974>
- Berita Harian. 2010. "Vandalisme Semakkan Mata" dlm. Berita Harian 04/07/2010
- Corey, M. S., Corey, G., & Corey, C. (2010). *Group process and practice* (8th ed.). Belmont, CA: Thomson.
- DaWalt, L.S., Greenberg, J.S. & Mailick, M.R. (2018) Transitioning Together: A Multi-family Group Psychoeducation Program for Adolescents with ASD and Their Parents. *Journal Autism Development Disorder* 48, 251–263 <https://doi.org/10.1007/s10803-017-3307>
- Dayang Masiah Binti Abdul Majid. (2019). *Pendekatan Kaunseking Kelompok Psikopendidikan Dalam Membantu Ibu Bapa Yang Mempunyai Anak-Anak yang Bermasalah Disiplin*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan.
- Fortin, L. (2003). Students' antisocial and aggressive behavior: Development and prediction. *Journal of Education*, 41(6), 669–688
- Erviana Ardila Ediyanto, Zuria Mahmud. (2017). Psikopendidikan Kelompok Bagi Pelajar Bermasalah Disiplin di Sekolah Berasrama. Universiti Kebangsaan Malaysia. Konvensyen Antarabangsa Kaunseling Psikoterapi Berperspektif Islam 2017.
- Gehart, D. (2013). *Theory and treatment planning in counseling and psychotherapy*. Pacific Grove, CA: Brooks/Cole.
- Idris, Mohamed S. M. 2008. "Kita Masih Bergelut dengan Vandalisme" dlm. *Utusan Malaysia*. 24/04/2008.
- Jamalsafri Saibon 2016. Status Populer Dan Pembuli Dalam Hierarki Sosial Rakan Sebaya Di Sekolah
- Jim Kuan Kok & Sew Kim Low (2017). Proposing a collaborative approach for school counselling. *International Journal of School and Education Psychology*. 5(4); 281-289.
- Khalid Isa. (2018). *Peranan Kem Motivasi Pelajar Harapan PROPEMP dalam Membantu MeningkatkanKecemerlangan Akademik Pelajar FKE*, Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan Universiti Teknologi Malaysia, Jabatan Kejuruteraan Kuasa ElektrikFakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Kellie Giorgio Camelford & Christine Ebrahim (2016) The Cyberbullying Virus: A Psychoeducational Intervention to Define and Discuss Cyberbullying Among High School Females, *Journal of Creativity in Mental Health*, 11:3-4, 458-468. <http://dx.doi.org/10.1080/15401383.2016.1183545>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (1994). Panduan bagi mengatasi masalah ponteng di sekolah. Kuala Lumpur: Unit Disiplin, Bahagian Sekolah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2004). Laporan jawatankuasa menangani isu budaya negatif di kalangan murid sekolah. Kuala Lumpur: Author.
- Khalim Zainal, 2008. *Memahami tingkah laku remaja bermasalah dari perspektif Teori Tingkah Laku, Humanistik, Psikoanik & Tret Personaliti*. Jurnal Pengajian Umum, 9, 43-55. Malaysia. 25/10/2013.
- Kalaiarasi. (2014). Masalah buli dalam kalangan remaja di Malaysia. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. (Project Paper).
- Mazzei, D.H., Mateu, A., Reinares, M., Murru, A.,Mar Bonnín, C., Varo, C., Valentí, M., Undurraga,J., Strejilevich, S.,Moreno, J.S.,Vieta, & E., Colom (2016). Psychoeducation in bipolar disorder with a SIMPLE smartphone application: Feasibility, acceptability and satisfaction. *Journal of Affective Disorder*. 200: 58-66
- Marcotte, J., & Lévesque, G. (2018). Anxiety and Well-Being Among Students in a Psychoeducation Program: The Mediating Role of Identity. *Journal of College Student Development*, 59(1), 90–104. <https://doi.org/10.1353/csd.2018.0006>
- Mohd Azhan Mohamed Abdul Kadir, Ku Suhaila Ku Johari. (2016). Keberkesanan Psikopendidikan Dalam Kaunseling Kelompok untuk membendung masalah disiplin murid di sekolah rendah Islam Al-Amin, Kuala Lumpur. International Seminar on Professional Counselling 2016

- Muhammed Sharif Mustaffa, & Suria Abd Jamil (2012). Mengenal pasti punca-punca masalah ponteng di kalangan pelajar sekolah rendah: Satu kajian kes. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 6, 50–73.
- Noran Fauziah Yaakub. (2002). Insiden Buli di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Implikasi kepada Pengurusan Sekolah. *Prosiding Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-11*, 2002, 261-272.
- Noraini Zulkifili. (2010). *Disiplin dan Pelajar*. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
- Olweus, D. (2001). Peer harassment: A critical analysis and some important issues. In J. Juvonen & S. Graham (Eds.). *Peer harassment in school: The plight of the vulnerable and victimized*, 3-20. NY: Guilford Press.
- Olweus, Dan. (2007). *Olweus Bullying Questionnaire: Standard School Report*. USA: Minnesota. Hazelden Pub.
- Penghuni Tua. 2013. “Bendung Gejala Vandalisme” dlm. *Utusan Malaysia* 25/10/2013.
- Zuria Mahmud, Siti Suria Bahrudin, Siti Noraisah Mokhtar, & Siti Rokiah Tharin (2019). Pendekatan Kaunseling Kelompok Untuk Mengurus Emosi Dalam Kalangan Remaja Perempuan Sekolah Agama Ummur Radhiah Hussin, *Southeast Asia Psychology Journal* Vol.7, Issue 7 (November, 2019), 106 – 115. *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Riza D. Januar. (2017). *Mengenal Diri Sendiri dengan Analisis SWOT. Supaya Kamu Belajar Memahami Diri Sendiri, Sebelum Memahami Orang Lain*.
- Sin. J, Gillard. S, Spain. D, Cornelius. V, Tao Chen & Handerson. C (2017). *Clinical Psychology Review*. 56 : 13-24. <https://doi.org/10.1016/j.cpr.2017.05.002>
- Sidek Baba. 2005, *Nilai adab didik remaja dari awal*. Portal Pendidikan Utusan, 10.05.2005. Retrieved on 5 Sept 2008, from <http://www.tutor.com.my>.
- Sinar Harian (2019). Pelajar pecah kerusi sekolah hingga hancur, 22 November 2020, dicapai 4 Julai 2020. Diakses daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/58576/BERITA/Viral/Pelajar-pecah-kerusi-sekolah-hingga-hancur>
- Sinar Harian (2020). Empat remaja buli pelajar sekolah agama direman dua hari, 10 Januari 2020, dicapai 4 Julai 2020. Diakses daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/65346/BERITA/Mahkamah/Empat-remaja-buli-pelajar-sekolah-agama-direman-dua-hari>
- Sinar Harian. (2020). Vape punca pelajar tahfiz dipukul, 12 Mac 2020, dicapai 4 Julai 2020. Diakses daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/73539/EDISI/Selangor-KL/Vape-punca-pelajar-tahfiz-dipukul>
- Siti Fauziyani Md Saleh @ Masrom & Bushrah Basiron 2017. *Vandalisme dalam Kalangan Remaja dan Kaedah Menanganinya*.
- Siti Hajar Razali 2018. Faktor yang mempengaruhi niat menghisap vape dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Lembah Klang, Malaysia. *Universiti Putra Malaysia Utusan Malaysia, Online*. 1999. “Vandalisme Babitkan Pelajar Kian Serius” dlm. *Utusan Malaysia*. 6.11.1999.
- Utusan Malaysia, Online*. 2007. “DBKL Rugi RM5j Akibat Vandalisme Tahun Lepas” dlm. *Utusan Malaysia*. 21 Mei 2007.
- Zamri bin Rajab. (2018). *Konsep Tadabbur AL-Quran Melalui Penggunaan Shahid ALQuran Dalam Kitab Tashil Nayl AL-Amani*.

# PENGLIBATAN IBU BAPA DAN PERSONALITI PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)

**Siti Salamah Mohamed**  
Kolej Universiti Islam Melaka  
[salamahmhd99@gmail.com](mailto:salamahmhd99@gmail.com)

## **Abstrak**

Ibu bapa memegang tanggungjawab dalam mendidik serta menjaga anak-anak dalam semua aspek fizikal, mental dan rohani. Hal ini berkait rapat dengan pembentukan personaliti seseorang individu tersebut. Tujuan kajian ini dibina adalah bagi melihat sejauh mana penglibatan ibu bapa ini akan mempengaruhi personaliti pelajar. Kajian ini memfokuskan kepada tiga (3) jenis penglibatan ibu bapa iaitu perbincangan di rumah, penjagaan di rumah dan komunikasi di rumah. Untuk personaliti remaja, pengkaji memfokuskan kepada tiga (3) jenis personaliti iaitu *Psychoticism*, *extraversion* dan *neuroticism*. Pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan kepada Ibu bapa agar lebih cakna dengan melibatkan diri bersama anak-anak agar dapat menghidupkan personaliti yang baik.

Kata Kunci : Penglibatan Ibu bapa, personaliti, pelajar

## **Abstract**

Parents have a responsibility in educating and caring for children in all aspects of physical, mental and spiritual. This is closely related to the formation of an individual's personality. The purpose of this study was to see the extent to which this parental involvement will influence the personality of students. This study focuses on three (3) types of parental involvement namely discussion at home, care at home and communication at home. For adolescent personality, the researcher focused on three (3) types of personality namely *Psychoticism*, *extraversion* and *neuroticism*. Researchers have submitted some suggestions to parents to be more vigilant by engaging with their children in order to live a good personality.

Keywords: Parental Involvement, personality, students

## **1.0 PENDAHULUAN**

Menjadi seorang pelajar Ijazah Sarjana Muda bukan satu perkara yang mudah kerana di sini bermulanya kemasukan pengaruh dari luar rumah iaitu, rakan sebaya, guru-guru dan sebagainya. Pelajar menghabiskan banyak masa di kelas berbanding di rumah. Hal ini akan mengakibatkan pelajar tersebut mudah dipengaruhi atau mempengaruhi bergantung kepada pendirian diri masing-masing. Oleh itu, dalam membentuk keteguhan diri, ianya perlulah bermula daripada rumah iaitu bimbingan serta sokongan ibu bapa terhadap anak-anak. Pengkaji berpendapat bahawa penglibatan ibu bapa sangat penting agar pelajar mempunyai sokongan dan tempat rujukan yang dipercayai untuk dijadikan sebagai ikutan dan pedoman kehidupan. Menurut Saiful Bahrin (2014), kemerosotan kasih sayang di kalangan keluarga dan sikap tidak mengambil kisah terhadap anak-anak oleh ibu bapa telah membawa kepada masalah remaja tidak ketahuan. Prof Dr Zuria Mahmud dari Fakulti Pendidikan Universiti



Kebangsaan Malaysia juga berkata di dalam pernyataan Saiful Bahrin (2014), kajian menunjukkan fenomena masalah remaja dalam masyarakat menjadi semakin serius kerana kurangnya perhatian oleh ibu bapa.

Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memastikan anak-anak memperoleh kepercayaan untuk berbincang dan berkomunikasi bersama ahli keluarga apabila perlu. Hal ini membantu anak-anak atau pelajar untuk membuat keputusan dengan matang dan tahu untuk mengawal situasi yang dihadapi. Bukan itu sahaja malah, dapat meningkatkan keyakinan pelajar untuk menentukan tindakan yang perlu dilakukan. Pelajar lebih-lebih lagi remaja, sangat memerlukan sokongan emosi dan perhatian kerana mereka berada dalam fasa peralihan perkembangan dari dunia remaja ke alam dewasa. Menurut Prof Dr Zuria Mahmud di dalam pernyataan Saiful Bahrin (2014), beliau menyatakan bahawa pelajar bermasalah memerlukan sokongan semua pihak dan mereka perlu diberikan peluang untuk meluahkan perasaan yang sedang mereka alami dan tingkah laku yang ditunjukkan oleh remaja dipengaruhi oleh bagaimana ibu bapa melayan mereka dari kanak-kanak sehingga mereka telah dewasa.

Penglibatan ibu bapa yang dibincangkan berkaitan dengan perbincangan, penjagaan dan komunikasi di rumah serta hubungannya dengan personaliti *psychoticism*, *extraversion* dan *neuroticism*. Di mana dapat kita simpulkan di sini ialah, seseorang akan mempunyai peratus yang tinggi untuk berhadapan dengan jenis personaliti tersebut jika mendapat kurang perhatian dan penglibatan ibu bapa terhadap pelajar tersebut. Hal ini kerana mereka tidak mendapat sokongan yang kukuh daripada ibu bapa mereka sendiri.

## **2.0 PENGLIBATAN IBU BAPA**

Anak-anak memerlukan penglibatan ibu bapa bagi meningkatkan motivasi diri dan kesungguhan untuk memenuhi harapan dan cita-cita mereka. Morrison (1978), pengertian penglibatan ibu bapa adalah potensi serta kemahiran mereka dalam membantu ahli keluarga untuk meningkatkan kualiti kehidupan. Oleh itu, pengkaji memfokuskan kepada tiga (3) jenis penglibatan ibu bapa yang perlu di ambil berat oleh setiap ibu bapa dan penjaga kepada anak-anak mereka yang bergelar pelajar. Pertama ialah perbincangan di rumah, kedua ialah penjagaan di rumah dan ketiga ialah komunikasi di rumah.

### **2.1 Perbincangan di Rumah**

Perbincangan sangat penting dalam sesebuah perhubungan tidak kira keluarga, persahabatan dan sebagainya. Perbincangan juga tidak hanya termaktub penggunaannya apabila sedang mengalami masalah atau sebagainya. Perbincangan diperlukan bagi kita memahami situasi dan keadaan yang sedang berlaku samada baik atau buruk. Sebagai contoh. Ibu bapa berbincang dengan anak-anak mengenai pembelajaran atau subjek yang sedang dipelajari. Hal ini bagi membuka minda serta pengetahuan ibu bapa terhadap apa yang sedang anak mereka hadapi. Dalam masa yang sama ibu bapa dapat memahami situasi mereka. Anak-anak juga tidak akan berasa keseorangan dan akan merasakan diri mereka sentiasa didengari dan diberi perhatian. Menurut Fitriah Hayati dan Nordin Mamat (2011), tanggungjawab ibu bapa itu bukan sahaja menyediakan keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal tetapi juga menjaga kesihatan fizikal dan psikologi anak-anak dan salah satu caranya ialah dengan berkomunikasi dan berinteraksi secara berkesan. Perbincangan di rumah tidak terhad hanya kepada perihal sekolah dan pelajaran, tetapi ianya juga mengambil kira berkaitan perkara yang berlaku di rumah sebagai contoh, ibu bapa berbincang dengan anak-anak berkaitan program televisyen yang sedang ditonton bersama. Hal ini dapat mengeratkan silaturrahim dan menambah ilmu luar subjek. Anak-anak juga akan berasa gembira meluangkan masa dengan ibu bapa kerana



berpeluang untuk berkongsi ilmu dan bertukar pendapat antara satu sama lain. Menurut Paezah Abd. Halim dan Faridah Yunus (2017), penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak sangat berkait rapat dengan pencapaian akademik anak-anak. Semakin tinggi penglibatan ibu bapa maka semakin tinggi juga pencapaian serta perkembangan anak-anak akan berlaku bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga emosi, rohani, jasmani dan sahsiah.

## **2.2 Penjagaan di Rumah**

Penjagaan di rumah di sini membawa maksud ibu bapa mengambil tahu serta menguruskan hal-hal persekolahan anak-anak dan juga aktiviti yang mereka lakukan ketika di rumah. Anak-anak memerlukan pengawasan yang teliti ketika berada di rumah. Hal ini bagi mengelakkan mereka membuang masa dengan perkara yang tidak berfaedah. Segala aktiviti yang mereka jalankan perlu diambil tahu oleh ibu bapa dan jika sebarang aktiviti yang mencurigakan dapat dikesan dengan segera dan dapat diambil tindakan segera. Menurut Paezah Abd. Halim dan Faridah Yunus (2017), penyertaan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak-anak sedikit sebanyak membantu mereka untuk meneruskan aktiviti yang mereka lakukan serta membantu dari segi keyakinan untuk berani menampilkan diri ke hadapan dan bergaul dengan rakan-rakan sekelas. Paezah Abd. Halim dan Faridah Yunus (2017), juga menyatakan bahawa ibu bapa yang prihatin adalah ibu bapa yang menyedari keperluan serta kehendak anak-anak di samping sentiasa ingin tahu berkenaan perkembangan anak-anak mereka. Sebagai contoh, ibu bapa perlu mengehadkan masa anak-anak untuk bermain dengan gajet dan memastikan mereka tidak lupa untuk mengulang kaji dan menyiapkan tugas jika ada. Seperti yang kita tahu gajet pada umumnya satu teknologi yang sangat baik dan sangat membantu serta memudahkan tetapi jika ianya digunakan secara berlebihan maka akan menjurus kepada perkara yang tidak baik. Oleh itu, ibu bapa perlu tahu apa yang dilayari oleh anak-anak ketika mereka bersama-sama dengan gajet mereka kerana jika tidak mereka mungkin melayari laman web yang tidak sepatutnya tanpa disedari.

Dalam masa yang sama, ibu bapa juga perlu memastikan bahawa tindakan mereka itu tidak sehingga mengongkong mereka sehingga menyebabkan mereka tiada masa untuk diluangkan untuk diri sendiri dan juga bersama rakan-rakan mereka. Menurut Sipon (2001), dalam kenyataan Habibie Hj Ibrahim, Mazni Mustapha, Joki Perdani, Puteri Hayati Megat Ahmad dan Nurul Hudani Md Nawawi (2018), konflik di antara anak dan ibu bapa biasanya berlaku disebabkan sikap ibu bapa, tahap pengetahuan ibu bapa, harapan dari segi pembelajaran dan persepsi ibu bapa untuk jangka masa panjang. Oleh itu pentingnya ibu bapa mengajar atau menyediakan jadual belajar yang khusus buat anak-anak agar masa mereka digunakan dengan tepat. Bukan itu sahaja, malah ibu bapa juga perlu memastikan segala kelengkapan anak-anak untuk belajar mencukupi serta suasana untuk mereka belajar juga bersesuaian. Ini bermaksud ibu bapa perlu memastikan rumah dalam keadaan senyap ketika anak-anak mereka sedang belajar agar tidak mengganggu konsentrasi mereka ketika belajar. Menurut Abd Razak Zakaria (2011), kekurangan kelengkapan persekolahan, persekitaran yang bising dan ketiadaan tempat belajar yang sesuai di rumah akan menyebabkan pencapaian akademik mereka kurang memberangsangkan hal ini kerana persekitaran yang tidak selesa akan mengakibatkan gangguan dari segi tumpuan dalam pelajaran.

## **2.3 Komunikasi di Rumah**

Komunikasi di rumah membawa maksud lebih kepada ibu bapa memberikan sokongan moral secara verbal dan juga fizikal. Anak-anak bukan sahaja memerlukan perhatian malah juga

memerlukan dorongan dan sokongan serta pujian daripada ibu bapa. Hal ini memperlihatkan bahawa segala usaha mereka itu dihargai dan tidak menjadi sia-sia. Ibu bapa boleh memberikan sokongan dan dorongan secara moral seperti memberikan pujian setiap kali mereka mendapat keputusan yang baik. Ini akan memberikan mereka lebih semangat untuk berjaya di dalam peperiksaan yang seterusnya. Selain itu, memberikan nasihat atau kata-kata semangat kepada anak-anak ketika mereka memerlukan. Dalam menjadi seorang pelajar adakalanya kita akan merasa kecewa dan berputus asa apabila perkara yang cuba untuk dicapai tidak menjadi kenyataan seperti yang diinginkan. Disinilah peranan ibu bapa bermula dimana ibu bapa memberikan semangat agar meneruskan usaha untuk mencapai kejayaan. Ibu bapa juga perlu percaya dengan kebolehan anak-anak masing dalam melakukan sesuatu tidak kira di dalam akademik mahupun aktiviti yang lain seperti sukan. Menurut Fitriah Hayati dan Nordin Mamat (2011), penglibatan ibu bapa merujuk kepada interaksi ibu bapa dengan anak-anak, berkomunikasi serta sokongan terhadap kecemerlangan anak-anak. Dengan kepercayaan yang diberikan oleh ibu bapa membolehkan anak-anak mendapat keyakinan diri untuk meneruskan apa yang sedang lakukan atau perkara yang mereka inginkan. Menurut Mairin Gosman, Mohamad Nizam Nazarudin, Zakiah Noordin, Azmain Saharin dan Siti Rozanana Saili (2020), dengan sokongan seperti galakan mengulang kaji pelajaran, memberi pujian dan kata-kata nasihat daripada ibu bapa, pelajar mampu meningkatkan tahap pencapaian akademik

Bukan itu sahaja, dorongan dan sokongan ini juga boleh disampaikan secara fizikal iaitu dengan memberikan hadiah sebagai tanda ucapan tahniah terhadap kejayaan yang mereka miliki. Anak-anak pasti akan berasa gembira dan merasakan mereka telah berjaya membanggakan kedua-dua ibu bapa mereka. Menurut Habibie Hj Ibrahim & et al (2018), menyatakan *Department of Health and Human Services, USA* (2011) menyarankan ibu bapa dan anak-anak untuk menunjukkan bahagian yang menyeronokkan tentang mereka kepada anak-anak, kembangkan minat dan memberi ruang kepada anak. Menurut Zhiwen Xiao, Xiaoming Li dan Bonita Stanton (2011) dalam petikan Jamiah H. Manap, Sidek Baba, Nik Suryani Nik Ab. Rahman dan Haniza Rais (2013), menyatakan bahawa komunikasi secara terbuka dalam keluarga menyumbang kepada tahap risiko tingkah laku remaja yang rendah dan tahap penyesuaian psiko sosial yang tinggi. Hal ini memberikan nikmat kepada anak-anak untuk menikmati keseronokan bersama dengan ibu bapa. Selain daripada itu, ibu bapa juga boleh menghadihkan anak-anak pakej percutian bersama seisi keluarga. Hal ini dapat mengeratkan lagi silaturahim antara keluarga. Dan dalam masa yang sama anak-anak akan berasa segala usaha dan kepenatan yang mereka hadapi akhirnya terbalas dengan meluangkan masa bersama dengan keluarga.

### **3.0 PERSONALITI PELAJAR**

Personaliti membawa maksud kepada tingkah laku, peribadi dan sikap yang ditonjolkan oleh individu, Habibah dan Noran Fauziah (2006). Hal ini menerangkan bahawa segala peribadi, sikap, sifat dan tingkah laku yang menjadi sebagai satu rutin atau tabiat adalah dikira sebagai personaliti. Dalam kajian ini, pengkaji mengutamakan tiga (3) jenis personaliti iaitu *Psychoticism (P)*, *Extraversion (E)*, dan *Neuroticism (N)* di dalam setiap diri individu.

#### **3.1 Psychoticism**

Psychoticism ini berkait dengan personaliti seseorang yang memperlihatkan tingkah laku yang memiliki beberapa sifat yang biasanya terdapat dalam diri pesakit yang mengalami masalah psikotik. Mereka juga lebih mudah untuk terdedah dengan masalah psikotik. Antara contoh kecenderungan psikotik yang mungkin ditunjukkan oleh individu ialah, bertindak secara

melulu atau lalai, tidak menghiraukan berkaitan kesihatan minda fikiran dan juga sukar untuk mengekspresikan emosi dengan tepat. Sifat atau peribadi seperti ini menunjukkan kesinambungan kepada masalah psikosis seperti skizofrenia, kecelaruan bipolar, psikopat dan anti sosial. Hal ini membolehkan seseorang mempunyai masalah dalam bersosial kerana mereka lebih cenderung untuk bermusuhan dengan masyarakat di sekelilingnya disebabkan mereka sukar untuk mengawal emosi dan sukar untuk menerima pendapat orang lain dan tidak matang kerana sentiasa merasa diri mereka betul. Menurut Michael T. Compton, Tandra Carter, Aimee Kryda, Sandra M. Goulding dan Nadine J. Kaslow (2008) menyatakan di dalam kajiannya bahawa *Psychoticism* mempunyai pengaruh secara langsung yang signifikan terhadap kerumitan, kemurungan dan permusuhan dalam diri individu. Terdapat juga kemungkinan bahawa individu-individu yang menunjukkan personaliti *Psychoticism* ini perlu mendapatkan rawatan psikiatrik sekiranya gejala kemurungan menjadi cukup signifikan untuk memenuhi kriteria diagnostik, (Michael T. Compton & et al, 2008).

### **3.2 Extraversion**

Personaliti *extraversion* ini mengikut kepada teori Eysenck ianya melibatkan dua perkara iaitu personaliti extrovert dan juga introvert. Dimana, extrovert adalah satu personaliti yang menggambarkan seseorang yang bertingkah laku secara aktif. Mereka gemar untuk bersosial dan mereka sangat menginginkan suasana yang meriah dan gembira serta perubahan dari masa ke masa. Hal ini kerana jika tiada perubahan yang berlaku maka mereka akan mudah berasa bosan. Individu yang mempunyai personaliti extrovert, mereka cenderung untuk dilihat sebagai seorang yang periang, optimis dan impulsif. Mereka juga gemarkan risiko kerana mereka suka kepada cabaran bagi membolehkan mereka tidak berasa bosan. Berlainan pula jika dibandingkan dengan personaliti introvert, dimana mereka lebih cenderung untuk mendiakan diri dan bersifat tenang. Mereka tiada masalah untuk melakukan sebarang tugas atau aktiviti secara bersendirian kerana tidak sukakan suasana yang terlampau meriah dan terlalu ramai orang disekeliling mereka. Bukan itu sahaja, mereka juga bijak dalam mengawal emosi dan di dalam persahabatan mereka seorang yang boleh dipercayai. Menurut Sharp (1987), dalam kenyataan Dyah Sri Wulandari, Eka Saputri dan Rusmaya Nurlinda (2017), Extrovert adalah individu yang mempunyai ciri-ciri seperti lebih banyak rakan dan mudah untuk menyesuaikan diri dengan situasi tertentu. Mereka mendapat tenaga daripada orang yang berada di sekitar mereka. Sementara itu, Introvert adalah individu yang mempunyai ciri-ciri seperti lebih fokus dengan ketenangan diri, berhubung rapat dengan beberapa rakan rapat sahaja dan mereka mendapat tenaga dengan cara menghabiskan masa bersendirian. Menurut Eysenck (2003), dalam kenyataan Yoni Suci Fitria (2020), beliau menyatakan bahawa keperibadian introvert dan ekstrovert menggambarkan jenis keunikan individu bertingkah laku terhadap rangsangan sebagai satu ungkapan watak, perangai, fizikal dan intelektual individu dalam menyesuaikan diri dengan persekitarannya.

### **3.3 Neuroticism**

Personaliti neuroticism adalah sifat yang ditunjukkan seseorang yang menggambarkan emosi yang negatif. Sebagai contoh, kegelisahan, kemarahan dimana mereka mudah untuk marah, ketidakstabilan emosi dan kemurungan. Individu yang memiliki personaliti neuroticism yang tinggi maka mereka akan sangat mudah untuk menunjukkan tindak balas terhadap masalah atau tekanan yang mereka sedang hadapi kerana mereka merasakan diri mereka sedang terancam walaupun situasi tersebut hanyalah situasi biasa bagi individu yang tidak mempunyai personaliti neuroticism yang tinggi. Mereka juga mudah untuk berasa kecewa apabila sesuatu

perkara tidak berjalan seperti yang mereka inginkan. Menurut Christopher J. Lonigan dan Michael W. Vasey (2011) dalam kenyataan Katerina Pavlou, Valerie Benson dan Julie A. Hadwin (2016), Behavioural Inhibition (BI) dan Neuroticism diakui sebagai faktor risiko untuk perkembangan kegelisahan pada zaman kanak-kanak dan remaja. Tahap neuroticism seseorang ditentukan oleh kereaktifan sistem saraf simpatik mereka sendiri. Semakin tinggi kereaktifannya maka semakin tinggi neuroticism mereka. Oleh itu mudah untuk mereka berasa tertekan berbanding individu yang mempunyai neuroticism yang stabil. Menurut Goodwin dan Friedman (2006), dalam kajian Howard S. Friedman (2019), Neuroticism dikaitkan dengan kemurungan, penyalahgunaan alkohol, berasa cemas dan berasa panik. Hal ini boleh mengganggu kehidupan dan aktiviti harian mereka kerana mereka sukar untuk mengawal emosi mereka.

#### **4.0 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

Pengkaji mengharapkan kajian ini dapat membantu pengkaji-pengkaji yang akan datang bagi menambahbaik segala kekurangan yang terdapat di dalam kajian ini. Di dalam kajian ini pengkaji perlu mengedarkan soal selidik bagi mendapatkan hasil kajian. Dan disarankan untuk memberikan soal selidik tersebut kepada individu yang masih belajar. Hal ini kerana soal selidik mengenai penglibatan ibu bapa yang ditampilkan lebih kepada penglibatan ibubapa kepada anak-anaknya yang masih belajar.

Selain itu, guru dan pensyarah juga memainkan peranan yang penting dalam mengenalpasti tingkah laku pelajar. Jika terdapat sebarang tingkah laku atau personaliti pelajar yang luar biasa, guru-guru serta pensyarah boleh bertindak dengan memberi tahu perkara tersebut kepada ibu bapa. Hal ini bagi membolehkan perkara yang tidak diinginkan dapat dielakkan. Bukan itu sahaja malah rawatan awal juga boleh diberikan kerana mencegah lebih baik daripada merawat. Kerjasama antara ibu bapa dan tenaga pengajar sangat penting dalam membantu perkembangan anak-anak bukan sahaja dari segi pembelajaran tetapi juga perkembangan mental dan fizikal serta personaliti.

Seterusnya ialah perkhidmatan kaunseling. Perkhidmatan kaunseling sangat penting tidak kira di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi (IPT). Hal ini kerana mereka memerlukan bimbingan dari segi emosi dan serta dalam sebarang membuat keputusan. Seperti kita tahu menjadi seorang pelajar bukan satu perkara yang mudah. Kadangkala, individu terpaksa berhadapan dengan ketegangan atau konflik antara rakan sebaya, tenaga pengajar dan juga diri sendiri. Oleh itu dengan adanya perkhidmatan kaunseling maka, serba sedikit ianya membuka jalan kepada mereka dalam mencari jalan penyelesaian dan membantu mereka membina personaliti masing-masing.

Akhir sekali pihak sekolah dan pihak IPT juga boleh mengadakan kempen kesedaran atau program motivasi yang berkaitan dengan personaliti. Hal ini akan membuka mata orang ramai bahawa masalah personaliti adalah perkara yang perlu diambil berat oleh masyarakat dan personaliti itu tidak hanya tertumpu kepada satu perkara tetapi ianya mengambil kira pelbagai sudut. Ramai dalam kalangan remaja dan pelajar tidak tahu berkaitan dengan personaliti mereka. Oleh itu dengan adanya program motivasi dan juga kempen kesedaran ini dapat membantu mereka untuk mengenalpasti personaliti sebenar mereka.

## 5.0 KESIMPULAN

Penglibatan ibu bapa sangat penting dalam membentuk rohani, mental dan fizikal anak-anak. Mereka memerlukan perhatian, kasih sayang, sokongan dan juga dorongan dalam meneruskan kehidupan mereka sebagai pelajar. Dengan bimbingan serta penglibatan ibu bapa dalam sudut pembelajaran serta aktiviti harian mereka, ini membantu perkembangan emosi dan personaliti mereka secara tidak langsung. Dengan kasih sayang dan keprihatinan ibu bapa terhadap anak-anak, mereka merasakan diri mereka disayangi dan ini membangkitkan rasa semangat dan juga motivasi dalam diri. Bukan itu sahaja kesihatan mental dan emosi juga akan terjaga dan ini mengurangkan peratus untuk mereka mengalami trauma atau perubahan personaliti pada masa akan datang. Tidak dilupakan juga kerjasama ibu bapa dan guru-guru juga penting dalam membanteras segala perkara yang tidak diinginkan.

## RUJUKAN

- Dyah Sri Wulandari, E. S. (2017). Extrovert and Introvert Students in Speaking Ability of English Department in IAIN Palangka Raya.
- Fitria, Y. S. (2020). The Comparison Between Extrovert and Introvert Students in Learning Vocabulary.
- Friedman, H. S. (2019). Neuroticism and Health as Individuals Age.
- Habibie Hj Ibrahim, M. M. (2018). Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa dalam Pengasuhan Anak dan Remaja. *Asian Social Work Journal*, 18-24.
- Jamiah H. Manap, S. B. (2013). Pendekatan Komunikasi Keibubapaan dalam Keluarga Ibu Mithali. *Journal of Human Development and Communication*, 73-87.
- Kamaruddin, S. B. (2014). Kemorosotan Kasih Sayang Ibu Bapa Meningkatkan Masalah Remaja.
- Katerina Pavlov, V. b. (2016). Exploring Links Between Neuroticism and Psychoticism Personality Traits, Attentional Biases to threat and Friendship Quality in 9-11 years old. *Journal of Experiment Psychopathology*, 437-450.
- Mairin Gosman, M. N. (2020). Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dan Peranan Guru dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah. *International Reseach Journal of Education and Sciences*.
- Mamat, F. H. (2011). Penglibatan Ibu Bapa dan Pengaruhnya Terhadap Perkembangan Sosioemosi Kanak-kanak.
- McLeod, D. S. (2017). Theories of Personality.
- Michael T. Compton, T. C. (2018). The Impact of Psychoticism on Perceived Hassles, Depression, Hostility and Hopelessness in Non Psychiatric African American.
- Morrison, G. (1978). *Parent involvement in the home, school and community*. Ohio : Charles E. Merrill Publishing Company.
- Oltmanns, T. A. (2017). Neuroticism is a Fundamental Domain of Personality with Enormous Public Health Implications. *Journal Of The World Psychiatric Association*, 144-145.
- Porzio, S. K. (2003). A Critical Review of Eysenck's Theory of Psychoticism and How it Relates to Creativity.
- Yaakub, H. E. (2006). *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yunus, P. A. (2017). Kepentingan Penglibatan Ibu Bapa dalam Aktiviti Pembelajaran Kanak-kanak di Pasekolah.
- Zakaria, A. R. (2011). Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dan Konteks Keluarga dengan Pencapaian Akademik Murid.

Zulkifli Abd. Hamid, J. O. (2011). Hubungan Antara Penglibatan Iubapa dan Pencapaian Akademik Pelajar MIskin di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 31-40.

# **PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PdPR) : CABARAN GURU, MURID DAN IBU BAPA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

**Mohammad Izuddin Bin Ramli & Siti Aisyah Binti Yahya**  
Kolej Universiti Islam Melaka  
[izuddin@mpkj.gov.my](mailto:izuddin@mpkj.gov.my)

## **Abstrak**

Kertas kerja konsep ini dikemukakan untuk membincangkan tentang isu Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) iaitu cabaran guru, pelajar dan ibu bapa dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP). Kertas kerja ini juga akan memperincikan tentang isu-isu PDPR, cabaran dan peranan guru, pelajar serta ibu bapa, dan langkah-langkah menghadapi PDPR. Pandemik Covid-19 pada tahun 2020 yang mula di kesan di China telah mengubah norma kehidupan masyarakat dunia termasuk Malaysia. Semua sektor dan lapisan masyarakat di Malaysia terkesan dengan penularan wabak Covid-19 ini tidak terkecuali sistem pembelajaran di Negara ini. Pandemik ini telah menyebabkan muncul kaedah pendidikan maya, *e-learning* dan rumah-rumah telah bertukar menjadi bilik darjah dan kelas tutorial. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan garis panduan PDP sepanjang PKP. Garis panduan ini diwujudkan untuk membantu guru, pelajar dan ibu bapa dalam merealisasikan kaedah pembelajaran baru ini. PDPR ini memerlukan peranti yang bersesuaian serta capaian internet bagi membolehkan sesi pembelajaran ini dilaksanakan. Berasaskan kepada perubahan-perubahan yang berlaku secara drastik, boleh dikatakan bahawa pandemik Covid-19 telah mencetuskan revolusi dalam sistem pendidikan di Malaysia dan merupakan sinergi kepada kemunculan masyarakat digital di negara ini.

Kata kunci : Cabaran, Pembelajaran, Covid 19

## **PENGENALAN**

Pandemik Covid -19 yang mula dikesan di China pada tahun 2019 yang telah mengubah sejarah dunia. Seluruh dunia telah mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan wabak ini terus dijangkiti. Malaysia juga tidak ketinggalan mengambil langkah kawalan. Bermula pada awal tahun 2020, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah segera seperti mengadakan sekatan pergerakan yang dikenali sebagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pelaksanaan PKP di Malaysia telah menyebabkan sesi pembelajaran di sekolah ditangguhkan dan digantikan dengan sistem pembelajaran secara dalam talian dengan menggunakan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Pandemik Covid-19 telah menyebabkan pelajar-pelajar di Malaysia tidak dapat hadir ke sekolah sejak Mac 2020. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan garis panduan PDP sepanjang PKP sebagai panduan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Kejayaan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika ini bergantung kepada keupayaan para guru, pelajar-pelajar dan ibu bapa dalam mendepani persekitaran pembelajarannya.

## ISU-ISU PdPR

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) di seluruh negara dilihat bukan saja memberi cabaran kepada ibu bapa, malah guru dan pelajar juga terpaksa berdepan dengan pelbagai isu. Pengaktifan semula kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi sesi persekolahan 2021 dilihat sebagai kaedah terbaik ketika ini, berikutan peningkatan kes COVID-19. Namun, berdasarkan pengalaman pelaksanaan PdPR sebelum ini, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian bagi memastikan semua pelajar dapat mengikuti pembelajaran dengan baik tanpa ada yang tercicir.

Antara isu penting yang akan diketengahkan oleh penulis yang pertama ialah masalah capaian internet di sesetengah kawasan terutama di Kawasan pendalaman. Sebut sahaja pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR), pastinya ramai yang mengeluh dengan cabaran dihadapi pelajar lebih-lebih lagi apabila berdepan dengan masalah capaian internet. Sejak tahun lalu, masalah capaian internet seperti tiada berkesudahan apabila saban hari ada sahaja berita mengenainya yang terpaksa dihadapi pelajar terutama di luar bandar dan pendalaman. (Sinar Harian, Okt 2021) Capaian internet yang rendah di sesetengah lokasi tempat tinggal murid memberi cabaran kepada guru apabila murid 'hilang dari radar' di mana tidak membolehkan murid untuk mengikuti PdPR secara dalam talian. Selain pelajar, guru juga menghadapi masalah yang sama bila mana guru memerlukan capaian internet yang kuat untuk membuat kelas secara dalam talian seperti *google meet*, *zoom*, *microsoft team* dan pelbagai kaedah lain. Apabila capaian internet terganggu, pembelajaran juga mengalami masalah. Namun guru-guru terpaksa menerima hakikat bahawa itu sahaja pilihan yang mereka ada untuk memastikan murid dapat meneruskan pelajaran. (BHarian, Okt 2021)

Isu kedua adalah kurangnya peralatan yang sesuai seperti peranti elektronik untuk pelaksanaan PdPR. Menurut laporan kajian 'Covid-19 and 'Unequal Learning' yang dilakukan oleh Khazanah *Research Institute* (KRI), sebanyak 37 peratus kanak-kanak menghadapi masalah tidak mempunyai kelengkapan peranti seperti komputer riba dan tablet yang boleh digunakan semasa melaksanakan PdPR, manakala hanya enam hingga ke sembilan peratus sahaja kanak-kanak yang mempunyai peranti komputer riba sendiri. Masalah kekurangan dan kelengkapan peranti yang tidak mencukupi ini serta capaian internet yang kurang stabil menjejaskan proses PdPR untuk dilaksanakan dengan baik.

Isu ketiga adalah Kemahiran guru dalam reka bentuk arahan secara dalam talian dan kemahiran pengajaran secara jarak jauh. Menteri Pendidikan Malaysia Dr Radzi Jidin (2021) dalam temubualnya bersama rancangan Bual Bicara Khas Hari Guru bersama Menteri Kanan Pendidikan menyatakan penyediaan kaedah pendigitilan dalam menyampaikan pengajaran memerlukan dasar yang cukup luas bagi membolehkan persediaan latihan struktur kompetensi dapat ditingkatkan. Guru perlu mendapat peluang belajar dan mengambil inisiatif dalam menambah baik pengetahuan dan kemahiran digital untuk menyampaikan ilmu yang dimiliki. Sebanyak 80% guru di sekolah tidak mempunyai pengetahuan yang baik tentang Pengajaran dan Pemudahcara (PdPc) terbeza. Hal ini juga menandakan bahawa guru menghadapi cabaran dalam meningkatkan pengetahuan dan kompetensi mereka dengan pendekatan pengajaran berbeza. Tambahan pula, norma baharu menuntut guru untuk bertugas daripada rumah akibat penularan wabak COVID-19 sehingga menyebabkan rutin dan budaya kerja guru juga berubah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Rahayu et al. 2020). Rutin kerja guru juga bukan sahaja mengajar tetapi guru perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ICT. Cabaran guru juga bertambah apabila guru berhadapan dengan ibu bapa. Seorang pekerja swasta, yang mempunyai anak bersekolah Tahun Satu dan Dua di Selangor menyatakan, terdapat guru yang tidak konsisten dalam sesi pengajaran dimana guru sering bertukar-tukar platform media sosial dan medium pengajaran dalam mengendalikan kelas PdPR. Tambahan pula, bahan pengajaran yang digunakan tidak mencukupi kehendak murid.

Isu keempat pula ialah kesediaan dan kemahiran ibu bapa dalam membantu pembelajaran



anak. Kebiasaan yang berlaku di sekolah, guru akan mengajar dan mendidik pelajar sehingga pandai. Ibu bapa menyerahkan seratus peratus tanggungjawab pembelajaran anak-anak kepada sekolah. Namun tugas guru itu terpaksa dipikul oleh ibu bapa sepanjang PdPR menyebabkan mereka rasa tertekan dengan bebanan baharu itu. Tekanan timbul kerana ibu bapa yang bekerja dari rumah terpaksa menguruskan dua perkara dalam satu masa, iaitu urusan kerja dan PdPR anak-anak. Antara faktor tekanan ibubapa ialah tidak mempunyai pengetahuan yang cukup untuk membantu anak, di samping kekurangan masa setelah penat bekerja seharian.

Isu terakhir yang diketengahkan oleh penulis ialah persediaan untuk belajar secara PdPR bagi pelajar dari segi fizikal, emosi dan sosial. Secara umumnya, kekurangan pembelajaran secara atas talian adalah pelajar tidak mampu memberi fokus terhadap pembelajaran yang sedang dijalankan. Hal ini kerana setiap perbuatan dan percakapan pelajar terselindung di balik paparan skrin yang sentiasa berada dalam mod senyap dan kamera tertutup. Ini membuatkan para pelajar merasa selesa dengan perbuatan mereka kerana tidak dapat diketahui oleh guru yang sedang mengajar. Pelajar mungkin hanya mampu memberi fokus terhadap pelajaran 15 minit awal namun selepas itu, mereka mungkin sudah melakukan perkara-perkara yang lain seperti tidur, bermain media sosial, bermain permainan video dan sebagainya hingga tamat sesi pembelajaran. Bagi pelajar yang sedaya upaya memberi fokus terhadap pelajaran juga mungkin mengalami kesukaran untuk memahami topik pembelajaran. Kekurangan bahan pembelajaran, tidak dapat menggambarkan apa yang dipelajari dan situasi tidak bersemuka bersama guru untuk bertanya soalan merupakan faktor-faktor kepada kesukaran pelajar untuk memahami topik yang dipelajari. Selain itu, fokus pelajar juga akan terjejas kerana kerap menghadap skrin komputer atau skrin telefon dalam jangka masa yang lama.

## **CABARAN DAN PERANAN**

Setelah lebih setahun pembelajaran dalam talian dilaksanakan susulan pandemik Covid-19, pelajar terutamanya murid sekolah rendah mula menunjukkan perubahan mereka terhadap sistem pembelajaran tersebut. Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bukan saja menuntut disiplin tinggi pelajar malahan ibu bapa juga perlu memainkan peranan penting demi memastikan anak-anak mereka tidak tercicir. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) di seluruh negara dilihat bukan saja memberi cabaran kepada ibu bapa, malah guru dan pelajar juga terpaksa berdepan pelbagai isu.

### **i. Cabaran dan Peranan Guru**

#### **a) Cabaran**

Antara cabaran yang dihadapi oleh guru seluruh Malaysia adalah kesukaran untuk menarik minat pelajar-pelajar bagi mengikuti PdPR secara berterusan. Tidak semua pelajar hadir PdPR secara berterusan. Seorang guru di sebuah sekolah di Putrajaya berkata, kehadiran kelas dalam talian dalam kalangan pelajar daripada kelas 'belakang' dilihat agak rendah. Berbeza dengan kehadiran pelajar kelas hadapan ialah 24 daripada 27 orang keseluruhan. Namun, kehadiran kelas belakang dilihat hanya enam daripada jumlah 19 orang. Oleh itu, pelajar pandai dilihat akan 'selamat' dan yang lemah pula terus ketinggalan. Selain itu, pelajar tidak memberi respon ketika PdPR berlangsung juga adalah antara cabaran paling mencabar untuk guru hadapi. Situasi ini boleh di ibaratkan seperti guru mengajar sendiri tanpa pelajar. Tidak dinafikan ketika pembelajaran bersemuka, ada sesetengah pelajar yang tidak memberi tumpuan ketika guru mengajar, inikan pula ketika sesi pembelajaran atas talian. Baru-baru ini viral satu kisah seorang guru yang menanti penyertaan pelajar ketika sesi pembelajaran atas talian, namun tiada seorang pun yang sertai kelas tersebut. Kecewa melihat sikap

pelajar yang tidak berdisiplin dalam menuntut ilmu. Bukan itu sahaja, ada juga dalam kalangan pelajar yang sertai kelas atas talian seperti Google Meet sekadar untuk memenuhi jumlah kehadiran. Hakikatnya, di sebalik kamera yang sengaja dimatikan, mereka melakukan kerja-kerja yang tidak berkaitan.

Cabaran seterusnya adalah guru tidak dapat memenuhi sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh KPM. Berbeza dengan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka, guru boleh memberi fokus kepada 40 orang pelajar dalam satu masa dan cara pengajaran yang di ajar membolehkan pelajar lebih mudah faham. Dengan cara itu, sukatan pelajaran dapat dihabiskan mengikut masa dan waktu yang ditetapkan. Apabila PdPR dilaksanakan, guru terpaksa memendekkan sukatan pelajaran untuk memberi laluan kepada murid yang kurang faham atau tidak faham apa yang guru ajar. Satu jam masa yang diberikan untuk guru selesaikan silibus atau tajuk dalam seminggu tidak mencukupi. Setelah sesi PdPR berlangsung, guru akan memberi tugas sebagai pengukuhan untuk tajuk yang dipelajari, akan tetapi pelajar tidak menyempurnakan dan menghantar latihan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Alasan bagi permasalahan ini, tidak menghantar tugas sekalipun guru tidak boleh berbuat apa-apa kerana pelajar tidak hadir ke sekolah. Cabaran terakhir yang dihadapi oleh guru adalah guru perlu membahagikan masa untuk menjalankan PdPR bersama pelajar dan menguruskan PdPR anak-anak di rumah. Semua sedia maklum bahawa, guru yang telah berkeluarga juga mempunyai anak-anak untuk ditangani. Dengan itu, sebelum guru mengajar pelajar, guru perlu menyediakan kelengkapan untuk anak-anak mereka terlebih dahulu, menguruskan keperluan harian keluarga sama seperti ibu bapa lain yang bekerja di rumah.

#### b) **Peranan**

Bagi menarik minat pelajar untuk hadir PdPR, Guru perlu menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) yang lebih kreatif dan inovatif. Selain BBM, aktiviti seperti game, kuis, video dan sebagainya juga membantu menarik minat pelajar untuk belajar secara dalam talian. Kini pelajar lebih gemar melihat YouTube, Tiktok dan pelbagai lagi medium di media sosial, oleh itu guru juga boleh menggunakan pendekatan ini asalkan ianya mampu menarik minat mereka untuk belajar. Ada juga guru yang mengambil inisiatif dengan mewujudkan laman YouTube sendiri untuk mengajar. KPM perlu memperhalusi semula dan membuat penambahbaikan terhadap garis panduan PdPr yang telah ditetapkan agar ianya bersesuaian dan relevan serta mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran.

Komunikasi diantara guru dan ibu bapa berkaitan pencapaian pelajar hendaklah sentiasa dilakukan kerana ianya mampu untuk memastikan pelajar tidak tercicir di dalam pembelajaran dan mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar untuk memberikan fokus di dalam PdPR. Guru hendaklah memberi latihan yang mudah difahami dengan arahan yang jelas seperti menggunakan pendekatan kuis atau permainan. Aplikasi seperti Google Form juga boleh digunakan untuk guru memberikan latihan kepada pelajar dan boleh mendapatkan semula jawapan dengan lebih pantas. Guru yang mempunyai anak dan menjalani PdPR hendaklah menyediakan jadual dan fasiliti yang lengkap dan sesuai untuk anaknya bagi memastikan ianya tidak mengganggu PdPR guru tersebut dengan pelajar.

#### ii. **Cabaran dan Peranan Pelajar**

##### a) **Cabaran**

Cabaran pelajar masa kini ialah belajar secara PdPR sepanjang tempoh Pendamik Covid-19. Pelajar tanpa pilihan diminta untuk belajar secara dalam talian dan ia sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada pembelajaran yang sebelum ini lebih mudah. Pelajar sukar untuk memahami sesi pembelajaran secara maya. Bagi meningkatkan perhatian dan kefahaman pelajar ketika pembelajaran dalam talian, guru boleh menyediakan bahan pembelajaran yang menarik dan sesuai, sama ada dalam

bentuk video, lembaran kerja, animasi dan sebagainya.

Kandungan pelajaran yang banyak juga boleh dipecah kecil bagi memudahkan pelajar memproses maklumat dan mengurangkan masa pembelajaran mereka. Aktiviti permainan dalam talian juga dapat meningkatkan tumpuan pelajar dan pemberian ganjaran bagi setiap aktiviti atau soalan yang dapat dijawab oleh pelajar boleh meningkatkan motivasi untuk belajar. Guru juga hendaklah merakam pengajaran yang dilaksanakan secara sinkronus untuk menjadi rujukan bagi pelajar selepas sesi pembelajaran tamat bagi memudahkan pelajar mengulangkaji dan membuat rujukan.

Cabaran utama belajar secara PdPR ialah pelajar tidak mempunyai peranti yang mencukupi untuk menghadiri kelas PdPR. Perkara ini perlu di ambil serius oleh ibu bapa kerana tanpa peranti seperti komputer, laptop, tablet atau telefon pintar akan menyukarkan pelajar menghadiri kelas PdPR secara dalam talian. Permasalahan ini akan mengakibatkan pelajar keciciran dalam pelajaran

Suasana bising di rumah menyukarkan pelajar untuk fokus di dalam sesi pembelajaran. Bagi keluarga yang memiliki rumah yang selesa pasti tidak akan merasai masalah ini. Lain pula bagi golongan yang tinggal di rumah yang sempit dan perlu berkongsi bilik bersama adik-beradik yang lain sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hal ini pasti menjadi antara cabaran pembelajaran atas talian buat mereka, tambah-tambah pelajar yang akan menghadapi peperiksaan besar seperti SPM. Suasana riuh di rumah, ruang belajar yang tidak selesa akan menyebabkan mereka sukar untuk memberi tumpuan ketika sesi pembelajaran dijalankan.

Tidak mahir menggunakan peranti untuk mengikuti sesi PdPR juga merupakan cabaran yang perlu pelajar hadapi. Pelajar kurang berkemahiran dalam mengakses DELima, Zoom, Google Meet dan pelbagai kaedah PdPR lain. Ini menyebabkan guru perlu memberikan tumpuan masa lebih dalam mengajar murid kepada penggunaan ICT. Jika murid tidak dijelaskan tentang tatacara penggunaan ICT. Motivasi murid akan menurun untuk melaksanakan PdPR.

## b) **Peranan**

Perkara asas yang perlu ditekankan didalam diri setiap pelajar adalah berkaitan niat dan matlamat untuk belajar. Seharusnya pelajar perlu terus berjuang untuk menempuhi pembelajaran walau apapun halangan yang datang. Perkara ini perlu ditekankan dan diingatkan setiap masa untuk melahirkan generasi pelajar yang bertanggungjawab dan berdaya saing.

Persediaan sebelum memulakan sesi pembelajaran secara PdPR hendaklah ditekankan untuk memastikan fizikal dan mental pelajar bersedia dan dapat memberikan fokus semasa PdPR dijalankan. Ianya sangat penting kerana seharian mengadap peranti elektronik boleh menyebabkan anggota badan mudah mengalami keletihan dan kelesuan.

Kelengkapan pembelajaran seperti alat peranti, alat tulis, buku aktiviti, buku latihan, buku teks dan lain-lain peralatan hendaklah disediakan oleh pelajar sebelum PdPR bermula untuk membolehkan pelajar memberikan sepenuh perhatian dan tumpuan kepada sesi pembelajaran.

Tanggungjawab sebagai pelajar hendaklah menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru mengikut tempoh masa yang ditetapkan kerana ianya penting dan menjadi pengukur kepada kefahaman dan pencapaian pelajar.

### iii. **Cabaran dan Peranan Ibu Bapa**

#### a) **Cabaran**

PdPR secara maya telah menjadi suatu keperluan kepada pelajar dan guru sepanjang tempoh berlakunya penularan COVID-19 di Malaysia. Tanpa disedari, sesi PdPR ini telah mempengaruhi banyak pihak terutamanya ibu bapa. Hal ini kerana ibu bapa secara tidak langsung terpaksa mengambil alih peranan guru untuk mengajar anak-anak mereka di rumah. Justeru, ia telah memberi impak terhadap pembelajaran anak-anak. Ibu Bapa perlu membahagikan masa diantara bekerja dari rumah (BDR) dan menguruskan PdPR anak-anak agar pembelajaran anak-anak tidak keciciran. Selain itu, ibu bapa juga perlu mengeluarkan peruntukan untuk menyediakan peranti untuk PdPR bagi kegunaan anak-anak di rumah.

Antara faktor tekanan ibubapa ialah tidak mempunyai pengetahuan yang cukup untuk membantu anak, di samping kekurangan masa setelah penat bekerja seharian. Bagi mengurangkan tekanan, ibu bapa boleh merancang aktiviti atau perjalanan PdPR anak masing masing. Komunikasi bersama-sama pihak sekolah terutama guru kelas atau guru mata pelajaran juga penting supaya anak-anak tidak ketinggalan membuat tugasan yang diberikan sama ada melalui Google Classroom atau platform lain.

Cabaran yang sukar bagi ibu bapa adalah dalam menyediakan peranti bagi penggunaan anak-anak untuk belajar secara PdPR. Ibu bapa perlu menstruktur semula kewangan keluarga, dengan memperuntukkan simpanan dan perbelanjaan untuk peranti dan bil Internet. Ramai di antara ibu bapa yang terjejas dari segi ekonomi ekoran pandemik, antaranya seperti dibuang kerja, jualan merosot bagi peniaga dan pelbagai lagi. Hal ini justeru telah menyebabkan ibu bapa yang terdiri golongan B40 berdepan dengan masalah untuk menyediakan kemudahan yang cukup seperti telefon bimbit dan komputer riba yang menjadi peranti utama dalam kaedah PdPR atas talian. Bukan sahaja kemudahan yang tidak mencukupi kepada golongan B40 di bandar, malah golongan B40 luar bandar terutamanya menghadapi masalah untuk menyediakan data internet dan kredit telefon bimbit yang cukup selain daripada masalah kelajuan internet.

#### b) **Peranan**

Kejayaan anak-anak di dalam pelajaran memerlukan pengorbanan dan perhatian ibu bapa sebagai pendorong dan pembakar semangat kepada anak-anak untuk membolehkan mereka memberikan lebih tumpuan dan perhatian di dalam pelajaran. Di dalam situasi berhadapan dengan Pandemik Covid -19, ibu bapa perlu menyesuaikan masa dan menyusun jadual untuk BDR dalam konteks seorang pekerja tanpa mengabaikan tanggungjawab untuk memantau PdPR anak-anak.

Kelengkapan untuk PdPR hendaklah disediakan secukupnya untuk kegunaan anak-anak bagi mengelakkan mereka ketinggalan dalam pembelajaran dan tercicir. Bagi ibu bapa yang kurang berkemampuan, mereka perlu mendapatkan dan memohon bantuan yang disediakan oleh agensi kerajaan dan pihak-pihak berkaitan yang menyediakan bantuan dan kemudahan bagi tujuan ini.

Ibu bapa seharusnya tidak ketinggalan untuk mengikuti dan memahami teknologi masa kini dan setiap mata pelajaran yang diajar, bagi membolehkan mereka membantu dan memberikan tunjuka ajar kepada anak-anak semasa PdPR berlansung.

Keselesaan anak-anak semasa menjalani sesi pembelajaran secara PdPR hendaklah diutamakan kerana ianya menjadi salah satu factor yang mendorong kepada kejayaan mereka di dalam pelajaran.

## **LANGKAH-LANGKAH MENGHADAPI PDPR**

Pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) membuatkan kita dipaksa dan terpaksa keluar daripada zon selesa dan rutin harian. Jika sebelum ini, rutin hidup dilalui dengan cara yang normal, kini banyak aktiviti yang terpaksa ditukar mod, kaedah dan caranya, seterusnya menjadi 'normal baharu'. Paling ketara, peralatan media dan komunikasi menjadi sangat penting, bukan lagi sebagai kehendak, tetapi keperluan dan sebahagian daripada hidup semasa PKP ini. Menurut definisi operasi PdPR di dalam Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah PdPR ialah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan di rumah atau pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian. PdPR boleh dilaksanakan dalam talian dan/atau luar talian dan/atau 'off-site' dengan berstruktur dan terancang. PdPR secara dalam talian (online) boleh dilaksanakan apabila terdapat capaian Internet dan penggunaan peranti yang membolehkan murid belajar secara masa nyata (real-time). Manakala PdPR secara luar talian (offline) pula berlaku apabila murid belajar menggunakan peranti seperti komputer, komputer riba, tablet atau telefon pintar tanpa capaian Internet.

Sebagai ibu bapa yang prihatin mengenai hal ehwal keluarga serta pendidikan dan masa depan anak-anak mereka, beberapa kaedah boleh dipertimbangkan bagi membantu menyokong PdPR anak-anak. Menurut Prof. Datuk Dr. Harlina Halizah Hj. Siraj, ciri keluarga idaman adalah (i) mampu meluahkan kasih sayang dan penghargaan, (ii) komitmen dan iltizam untuk menyokong satu sama lain, (iii) mampu melaksanakan komunikasi positif dan efektif, (iv) memperuntukkan masa berkualiti, (v) rumah sebagai tempat yang selamat dan (vi) kesejahteraan spiritual (mampu menangani stress dan konflik). Justeru, dalam konteks PdPR, kesemua ciri ini seharusnya dipraktik dan diperkembangkan agar entiti keluarga menjadi lebih harmoni dan kukuh. Antara langkah-langkah menghadapi PdPR adalah seperti berikut:-

### **1. Belajar mengenai aspek teknikal dalam PdPR**

Pengetahuan dan kemahiran asas berkaitan teknologi PdPR ini bukan hanya penting kepada murid dan guru, malah juga ibu bapa dan ahli keluarga lain kerana PdPR melibatkan berbagai kaedah. PdPR dalam talian dan luar talian memerlukan penyediaan peranti yang sesuai seperti komputer, komputer riba, tablet atau telefon pintar dengan capaian Internet. Suka atau tidak, mahir atau tidak, ibu bapa perlu mengambil tahu akan aspek teknikal ini. Misalnya pendaftaran akaun Google, mencari mata pelajaran dalam Google Classroom, melayari Cikgootube, mencari bahan di platform DELIMA atau 'Digital Educational Learning Initiative Malaysia', sehinggalah kepada penyertaan anak-anak melalui kelas dalam talian dengan cara mengaktifkan mikrofon dan mod video.

### **2. Susun jadual waktu anak-anak dan ibu bapa**

Setiap anak dibekalkan dengan jadual waktu PdPR. Maka, ibu bapa perlu berbincang dan mengambil tahu jadual anak-anak dan kemudian disesuaikan dengan jadual ibu bapa. Ibu bapa yang bekerja dari rumah (work from home – WFH) dan yang bekerja di pejabat (work at office – WAO) berbeza jadual dan cabarannya. Misalnya, ketika WFH, ibu bapa perlu menumpukan masa kepada kerja pejabat, memberi tumpuan kepada urusan PdPR anak-anak, menyediakan makanan untuk keluarga dan berbagai lagi tugas yang tidak pernah selesai di rumah.

Manakala WAO, ibu bapa masih perlu mengawal pergerakan dan perilaku anak-anak dengan kerap menghubungi mereka bagi memastikan anak-anak mengikuti sesi PdPR seperti yang dijadualkan, dan ibu bapa hanya dapat turut-serta dalam sesi PdPR setelah pulang dari pejabat. Jika tidak mampu menyediakan peranti/gajet berasingan untuk anak-anak, maka mereka boleh memaklumkan guru dan membantu anak-anak menyiapkan tugas pada sebelah petang atau malam. Ada keluarga yang memiliki anak yang ramai, dan peranti yang terhad. Itulah sebabnya jadual penggunaan peranti amat penting disediakan dan semua ahli keluarga perlu dididik dengan disiplin yang tinggi untuk akur kepada jadual tersebut supaya kekal harmoni.

### **3. Maklumkan kepada guru dan/atau pihak sekolah mengenai kekangan yang dihadapi**

Umum mengetahui berbagai cabaran dihadapi ibu bapa dalam mendepani pandemik ini, baik dari segi kewangan, sosial, psikologi dan lain-lain. Setiap individu dan keluarga ada kisah tersendiri, baik yang positif mahupun negatif. Jadi, terpulang kepada kita bagaimana mahu menanganinya. Jika ada kekangan yang tidak dapat diselesaikan berkaitan PdPR ini, adalah lebih baik ibu bapa memaklumkan kepada guru atau pihak sekolah. Guru, pihak sekolah dan PIBG amat prihatin dalam memastikan kebajikan murid dan sedaya mungkin memberikan setiap murid akses sama rata kepada PdPR.

### **4. Beri kerjasama sepenuhnya kepada pihak sekolah dan guru bagi setiap mata pelajaran**

Setiap kaedah pembelajaran ada kekuatan dan kelemahannya, termasuklah PdP bersemuka dan PdPR. Jadi, ibu bapa perlu sentiasa bertolak ansur dengan para guru dan pihak sekolah bagi memastikan sesi PdPR berjalan lancar. Perlu ada sikap “beri dan terima” (give and take), mempunyai sifat empati, memberi masa kepada guru jika guru lewat memberi tugas/bahan atau terlambat membalas mesej, bertolak ansur dalam semua perkara dan situasi, dan menyokong kaedah PdPR yang digunakan guru. Jangan hanya tahu menuding jari kepada guru dan pihak sekolah, tanpa kita sebagai ibu bapa memberikan kerjasama dan sokongan yang tidak berbelah bagi.

### **5. Struktur semula kewangan keluarga, dengan memperuntukkan simpanan dan perbelanjaan untuk peranti dan bil Internet.**

PdPR memerlukan penyediaan peralatan dan perisian yang secukupnya bagi membolehkan anak-anak menyertai semua aktiviti dengan berkesan. Peranti seperti komputer riba, tablet, dan telefon pintar bukanlah murah, terutama bagi keluarga yang terkesan akibat penularan COVID 19 ini. Selain peranti, urusan penyenggaraan dan pembayaran data Internet juga menjadi satu isu yang perlu ditangani secara berhemah. Justeru, ibu bapa perlu mengambil inisiatif dengan menstrukturkan semula kewangan keluarga dengan cara memperuntukkan simpanan untuk tujuan PdPR ini. Jika tidak dimulakan inisiatif ini, lama-kelamaan masalah teknikal akan menjadi semakin meruncing.

### **6. Menyediakan ruang pembelajaran yang kondusif dan sesuai**

Ada ketikanya guru mengadakan kelas dalam talian menggunakan aplikasi tertentu seperti Google Meet atau Zoom, penyediaan ruangan yang sesuai amat perlu bagi membolehkan anak-anak dapat mendengar dan fokus kepada sesi berkenaan dan tidak diganggu oleh bunyi persekitaran. Selain itu, anak-anak juga memerlukan meja dan kerusi yang sesuai dengan fizikal dan menyokong postur badan. Ibu bapa juga perlu pastikan sistem pencahayaan dan pengudaraan yang bersesuaian serta alat tulis dan kelengkapan belajar mencukupi.

## 7. Adab, tatacara dan etika berkomunikasi di media sosial

Berinteraksi dalam media sosial sama seperti interaksi bersemuka, memerlukan kita tahu mengenai adab, tatacara dan etika yang betul. Kita amat memerlukan media sosial bagi mengetahui keperluan PdPR anak-anak. Misalnya, guru kelas akan menubuhkan kumpulan WhatsApp dan Telegram, mengadakan kelas dalam talian melalui Google Meet, dan menyediakan tugas mengikut kursus melalui Google Classroom. Jadi, ibu bapa seharusnya lebih peka dan cakna mengenai adab ketika berinteraksi dengan guru dan ibu bapa lain dalam media sosial dan media pembelajaran ini. Misalnya, jika ada soalan yang difikirkan peribadi, lebih baik bertanya terus kepada guru berkenaan, bukannya di dalam medium berkumpulan seperti kumpulan WhatsApp kelas. Juga, perlu elakkan bertanya soalan yang sama berulang kali.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, cabaran PdPR ini tidak hanya ditangani secara bersendirian tetapi ianya memerlukan kerjasama semua pihak. Guru, ibu bapa dan pelajar perlu memikul tanggungjawab ini dalam memastikan PdPR dapat dilaksanakan dengan jayanya dan secara tidak langsung mencapai hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013- 2025). Pelaksanaan PdPR tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa kerjasama holistik daripada semua pihak yang terlibat, sama ada pihak atasan seperti KPM, JPN, dan PPD, sehinggalah kepada pihak sekolah, guru, ibu bapa atau penjaga, dan komuniti secara keseluruhannya. Hatta pengawal keselamatan di sekolah juga memainkan peranan penting dalam memastikan urusan keselamatan di sekolah terkawal dan semua

patuh SOP ketika berada di sekolah. Memang kita semua berada dalam situasi yang meletihkan, merimaskan dan menguji kesabaran, namun 'jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya'. Semua pihak perlu bersatu hati ketika ini bagi memastikan kemenjadian generasi muda dan kelangsungan sistem pendidikan negara kita.

## RUJUKAN

Ahmad Johari Bin Sihes & Ng Gek Lui. *Faktor-Faktor Stres Di Kalangan Guru Yang Mengajar Mata Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Mersing, Johor*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia

Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/149337/LAPORAN-KHAS/Ibu-bapa-tertekan-urus-PdPR-anak>

Intan Safinas Mohd Ariff Albakri, Fazilah Idris, Maznah Ibrahim, Alawiah Ibrahim. *Kaedah Pengajaran Berkesan : Antara Keperluan Pelajar dan Realiti Pengajaran Jarak jauh*.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Manual Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah*. Mohd Amin Jalil. *Capaian internet lemah sukarkan guru laksana PdPR*.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/778560/capaian-internet-lemah-sukarkan-guru-laksana-pdpr>

Norehan Binti Mohd Nasir, Mahaliza Binti Mansor, *Cabaran Guru dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): Suatu Pemerhatian Awal*, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 6, Issue 7, (page 416 - 421), 2021 (UPSI)

Paezah Abd. Halim, Faridah Yunus. *Kepentingan Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aktiviti Pembelajaran Kanak-Kanak Di Prasekolah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail & Wan Mohd Khairul

Roshlawaty Raieh (2020). Realiti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) semasa PKPB: Ini yang perlu kita tahu. Daripada <https://www.gpsbestari.com/artikel/rencana/realiti-pengajaran-dan-pembelajaran-di-rumah-pdpr-semasa-pkpb-ini-yang-perlu-kita-tahu-1.936425>

Sandy Lo. *Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru dalam profesion dan Langkah-langkah untuk mengatasinya.*

Siti Shamila Che Zahari. Masalah capaian internet masih hantui pelajar. Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/146951/SUARA-SINAR/Analisis-Sinar/Masalah-capaian-internet-masih-hantui-pelajar>

Titik Rahayu, Syafrimen Syafril, Kamisah Bt. Osman, Lilia Bt. Halim, Sharifah Zarina Binti Syed Zakaria, Cik Tuan Mastura Binti Tuan Soh, Nova Erlina Yaumas. *Kualiti Guru, Isu Dan Cabaran Dalam Pembelajaran Stem.* Universiti Kebangsaan Malaysia, Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung, Indonesia



# **PENGANGGURAN DALAM KALANGAN TENAGA KERJA SEMASA PANDEMIK COVID-19**

**Ahmad Fuad Bin Daud<sup>1</sup> & Siti Aishah Binti Yahya<sup>2</sup>**

Kolej Universiti Islam Melaka

[nuadr26@yahoo.com](mailto:nuadr26@yahoo.com)

## **Abstrak**

Kertas kerja konsep ini dikemukakan bagi membincangkan isu Pengangguran Dalam Kalangan Tenaga Kerja Semasa Pandemik Covid-19. Kertas kerja ini juga akan membincangkan secara terperinci berkaitan isu-isu pengangguran, insentif untuk menjana pendapatan dan inisiatif yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membantu sektor pekerjaan serta kemahiran tenaga kerja yang sesuai dengan keperluan masa kini, kesan daripada pengangguran terhadap semua pihak serta peranan masyarakat dalam menghadapi isu pengangguran ini. Wabak COVID-19 yang melanda Malaysia dan dunia telah memberi impak yang besar kepada sistem politik, ekonomi, sosial, kesihatan, dan pendidikan negara. Ekoran daripada wabak yang berlaku, kerajaan Malaysia telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada rakyat bermula 18 Mac 2020 sekaligus memberi impak terhadap sektor pekerjaan. Banyak sektor pekerjaan terpaksa menghentikan operasi serta merta dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19 daripada terus menular dalam masyarakat. Polemik dari wabak yang berlaku telah mencetuskan implikasi besar kepada setiap aspek iaitu politik, ekonomi dan sosial serta mendapat pelbagai reaksi negatif masyarakat. Salah satu impak dari PKP yang dilaksanakan di negara ini adalah dari segi kesan terhadap sektor pekerjaan. Hal ini kerana, banyak sektor pekerjaan yang terpaksa ditutup sebagai usaha membantu kerajaan mengekang penularan wabak COVID-19 daripada terus menular dalam masyarakat. Kebanyakan syarikat, operasi perniagaan, organisasi swasta serta kerajaan ditutup serta merta. Bahkan, penutupan perniagaan semasa PKP telah menyebabkan banyak syarikat tidak dapat menampung kos perbelanjaan termasuklah gaji pekerja hingga menyebabkan syarikat terpaksa membuang pekerja (Jabatan Perangkaan Negara, 2020).

Kata kunci : Isu-Isu Pengangguran, Insentif Dan Inisiatif Kerajaan, Kesan Pengangguran, Peranan Masyarakat

## **PENGENALAN**

Krisis wabak COVID-19 yang meningkat dan menjangkiti rakyat Malaysia menyebabkan Kerajaan terpaksa mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai langkah untuk memutuskan rantaian pandemik COVID-19 daripada terus merebak. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 telah dilaksanakan secara berperingkat sehingga ke fasa terakhir Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang berakhir pada 31 Disember 2020. Ini kerana, perintah yang dikeluarkan itu menyebabkan penduduk Malaysia perlu tinggal di rumah dan tidak lagi dibenarkan untuk melaksanakan tugas harian di luar seperti kebiasaan. Justeru, senario yang berlaku memerlukan individu beradaptasi dan menyesuaikan diri dengan norma baharu ini (Abdul Rashid Aziz, 2020).

Malaysia telah merangka wawasan 2020 sebagai pelan lonjakan kemajuan negara, namun pandemik COVID-19 yang berlaku telah memberi implikasi yang besar kepada sektor ekonomi dan pembangunan negara. Sektor pekerjaan antara sektor yang terjejas dengan kenaikan kadar pengangguran pada suku tahun pertama iaitu 3.9 peratus berbanding 3.3 peratus pada tahun 2019 (laporan Statistik Tenaga Buruh, 2020).

Antara perbincangan ialah antaranya melihat kepada isu-isu pengangguran di mana kita melihat golongan-golongan yang terlibat dan terkesan semasa Pandemik Covid-19 ini telah menjadi masalah atau satu isu yang serius dan perlu ditangani dengan segera kerana ia boleh mengundang kepada masalah sosial lain yang lebih besar. Kehilangan pekerjaan di saat krisis ekonomi pasti akan memberikan kesan yang sangat besar kepada seseorang individu. Keadaan yang terdesak memungkinan peningkatan masalah sosial dan kadar jenayah bakal berlaku di negara kita. Selain itu, kita akan melihat apakah insentif untuk menjana pendapatan dan inisiatif yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membantu sektor pekerjaan serta kemahiran tenaga kerja yang sesuai dengan keperluan masakini di mana kerajaan sudah melaksanakan perancangan sewajarnya bagi mengelakkan kadar pengangguran keterlaluan yang boleh mengheret negara kepada krisis jika penularan COVID-19 mengambil masa lebih lama untuk dikawal.

Masyarakat juga berperanan dalam menghadapi isu pengangguran ini di mana masyarakat harus berfikir positif dan cuba meningkatkan kemahiran diri mereka. Selain daripada inisiatif seperti PENJANA, dasar kerajaan untuk mengurangkan pekerja asing di negara ini adalah satu daripada kaedah yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah pengangguran. Sebagai contoh, Kementerian Wilayah Persekutuan telah memulakan inisiatif mengambil golongan gelandangan untuk bekerja dan mengurangkan penggunaan pekerja asing di pasar-pasar di Wilayah Persekutuan. Bagaimanapun, rakyat dan anak muda tidak boleh memilih pekerjaan pada waktu krisis sebegini. Kelangsungan hidup adalah perkara pokok yang perlu diberi perhatian. Anak muda di negara kita diyakini sebagai golongan yang kreatif. Kini ramai juga yang mengusahakan perniagaan dalam talian dan ada juga yang memilih untuk menjadi pemandu e-panggilan ataupun penghantar barang.

## **ISU-ISU PENGANGGURAN**

Dalam mengendalikan krisis berkembar ekonomi dan kesihatan awam, peningkatan pengangguran antara isu membimbangkan. Belia paling terjejas kerana mereka biasanya kumpulan terakhir diupah majikan dan kelompok pertama diberhentikan kerana kekurangan pengalaman bekerja serta jaringan sosial termasuk ketidakpadanan kemahiran.

Di negara ini, belia antara 15 hingga 24 tahun menyumbang seramai 2.8 juta tenaga buruh, iaitu 18 peratus tetapi sudah mewakili 58.2 peratus jumlah penganggur. Sebelum COVID-19, pengangguran belia kekal tinggi dengan 35.6 peratus datang daripada berpendidikan tinggi. Pada masa sama, tenaga buruh cenderung kepada golongan pendidikan rendah (70.4 peratus). Kadar pengangguran di negara ini, meningkat kepada lima peratus pada April, lebih tinggi berbanding 3.9 peratus (Mac). Bilangan penganggur meningkat 48.8 peratus dalam kadar tahunan kepada 778,800 orang. Disebabkan krisis ini, belia kekal sebagai kumpulan paling tidak bernasib baik dengan kadar pengangguran semakin meningkat (12.9 peratus), lebih tinggi berbanding 11.3 peratus (Mac). Sebaliknya, kadar pengangguran lebih rendah untuk kumpulan masyarakat lebih berusia, melebihi 25 tahun ke atas (2.4 hingga 3.4 peratus) dan 31 tahun ke atas (1.5 hingga 2.5 peratus).

Untuk perbandingan, belia global terjejas teruk selepas krisis kewangan global kerana pemulihan ekonomi perlahan. Ketika itu, kadar pengangguran meningkat daripada 11.7 peratus (2007) kepada 13.1 peratus (2009) kemudian kekal tinggi selepas krisis pada kadar 13.2 peratus (2013). Disebabkan syarikat memerlukan masa pulih, terdapat siri pemberhentian pekerja, potongan

gaji dan cuti tanpa gaji. Pasaran kerja suram menggambarkan lepasan sekolah dan graduan universiti tidak bernasib baik dalam pasaran buruh kerana kekangan pengambilan pekerja baharu. Bukan sahaja terdedah kepada peluang terhad dan kerugian pendapatan disebabkan COVID 19, bahkan mereka dibebankan hutang seperti pinjaman pendidikan, kereta dan rumah.

#### 1. Mental masyarakat makin 'tenat'

- Kalau dilihat pada statistik Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang dilaporkan media, hampir 100,000 orang hilang pekerjaan pada tahun lalu (2020) dan itu tidak termasuk lagi dengan jumlah tahun ini serta golongan peniaga yang sememangnya begitu terkesan dengan situasi berkenaan.

- Malah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed sebelum ini telah mendedahkan kadar kemiskinan negara meningkat daripada 5.6 peratus pada tahun 2019 kepada 8.4 peratus pada tahun 2020.

- Selain itu menurut Sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi (AEC), lebih daripada 600,000 isi rumah golongan berpendapatan pertengahan (M40) telah tergelincir ke dalam kategori golongan berpendapatan rendah B40.

- Pastinya, ini memberi tamparan sangat hebat kepada tahap psikologi seseorang individu dan ini terbukti apabila statistik panggilan bantuan yang diterima agensi kerajaan sejak 25 Mac 2020 sehingga 20 Mei 2021, mendapati 85.5 peratus daripada 145,173 panggilan adalah membabitkan isu kesihatan mental yang memerlukan sokongan emosi dan kaunseling.

- Malah, boleh dikatakan hampir saban hari sejak kebelakangan ini, ada sahaja kes berkaitan dengannya dipaparkan media seperti baru-baru ini, suami mengurung isteri dan anak yang dikatakan tertekan kerana hilang pekerjaan, kes penderaan meningkat dan paling menyedihkan apabila ada yang bunuh diri.

- Dalam polemik ini, tidak dinafikan bahawa tahun 2020 dan 2021 merupakan tahun yang begitu mencabar daripada sudut kemampanan kesihatan mental dan emosi masyarakat apabila semakin ramai yang susah dan tertekan, kata Pakar Psikiatri Hospital Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian, Kelantan, Dr Mohd Azhar Mohd Yasin.

- Berdasarkan data Kementerian Kesihatan (KKM), mendapati dalam tempoh Januari sehingga Disember 2020, sejumlah 1,080 kes cubaan bunuh diri telah dilaporkan menerima rawatan di hospital KKM dan ini tidak termasuk lagi dengan statistik

daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

- Kalau dirujuk kepada panggilan yang diterima JBPM, trend cubaan bunuh diri dalam kalangan rakyat Malaysia adalah membimbangkan berdasarkan statistik daripada data perbandingan enam tahun sebelum ini, kata Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat JBPM Datuk Nor Hisham Mohammad.

- Ini kerana, kes cubaan bunuh diri berdasarkan panggilan yang diterima jabatan menunjukkan peningkatan pada tahun 2020 iaitu sebanyak 253 kes berbanding tahun-tahun sebelumnya iaitu tahun 2019 (183 kes), 2018 (170 kes), 2017 (151 kes), 2016 (146 kes) dan 2015 (141 kes).

- Buat masa ini, kerajaan melalui pelbagai kementerian dan agensi bekerjasama dalam menangani polemik ini antaranya dengan mewujudkan talian bantuan masing-masing seperti MyCareCovid-19

yang dikendalikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mahupun Talian Kasih Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).

- Manakala, KKM menerusi Talian Bantuan Sokongan Psikososial yang diwujudkan secara Kerjasama KKM-Mercy Malaysia selain KKM telah mengaktifkan pasukan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MHPSS) di peringkat negeri serta daerah untuk memberi sokongan emosi kepada individu terkesan.

- Mengulas mengenainya, Pakar Psikiatri dan Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Dr Rozanizam Zakaria berkata usaha berterusan telah diambil untuk meningkatkan akses bantuan, namun, ia perlu dipergiatkan lagi memandangkan masih ramai tidak tahu atau mungkin masih ada tidak yakin dengan bantuan yang boleh diberikan.

## 2. Pengangguran pasca-Covid-19

- Berdasarkan laporan terkini Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran melonjak kepada 5.0 peratus. Pengangguran meningkat 48.8 peratus berbanding tahun sebelumnya kepada 778.8 ribu orang. Penutupan operasi bagi sebahagian besar perniagaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilanjutkan hingga April 2020 telah memberi kesan kepada kehilangan pekerjaan dan menyebabkan pencari kerja merasakan sukar untuk mendapatkan pekerjaan.

- Jumlah pengangguran yang direkodkan itu (778.8 ribu orang) adalah yang paling tinggi sejak 34 tahun lalu. Kadar pengangguran tertinggi pernah dicatatkan di Malaysia adalah pada kadar 7.4 peratus pada tahun 1986. Namun, harus diberikan perhatian bahawa kadar pengangguran 5.0 peratus ini melangkaui kadar pengangguran rakyat Malaysia ketika krisis ekonomi Asia pada tahun 1998-1999 (3.9 peratus) dan kelembapan ekonomi dunia sekitar tahun 2007-2009 (4.1 peratus). Penduduk bekerja yang paling terjejas adalah di sektor pembuatan dan perkhidmatan iaitu penginapan dan makanan dan minuman; kesenian, hiburan dan rekreasi dan perkhidmatan lain seperti pusat kecantikan dan salon.

- Ekonomi negara bernasib baik kerana perbelanjaan penggunaan isi rumah masih meningkat iaitu sebanyak 6.7 peratus. Perbelanjaan utama yang dilakukan oleh isi rumah pada kali ini adalah terhadap penggunaan bahan asas seperti makanan dan minuman, telekomunikasi dan perumahan, air, dan elektrik. Manakala berlaku penurunan dalam perbelanjaan penggunaan petrol, perjalanan, rekreasi dan makanan di luar rumah. Pengurangan perbelanjaan oleh isi rumah tersebut secara langsung memberi kesan kepada industri yang berkaitan seperti industri makanan dan minuman, perhotelan, pengangkutan, sukan dan rekreasi. Oleh kerana itu, kerajaan P digesa mendengar rintihan rakyat berhubung isu peningkatan mendadak bil elektrik sewaktu tempoh PKP. Harus dipertimbangkan bahawa ekonomi negara turut bergantung dengan penggunaan bahan asas oleh rakyat seperti air dan elektrik.

## **INSENTIF UNTUK MENJANA PENDAPATAN DAN INISIATIF KERAJAAN**

Kerajaan mengambil langkah tepat dalam menangani pengangguran dengan peruntukan RM9 bilion dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Antara langkah utamanya, ialah lanjutan Program Subsidi Upah, insentif pengambilan dan latihan pekerja, peruntukan peningkatan kemahiran

dan latihan semula, penubuhan Unit Khas untuk Pekerjaan Negara serta menaik taraf portal perkhidmatan pekerjaan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Walaupun usaha itu patut dipuji, terdapat beberapa dasar lain boleh menjanjikan modal insan berpotensi untuk masa hadapan.

- i. Sistem pendidikan-ke-pekerjaan (E2E) diperlukan. Contohnya, pendidikan atau subjek relevan diajar di samping pemberian insentif pengambilan pekerja bagi mempersiapkan mereka.
- ii. Institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) memainkan peranan utama dan peningkatan dalam kadar pendaftarannya antara strategi menghasilkan golongan belia berkemahiran tinggi. Kajian menunjukkan akses latihan vokasional lebih tinggi berkait rapat dengan kadar pengangguran lebih rendah.
- iii. Badan Penyelaras TVET Negara harus menjadi pemacu utama melahirkan tenaga mahir tempatan.
- iv. Kursus dalam talian ditawarkan PERKESO dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) juga boleh membantu meningkatkan kemahiran dan menyusun semula bakat tempatan menjadi belia berkemahiran digital.
- v. Jaring keselamatan sosial komprehensif untuk belia perlu diwujudkan melalui inisiatif kerajaan dalam pemberian insentif pengambilan pekerja, program perantis dan latihan seperti Skim Jaminan Belia Eropah pada 2014.

Antara inisiatif yang memberi kesan secara langsung kepada penganggur dan belia ialah Program Insentif Pengambilan Pekerja berjumlah RM1.5 bilion. Majikan atau syarikat akan menerima insentif kewangan untuk memberi pekerjaan kepada golongan penganggur dan belia. Insentif ini terbahagi kepada dua iaitu insentif RM800 sebulan bagi setiap pekerja sekiranya menggaji penganggur berumur di bawah 40 tahun dan RM1,000 sebulan selama enam bulan sekiranya menggaji penganggur berumur 40 tahun dan ke atas serta golongan orang kelainan upaya (OKU). Berdasarkan laporan Kementerian Kewangan, adalah dianggarkan kira-kira 300,000 pencari kerja akan mendapat manfaat melalui insentif itu.

Selain itu, tenaga kerja yang 'marketable' dengan situasi COVID-19 yang berlaku pada hari ini juga penting. Malah, elemen kualiti, daya saing, kebolehan seseorang adalah antara faktor utama bagi mendapatkan pekerjaan dalam pasaran kerja yang kompetitif. Beberapa faktor kebolehdapatan kerja bagi mengatasi pengangguran telah dan sedang dijalankan seperti berikut;

i. Inisiatif Kerajaan Membantu Sektor Pekerjaan dan Ekonomi Negara

- Berdasarkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) bernilai RM250 bilion yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Mac 2020, Kementerian Kewangan Malaysia telah melaksanakan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) yang telah diperuntukkan sebanyak RM10 bilion bagi golongan rakyat Malaysia yang layak. Pembayaran BPN ini dibuat dalam dua fasa iaitu pada akhir bulan April dan Mei 2020 mengikut kelayakan berdasarkan jumlah pendapatan isi rumah dan status perkahwinan. BPN adalah salah satu bantuan yang disediakan oleh Kerajaan yang diberikan secara sekaligus (one-off) kepada golongan B40 dan M40. Pemberian BPN bagi golongan B40 adalah berdasarkan pengkalan data Bantuan Sara Hidup. Manakala BPN bagi golongan M40 adalah berdasarkan data percukaian Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Pakej

sokongan pendapatan merangkumi bantuan kewangan kerajaan kepada isi rumah dalam bentuk pemindahan wang tunai langsung atau pelepasan hutang serta pembayaran untuk utiliti ini bukan sahaja diimplementasikan di Malaysia, malah negara-negara lain yang terjejas teruk rentetan wabak COVID19 seperti Amerika Syarikat turut melaksanakannya (Ashraf, 2020).

- Bantuan kerajaan ini antaranya untuk membantu individu yang dibuang kerja dan hilang punca pendapatan semasa wabak COVID-19 yang melanda (Wat Kamal, 2020). Bantuan ini juga untuk membantu rakyat dalam menampung keperluan sara hidup sekeluarga serta perbelanjaan persekolahan anak-anak. Ia seterusnya menjamin kelangsungan hidup rakyat dan ekonomi negara.

- Selain itu, Kementerian Sumber Manusia juga telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program PENJANA KERJAYA melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO). Oleh yang demikian, setiap individu yang mencari pekerjaan dan pihak majikan boleh menarik nafas lega apabila kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan PENJANA KERJAYA iaitu suatu program yang dijana bagi memberi insentif terhadap pengambilan pekerja. Program ini telah dilaksanakan bermula 15 Jun 2020. Tambahan dari itu, program ini dibangunkan bagi merangsang penjanaan sektor pekerjaan dan meningkatkan peluang pekerjaan ekoran kesan wabak COVID-19 yang membawa masalah pengangguran. Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) ini juga secara tidak langsung dapat merangsang permintaan pekerjaan di kalangan majikan dan meningkatkan peluang pekerjaan serta kebolehdapatan pekerjaan di kalangan pencari kerja tempatan sekaligus menangani masalah pengangguran di Malaysia (Berita Harian, 2020).

## ii. Kemahiran Teknologi & Pelaksanaan Program Kerjaya

- Industri berkaitan teknologi maklumat (IT), perkilangan, perbankan, perniagaan runcit dan penjagaan kesihatan masih menawarkan peluang pekerjaan baharu sepanjang penularan wabak COVID-19 berlaku. Kebanyakan syarikat mula terarah kepada pendigitalan dan menggunakan kaedah baharu dalam menjalankan perniagaan. Oleh itu setiap individu perlu melengkapkan diri dengan kemahiran teknologi atas talian (online) dan Internet of Thing (IoT). Dalam tinjauan yang dilakukan oleh Syarikat JobStreet (2020) pada bulan Mei 2020, didapati daripada 5,000 tenaga kerja di Malaysia, satu dari lima individu yang bekerja sebelum PKP telah diberhentikan kerja. Justeru, sebagai rakyat Malaysia setiap individu haruslah sentiasa prihatin, kuasai kemahiran terkini dan diperlukan dalam situasi sekarang dan mengambil peluang yang ditawarkan sama ada oleh Kerajaan atau badan bukan kerajaan (NGO) untuk mendapatkan peluang pekerjaan.

- Program '#WorkNow' juga diperkenalkan bagi membantu pencari kerja untuk mencari kerja sebagai salah satu inisiatif untuk membantu rakyat untuk kembali ke pasaran kerja dengan pantas. Inisiatif '#WorkNow' yang dibuat merupakan sebahagian dari kempen #TogetherAhead yang merupakan satu inisiatif dari portal pekerjaan JobStreet yang bermula sejak awal kemunculan wabak ini (Bernama, 2020). Pihak Syarikat JobStreet Malaysia telah menekankan bahawa inisiatif ini bertujuan mengurangkan kadar pengangguran di negara ini. Dengan memasukkan simbol hashtag (#) di bahagian "Maklumat Tambahan" di profil laman sesawang JobStreet, individu yang sedang mencari pekerjaan dapat menunjukkan ketersediaan untuk bekerja kepada pihak majikan. Dalam masa yang sama, majikan juga dapat mengenal pasti pekerja yang sesuai dengan keperluan di tempat kerja. Program bantuan semasa COVID-19 untuk membantu masyarakat juga telah dibuat diluar negara. Misalnya, di Amerika Syarikat melalui kementeriannya telah mengadakan program seperti Program Makan Tengah hari Sekolah (National School Lunch Program), Program Sarapan Sekolah (School Breakfast Program) dan Program Penjagaan Pemakanan bagi Kanak-kanak dan Dewasa (Child and Adult Care Food) untuk hampir 35 juta orang kanak-kanak setiap hari serta memberikan bantuan nutrisi dan sokongan kewangan kepada individu dan institusi keluarga yang memerlukan ekoran dari kadar pengangguran yang meningkat (Joanne Guthrie, 2020).

### iii. Pemberian Insentif untuk Menjana Pendapatan dan Kerja

- Selain daripada insentif pakej rangsangan ekonomi PRIHATIN, pihak kerajaan Malaysia juga mengumumkan moratorium pembayaran pinjaman dan bantuan penangguhan pinjaman. Penangguhan ini adalah sebahagian daripada Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang bertujuan untuk melindungi rakyat, menyokong perniagaan dan mengukuhkan ekonomi negara. Kajian yang dijalankan oleh Marinov (2020) mendapati bahawa moratorium yang disediakan bagi pembayaran pinjaman di Negara Kesatuan Eropah (European Union, EU) terutamanya di Bulgaria adalah tindakan yang sangat penting yang bertujuan untuk membawa kestabilan dan bantuan kepada sistem perbankan dan orang ramai.

Di Malaysia, moratorium pembayaran pinjaman yang berkuatkuasa pada 1 April 2020 telah membantu individu yang terjejas, masyarakat dan sektor perniagaan dalam pelbagai perkara yang berpunca dari PKP dan pembekuan hampir semua aktiviti ekonomi dalam usaha memerangi penyebaran wabak COVID-19 (SME Corporation Malaysia, 2020). Di samping itu, moratorium pembayaran pinjaman yang ditetapkan juga adalah untuk mengurangkan beban kewangan bagi kedua-dua kumpulan (rakyat dan pihak bank). Dalam masa yang sama, ia dapat membantu masalah aliran tunai yang timbul dalam perniagaan akibat pelaksanaan PKP.

## **KESAN PENGANGGURAN**

Pengangguran yang berlaku dalam sesebuah negara akan menimbulkan kesan kepada ekonomi dan sosial. Kesan ekonomi termasuk mengurangkan keluaran negara, menurunkan taraf hidup dan sekaligus melambatkan pembangunan negara. Dengan pengangguran yang tinggi juga boleh meningkatkan kadar kemiskinan dalam sesebuah negara.

Kesan pengangguran terhadap sosial termasuk pengaruh negatif dalam keluarga dan mewujudkan ketidaktenteraman yang boleh membawa kepada pergaduhan dan penceraihan. Ia juga boleh membawa kepada peningkatan jenayah akibat masalah kewangan dan masalah tekanan jiwa dan tiada keyakinan diri.

Masalah pengangguran juga akan memberikan kesan negatif kepada individu. Kesan kepada individu adalah masalah yang paling besar kerana ia melibatkan diri sendiri. Kesan pengangguran kepada individu ialah si penganggur akan mengalami masalah kewangan dan menyebabkan hidupnya bergantung kepada orang lain. Mereka juga tidak akan mempunyai wang bagi memenuhi keperluan harian jika tidak bekerja. Sekiranya si penganggur mempunyai kereta dan rumah yang perlu dibayar, ini menyebabkan mereka tidak mampu untuk membayar dan ada segelintir penganggur yang tidak berfikir panjang dan membuat pinjaman secara haram. Individu yang tidak tinggal bersama keluarga juga perlu membayar bil elektrik dan bil air yang tertunggak. Jika individu itu terus menganggur kemungkinan dia tidak mampu untuk membayar bil-bil yang tertunggak.

Selain itu, siswazah yang menganggur juga akan menghadapi masalah tekanan jiwa dalam kehidupan yang diberikan oleh ahli keluarga dan masyarakat. Kebanyakan siswazah berpandangan bahawa mereka akan dipandang rendah jika tidak mempunyai pekerjaan selepas menamatkan pelajaran. Kesan daripada pemikiran negatif itu, ia menyebabkan mereka berasa rendah diri dan kurang keyakinan diri. Penganggur yang telah lama menganggur akan mengalami masalah tekanan

jiwa yang hebat dalam kehidupan. Mereka akan sentiasa berfikir bagaimana tanggungjawab mereka terhadap keluarga dapat disempurnakan dalam keadaan mereka sedang menganggur. Masalah tekanan jiwa haruslah dianggap masalah yang serius kerana ini kebanyakan anak muda yang mengalami tekanan jiwa akan mengambil jalan pintas untuk menyelesaikan masalah mereka dengan membunuh diri.

Seterusnya, gejala sosial dalam kalangan siswazah akan meningkat sekiranya berlaku pengangguran. Akibat daripada masalah pengangguran, mereka sanggup melakukan kegiatan jenayah seperti merompak, meragut, membunuh dan sebagainya untuk mendapatkan wang. Ada diantara penganggur yang sanggup memeras ugut ahli keluarga mereka untuk mendapatkan wang. Ada yang mengambil tindakan sehingga membunuh ahli keluarga sendiri untuk mendapatkan wang. Masalah yang lebih teruk apabila ada sesetengah siswazah yang sanggup menjual diri mereka sendiri untuk menjadi pelacur sebagai jalan mudah untuk mendapatkan wang. Mereka juga kemungkinan terjebak dengan aktiviti haram seperti menjual dadah. Mereka yang terjebak dengan aktiviti menjual dadah juga akan terjebak dengan pengambilan dadah. Masalah ini haruslah dibendung dengan segera kerana masalah pengangguran ini menyebabkan gejala jenayah semakin meningkat di negara kita dan membahayakan masyarakat sekeliling.

Tambahan pula, kesan pengangguran terhadap individu juga akan mewujudkan ketidaktenteraman dalam kalangan keluarga. Contohnya, pengangguran yang berlaku akan menyebabkan berlakunya pergaduhan dan pertelingkahan antara keluarga dan akhirnya membawa kepada keruntuhan keluarga ataupun rumah tangga. Ketidaktenteraman ini berlaku kerana berlakunya masalah kesempitan wang dan individu itu mendesak ibu bapa ataupun ahli keluarga mereka untuk memberikan wang kepada mereka. Jika individu itu sudah berkahwin, dia mungkin akan menggabaikan anak-anaknya dan menyebabkan isteri merasa terbeban. Hal ini akan menyebabkan pergaduhan antara suami isteri dan mendorong kepada penceraian.

Di samping itu, kesan kepada individu yang menganggur ialah mereka akan tersisih disebabkan oleh segelintir penganggur yang sering bersikap meminta-minta. Penganggur yang tidak mempunyai ahli keluarga dan tidak mempunyai tempat bergantung mereka kemungkinan akan mengambil jalan dengan meminta-minta kepada orang lain seperti mengemis. Kadang kala mereka terpaksa melakukan aktiviti ini kerana terpaksa untuk mencari wang untuk sesuap nasi.

Pengangguran juga akan menyumbang impak negatif kepada keluarga. Kehilangan sumber pencarian bukan sahaja memberi kesan kepada individu yang kehilangan pekerjaan, malah kepada ahli keluarga juga kerana mereka ini lazimnya salah seorang yang menyumbang kepada ekonomi keluarga masing-masing. Masalah ini menjadi lebih parah apabila yang hilang pekerjaan itu ialah pencari nafkah tunggal dalam keluarga sama ada seorang suami atau ibu tunggal. Kesan daripada pengangguran kepada keluarga ialah akan menyebabkan keluarga berpecah belah dan mendorong kepada pergaduhan. Hal ini sering kita lihat di media massa di mana keluarga yang berpecah belah juga akan mendorong kepada pembunuhan ahli keluarga yang berpunca daripada pergaduhan. Kebanyakan keluarga yang berpecah belah adalah berpunca daripada ketua keluarga hilang pekerjaan. Apabila ketua keluarga hilang pekerjaan ini akan menyebabkan mereka hidup dalam kesusahan dan hidup dalam serba kekurangan. Hidup yang serba kekurangan akan menyebabkan mereka serba kekurangan dalam aspek sumber makanan dan keperluan harian.

Selain itu, pengangguran juga akan menyebabkan pendidikan anak-anak terabai. Pendidikan adalah sangat penting untuk menjamin masa depan anak-anak bak kata pepatah ilmu adalah penyuluh kehidupan. Pada era globalisasi kini, pendidikan adalah sangat penting untuk memastikan anak-anak boleh bersaing dan berjaya dalam kehidupan mereka. Contoh yang boleh kita lihat adalah ibu bapa yang menganggur adalah punca anak-anak tidak dapat menyambung pelajaran. Ada segelintir anak-anak yang berumur bawah 17 tahun yang terpaksa bekerja dan tidak bersekolah untuk mencari duit perbelanjaan seharian mereka. Para graduan yang menganggur juga akan memberikan kesan kepada keluarga. Mereka yang sepatutnya bekerja dan membantu mengurangkan beban kedua orang tua



mereka tetapi tidak diberikan peluang pekerjaan kerana kebanyakan syarikat- syarikat hanya mengambil pekerja yang mempunyai pengalaman bekerja. Mereka yang tidak diberikan peluang bekerja dan menjadi penganggur di rumah hanya akan membebankan ibu bapa yang semakin dimamah usia dan menyebabkan mereka yang terpaksa membanting tulang untuk menyara keluarga.

Disamping itu, keluarga yang mengalami masalah menganggur akan selalu dipandang rendah oleh masyarakat sekeliling dan ahli keluarga yang lain. Hal ini kerana apabila keluarga hidup dalam serba kekurangan ini menyebabkan keluarga ini hidup dalam meminta-minta terutamanya kepada ahli keluarga yang lain. Anak-anak juga akan bersikap meminta-minta kepada orang lain kerana ibu bapa mereka tidak dapat memenuhi keperluan seharian mereka. Sikap meminta-minta ini sering tidak digemari oleh sesetengah masyarakat. Ada segelintir anak-anak yang mengambil cara dengan mencuri barang hak orang lain jika mereka malu untuk meminta-minta. Masalah pengangguran ini dianggap satu masalah yang serius kerana pengangguran ini boleh menyumbang kepada pelbagai masalah. Pada zaman membangun kini, wang amat penting untuk menjamin kehidupan kerana wang adalah segala-galanya.

Kesan negatif pengangguran dari segi masyarakat yang pertama ialah menyebabkan sebahagian masyarakat tiada sumber pendapatan. Ini menyulitkan penganggur untuk membuat perbelanjaan ke atas barang-barang keperluan serta perkhidmatan penting seperti pendidikan. Maka, anak-anak masyarakat yang miskin di bandar ini akan tercicir daripada mendapat peluang pendidikan. Kebanyakan daripada mereka terpaksa berhenti sekolah pada usia yang muda bagi membantu keluarga mereka dari segi kewangan iaitu terpaksa bekerja. Hal ini juga akan menyebabkan mereka cenderung terlibat dengan aktiviti jenayah seperti merompak dan mencuri kerana mereka tidak mempunyai tahap pendidikan yang tinggi yang membolehkan mereka mendapat pekerjaan di sektor formal malah tidak mempunyai modal untuk menjalankan perniagaan. Akibat terdesak untuk hidup di kawasan bandar mereka terlibat dalam jenayah seperti jenayah pecah rumah.

Ini secara tidak langsung mendorong kepada peningkatan kejadian anti sosial dalam masyarakat. Akibat daripada masalah kewangan yang mereka hadapi, mereka terpaksa melakukan kegiatan jenayah yang boleh mengancam kesejahteraan sosial serta mengganggu kesejahteraan masyarakat awam. Justeru, masyarakat pada masa kini tidak lagi hidup dalam keadaan yang harmoni akibat sering diracuni oleh pemikiran yang sentiasa merasakan diri mereka tidak berada dalam keadaan yang selamat. Mungkin sahaja pada bila-bila masa mereka akan ditimpa musibah akibat jenayah. Maka, mereka perlu sentiasa berwaspada terhadap keadaan sekeliling terutamanya apabila sedang berseorangan.

Di samping itu, kesan dari segi masyarakat yang kedua ialah kewujudan penempatan setinggan. Kesan ini boleh dilihat dari segi bagi penduduk yang tiada pendapatan tetap atau berpendapatan rendah ketiadaan kemudahan perumahan yang selaras dengan kemampuan merupakan suatu masalah yang sukar diatasi. Ini memaksa kebanyakan daripada mereka untuk tinggal di kawasan setinggan. Apabila melihat dalam konteks taraf hidup, terutama dari segi keselesaan tempat tinggal, penduduk luar bandar yang miskin didapati lebih selesa berbanding dengan penduduk bandar miskin yang tinggal di kawasan setinggan. Oleh itu, berlakunya penempatan setinggan pada kadar yang sangat tinggi dan ianya merupakan kawasan kediaman yang tidak sah dari segi undang-undang, oleh itu bekalan kemudahan asas adalah kurang dan keadaan perumahan tidak tersusun

Pengangguran juga memberi impak yang besar terhadap sesebuah negara. Kesan negatif pengangguran terhadap negara yang pertama ialah mengurangkan pendapatan negara. Hal ini berlaku apabila kadar pengangguran adalah tinggi, maka pendapatan atau keuntungan para pengusaha akan berkurangan. Ini akan mengurangkan jumlah cukai pendapatan dan cukai keuntungan syarikat yang dapat dipungut oleh kerajaan dan seterusnya akan mengurangkan pendapatan negara. Pengangguran menyebabkan buruh kehilangan pekerjaan dan secara tidak langsung menyebabkan kutipan cukai pendapatan juga berkurangan. Kesan pertama ini secara tidak langsung menyumbang kepada berlakunya kesan yang kedua iaitu melambatkan proses pembangunan negara. Apabila pendapatan

negara berkurangan, maka kerajaan tidak mampu untuk menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur yang perlu untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara. Maka, perbelanjaan tersebut terpaksa dikurangkan dan akan melambatkan proses pembangunan negara.

Seterusnya, apabila terdapat ramainya tenaga buruh yang menganggur, maka pengeluaran dari beberapa sektor ekonomi akan berkurangan dan akibatnya keluaran negara akan berkurangan. Pengangguran tidak menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Kadar pengangguran yang tinggi akan menjejaskan prestasi pertumbuhan ekonomi dan menyebabkan ekonomi tidak dapat beroperasi pada tahap yang maksimum. Pembaziran sumber-sumber pengeluaran menjurus kepada pengeluaran output yang rendah daripada output prestasi. Selain itu, pengangguran juga menurunkan taraf hidup. Taraf hidup penduduk di sesebuah negara diukur dengan menggunakan pendapatan per kapita. Apabila terdapatnya ramai tenaga buruh yang menganggur, maka keluaran negara kasar akan berkurangan dan seterusnya akan mengurangkan pendapatan per kapita. Apabila pendapatan per kapita rendah, maka taraf hidup penduduk juga akan rendah.

Hal ini juga membawa kepada pertambahan kadar kemiskinan. Pengangguran yang tinggi kadarnya akan meningkatkan kadar kemiskinan dalam negara. Bagi kesan dari segi ekonomi, kesan kemiskinan menyebabkan peningkatan perbelanjaan kerajaan. Perbelanjaan kerajaan yang meningkat ini adalah disebabkan kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan yang besar bagi membasmi kemiskinan. Perbelanjaan yang besar ini seterusnya akan menyebabkan aktiviti pembangunan yang lain terjejas kerana telah dibelanjakan bagi menampung kos program-program pembasmian kemiskinan. Hal ini kerana kerajaan terpaksa merancang beberapa program untuk mengatasi masalah kemiskinan.

Sebagai konklusinya, pengangguran bukan sahaja menjadi masalah kepada para penganggur malahan menjadi satu isu kepada masyarakat apabila wujudnya lebih tenaga buruh. Masalah pengangguran yang berlaku juga memberikan impak negatif kepada negara dan keluarga. Apabila masalah pengangguran semakin meningkat dan mendorong kepada peningkatan masalah sosial dan jenayah, ini menyebabkan kemakmuran dalam negara kita akan sukar untuk dicapai.

## **PERANAN MASYARAKAT DALAM MENGHADAPI ISU PENGANGGURAN**

Pengangguran turut disebabkan oleh sikap belia yang tidak mempunyai kemahiran. Belia kita hanya didedahkan dengan konsep teori baik ketika di sekolah mahupun ketika di universiti. Akibatnya, belia kita kekurangan kemahiran berfikir, menganalisa sesuatu, berbicara dalam pelbagai bahasa, dan mempunyai kemahiran berinteraksi dengan masyarakat. Biasanya, majikan akan memilih pekerja yang mereka beranggapan mempunyai keunikan yang tertentu terutama penguasaan bahasa asing dan pengetahuan komputer.

Mungkin juga faktor malas menjadi pendorong wujudnya masalah ini. Sikap belia yang hidup ketika era pembangunan pesat menyebabkan belia mengambil konsep tunggu dan lihat. Mereka hanya bertindak apabila keadaan mendesak atau sudah terlewat. Mereka menganggap pertumbuhan ekonomi negara akan berterusan maju tanpa sebarang masalah. Mereka juga sudah terlalu lama menerima bantuan kerajaan seperti pemberian biasiswa dan menganggap kerajaan akan memberi mereka pekerjaan selepas tamat belajar.

Langkah lain ialah untuk meningkatkan kebolehan dan kelayakkan. Mereka boleh meningkatkan kebolehan dan kelayakkan dengan cara menghadiri kursus, melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi dan sebagainya. Cara ini akan membolehkan masyarakat untuk memiliki peluang yang lebih tinggi untuk mendapatkan pekerjaan kerana banyak ekonomi, terutama sekali masa kini apabila negara sedang menghadapi kemelesetan ekonomi, majikan akan mengambil calon pekerjaan yang tentunya terbaik, dan ada kelayakkan yang bersesuaian. Dengan cara ini, setiap individu harus berkerja keras sendiri untuk mencapai semua ini kerana tidak ada orang lain yang boleh membantu memiliki sesuatu ilmu kecuali diri kita sendiri.

Sebenarnya, masalah pengangguran ini bukanlah satu isu baru. Cuma masyarakat harus berfikir positif dan cuba meningkatkan kemahiran diri mereka. Dunia pekerjaan sering berubah mengikut teknologi dan mereka yang sering meningkatkan kemahiran sahaja mampu duduk di tempat yang sama sepanjang hidup mereka. “Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih”.

## **KESIMPULAN**

Pengurusan kerjaya yang baik dapat mengelakkan individu daripada mengalami tekanan semasa wabak COVID-19 ini yang seterusnya mengakibatkan gangguan fizikal, mental dan emosi. Persediaan awal untuk merancang kerjaya semula bagi mereka yang telah berhenti kerja atau diberhentikan kerja perlu dibuat bagi menampung aspek kewangan dan sara hidup yang kian meruncing semasa wabak melanda. Persediaan awal juga meliputi keupayaan mendidik hati untuk sentiasa bersabar dan redha dengan ujian yang dihadapi. Tuntasnya sepanjang wabak COVID-19 ini, individu, pekerja, pelajar, mahupun institusi keluarga perlu mengoptimalkan penggunaan masa yang ada di sepanjang tempoh PKP dengan sebaik mungkin. Walaupun dalam menghadapi pelbagai tekanan psikologi ekoran kehilangan sumber pendapatan, pekerjaan dan urusan kerja tergendala namun ia bukanlah asbab untuk terus berpeluk tubuh atau membiarkan hari yang berlalu dengan tekanan kerana setiap manusia mampu membuat pilihan dan perubahan.

Masyarakat Malaysia mempunyai daya tahan yang tinggi dalam menangani krisis Covid-19 ini sepertimana yang pernah kita harungi semasa krisis-krisis besar terdahulu. Walaupun dikatakan krisis ini berbeza dari segi sifat, skala dan durasi, pandangan jauh pemimpin dan penggubal dasar yang didokong melalui konsultasi dengan penjawat awam, pemikir negara, pemain industri, pekerja dan masyarakat awam akan memberi harapan dan peluang yang lebih cerah dalam memenangi perang Covid-19 ini.

## **RUJUKAN**

Abdul Aziz, A. R. (2020). “ *Pengangguran dalam kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID19*”, Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5(11).

Abd. Kadir Bin Batong, Rostika Petrus Boroh dan Beatrice Lim, *Faktor Yang Mempengaruhi Belia Untuk Tidak Bekerja : Kajian Kes Di Daerah Tawau, Sabah*. Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan Universiti Malaysia Sabah Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

Abd Rahim Abd Rashid. (2006). *Ciri-ciri Graduan yang Marketable dan Berdaya Maju untuk Kemajuan Kerjaya Abad Ke-21*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

Abdul Rashid Aziz@Dorashid. (2020). *Wabak COVID-19 : Penyesuaian Kendiri terhadap Norma Baharu*. Capaian pada 9 Oktober 2020 dari

[https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-wordsms/wabak-covid-19-penyediaan\\_kendiri-terhadap-norma-baharu/](https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-wordsms/wabak-covid-19-penyediaan_kendiri-terhadap-norma-baharu/).

Berita Harian Online Capaian pada 10 Oktober dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/696048/mtuc-harap-rancangan-berdayamaju-mapan-tangani-masalah-pekerja>

Bernama (3 Jun 2020). *MTUC Harap Rancangan Berdaya Maju, Mapan Tangani Masalah Pekerja*.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Siaran Akhbar Statistik Utama Tenaga Buruh di Malaysia*, Januari 2019.

Kenyataan Media Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, 2020.

Malaysia : *Garis Panduan Dasar Kesihatan Mental Negara*. Kementerian Kesihatan Malaysia. Capaian pada 5 Mei 2020 di <https://www.moh.gov.my/>

Mohd Zaky Zainudin (2 Jun 2020). *COVID-19: Kerajaan Analisis Kesan Terhadap SektorTerjejas*. Berita Harian Online. Capaian pada 10 Oktober 2020 dari

[https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/695534/COVID-19-kerajaan\\_analisiskesan-ke-atas-sektor-terjejas](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/695534/COVID-19-kerajaan_analisiskesan-ke-atas-sektor-terjejas)

Norhayati Baharin, Ishak Yussof, Rahmah Ismail, *Faktor - faktor yang Mempengaruhi Pengangguran di Malaysia "Factors Influencing the Unemployment Rate in Malaysia"* Pusat Pengajian Ekonomi Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Teks Ucapan Tan Sri Nor Mohamed Yacop Pengerusi, *Lindungi Pekerja dan Wujudkan Pekerjaan Baru*, Khazanah Research Institute (KRI) Sempena penerbitan laporan berkala

# **PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PdPR) : CABARAN GURU, MURID DAN IBU BAPA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

**Mohammad Izuddin Bin Ramli & Dr. Siti Aisyah Binti Yahya**  
Kolej Universiti Islam Melaka  
[izuddin@mpkj.gov.my](mailto:izuddin@mpkj.gov.my)

## **Abstrak**

Kertas kerja konsep ini dikemukakan untuk membincangkan tentang isu Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) iaitu cabaran guru, pelajar dan ibu bapa dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP). Kertas kerja ini juga akan memperincikan tentang isu-isu PDPR, cabaran dan peranan guru, pelajar serta ibu bapa, dan langkah-langkah menghadapi PDPR. Pandemik Covid-19 pada tahun 2020 yang mula di kesan di China telah mengubah norma kehidupan masyarakat dunia termasuk Malaysia. Semua sektor dan lapisan masyarakat di Malaysia terkesan dengan penularan wabak Covid-19 ini tidak terkecuali sistem pembelajaran di Negara ini. Pandemik ini telah menyebabkan muncul kaedah pendidikan maya, *e-learning* dan rumah-rumah telah bertukar menjadi bilik darjah dan kelas tutorial. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan garis panduan PDP sepanjang PKP. Garis panduan ini diwujudkan untuk membantu guru, pelajar dan ibu bapa dalam merealisasikan kaedah pembelajaran baru ini. PDPR ini memerlukan peranti yang bersesuaian serta capaian internet bagi membolehkan sesi pembelajaran ini dilaksanakan. Berasaskan kepada perubahan-perubahan yang berlaku secara drastik, boleh dikatakan bahawa pandemik Covid-19 telah mencetuskan revolusi dalam sistem pendidikan di Malaysia dan merupakan sinergi kepada kemunculan masyarakat digital di negara ini.

Kata kunci : Cabaran, Pembelajaran, Covid 19

## **PENGENALAN**

Pandemik Covid -19 yang mula dikesan di China pada tahun 2019 yang telah mengubah sejarah dunia. Seluruh dunia telah mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan wabak ini terus dijangkiti. Malaysia juga tidak ketinggalan mengambil langkah kawalan. Bermula pada awal tahun 2020, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah segera seperti mengadakan sekatan pergerakan yang dikenali sebagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pelaksanaan PKP di Malaysia telah menyebabkan sesi pembelajaran di sekolah ditangguhkan dan digantikan dengan sistem pembelajaran secara dalam talian dengan menggunakan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Pandemik Covid-19 telah menyebabkan pelajar-pelajar di Malaysia tidak dapat hadir ke sekolah sejak Mac 2020. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan garis panduan PDP sepanjang PKP sebagai panduan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Kejayaan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika ini bergantung kepada keupayaan para guru, pelajar-pelajar dan ibu bapa dalam mendepani persekitaran pembelajarannya.

## ISU-ISU PdPR

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) di seluruh negara dilihat bukan saja memberi cabaran kepada ibu bapa, malah guru dan pelajar juga terpaksa berdepan dengan pelbagai isu. Pengaktifan semula kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi sesi persekolahan 2021 dilihat sebagai kaedah terbaik ketika ini, berikutan peningkatan kes COVID-19. Namun, berdasarkan pengalaman pelaksanaan PdPR sebelum ini, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian bagi memastikan semua pelajar dapat mengikuti pembelajaran dengan baik tanpa ada yang tercicir.

Antara isu penting yang akan diketengahkan oleh penulis yang pertama ialah masalah capaian internet di sesetengah kawasan terutama di Kawasan pendalaman. Sebut sahaja pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR), pastinya ramai yang mengeluh dengan cabaran dihadapi pelajar lebih-lebih lagi apabila berdepan dengan masalah capaian internet. Sejak tahun lalu, masalah capaian internet seperti tiada berkesudahan apabila saban hari ada sahaja berita mengenainya yang terpaksa dihadapi pelajar terutama di luar bandar dan pendalaman. (Sinar Harian, Okt 2021) Capaian internet yang rendah di sesetengah lokasi tempat tinggal murid memberi cabaran kepada guru apabila murid 'hilang dari radar' di mana tidak membolehkan murid untuk mengikuti PdPR secara dalam talian. Selain pelajar, guru juga menghadapi masalah yang sama bila mana guru memerlukan capaian internet yang kuat untuk membuat kelas secara dalam talian seperti *google meet*, *zoom*, *microsoft team* dan pelbagai kaedah lain. Apabila capaian internet terganggu, pembelajaran juga mengalami masalah. Namun guru-guru terpaksa menerima hakikat bahawa itu sahaja pilihan yang mereka ada untuk memastikan murid dapat meneruskan pelajaran. (BHarian, Okt 2021)

Isu kedua adalah kurangnya peralatan yang sesuai seperti peranti elektronik untuk pelaksanaan PdPR. Menurut laporan kajian 'Covid-19 and 'Unequal Learning' yang dilakukan oleh Khazanah *Research Institute* (KRI), sebanyak 37 peratus kanak-kanak menghadapi masalah tidak mempunyai kelengkapan peranti seperti komputer riba dan tablet yang boleh digunakan semasa melaksanakan PdPR, manakala hanya enam hingga ke sembilan peratus sahaja kanak-kanak yang mempunyai peranti komputer riba sendiri. Masalah kekurangan dan kelengkapan peranti yang tidak mencukupi ini serta capaian internet yang kurang stabil menjejaskan proses PdPR untuk dilaksanakan dengan baik.

Isu ketiga adalah Kemahiran guru dalam reka bentuk arahan secara dalam talian dan kemahiran pengajaran secara jarak jauh. Menteri Pendidikan Malaysia Dr Radzi Jidin (2021) dalam temubualnya bersama rancangan Bual Bicara Khas Hari Guru bersama Menteri Kanan Pendidikan menyatakan penyediaan kaedah pendigitilan dalam menyampaikan pengajaran memerlukan dasar yang cukup luas bagi membolehkan persediaan latihan struktur kompetensi dapat ditingkatkan. Guru perlu mendapat peluang belajar dan mengambil inisiatif dalam menambah baik pengetahuan dan kemahiran digital untuk menyampaikan ilmu yang dimiliki. Sebanyak 80% guru di sekolah tidak mempunyai pengetahuan yang baik tentang Pengajaran dan Pemudahcara (PdPc) terbeza. Hal ini juga menandakan bahawa guru menghadapi cabaran dalam meningkatkan pengetahuan dan kompetensi mereka dengan pendekatan pengajaran berbeza. Tambahan pula, norma baharu menuntut guru untuk bertugas daripada rumah akibat penularan wabak COVID-19 sehingga menyebabkan rutin dan budaya kerja guru juga berubah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Rahayu et al. 2020). Rutin kerja guru juga bukan sahaja mengajar tetapi guru perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ICT. Cabaran guru juga bertambah apabila guru berhadapan dengan ibu bapa. Seorang pekerja swasta, yang mempunyai anak bersekolah Tahun Satu dan Dua di Selangor menyatakan, terdapat guru yang tidak konsisten dalam sesi pengajaran dimana guru sering bertukar-tukar platform media sosial dan medium pengajaran dalam mengendalikan kelas PdPR. Tambahan pula, bahan pengajaran yang digunakan tidak mencukupi kehendak murid.

Isu keempat pula ialah kesediaan dan kemahiran ibu bapa dalam membantu pembelajaran

anak. Kebiasaan yang berlaku di sekolah, guru akan mengajar dan mendidik pelajar sehingga pandai. Ibu bapa menyerahkan seratus peratus tanggungjawab pembelajaran anak-anak kepada sekolah. Namun tugas guru itu terpaksa dipikul oleh ibu bapa sepanjang PdPR menyebabkan mereka rasa tertekan dengan bebanan baharu itu. Tekanan timbul kerana ibu bapa yang bekerja dari rumah terpaksa menguruskan dua perkara dalam satu masa, iaitu urusan kerja dan PdPR anak-anak. Antara faktor tekanan ibubapa ialah tidak mempunyai pengetahuan yang cukup untuk membantu anak, di samping kekurangan masa setelah penat bekerja seharian.

Isu terakhir yang diketengahkan oleh penulis ialah persediaan untuk belajar secara PdPR bagi pelajar dari segi fizikal, emosi dan sosial. Secara umumnya, kekurangan pembelajaran secara atas talian adalah pelajar tidak mampu memberi fokus terhadap pembelajaran yang sedang dijalankan. Hal ini kerana setiap perbuatan dan percakapan pelajar terselindung di balik paparan skrin yang sentiasa berada dalam mod senyap dan kamera tertutup. Ini membuatkan para pelajar merasa selesa dengan perbuatan mereka kerana tidak dapat diketahui oleh guru yang sedang mengajar. Pelajar mungkin hanya mampu memberi fokus terhadap pelajaran 15 minit awal namun selepas itu, mereka mungkin sudah melakukan perkara-perkara yang lain seperti tidur, bermain media sosial, bermain permainan video dan sebagainya hingga tamat sesi pembelajaran. Bagi pelajar yang sedaya upaya memberi fokus terhadap pelajaran juga mungkin mengalami kesukaran untuk memahami topik pembelajaran. Kekurangan bahan pembelajaran, tidak dapat menggambarkan apa yang dipelajari dan situasi tidak bersemuka bersama guru untuk bertanya soalan merupakan faktor-faktor kepada kesukaran pelajar untuk memahami topik yang dipelajari. Selain itu, fokus pelajar juga akan terjejas kerana kerap menghadap skrin komputer atau skrin telefon dalam jangka masa yang lama.

## **CABARAN DAN PERANAN**

Setelah lebih setahun pembelajaran dalam talian dilaksanakan susulan pandemik Covid-19, pelajar terutamanya murid sekolah rendah mula menunjukkan perubahan mereka terhadap sistem pembelajaran tersebut. Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bukan saja menuntut disiplin tinggi pelajar malahan ibu bapa juga perlu memainkan peranan penting demi memastikan anak-anak mereka tidak tercicir. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) di seluruh negara dilihat bukan saja memberi cabaran kepada ibu bapa, malah guru dan pelajar juga terpaksa berdepan pelbagai isu.

### **iv. Cabaran dan Peranan Guru**

#### **c) Cabaran**

Antara cabaran yang dihadapi oleh guru seluruh Malaysia adalah kesukaran untuk menarik minat pelajar-pelajar bagi mengikuti PDPR secara berterusan. Tidak semua pelajar hadir PdPR secara berterusan. Seorang guru di sebuah sekolah di Putrajaya berkata, kehadiran kelas dalam talian dalam kalangan pelajar daripada kelas 'belakang' dilihat agak rendah. Berbeza dengan kehadiran pelajar kelas hadapan ialah 24 daripada 27 orang keseluruhan. Namun, kehadiran kelas belakang dilihat hanya enam daripada jumlah 19 orang. Oleh itu, pelajar pandai dilihat akan 'selamat' dan yang lemah pula terus ketinggalan. Selain itu, pelajar tidak memberi respon ketika PdPR berlangsung juga adalah antara cabaran paling mencabar untuk guru hadapi. Situasi ini boleh di ibaratkan seperti guru mengajar sendiri tanpa pelajar. Tidak dinafikan ketika pembelajaran bersemuka, ada sesetengah pelajar yang tidak memberi tumpuan ketika guru mengajar, inikan pula ketika sesi pembelajaran atas talian. Baru-baru ini viral satu kisah seorang guru yang menanti penyertaan pelajar ketika sesi pembelajaran atas talian, namun tiada seorang pun yang sertai kelas tersebut. Kecewa melihat sikap

pelajar yang tidak berdisiplin dalam menuntut ilmu. Bukan itu sahaja, ada juga dalam kalangan pelajar yang sertai kelas atas talian seperti Google Meet sekadar untuk memenuhi jumlah kehadiran. Hakikatnya, di sebalik kamera yang sengaja dimatikan, mereka melakukan kerja-kerja yang tidak berkaitan.

Cabaran seterusnya adalah guru tidak dapat memenuhi sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh KPM. Berbeza dengan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka, guru boleh memberi fokus kepada 40 orang pelajar dalam satu masa dan cara pengajaran yang di ajar membolehkan pelajar lebih mudah faham. Dengan cara itu, sukatan pelajaran dapat dihabiskan mengikut masa dan waktu yang ditetapkan. Apabila PdPR dilaksanakan, guru terpaksa memendekkan sukatan pelajaran untuk memberi laluan kepada murid yang kurang faham atau tidak faham apa yang guru ajar. Satu jam masa yang diberikan untuk guru selesaikan silibus atau tajuk dalam seminggu tidak mencukupi. Setelah sesi PdPR berlangsung, guru akan memberi tugas sebagai pengukuhan untuk tajuk yang dipelajari, akan tetapi pelajar tidak menyempurnakan dan menghantar latihan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Alasan bagi permasalahan ini, tidak menghantar tugas sekalipun guru tidak boleh berbuat apa-apa kerana pelajar tidak hadir ke sekolah. Cabaran terakhir yang dihadapi oleh guru adalah guru perlu membahagikan masa untuk menjalankan PdPR bersama pelajar dan menguruskan PdPR anak-anak di rumah. Semua sedia maklum bahawa, guru yang telah berkeluarga juga mempunyai anak-anak untuk ditangani. Dengan itu, sebelum guru mengajar pelajar, guru perlu menyediakan kelengkapan untuk anak-anak mereka terlebih dahulu, menguruskan keperluan harian keluarga sama seperti ibu bapa lain yang bekerja di rumah.

#### d) **Peranan**

Bagi menarik minat pelajar untuk hadir PdPR, Guru perlu menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) yang lebih kreatif dan inovatif. Selain BBM, aktiviti seperti game, kuis, video dan sebagainya juga membantu menarik minat pelajar untuk belajar secara dalam talian. Kini pelajar lebih gemar melihat YouTube, Tiktok dan pelbagai lagi medium di media sosial, oleh itu guru juga boleh menggunakan pendekatan ini asalkan ianya mampu menarik minat mereka untuk belajar. Ada juga guru yang mengambil inisiatif dengan mewujudkan laman YouTube sendiri untuk mengajar. KPM perlu memperhalusi semula dan membuat penambahbaikan terhadap garis panduan PdPr yang telah ditetapkan agar ianya bersesuaian dan relevan serta mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran.

Komunikasi diantara guru dan ibu bapa berkaitan pencapaian pelajar hendaklah sentiasa dilakukan kerana ianya mampu untuk memastikan pelajar tidak tercicir di dalam pembelajaran dan mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar untuk memberikan fokus di dalam PdPR. Guru hendaklah memberi latihan yang mudah difahami dengan arahan yang jelas seperti menggunakan pendekatan kuis atau permainan. Aplikasi seperti Google Form juga boleh digunakan untuk guru memberikan latihan kepada pelajar dan boleh mendapatkan semula jawapan dengan lebih pantas. Guru yang mempunyai anak dan menjalani PdPR hendaklah menyediakan jadual dan fasiliti yang lengkap dan sesuai untuk anaknya bagi memastikan ianya tidak mengganggu PdPR guru tersebut dengan pelajar.

#### v. **Cabaran dan Peranan Pelajar**

#### c) **Cabaran**

Cabaran pelajar masa kini ialah belajar secara PdPR sepanjang tempoh Pendamik Covid-19. Pelajar tanpa pilihan diminta untuk belajar secara dalam talian dan ia sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada pembelajaran yang sebelum ini lebih mudah. Pelajar sukar untuk memahami sesi pembelajaran secara maya. Bagi meningkatkan perhatian dan kefahaman pelajar ketika pembelajaran



dalam talian, guru boleh menyediakan bahan pembelajaran yang menarik dan sesuai, sama ada dalam bentuk video, lembaran kerja, animasi dan sebagainya.

Kandungan pelajaran yang banyak juga boleh dipecah kecil bagi memudahkan pelajar memproses maklumat dan mengurangkan masa pembelajaran mereka. Aktiviti permainan dalam talian juga dapat meningkatkan tumpuan pelajar dan pemberian ganjaran bagi setiap aktiviti atau soalan yang dapat dijawab oleh pelajar boleh meningkatkan motivasi untuk belajar. Guru juga hendaklah merakam pengajaran yang dilaksanakan secara sinkronus untuk menjadi rujukan bagi pelajar selepas sesi pembelajaran tamat bagi memudahkan pelajar mengulangkaji dan membuat rujukan.

Cabaran utama belajar secara PdPR ialah pelajar tidak mempunyai peranti yang mencukupi untuk menghadiri kelas PdPR. Perkara ini perlu di ambil serius oleh ibu bapa kerana tanpa peranti seperti komputer, laptop, tablet atau telefon pintar akan menyukarkan pelajar menghadiri kelas PdPR secara dalam talian. Permasalahan ini akan mengakibatkan pelajar keciciran dalam pelajaran.

Suasana bising di rumah menyukarkan pelajar untuk fokus di dalam sesi pembelajaran. Bagi keluarga yang memiliki rumah yang selesa pasti tidak akan merasai masalah ini. Lain pula bagi golongan yang tinggal di rumah yang sempit dan perlu berkongsi bilik bersama adik-beradik yang lain sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hal ini pasti menjadi antara cabaran pembelajaran atas talian buat mereka, tambah-tambah pelajar yang akan menghadapi peperiksaan besar seperti SPM. Suasana riuh di rumah, ruang belajar yang tidak selesa akan menyebabkan mereka sukar untuk memberi tumpuan ketika sesi pembelajaran dijalankan.

Tidak mahir menggunakan peranti untuk mengikuti sesi PdPR juga merupakan cabaran yang perlu pelajar hadapi. Pelajar kurang berkemahiran dalam mengakses DELima, Zoom, Google Meet dan pelbagai kaedah PdPR lain. Ini menyebabkan guru perlu memberikan tumpuan masa lebih dalam mengajar murid kepada penggunaan ICT. Jika murid tidak dijelaskan tentang tatacara penggunaan ICT. Motivasi murid akan menurun untuk melaksanakan PdPR.

#### d) **Peranan**

Perkara asas yang perlu ditekankan didalam diri setiap pelajar adalah berkaitan niat dan matlamat untuk belajar. Seharusnya pelajar perlu terus berjuang untuk menempuhi pembelajaran walauapapun halangan yang datang. Perkara ini perlu ditekankan dan diingatkan setiap masa untuk melahirkan generasi pelajar yang bertanggungjawab dan berdaya saing.

Persediaan sebelum memulakan sesi pembelajaran secara PdPR hendaklah ditekankan untuk memastikan fizikal dan mental pelajar bersedia dan dapat memberikan fokus semasa PdPR dijalankan. Ianya sangat penting kerana seharian mengadap peranti elektronik boleh menyebabkan anggota badan mudah mengalami keletihan dan kelesuan.

Kelengkapan pembelajaran seperti alat peranti, alat tulis, buku aktiviti, buku latihan, buku teks dan lain-lain peralatan hendaklah disediakan oleh pelajar sebelum PdPR bermula untuk membolehkan pelajar memberikan sepenuh perhatian dan tumpuan kepada sesi pembelajaran.

Tanggungjawab sebagai pelajar hendaklah menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru mengikut tempoh masa yang ditetapkan kerana ianya penting dan menjadi pengukur kepada kefahaman dan pencapaian pelajar.

vi. **Cabaran dan Peranan Ibu Bapa**

c) **Cabaran**

PdPR secara maya telah menjadi suatu keperluan kepada pelajar dan guru sepanjang tempoh berlakunya penularan COVID-19 di Malaysia. Tanpa disedari, sesi PdPR ini telah mempengaruhi banyak pihak terutamanya ibu bapa. Hal ini kerana ibu bapa secara tidak langsung terpaksa mengambil alih peranan guru untuk mengajar anak-anak mereka di rumah. Justeru, ia telah memberi impak terhadap pembelajaran anak-anak. Ibu Bapa perlu membahagikan masa diantara bekerja dari rumah (BDR) dan menguruskan PDPR anak-anak agar pembelajaran anak-anak tidak kecaciran. Selain itu, ibu bapa juga perlu mengeluarkan peruntukan untuk menyediakan peranti untuk PdPR bagi kegunaan anak-anak di rumah.

Antara faktor tekanan ibubapa ialah tidak mempunyai pengetahuan yang cukup untuk membantu anak, di samping kekurangan masa setelah penat bekerja seharian. Bagi mengurangkan tekanan, ibu bapa boleh merancang aktiviti atau perjalanan PDPR anak masing masing. Komunikasi bersama-sama pihak sekolah terutama guru kelas atau guru mata pelajaran juga penting supaya anak-anak tidak ketinggalan membuat tugasan yang diberikan sama ada melalui Google Classroom atau platform lain.

Cabaran yang sukar bagi ibu bapa adalah dalam menyediakan peranti bagi penggunaan anak anak untuk belajar secara PdPR. Ibu bapa perlu menstruktur semula kewangan keluarga, dengan memperuntukkan simpanan dan perbelanjaan untuk peranti dan bil Internet. Ramai di antara ibu bapa yang terjejas dari segi ekonomi ekoran pandemik, antaranya seperti dibuang kerja, jualan merosot bagi peniaga dan pelbagai lagi. Hal ini justeru telah menyebabkan ibu bapa yang terdiri golongan B40 berdepan dengan masalah untuk menyediakan kemudahan yang cukup seperti telefon bimbit dan komputer riba yang menjadi peranti utama dalam kaedah PdPR atas talian. Bukan sahaja kemudahan yang tidak mencukupi kepada golongan B40 di bandar, malah golongan B40 luar bandar terutamanya menghadapi masalah untuk menyediakan data internet dan kredit telefon bimbit yang cukup selain daripada masalah kelajuan internet.

d) **Peranan**

Kejayaan anak-anak di dalam pelajaran memerlukan pengorbanan dan perhatian ibu bapa sebagai pendorong dan pembakar semangat kepada anak-anak untuk membolehkan mereka memberikan lebih tumpuan dan perhatian di dalam pelajaran. Di dalam situasi berhadapan dengan Pandemik Covid -19, ibu bapa perlu menyesuaikan masa dan menyusun jadual untuk BDR dalam konteks seorang pekerja tanpa mengabaikan tanggungjawab untuk memantau PdPR anak-anak.

Kelengkapan untuk PdPR hendaklah disediakan secukupnya untuk kegunaan anak-anak bagi mengelakkan mereka ketinggalan dalam pembelajaran dan tercicir. Bagi ibu bapa yang kurang berkemampuan, mereka perlu mendapatkan dan memohon bantuan yang disediakan oleh agensi kerajaan dan pihak-pihak berkaitan yang menyediakan bantuan dan kemudahan bagi tujuan ini.

Ibu bapa seharusnya tidak ketinggalan untuk mengikuti dan memahami teknologi masa kini dan setiap mata pelajaran yang diajar, bagi membolehkan mereka membantu dan memberikan tunjuka ajar kepada anak-anak semasa PdPR berlansung.

Keselesaian anak-anak semasa menjalani sesi pembelajaran secara PdPR hendaklah diutamakan kerana ianya menjadi salah satu factor yang mendorong kepada kejayaan mereka di dalam pelajaran.

## **LANGKAH-LANGKAH MENGHADAPI PDPR**

Pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) membuatkan kita dipaksa dan terpaksa keluar daripada zon selesa dan rutin harian. Jika sebelum ini, rutin hidup dilalui dengan cara yang normal, kini banyak aktiviti yang terpaksa ditukar mod, kaedah dan caranya, seterusnya menjadi 'normal baharu'. Paling ketara, peralatan media dan komunikasi menjadi sangat penting, bukan lagi sebagai kehendak, tetapi keperluan dan sebahagian daripada hidup semasa PKP ini. Menurut definisi operasi PdPR di dalam Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah PdPR ialah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan di rumah atau pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian. PdPR boleh dilaksanakan dalam talian dan/atau luar talian dan/atau 'off-site' dengan berstruktur dan terancang. PdPR secara dalam talian (online) boleh dilaksanakan apabila terdapat capaian Internet dan penggunaan peranti yang membolehkan murid belajar secara masa nyata (real-time). Manakala PdPR secara luar talian (offline) pula berlaku apabila murid belajar menggunakan peranti seperti komputer, komputer riba, tablet atau telefon pintar tanpa capaian Internet.

Sebagai ibu bapa yang prihatin mengenai hal ehwal keluarga serta pendidikan dan masa depan anak-anak mereka, beberapa kaedah boleh dipertimbangkan bagi membantu menyokong PdPR anak-anak. Menurut Prof. Datuk Dr. Harlina Halizah Hj. Siraj, ciri keluarga idaman adalah (i) mampu meluahkan kasih sayang dan penghargaan, (ii) komitmen dan iltizam untuk menyokong satu sama lain, (iii) mampu melaksanakan komunikasi positif dan efektif, (iv) memperuntukkan masa berkualiti, (v) rumah sebagai tempat yang selamat dan (vi) kesejahteraan spiritual (mampu menangani stress dan konflik). Justeru, dalam konteks PdPR, kesemua ciri ini seharusnya dipraktik dan diperkembangkan agar entiti keluarga menjadi lebih harmoni dan kukuh. Antara langkah-langkah menghadapi PdPR adalah seperti berikut:-

### **2. Belajar mengenai aspek teknikal dalam PDPR**

Pengetahuan dan kemahiran asas berkaitan teknologi PdPR ini bukan hanya penting kepada murid dan guru, malah juga ibu bapa dan ahli keluarga lain kerana PdPR melibatkan berbagai kaedah. PdPR dalam talian dan luar talian memerlukan penyediaan peranti yang sesuai seperti komputer, komputer riba, tablet atau telefon pintar dengan capaian Internet. Suka atau tidak, mahir atau tidak, ibu bapa perlu mengambil tahu akan aspek teknikal ini. Misalnya pendaftaran akaun Google, mencari mata pelajaran dalam Google Classroom, melayari Cikgootube, mencari bahan di platform DELIMA atau 'Digital Educational Learning Initiative Malaysia', sehinggalah kepada penyertaan anak-anak melalui kelas dalam talian dengan cara mengaktifkan mikrofon dan mod video.

### **2. Susun jadual waktu anak-anak dan ibu bapa**

Setiap anak dibekalkan dengan jadual waktu PdPR. Maka, ibu bapa perlu berbincang dan mengambil tahu jadual anak-anak dan kemudian disesuaikan dengan jadual ibu bapa. Ibu bapa yang bekerja dari rumah (work from home – WFH) dan yang bekerja di pejabat (work at office – WAO) berbeza jadual

dan cabarannya. Misalnya, ketika WFH, ibu bapa perlu menumpukan masa kepada kerja pejabat, memberi tumpuan kepada urusan PdPR anak-anak, menyediakan makanan untuk keluarga dan berbagai lagi tugas yang tidak pernah selesai di rumah.

Manakala WAO, ibu bapa masih perlu mengawal pergerakan dan perilaku anak-anak dengan kerap menghubungi mereka bagi memastikan anak-anak mengikuti sesi PdPR seperti yang dijadualkan, dan ibu bapa hanya dapat turut-serta dalam sesi PdPR setelah pulang dari pejabat. Jika tidak mampu menyediakan peranti/gajet berasingan untuk anak-anak, maka mereka boleh memaklumkan guru dan membantu anak-anak menyiapkan tugas pada sebelah petang atau malam. Ada keluarga yang memiliki anak yang ramai, dan peranti yang terhad. Itulah sebabnya jadual penggunaan peranti amat penting disediakan dan semua ahli keluarga perlu dididik dengan disiplin yang tinggi untuk akur kepada jadual tersebut supaya kekal harmoni.

#### **8. Maklumkan kepada guru dan/atau pihak sekolah mengenai kekangan yang dihadapi**

Umum mengetahui berbagai cabaran dihadapi ibu bapa dalam mendepani pandemik ini, baik dari segi kewangan, sosial, psikologi dan lain-lain. Setiap individu dan keluarga ada kisah tersendiri, baik yang positif mahupun negatif. Jadi, terpulang kepada kita bagaimana mahu menanganinya. Jika ada kekangan yang tidak dapat diselesaikan berkaitan PdPR ini, adalah lebih baik ibu bapa memaklumkan kepada guru atau pihak sekolah. Guru, pihak sekolah dan PIBG amat prihatin dalam memastikan kebajikan murid dan sedaya mungkin memberikan setiap murid akses sama rata kepada PdPR.

#### **9. Beri kerjasama sepenuhnya kepada pihak sekolah dan guru bagi setiap mata pelajaran**

Setiap kaedah pembelajaran ada kekuatan dan kelemahannya, termasuklah PdP bersemuka dan PdPR. Jadi, ibu bapa perlu sentiasa bertolak ansur dengan para guru dan pihak sekolah bagi memastikan sesi PdPR berjalan lancar. Perlu ada sikap “beri dan terima” (give and take), mempunyai sifat empati, memberi masa kepada guru jika guru lewat memberi tugas/bahan atau terlambat membalas mesej, bertolak ansur dalam semua perkara dan situasi, dan menyokong kaedah PdPR yang digunakan guru. Jangan hanya tahu menuding jari kepada guru dan pihak sekolah, tanpa kita sebagai ibu bapa memberikan kerjasama dan sokongan yang tidak berbelah bagi.

#### **10. Struktur semula kewangan keluarga, dengan memperuntukkan simpanan dan perbelanjaan untuk peranti dan bil Internet.**

PdPR memerlukan penyediaan peralatan dan perisian yang secukupnya bagi membolehkan anak-anak menyertai semua aktiviti dengan berkesan. Peranti seperti komputer riba, tablet, dan telefon pintar bukanlah murah, terutama bagi keluarga yang terkesan akibat penularan COVID 19 ini. Selain peranti, urusan penyenggaraan dan pembayaran data Internet juga menjadi satu isu yang perlu ditangani secara berhemah. Justeru, ibu bapa perlu mengambil inisiatif dengan menstrukturkan semula kewangan keluarga dengan cara memperuntukkan simpanan untuk tujuan PdPR ini. Jika tidak dimulakan inisiatif ini, lama-kelamaan masalah teknikal akan menjadi semakin meruncing.

#### **11. Menyediakan ruang pembelajaran yang kondusif dan sesuai**

Ada ketikanya guru mengadakan kelas dalam talian menggunakan aplikasi tertentu seperti Google Meet atau Zoom, penyediaan ruangan yang sesuai amat perlu bagi membolehkan anak-anak dapat mendengar dan fokus kepada sesi berkenaan dan tidak diganggu oleh bunyi persekitaran. Selain itu,

anak-anak juga memerlukan meja dan kerusi yang sesuai dengan fizikal dan menyokong postur badan. Ibu bapa juga perlu pastikan sistem pencahayaan dan pengudaraan yang bersesuaian serta alat tulis dan kelengkapan belajar mencukupi.

## 12. Adab, tatacara dan etika berkomunikasi di media sosial

Berinteraksi dalam media sosial sama seperti interaksi bersemuka, memerlukan kita tahu mengenai adab, tatacara dan etika yang betul. Kita amat memerlukan media sosial bagi mengetahui keperluan PdPR anak-anak. Misalnya, guru kelas akan menubuhkan kumpulan WhatsApp dan Telegram, mengadakan kelas dalam talian melalui Google Meet, dan menyediakan tugas mengikut kursus melalui Google Classroom. Jadi, ibu bapa seharusnya lebih peka dan cakna mengenai adab ketika berinteraksi dengan guru dan ibu bapa lain dalam media sosial dan media pembelajaran ini. Misalnya, jika ada soalan yang difikirkan peribadi, lebih baik bertanya terus kepada guru berkenaan, bukannya di dalam medium berkumpulan seperti kumpulan WhatsApp kelas. Juga, perlu elakkan bertanya soalan yang sama berulang kali.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, cabaran PdPR ini tidak hanya ditangani secara bersendirian tetapi ianya memerlukan kerjasama semua pihak. Guru, ibu bapa dan pelajar perlu memikul tanggungjawab ini dalam memastikan PdPR dapat dilaksanakan dengan jayanya dan secara tidak langsung mencapai hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013- 2025). Pelaksanaan PdPR tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa kerjasama holistik daripada semua pihak yang terlibat, sama ada pihak atasan seperti KPM, JPN, dan PPD, sehinggalah kepada pihak sekolah, guru, ibu bapa atau penjaga, dan komuniti secara keseluruhannya. Hatta pengawal keselamatan di sekolah juga memainkan peranan penting dalam memastikan urusan keselamatan di sekolah terkawal dan semua patuh SOP ketika berada di sekolah. Memang kita semua berada dalam situasi yang meletihkan, merimaskan dan menguji kesabaran, namun 'jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya'. Semua pihak perlu bersatu hati ketika ini bagi memastikan kemenjadian generasi muda dan kelangsungan sistem pendidikan negara kita.

## RUJUKAN

Ahmad Johari Bin Sihes & Ng Gek Lui. *Faktor-Faktor Stres Di Kalangan Guru Yang Mengajar Mata Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Mersing, Johor*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia

Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/149337/LAPORAN-KHAS/Ibu-bapa-tertekan-urus-PdPR-anak>

Intan Safinas Mohd Ariff Albakri, Fazilah Idris, Maznah Ibrahim, Alawiah Ibrahim. *Kaedah Pengajaran Berkesan : Antara Keperluan Pelajar dan Realiti Pengajaran Jarak jauh*.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Manual Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah. Mohd Amin Jalil. Capaian internet lemah sukarkan guru laksana PdPR.

[https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/778560/capaian-internet-lemah\\_sukarkan-guru-laksana-pdpr](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/778560/capaian-internet-lemah_sukarkan-guru-laksana-pdpr)

Norehan Binti Mohd Nasir, Mahaliza Binti Mansor, Cabaran Guru dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): Suatu Pemerhatian Awal, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 6, Issue 7, (page 416 - 421), 2021 (UPSI)

Paezah Abd. Halim, Faridah Yunus. *Kepentingan Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aktiviti Pembelajaran Kanak-Kanak Di Prasekolah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail & Wan Mohd Khairul Roslawaty Raieh (2020). Realiti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) semasa PKPB: Ini yang perlu kita tahu. Daripada

<https://www.gpsbestari.com/artikel/rencana/realiti-pengajaran-dan-pembelajaran-di-rumah-pdpr-semasa-pkpb-ini-yang-perlu-kita-tahu-1.936425>

Sandy Lo. *Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru dalam profesion dan Langkah-langkah untuk mengatasinya*.

Siti Shamila Che Zahari. Masalah capaian internet masih hantui pelajar. Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/146951/SUARA-SINAR/Analisis-Sinar/Masalah-capaian-internet-masih-hantui-pelajar>

Titik Rahayu, Syafrimen Syafril, Kamisah Bt. Osman ,Lilia Bt. Halim, Sharifah Zarina Binti Syed Zakaria, Cik Tuan Mastura Binti Tuan Soh, Nova Erlina Yaumas. *Kualiti Guru, Isu Dan Cabaran Dalam Pembelajaran Stem*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung, Indonesia